



# PROSIDING

## PERSIDANGAN WANITA SELANGOR HIBRID 2021

24 - 28 April 2021 | Sabtu - Rabu  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Shah Alam, Selangor





WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.  
202101000509 (1400807-V)

Penubuhan Wanita Berdaya Selangor (“WBS”) telah diilhamkan pada tahun 2020 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor untuk mendayaupaya wanita menerusi tiga (3) teras utama iaitu Badan Pemikir, Pembinaan Kapasiti dan Program Pemberdayaan Wanita. Komitmen kerajaan negeri selama 13 tahun bagi mendayaupaya wanita dizahirkan menerusi inisiatif penubuhan Pusat Wanita Berdaya (dulu dikenali sebagai Pusat Komuniti Wanita), Insititut Wanita Berdaya dan Akademi Kepimpinan Wanita. Hasrat WBS adalah menjadi peneraju kepada usaha pendayaupayaan wanita dan masyarakat yang diiktiraf serta terkemuka dalam sektor; Kepimpinan, Pendidikan, Kekeluargaan, Ekonomi, Kesihatan dan Sosial. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman rasmi [www.wbselangor.com.my](http://www.wbselangor.com.my)

## **VISI**

Peneraju pemberdayaan wanita dan masyarakat terkemuka.

## **MISI**

Mengungguli usaha pemberdayaan wanita dan masyarakat dalam sektor kepimpinan, pendidikan, ekonomi, kesihatan dan sosial.

**Prosiding**  
**Persidangan Wanita Selangor Hibrid 2021**  
**24 – 28 April 2021 | Sabtu - Rabu**  
**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,**  
**Shah Alam, Selangor**

Diterbitkan oleh  
Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd  
Hakmilik © Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd  
Hak Cipta Terpelihara

e ISBN 978-967-25918-0-1





# Minda *manusia itu*

*adalah anugerah tuhan yang cukup berharga;  
berkapasiti intelek cukup untuk  
mengilham,mencipta, mereka, memikir,  
mengolah dan mengubah.*

Di atas aspirasi inilah kami wujudkan buat julung kalinya Persidangan Wanita Selangor Hibrid 2021, sebuah platform untuk para ilmuwan di negeri Selangor yang bertuah ini berkongsi ilmu dan buah fikiran, memulakan dialog dan perbualan, mencari titik tumpuan dan persefahaman; membicarakan perihal topik intelek daripada pelbagai aspek untuk memajukan, memberdayakan dan mendayaupayakan semua umumnya dan wanita khususnya. Sekalung penghargaan saya tujukan buat pasukan Wanita Berdaya Selangor yang sentiasa komited dalam mengilhamkan dan merealisasikan misi dan visi pendayaupayaan Wanita.

*Dr Mariah*

**Yang Berhormat Dr Siti Mariah binti Mahmud**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, dan Pembangunan Wanita & Keluarga Selangor merangkap Pengerusi Wanita Berdaya Selangor



# ILMU

itu ada di mana-mana.

Semuanya terpulang kepada kita untuk mempelajari dan menerokai; sama ada daripada helaihan sebuah buku, atau dalam pertemuan dan titik temu. Persidangan Wanita Selangor Hibrid 2021 adalah sebuah majlis ilmu, sebuah titik temu minda intelek yang membicara dan berkongsi rasa perihal isu yang mendepani semua umumnya dan wanita khususnya di mata negeri dan juga negara. Setiap topik pilihan diolah dan dipilih melalui konsultasi dengan setiap ahli ilmu dan pakar bidang khusus berkredibiliti dalam bidang masing-masing. Tahun ini mempamerkan barisan ilmuwan yang cukup hebat; mengetengahkan topik akademik seperti Impak Seni Kepada Masyarakat, Perkahwinan Transnasional, Pemberdayaan Wanita Inklusif dan Kesejahteraan Emosi Peranan Wanita Bekerjaya antaranya.

**Siti Kamariah Ahmad Subki**

Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor

## ISI KANDUNGAN

### KOMUNIKASI KESIHATAN BERKAITAN VAKSIN COVID-19 DALAM KALANGAN WANITA MUDA MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

*Salmiwati Othman & Ismail Sualman*

9

### CABARAN DALAM KELUARGA BAGI WANITA KURANG UPAYA FIZIKAL DI MALAYSIA

*Aizan Sofia Amin & Siti Marziah Zakaria*

19

### ADAKAH PERSEKITARAN KERJA MEMPENGARUHI WANITA MENERAJUI BIDANG STEM?

*Maisarah Mazlan, Nurhamizah Rashid, Norain Mod Asri  
Dr Norshamliza Chamhuri, Dr Azrina Abdullah Al-Hadi  
Dr Hazrul Izuan Shahiri*

28

### KEMUDAHAN MESRA WANITA DI MASJID: SATU TINJAUAN DI MASJID-MASJID TERPILIH DI UTARA KUALA TERENGGANU

*Salilah Saidun & Auni Aslah Mat Daud*

37

### MENEROKA PENYERTAAN POLITIK MELALUI MEDIA BAHARU: KAJIAN KES WANITA DI SELANGOR

*Marshelayanti Mohamad Razali, Kalsum Umar,  
Nafisah Ilham Hussin*

47

### MENGUPAYAKAN KEPIMPINAN WANITA DI DALAM ORGANISASI: KAJIAN AWAL PERSEPSI AHLI IKRAM PERAK TERHADAP PERBEZAAN GAYA KEPIMPINAN LELAKI DAN WANITA

*Zurina binti Mansor & Kerisisiah binti Mohd Daud*

61

## KOD KEPIMPINAN PEREMPUAN: SEBUAH KERANGKA KONSEPTUAL KEPIMPINAN BERPENGARUH

*Suhaili Ikhsan*

70

## PEMBERDAYAAN EKONOMI WANITA: KAJIAN KES DUN PERMATANG

*YB Puan Rozana binti Zainal Abidin,  
Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh,  
Ng Ming Yip, Siti Masitah Mujahidah binti Mohd Muayat,  
Dr. Wan Puspa Melati Bt Wan Abdul Halim*

78

## PEMBERDAYAAN WANITA INKLUSIF: KAJIAN KES PUSAT WANITA BERDAYA (PWB) DUN KOTA ANGGERIK

*Nur Yusmi Bt Md Yusop,  
Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh  
Ng Ming Yip, Dr. Mohd Norazwan bin Abu Bakar*

85

## HASIL KARYA KREATIF: SAINS, SENI LUKISAN DAN UNSUR KEMANUSIAAN MAMPU BERPADU MEMBANGUNKAN MINDA MASYARAKAT

*Umi Kalthum Ngah*

92

## PERKAHWINAN TRANSNASIONAL: PERATURAN ATAU HUKUMAN?

*Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @Kusenin, Mohd Fikri Yazan*

101

## KEGANASAN RUMAH TANGGA SEMASA COVID-19: USAHA KEMPEN KESEDARAN DAN TALIAN PERKHIDMATAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

*Dzilal Abdul Aziz, Azlina Roszy Mohammad Gaffar,  
Roohaida Othman*

108

**PERSEPSI TERHADAP SOKONGAN SOSIAL DAN KONFLIK  
PERANAN DALAM KALANGAN WANITA BEKERJAYA DI LEMBAH  
KLANG**

*Siti Marziah Zakaria, Aizan Sofia Amin, Kamalia Kamisan,  
Suzana Mohd Hoesni & Norulhuda Sarnon*

115

**MENDEPANI CABARAN ISU KESIHATAN SEKSUAL  
DAN REPRODUKTIF REMAJA WANITA DI ERA MEDIA DIGITAL**

127

*Dr Mai Shahira binti Meor Hazizi*

**IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP  
KESIHATAN MENTAL WANITA: SATU TINJAUAN AWAL DI  
KALANGAN WANITA DI SELANGOR**

*Farah Fazlinda Binti Mohamad*

134

**WANITA DAN KESEJAHTERAAN MENTAL SEMASA PANDEMIK  
COVID-19 DI MALAYSIA**

*Syamsulang Bin Hj. Sarifuddin, Mohd Khairi Ismail,  
Nor Shuhada Ahmad Shaupi*

140

**DEPRESI POSPARTUM: MENINGKATKAN PENGESANAN DAN  
AKSES PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL WANITA DI SELANGOR**

*Arman I Rashid, Lim Su Lin, Leoniek Kroneman, Lee Ee Jing,  
Kirjane Ngu, Farah Azlin, Maria Roca Oteiro,  
Samantha Tan Chau-Mun*

150

## KOMUNIKASI KESIHATAN BERKAITAN VAKSIN COVID-19 DALAM KALANGAN WANITA MUDA MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

*Salmiwati Othman*  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
salmi618@uitm.edu.my

*Ismail Sualman*  
Universiti Teknologi MARA (UITM)  
ismail952@gmail.uitm.edu.my

### ABSTRAK

Walaupun Malaysia telah melancarkan kempen imunisasi kepada rakyat Malaysia namun masih ada sesetengah pihak cuba mempertikaikan keabsahan dan kehalalan vaksin. Selain terdapat juga rakyat Malaysia yang tidak mempercayai keberkesanan vaksin tersebut dan takut untuk mengambilnya secara sukarela. Kajian tinjauan awal ini dijalankan melibatkan 8 peserta wanita muda (Melayu, India, Cina) dalam golongan 18-35 tahun yang bekerja dalam awam dan swasta. Pengaruh kepelbagai budaya, agama dan implementasi kempen komunikasi kesihatan oleh pihak kerajaan dan negeri berkaitan keberkesanan vaksin Covid-19 telah memberikan pandangan yang pelbagai dan menarik terutama dalam sumber maklumat yang digunakan oleh para peserta bagi menerapkan tahap kefahaman dan persepsi terhadap keberkesanan vaksin Covid-19. Kajian ini bertujuan untuk (i) untuk meneroka pemahaman wanita muda Malaysia terhadap kempen komunikasi kesihatan berkaitan vaksin Covid-19. (ii) untuk meninjau sumber maklumat yang digunakan oleh peserta kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan vaksin dan Covid-19 (iii) untuk meneroka sikap peserta kajian terhadap penerimaan mereka terhadap vaksin Covid-19. Kajian tinjauan awal ini menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif melalui wawancara mendalam (in-depth interview) dan menggunakan Atlas Ti10 untuk analisa. Kajian mendapati terdapat peserta kajian yang tidak akan menerima vaksin berkenaan kerana tidak yakin dari sumbernya. Kempen imuninasi kebangsaan dikatakan kurang berkesan terutama kepada golongan yang berada di luar bandar dan pendalam. Majoriti peserta kajian mendapatkan sumber maklumat berkaitan vaksin dan covid-19 adalah melalui medium sosial media berbanding media massa utama seperti televisyen, radio ataupun suratkhabar. Media daripada luar negara dikatakan lebih memberikan maklumat yang sahih berbanding media tempatan. Walaubagaimanapun, maklumat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sahih dan sentiasa dirujuk. Wanita Malaysia amat mementingkan keluarga dan penerimaan vaksin covid-19 merupakan satu dilema kepada mereka.

**Kata Kunci:** Komunikasi Kesihatan, Vaksin Covid-19, Tinjauan awal wanita Muda Malaysia

## PENGENALAN

Peranan komunikasi kesihatan dalam menentukan status kesihatan individu banyak ditentukan oleh tingkah laku aktiviti fizikal, pemakanan dan juga gaya hidup individu berkenaan. Memandangkan kebanyakan penyakit berpunca daripada amalan gaya hidup manusia, maka komunikasi kesihatan mempunyai peranan besar untuk menyampaikan pelbagai maklumat agar individu dapat mengamalkan gaya hidup sihat dan seterusnya mempunyai tahap kesihatan yang baik (Rimal & Lapinski, 2009).

Walaupun kempen komunikasi kesihatan telah banyak menyampaikan maklumat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan, namun perubahan tingkah laku kesihatan yang diharapkan adalah terlalu kecil (H. et al., 2009; Snyder et al., 2004). Tidak semua maklumat yang disampaikan oleh kempen komunikasi kesihatan diterima oleh khalayak dan digunakan untuk mengubah amalan kesihatan (Pasick & Wallack, 1990). Walaupun Malaysia telah melancarkan kempen imunisasi kepada rakyat Malaysia namun masih ada sesetengah pihak cuba mempertikaikan keabsahan dan kehalalan vaksin. Selain itu, terdapat juga rakyat Malaysia yang tidak mempercayai keberkesanannya vaksin tersebut dan takut untuk mengambilnya secara sukarela. Maklumat yang disalurkan kepada mereka dipertikaikan kesahihannya dan dikatakan dimanipulasi sumber tersebut oleh media tempatan (Hasimi Muhamad, 2021).

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi amaran kepada mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan suntikan vaksin COVID-19 supaya tidak menjalankan kempen menolak suntikan tersebut. Wanita Malaysia juga mempunyai sikap yang lebih berhati-hati untuk menerima vaksin tersebut memandangkan mereka mempunyai anak dan suami untuk dijaga. Manakala, laporan *Reuters* telah memaklumkan bahawa wanita hamil terdedah dengan risiko tinggi untuk mengalami jangkitan COVID-19 yang teruk dan banyak pegawai kesihatan umum mencadangkan wanita mengandung yang terlibat dalam sektor pekerjaan berisiko tinggi mengambil suntikan vaksin walaupun tidak diketahui tahap keselamatannya.

Justeru itu, Institut Kesihatan Kebangsaan Amerika Syarikat (AS) menggesa supaya kajian teliti dilakukan mengenai kesan vaksin COVID-19 terhadap wanita hamil dan mereka yang menyusukan bayi (Adlinahani Khalil, 2021). Kajian oleh Gray et al., (2021) mengusulkan ketika mempertimbangkan vaksinasi pada kehamilan, bukti mengenai manfaat ibu dan janin, sebagai berpotensi bahaya kepada ibu dan janin dan kesan hasil kehamilan harus ditimbangkan dengan berhati-hati. Ia adalah kerana risiko COVID-19 adalah teruk kepada wanita hamil dan kehamilan. Oleh itu kajian ini mengenalpasti sejauh mana tahap pemahaman dan penerimaan vaksin COVID-19 dalam kalangan wanita muda berkerjaya. Melalui kajian ini mampu mengenalpasti faktor-faktor penerimaan dalam kalangan wanita yang mempunyai alasan yang unik dan tersendiri.

## OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneroka pemahaman wanita muda Malaysia terhadap kempen komunikasi kesihatan berkaitan vaksin COVID-19
- ii. Meninjau sumber maklumat yang digunakan oleh wanita bagi mendapatkan maklumat berkaitan vaksin COVID-19
- iii. Mengenal pasti penerimaan wanita terhadap vaksin COVID-19.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini membabitkan pemilihan sampel secara persampelan bertujuan serta dibantu oleh criterion-based selection, serta melaksanakannya secara persampelan teoritikal. Dalam kajian ini, sampel dipilih dengan sengaja kerana ia mempunyai ciri-ciri yang berupaya membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang banyak, terperinci serta kefahaman yang mendalam tentang permasalahan dan persoalan yang dikaji. Kajian ini memastikan semua sampel mampu memberi jawapan kepada perkara-perkara yang menjadi objektif kajian. Sampel juga harus mengambil kira faktor kepelbagaiannya yang wujud bagi setiap sampel dengan harapan agar ianya memberi kesan yang berbagai-bagai pada data yang bakal diperolehi (Ritchie, Lewis, dan Elam, 2003).

Proses ini akan berjalan secara berterusan sehingga pengkaji berpuas hati bahawa sampel-sampel yang dipilih sudah menghasilkan data yang dapat membantunya menjana satu perkembangan teori atau membentuk hipotesis baru. Apabila data dikutip secara berterusan dan konstruk-konstruk berbentuk teoritikal semakin muncul maka penyelidik cuba pula untuk mengecualikan kes-kes terpencil yang melencong (negative-case selection dan discrepant-case selection) dalam hasil kajian yang diperolehi. Peserta bagi kajian ini juga dipilih menggunakan persampelan bertujuan tetapi di bawah jenis variasi maksimum serta melalui proses persampelan kritikal seperti yang dijelaskan sebelum ini. Persampelan variasi maksimum (maximum variation sampling) bermaksud walaupun sampel yang dipilih adalah kecil, namun ianya dipilih daripada pelbagai karektor supaya hasil kajianya menjadi pelbagai (Meriam, 1998). Informan yang terdiri daripada audien remaja dipilih berdasarkan beberapa kriteria (criterion-based selection) seperti berikut:

- i) Wanita hendaklah berumur antara 18 sehingga 35 tahun
- ii) Terdiri daripada keturunan Melayu, Cina atau India.
- iii) Tahap pendidikan yang tinggi dan memahami terminologi saintifik
- iv) Sanggup dan dengan rela hati mengambil bahagian di dalam kajian ini

Teknik mengumpul data bagi kajian ini ialah secara wawancara atau temubual mendalam. Sebanyak lapan peserta terbabit dalam kajian dan proses persampelan teoritikal digunakan bagi menentukan jumlah peserta terbabit.

**Jadual 1: Peserta Kajian**

Peserta Kajian	Negeri	Tahap Pendidikan	Bidang	Bangsa
P1	Selangor	Ijazah Sarjana Muda	Teknologi Maklumat	Cina
P2	Sarawak	Ijazah Sarjana	Pendidikan	India
P3	Selangor	Ijazah Sarjana Muda	Perniagaan	Melayu
P4	Perak	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan	Melayu
P5	Johor	Diploma	Pemasaran	Melayu
P6	Selangor	Ijazah Sarjana Muda	Perakaunan	Cina
P7	Negeri Sembilan	Diploma	Pentadbiran Awam	Melayu
P8	Putrajaya	Ijazah Sarjana Muda	Kejuruteraan Awam	India

Data dianalisis secara serentak dengan proses kutipan data. Selepas sahaja selesai proses kutipan data bagi kumpulan pertama, data ditranskripsi dengan bantuan bahan rakaman audio dan visual. Pada setiap kali selesai proses kutipan, dan transkripsi, data telah dianalisis dengan menggunakan teknik perbandingan berterusan (constant comparative method). Tema dan kategori dibentuk berdasarkan persoalan kajian. Bagi memperoleh tahap kesahan dalaman, pengkaji telah menggunakan strategi *peer examination*. Bagi memperolehi kesahan luaran pula, pengkaji telah memilih cara membuat laporan yang terperinci dan kaya dengan maklumat atau *rich and thick description*. Laporan terperinci telah diberikan dalam bahagian reka bentuk kajian sehingga ke kepada proses analisis data. Strategi kebolehpercayaan bagi kajian ini dicapai menerusi kaedah *audit trail*.

Kajian menggunakan kaedah kualitatif ini melalui wawancara ini dijalankan di Malaysia melibatkan 8 peserta wanita muda (Melayu, India, Cina) dalam golongan 18-35 tahun yang bekerja dalam sektor teknologi, pendidikan dan perniagaan di Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Putrajaya, Johor dan Sarawak. Pengaruh kepelbagaiannya budaya, agama dan implementasi kempen komunikasi kesihatan oleh pihak kerajaan dan negeri berkaitan keberkesanan vaksin COVID-19 serta pencegahan COVID-19 telah memberikan pandangan yang pelbagai dan menarik terutama dalam sumber maklumat yang digunakan oleh para peserta bagi menerapkan tahap kefahaman terhadap keberkesanan vaksin. Data yang dikeluarkan dalam bentuk transkrip kemudiannya akan dibentuk verbatim data. Verbatim data ini akan dimasukkan dalam perisian komputer Atlas ti 10 untuk mengesan tema utama dan sub-tema yang terlibat dan analisis yang digunakan adalah analisis tematik (Othman Talib, 2019). Kajian tinjauan awal ini dilaksanakan dari 22 Februari 2021 sehingga 15 Mac 2021 secara bersemuka dan secara dalam talian menggunakan aplikasi *google meeting*.

## HASIL KAJIAN

### ***Pemahaman wanita terhadap Covid-19***

Secara keseluruhannya peserta mengetahui persoalan Covid-19 mereka juga memahami keperluan vaksin sebagai langkah pencegahan dan kawalan penyakit ini (P1,P3, P5,P6, P7, P8). Antara perkara yang berkaitan dengan Covid-19 adalah apakah punca penyakit berkenaan, apakah kesan penyakit ini kepada masyarakat dan gejala yang akan dihadapinya. Tema-tema bagi kategori ini adalah seperti dalam jadual 2.

Antara lain kajian ini juga mendapat peserta patuh dengan langkah kerajaan memperkenalkan normal baharu iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta SOP iaitu prosedur yang perlu dipatuhi bagi langkah pencegahan. Mereka juga mengakui bahawa pertama kali memahami kawal pergerakan dan jarak fizikal dan sosial, keperluan menggunakan pelitup muka di tempat sesak dan penggunaan satutasi tangan dari masake semasa (P1, P2, P4, P6). Mereka juga memahami bahawa rakyat perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa sehingga 31 Mac 2020 untuk mengekang wabak tersebut. Langkah kawalan ini melibatkan prosedur dan kawalan ketat yang diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang menuntut semua pihak memberikan komitmen yang tinggi.

Dalam masa sama, peserta kajian ini juga mematuhi setiap arahan agar sentiasa berada di rumah (P1, P2, P3, P4, P5 P6, P7). Suatu yang tidak pernah dialami sebelumnya iaitu apabila pejabat, sekolah dan semua aktiviti perniagaan serta industri tidak dibenarkan beroperasi semasa PKP. Orang ramai yang gagal mematuhi arahan PKP boleh dikenakan hukuman penjara.

Mereka juga mengatakan bahawa kuarantin tidak bermakna mereka tidak melakukan sesuatu untuk meningkatkan produktiviti. Bekerja dari rumah sudah menjadi new normal dan inilah masa keemasan untuk menumpukan kerja dalam masa yang sama mengeratkan jalinan dan kasih sayang bersama di rumah (P2, 4, P8).

**Jadual 2: Tema-tema Kategori Pemahaman COVID-19**

Tema
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peningkatan kes dari semasa ke semasa menakutkan</li> <li>2. Banyak maklumat yang mengelirukan khususnya dalam media sosial</li> <li>3. Banyak berita palsu Ketika Covid-19</li> <li>4. Covid menyebabkan banyak hilang perkerjaan</li> <li>5. Covid menyebabkan perniagaan dan kilang ditutup</li> <li>6. Covid menyebabkan ekonomi terjejas</li> <li>7. Peningkatan jualan atas talian ketika covid</li> <li>8. Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan.</li> <li>9. Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19).</li> <li>10. Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.</li> <li>11. Cara penularan Coronavirus (COVID-19) masih belum dikenalpasti. Walau bagaimanapun jangkitan daripada manusia kepada manusia yang lain telah disahkan berlaku.</li> <li>12. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan mengamalkan kebersihan diri yang baik.</li> </ol>

13. Pemakaian penutup mulut dan hidung surgical atau 3-ply face mask adalah disyorkan kerana ia membantu mengurangkan penyebaran virus dan lebih praktikal untuk digunakan oleh orang awam.
14. Ia bagi menghalang pendedahan orang lain kepada titisan dan percikan air liur orang yang memakai penutup mulut dan hidung ini.
15. Gejala radang paru-paru COVID-19 adalah demam, batuk dan sukar bernafas.
16. Di peringkat awal tiada rawatan khusus atau ubat antivirus untuk jangkitan COVID-19.
17. Rawatan diberikan hanya untuk mengurangkan gejala yang dialami pesakit.
18. COVID-19 berpotensi menyebabkan penyakit yang teruk dan kematian, terutamanya dalam kalangan orang tua dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah.
19. Rakyat perlu patuh arahan pemerintah untuk kawalan Covid-19
20. Perlu patuhi SOP
21. Duduk di rumah
22. Kawalan oleh pihak berkuasa
23. Tiada rentas daerah dan negeri
24. Normal baharu Relook Reset
25. Tahu apa yang sepatutnya yang dibuat dalam kehidupan sehari-hari semasa PKP
26. Kuarantin, kerja dari rumah
27. Operasi pentadbiran dan industri terhenti seketika
28. Rumah ibadah juga tidak boleh dikunjungi Ketika PKP
29. Masih ada yang degil dan engkar dengan arahan
30. Jauhi tempat jangkitan Covid kerana membahaya
31. Proses mutasi Covid perlu diambil tahu
32. Kesan Covid menyebabkan takut berdepan dengan orang ramai.

Bagi mereka inilah juga masa untuk mereka *reset*, *relook* dan *review* segala kerjayang tertangguh dek kekangan masa (P1, P3, P6). Mereka juga mengatakan mereka boleh meningkatkan aktiviti kekeluargaan, membaiki kerosakan kecil, atau meneliti dokumen percukaian dan bayaran bil secara atas talian (P7,P8). Banyak kerja tertangguh boleh dilakukan ketika ini. Bagi mereka yang diarahkan bekerja dari rumah, keutamaan adalah untuk melakukan tugas seolah-olah kita bekerja di pejabat. Kita perlu patuhi amalan terbaik sebagai penjawat awam atau apa juga kerjaya. Kita perlu mengutamakan produktiviti dalam apa juga keadaan (P2,P4,P5).

Bagi sesetengah peserta mengatakan sebenarnya, pengumuman yang dibuat Perdana Menteri adalah *lockdown* atau separa berkurng bukanlah perintah berkurng sepenuhnya atau *complete lockdown* (P2,P5, P7, P8). Mereka juga sedar bahawatindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam PKP itu menimbulkan kesulitan dan kesukaran untuk menjalani kehidupan sehari-hari (P4,P5) Tindakan ini mesti diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan wabak COVID-19

Peserta kajian ini mengatakan keadaan pandemik COVID-19 telah meningkatkan beban kerja bagi wanita di rumah 9P1,P2,P3,P5,P6). Beban kerja untuk wanita meningkat tiga kali ganda, termasuk mencari nafkah untuk seisi keluarga. Ternyata COVID-19 telah menjaskansesbilangan besar pendapatan keluarga dan wanita telah berperanan untuk membantumencari rezeki bagi kelangsungan kehidupan.

### ***Pemahaman Mengenai Vaksin***

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan peserta mengatakan tahap pelbagai mengenai vaksin. Namun perlu mendapatkan perincinya dari semasa kesemasa. Tema-tema yang timbul dalam wawancara adalah seperti dalam jadual 3. Antara lain tema kajian ini mengatakan kegunaan maklumat yang sahih berkaitan vaksin adalah merupakan satu keperluan (P1, P2, P5, P4). Berdasarkan kepada dapatan kajian ini didapati bahawa kegunaan maklumat vaksin boleh dirumuskan untuk keperluan diri sendiri dan keluarga wanita berkenaan (P2,P3). Para peserta kajian memahami bahawa jika tidak mengambil vaksin boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan dan boleh membawa maut (P1,P2,P3,P4,P5,P6,P7,P8).

### **Tingkahlaku Terhadap Vaksin**

Majoriti peserta kajian adalah bersetuju seandainya semua rakyat untuk menerima vaksin kerana mereka faham bahawa vaksin tersebut adalah penting untuk meningkatkan imunisasi diri dan komuniti (P4, P5, P6, P8). Para peserta kajian juga ada yang tidak sabar untuk menerima vaksin tersebut dan bersifat positif untuk menerimanya (P1, P2). Namun ada segelintir netizen telah memutarbelitkan berita dan menyalurkan maklumat tidak sah serta wujud kumpulan anti-vaksin menyebabkan ada peserta kajian bersikap “*tunggu dan lihat*” dan tidak bersetuju untuk tidak mengambil suntikan tersebut (P3). Apabila perkara ini berlaku, ia menyebabkan tingkahlaku yang pelbagai dalam kalangan peserta kajian apabila berada di antara garisan positif, tidak pasti dan negatif. Sebahagian nya juga kerana takut dengan risikonya (P1). Manakala seorang tidak perlu mengambil vaksin kerana sedang menyusukan anak (P3). Namun peserta kajian mencadangkan agar vaksin ini diwajibkan kepada semua rakyat Malaysia kecuali mereka yang mempunyai risiko tinggi.

### **Jadual 3: Tema-tema Kategori Pemahaman Vaksin**

<b>Tema</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19.</li> <li>2. Semakin ramai penduduk menerima vaksin akan membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk.</li> <li>3. Secara tidak langsung ia boleh melindungi golongan yang berisiko yang tidak layak menerima vaksinasi.</li> <li>4. Semua penduduk Malaysia berusia 18 tahun yang layak boleh menerima vaksin COVID-19</li> <li>5. Keutamaan diberikan kepada petugas barisan hadapan, mereka yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 seperti warga emas, pesakit dengan masalah perubatan seperti pesakit jantung, kencing manis, darah tinggi, asthma, kanser dan sebagainya.</li> <li>6. Vaksin tidak perlu bagi mereka yang mempunyai sejarah kemasukan ke hospital akibat dari alahan yang teruk;</li> <li>7. Siapa yang mengalami reaksi alahan yang teruk setelah menerima dos pertama vaksin jenama ini; dan mempunyai reaksi alahan yang teruk terhadap mana-mana vaksin yang pernah diterima sebelum ini juga tidak perlu ambil vaksin</li> <li>8. Mereka yang sedang hamil; atau sedang menyusukan bayi tidak digalakkan mengambil vaksin</li> <li>9. Secara keseluruhan peserta bersetuju mengambil vaksin kecuali yang bermasalah</li> <li>10. Namun ada juga menganggap vaksin menakutkan.</li> <li>11. Vaksin tidak wajib pada semua rakyat Malaysia</li> <li>12. Mereka yang ingin mendapat suntikan vaksin perlu mendaftar di MySejahtera.</li> <li>13. Perlu bantu mereka yang tiada akses terutamanya di pedalaman.</li> <li>14. Masih ada keraguan sumber vaksin yang dikatakan tidak halal</li> <li>15. Vaksin boleh diberikan dahulu kepada banduan sebagai eksperimen</li> <li>16. Ambil vaksin perlu untuk bergerak bebas</li> <li>17. Vaksin menyebabkan kadar kejangkitan virus covid19 akan rendah</li> <li>18. Ambil vaksin boleh meningkatkan keyakinan diri</li> <li>19. Vaksin tidak menjamin keselamatan. Masih lagi perlu patuhi SOP.</li> </ol>

Namun vaksin bagi mereka tidak menjamin keselamatan dan masih perlu mematuhi SOP dan amalan cara hidup sihat. Tahap pemahaman vaksin adalah baik apabila majoriti peserta memahami perlu mengambil vaksin. Dua peserta pula kurang memahami vaksin dan serorang peserta dalam keadaan tidak pasti (P6, P4). Ini kerana terlalu banyak maklumat mengenai vaksin sehingga membingungkan .

#### Jadual 4: Tema Tingkahlaku Terhadap Vaksin

Tema
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peserta bersetuju untuk mengambil vaksin</li> <li>2. Ada peserta tidak bersetuju untuk mengambil vaksin</li> <li>3. Akur dengan arahan untuk menerima vaksin</li> <li>4. Sepatutnya kerajaan mewajibkan vaksin kecuali bermasalah kesihatan</li> <li>5. Vaksin minta disegerakan</li> <li>6. Beberapa peserta mencari maklumat sahih mengenai vaksin</li> <li>7. Rujukan vaksin perlu sahih dan tepat</li> <li>8. Ramai yang tidak sabar untuk memerima vaksin</li> <li>9. Sementara menerima vaksin, SOP perlu dipatuhi</li> <li>10. Agak kecewa dengan pihak yang anti vaksin</li> <li>11. Netizen juga yang memutar belitkan maklumat mengenai vaksin</li> <li>12. Keseluruhan bersikap positif dengan adanya vaksin</li> <li>13. Langkah kerajaan menanggani vaksin perlu dipuji</li> <li>14. Kurang setuju yang potong barisan menerima suntikan.</li> <li>15. Barisan hadapan patut terima dahulu vaksin</li> <li>16. Pemberian vaksin kalau tidak berjaya boleh menamatkan legasi keluarga</li> <li>17. Vaksin tiada tanda halal kerana keluaran luar negara</li> <li>18. Unsur vaksin perlu diterangkan dan diperjelaskan</li> <li>19. Hukum vaksin adalah harus</li> <li>20. Vaksin untuk perlindungan diri</li> <li>21. Ada peserta tidak setuju untuk syor vaksin kepada ahli keluarga</li> <li>22. Vaksin perlu diwajibkan kepada semua rakyat</li> <li>23. Kempen vaksin khas untuk pendalaman</li> </ol>

#### Sumber Maklumat

Kajian ini mendapati kebanyakkan peserta mendapat maklumat daripada sumber mediamassa dan media sosial. Mereka perlu mendapatkan maklumat berkenaan kerana bagi mereka Covid-19 akan membawa maut. Sumber utama yang dirujuk adalah Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengumuman dan laporan harian di televisyen dan radio (P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7, P8).

Sumber maklumat juga diperolehi daripada saluran lain seperti media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtuber dan Instagram yang turut menyumbang kepada penyalurankmaklumat berkaitan Covid-19 dan vaksin ini (P1, P2, P4, P5, P6, P8). Bagaimanapun, perkembangan teknologi pesat ini mempunyai cabaran tersendiri kerana masyarakat perlu dididik agar mempunyai kemampuan menapis maklumat dan memastikan maklumat itu adalah benar. Oleh itu, terdapat segelintir peserta kajian mendapatkan sumber maklumat dari rakan sekerja, pihak sekolah dan frontliner yang dikenali untuk mendapatkan maklumat yang tidak tertapis (P2, P4).

Peserta kajian juga menggunakan sumber maklumat daripada media antarabangsa serta WHO untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kerana dikatakan pelaporan media tempatan dan luar negara adalah berbeza (P3, P5). Apapun, majoriti peserta kajian adalah bergantung kepada pihak KKM melalui MySejahtera Application untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan terkini berkaitan Covid-19 dan vaksin (P4, P5, P7, P8).

#### Pemilihan Sumber Maklumat

Kajian ini mendapati sumber utama yang dirujuk adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Apatlah lagi KKM membuat kenyataan media setiap petang selama PKP berjalan sehingga kini (P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7, P8). Majoriti peserta kajian memilih sumber utama KKM kerana berlandaskan kepada integriti pelaporan berita berkenaan dilaporkan dan yakin terhadap maklumat yang disampaikan adalah sahih (P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7, P8). Peserta kajian memilih media luar negara dan WHO kerana untuk meningkatkan keyakinan mereka terhadap berita-berita yang disampaikan oleh media tempatan berkaitan Covid-19 dan vaksin (P2, P4, P8).

### Jadual 6: Tema Pemilihan Sumber Maklumat

Tema
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kementerian Kesihatan menjadi sumber utama</li> <li>2. Peserta sering mengikuti perkembangan dari masa ke semasa mengenai jumlah kes</li> <li>3. Maklumat Covid di peringkat awal berkurangan</li> <li>4. Lama kelamaan banyak maklumat diperoleh</li> <li>5. Media massa televisyen lebih sahih dan lengkap berbanding lain</li> <li>6. Banyak maklumat mengelirukan dan palsu khususnya di media sosial</li> <li>7. Maklumat mengelirukan menyebabkan keresahan</li> <li>8. Maklumat yang tidak benar kesahihannya tersebar luas</li> <li>9. Maklumat khusus untuk wanita kurang diperoleh</li> <li>10. Maklumat kesan vaksin kepada wanita hamil dan bermasalah kurang diperoleh</li> <li>11. Cadang agar wujudkan sesi khas vaksin untuk wanita</li> <li>12. Media tempatan kadangkala sedia maklumat asas sahaja</li> <li>13. Media luar negara lebih dipercayai</li> <li>14. Maklumat Pertubuhan antarabangsa seperti WHO lebih tepat</li> </ol>

Walau apapun pemilihan sumber maklumat yang digunakan, ia adalah untuk keyakinan diri masing-masing dalam menghadapi wabak Covid-19 dan juga penerimaan terhadap vaksin tersebut (P4, P5, P6). Peserta juga mengatakan banyak maklumat yang salah dan viral sehingga menimbulkan keresahan dan menakutkan masyarakat (P2, P4, P5, P6). Majoriti mahukan agar maklumat khas mengenai vaksin dibuat untuk wanita kerana memerlukan kempen pendidikan kesihatan yang khusus terutamanya untuk wanita hamil dan sedang menyusukan anak (P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7, P8).

Kajian ini mendapati sumber maklumat mengenai vaksin dari luar negara lebih tepat, lengkap sahih dan boleh dipercayai berbanding dengan maklumat dari dalam negara. Keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa untuk meningkatkan keyakinan rakyat khususnya wanita bergantung kepada kualiti maklumat mengenai vaksin yang disampaikan secara lebih menyeluruh.

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Keberkesanan kempen imunisasi vaksin perlu dianalisa secara berperingkat dan dibahagikan kepada beberapa fasa penilaian untuk melihatkan kelompongannya. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pemahaman peserta terhadap COVID-19 adalah berada di tahap yang baik apabila penyataan-penyataan yang diberikan menunjukkan bahawa para peserta kajian memahami kesan COVID-19 dan vaksin kepada diri mereka, keluarga dan komuniti setempat. Oleh itu, dapatan kajian berkaitan pemahaman golongan wanita ini berkaitan COVID-19 dan penerimaan vaksin perlu diambil perhatian pihak bertanggungjawab untuk mengenalpasti kumpulan sasaran dengan lebih jelas bagi menyalurkan maklumat dan kempen kesihatan yang lebih agresif kepada golongan wanita muda.

Kadar pendaftaran untuk mendapatkan suntikan vaksin yang kurang memberangsangkan ketika ini, berpunca daripada sikap 'tunggu dan lihat' dalam kalangan rakyat negara ini. Maka usaha kempen secara berterusan dan bersistematis menggunakan "pemasaran sosial" perlu menjadi keutamaan. Kajian ini juga mencadangkan agar kempen mengikut segmentasi khas untuk wanita diwujudkan keranakeunikan wanita yang berhadapan risiko jika tidak mengetahui keperluan dan kegunaan vaksin bagi mereka secara lebih khusus. Perancang komunikasi kesihatan pandemik perlu mengenal pasti segmentasi bakal penerima vaksin terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu kempen promosi kesihatan. Segmentasi khalayak sasaran dan tingkah laku manusia ialah komponen penting untuk mengambil kira apabila merangka kempen komunikasi kesihatan. Penggunaan media sosial dan media massa seperti perkhidmatan pengumuman awam melalui papan kenyataan, radio dan televisyen, maklumat pendidikan dalam bentuk cetak seperti pamflet perlu digunakan untuk menyampaikan mesej kesihatan (Ismail Sualman, 2021).

Oleh yang demikian, kajian ini juga menyusulkan cadangan komunikasi kesihatanyang berkesan dengan memberi tumpuan kepada Dasar Wanita Negara (Kementerian Pembangunan Wanita, 2009)– Pelan inisiatif terhadap perkara V : Wanita dan Kesihatan dan perkara VIII: Wanita dan Media iaitu cadangan untuk mengadakan klip promosi kempen kesihatan berkaitan vaksin Covid-19 melibatkan wanita dan kanak-kanak dalam bahasa yang mudah serta mengambil inisiatif “turun padang” secara berfokus kepada kumpulan sasaran tersebut.

## RUJUKAN

- Adlinahani Khalil. (2021). Kajian vaksin Covid-19 untuk wanita hamil. *Utusan Malaysia*.  
<https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/02/kajian-vaksin-covid-19-untuk-wanita-hamil/>
- Gray, K. J., Bordt, E. A., Atyeo, C., Deriso, E., Akinwunmi, B., MMSc, M., Young, N., Medina Baez, A., Shook, L. L., Cvrk, D., James, K., De Guzman, R. M., Brigida, S., Diouf, K., Goldfarb, I., Bebell, L. M., MYonker, L., Fasano, A., Rabi, S. A., ... Edlow, A. G. (2021). COVID-19 vaccine response in pregnant and lactating women: a cohort study. *American Journal of Obstetrics and Gynecology*, 2021.03.07.21253094.  
<https://doi.org/10.1016/j.ajog.2021.03.023>
- H., S., A.E., H., M.-L., M., K.F., W., C.P., L., D., V., & C.R., M. (2009). Why do I need it? I am not at risk! Public perceptions towards the pandemic (H1N1) 2009 vaccine. *BMC Infectious Diseases*, 10 (September 2009).  
<http://www.embase.com/search/results?subaction=viewrecord&from=export&id=L5088071>  
<http://www.biomedcentral.com/1471-2334/10/99>  
<http://dx.doi.org/10.1186/1471-2334-10-99>
- Hasimi Muhamad. (2021). Boleh setuju untuk tidak terima vaksin, tapi jangan kempen - Menteri Kesihatan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/boleh-setuju-untuk-tidak-terima-vaksin-tapi-jangan-kempen-menteri-kesihatan-282281>
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. dan M. (2009). *Dasar Wanita Negara Dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*. <https://www.jpw.gov.my/dasar-wanita-negara-dan-pelan-tindakan-pembangunan-wanita/>
- Meriam, S.B. (1998). Qualitative research and case study application in education. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Ritchie, J., Lewis, J., and Elam, G. (2003). Designing and selecting samples.Dalam Ritchie, J., and Lewis, J. (peny.). Qualitative research practice. (ms. 77-108). Thousand Oaks: Sage Publication
- Othman Talib. (2019). *Analisis Data Kualitatif Dengan Atlas Ti*. UPM Press.
- Pasick, R. J., & Wallack, L. (1990). Mass Media in Health Promotion: A Compilation of Expert Opinion. *International Quarterly of Community Health Education*, 9(2), 89–110.  
<https://doi.org/10.2190/fv2t-qgu8-pm93-kc81>
- Prof Datuk Dr Ismail Sualman. (2021). Kempen imunisasi tingkat keyakinan perangi pandemik. *Berita Harian Online*.<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/02/787413/kempen-imunisasi-tingkat-keyakinan-perangi-pandemik>
- Rimal, R. N., & Lapinski, M. K. (2009). Why health communication is important in public health. *Bulletin of the World Health Organization*, 87(4), 247. <https://doi.org/10.2471/BLT.08.056713>
- Snyder, L. B., Hamilton, M. A., Mitchell, E. W., Kiwanuka-Tondo, J., Fleming-Milici, F., & Proctor, D. (2004). A meta-analysis of the effect of mediated health communication campaigns on behavior change in the United States. *Journal of Health Communication*, 9(September 2014), 71–96.  
<https://doi.org/10.1080/10810730490271548>

## CABARAN DALAM KELUARGA BAGI WANITA KURANG UPAYA FIZIKAL DI MALAYSIA

*Aizan Sofia Amin*

*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*aizansofia@ukm.edu.my*

*Siti Marziah Zakaria*

*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*marziah@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti cabaran yang dialami oleh wanita kurang upaya fizikal dalam keluarga. Mereka dikatakan mengalami diskriminasi berganda iaitu sebagai wanita dan juga orang kurang upaya. Wanita kurang upaya sering mengalami pelbagai halangan persekitaran dan sikap termasuk daripada ahli keluarga mereka sendiri. Sungguhpun begitu, kebanyakan kajian yang dijalankan ke atas wanita kurang upaya dilakukan di negara yang membangun dan masih kurang dilakukan ke atas wanita di negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Oleh itu, kajian kualitatif ini dijalankan untuk meneroka pengalaman wanita kurang upaya dalam interaksi mereka bersama keluarga. Penyelidikan ini dijalankan ke atas 33 orang wanita kurang upaya fizikal di Malaysia yang terdiri daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan India dalam lingkungan usia 21 hingga 57 tahun. Setiap peserta ditemubual secara mendalam sebanyak dua kali dalam tempoh enam bulan. Dapatkan kajian mendapat, sebahagian besar informan mengalami pelbagai cabaran dalam interaksi mereka bersama keluarga. Antaranya mereka mengalami cabaran aksesibiliti di rumah, pengasingan fizikal dan psikologi, penolakan keluarga ke atas kekurangupayaan diri, bebanan emosi dan identiti sebagai wanita. Lima cabaran utama yang dialami dalam keluarga ini membuatkan wanita yang ditemubual mengalami tekanan psiko-emosi yang mendalam sehingga memberi kesan jangka masa panjang dalam hidup mereka. Justeru itu, cabaran dalam keluarga dan diskriminasi berganda yang dialami oleh wanita kurang upaya perlu ditangani secara bersepada melibatkan perubahan dasar yang pragmatik dan inklusif untuk menjamin hak dan kesejahteraan mereka.

**Kata kunci:** cabaran, keluarga, wanita kurang upaya, fizikal, Malaysia

### PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Bank Dunia dalam 'World Report on Disability' menjangkakan terdapat lebih daripada satu billion atau 15 peratus penduduk dunia mempunyai kekurangupayaan (WHO, 2011). Sejumlah 80 peratus daripada jumlah ini dikatakan berada di negara-negara yang berpendapatan rendah atau sedang membangun dan kekurangupayaan lebih kerap berlaku dalam kalangan mereka yang miskin (WHO, 2011). Walaupun kadar kekurangupayaan lebih tinggi di negara-negara yang sedang membangun, kajian empirikal melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU) masih lagi kurang dan terhad (Shakespeare, 2012). Sehingga tahun 2020, Malaysia mencatatkan seramai 581,265 OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2020) Jumlah ini hanya mewakili sebahagian daripada golongan OKU di negara ini kerana dijangkakan lebih ramai OKU tidak berdaftar atas pelbagai faktor.

Selain itu, kekurangupayaan didapati lebih meluas dalam kalangan wanita berbanding lelaki (WHO, 2011). *The Global Burden Disease* dan *The World Health Survey* menganggarkan bahawa wanita

mempunyai peratusan kekurangupayaan yang lebih tinggi daripada lelaki (WHO, 2011). Ini menunjukkan bahawa negara-negara membangun seperti Malaysia menjangkakan peratusan kekurangupayaan yang lebih tinggi dalam kalangan wanita berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang melibatkan wanita kurang upaya di Malaysia sangat terhad dan pengetahuan bagaimana mereka menjalani kehidupan kurang diketahui.

Secara umumnya OKU dikatakan mempunyai tahap sosio-ekonomi yang rendah berbanding bukan OKU akibat daripada halangan akses kepada kesihatan, pengangkutan, pendidikan, pekerjaan dan maklumat (Chan & Zoellick, 2011) terutamanya di negara-negara yang sedang membangun (Shakespeare, 2012). OKU di negara yang sedang membangun seperti Malaysia contohnya menghadapi cabaran untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang baik terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Akses kepada perkhidmatan perubatan pemulihan dikatakan tertumpu di kawasan bandar dan di kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai (Kuno 2007). Mereka yang berada jauh daripada bandar-bandar besar menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rawatan perubatan awal dan mempunyai risiko tinggi untuk menjadi kurang upaya.

Kekurangupayaan sering dikaitkan dengan kemiskinan tetapi hanya sebahagian kecil sahaja kajian dilakukan untuk melihat hubungan ini secara empirikal di negara yang sedang membangun (Braithwaite & Mont, 2009). Walaupun tidak terdapat data sedia ada yang mencukupi untuk menyokong fenomena ini, penilaian yang dilakukan oleh 'The World Bank Poverty Assessments' mendapati banyak negara sedang membangun mengakui bahawa kemiskinan mempunyai hubungan yang kuat dengan kekurangupayaan (Braithwaite & Mont, 2009). Bank Dunia contohnya menganggarkan terdapat 20 peratus orang yang hidup di bawah paras kemiskinan di negara-negara sedang membangun adalah kurang upaya (Levinsohn, 2002). Elwan (1999) mencadangkan bahawa terdapat hubungan dua-hala di antara kemiskinan dan kekurangupayaan – semakin tinggi kemiskinan semakin tinggi risiko untuk mendapat kekurangupayaan dan sebaliknya (Sen, 2009).

Sungguhpun begitu, data jangkamasa panjang yang melihat hubungan di antara kekurangupayaan dan kemiskinan sangat kurang walaupun di negara-negara membangun (WHO, 2011). Oleh itu, hubungan langsung bagi fenomena kemiskinan-kekurangupayaan masih lagi kekurangan kajian empirikal terutamanya dalam konteks negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Selain daripada faktor kemiskinan, kekurangupayaan juga dikatakan berkait rapat dengan faktor geografi – luar bandar. Shakespeare (2012) mengatakan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai limitasi akses kerana perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan selalunya tertumpu di kawasan bandar disebabkan oleh isu pengangkutan yang terhad. Implikasinya masyarakat di luar bandar sering mengalami kesukaran untuk mendapat akses yang sempurna bagi penjagaan kesihatan, pengangkutan, pendidikan dan pekerjaan terutamanya bagi OKU.

Selain itu, kajian lepas mendapati ramai ahli keluarga dilaporkan mengalami kesukaran dan isu-isu yang kompleks dalam menyediakan penjagaan dan sokongan kepada anak kurang upaya (Santamaria, et.al, 2012; Cuzzocrea, Larkan & Westh, 2013). Keluarga anak kurang upaya didapati selalu berhadapan dengan isu-isu psikologi, fizikal dan kewangan serta pada masa yang sama sering merasa bimbang mengenai masa depan anak kurang upaya mereka (Kilic et.al, 2013). Selain itu, konflik adik-beradik sering dilaporkan berlaku yang menunjukkan anak bukan OKU mempunyai kesukaran untuk membentuk hubungan kekeluargaan dengan kakak/abang/adik mereka yang kurang upaya (Cuzzocrea, Larkan dan Costa, 2014). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh wanita kurang upaya fizikal dalam keluarga.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan di tiga buah negeri di Semenanjung Malaysia: Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun, kebanyakan peserta kajian berasal daripada pelbagai negeri di Semenanjung dan bukan Semenanjung Malaysia dan majoriti mereka datang dari kawasan luar bandar. Seramai 33 orang wanita dengan pelbagai bentuk kekurangupayaan mobiliti telah menyertai kajian ini. Peserta kajian berumur di antara 21-57 tahun yang merangkumi tiga kumpulan etnik utama di Malaysia: 17 Melayu, 10 Cina dan 6 India.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif sepenuhnya di mana majoriti peserta telah ditemubual sebanyak dua kali dalam tempoh 6 bulan untuk memahami kehidupan mereka berhubung dengan pengalaman sebagai wanita kurang upaya. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan analisis tema dan disusun dengan menggunakan perisian komputer iaitu QSR NVivo 9.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis kajian mendapat terdapat lima cabaran utama yang dialami oleh wanita OKU fizikal dalam keluarga iaitu cabaran aksesibiliti di rumah, pengasingan fizikal dan psikologi, penolakan keluarga ke atas kekurangupayaan diri, bebanan emosi dan identiti sebagai wanita. Bahagian seterusnya membincangkan lima cabaran utama ini.

### *Aksesibiliti di Rumah*

Majoriti wanita yang ditemui bual datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan hidup dalam kemiskinan dan di luar bandar semasa zaman kanak-kanak. Kebanyakan wanita yang ditemubual dibesarkan pada zaman di mana Malaysia masih lagi bergelut untuk membangunkan ekonominya selepas mendapat kemerdekaan pada tahun 1957. Oleh yang demikian, beberapa wanita terpaksa membesar di institusi kabajikan bagi orang kurang upaya (OKU) pada usia yang sangat muda kerana keluarga mereka tidak mampu untuk menyediakan kediaman yang boleh diakses oleh mereka.

Penduduk di kawasan luar bandar sering ketinggalan dalam arus pembangunan negara dan kurang mendapat kemudahan infrastruktur yang baik. Rancangan Malaysia ke-3 dikatakan telah menjadi tanda aras polisi negara dengan mengambil kira kawasan luar bandar sebagai salah satu agenda pembangunan negara dan ia telah membuka banyak peluang bagi penduduk di kawasan luar bandar (Abdul Hadi et.al., 2011). Walaubagaimanapun, sebahagian daripada penduduk luar bandar masih tidak dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang baik termasuk kediaman mereka sendiri sehingga memaksa kanak-kanak kurang upaya tinggal di institusi kebajikan demi memenuhi keperluan fizikal mereka.

Dua daripada wanita menceritakan bagaimana mereka terpaksa menghabiskan sebahagian besar daripada zaman kanak-kanak dan remaja tinggal di institusi OKU kerana rumah mereka tidak boleh diakses. Huifang<sup>1</sup> menerangkan:

*Awak tahu, kami tinggal di estet. Takde kemudahan langsung untuk saya. Jadi saya terpaksa tinggal di rumah kebajikan kanak-kanak [yang dikendalikan oleh JKM] berhampiran kawasan rumah saya sejak kecil lagi.*

Begini juga Rupa menjelaskan bagaimana kemiskinan memberi kesan mendalam dalam hidupnya. Dia kehilangan bapanya sebelum dilahirkan dan yang menjadikan kehidupan ibunya sukar adalah kerana keluarganya tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Dengan pendapatan yang amat sedikit, ibunya hanya mampu menyewa sebuah bilik kecil di sebuah estet:

*Saya tinggal di rumah kebajikan tu kerana satu insiden. Satu hari ibu saya tinggalkan saya di sebuah kedai makan sebab dia tidak dapat bawa saya ke tempat kerjanya [sebagai pembantu rumah mencuci pakaian, memasak dan membersih]. Selepas beberapa jam, saya menangis sebab dia tak balik-balik. Kemudian pekedai tu laporkan pada polis dan diaorang bawa saya pusing seluruh estet untuk cari mak saya tapi tak jumpa. Kemudian, mereka bawa saya ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mereka letakkan saya di rumah kebajikan. Lepas seminggu camtu mak saya datang sebab dia baru tahu saya ada kat situ. Tapi sebab mak saya pun tak mampu, dia sewa bilik kecil je so dia pun suruh saya duduk je kat rumah kebajikan tu dan datang lawat saya setiap dua sekali.*

Situasi di atas jelas menunjukkan isu aksesibiliti di rumah telah menghalang peluang wanita-wanita tersebut untuk hidup bersama ahli keluarga dan merasai pengalaman hidup berkeluarga. Kekangan

<sup>1</sup> Nama semua informan merupakan nama samaran untuk melindungi identiti mereka.

kewangan dalam keluarga dan halangan persekitaran di rumah bukan hanya memisahkan wanita-wanita ini daripada ahli keluarga tetapi ia juga mempengaruhi kesejahteraan psiko-emosi mereka sebagai kanak-kanak kurang upaya.

### **Pengasingan Fizikal dan Psikologi**

Pengalaman hidup jauh dari keluarga telah memberi kesan yang besar terhadap wanita kurang upaya dan keluarga mereka. Bukan sahaja ini menyebabkan mereka terpaksa mengalami pemisahan fizikal tetapi ia juga menyebabkan pengasingan psikologi dalam perhubungan keluarga.

Rupa (seperti yang dibincangkan di atas), telah menghabiskan sebahagian besar masa kecil dan remajanya di sebuah institusi kebajikan yang dikendalikan oleh kerajaan. Beliau tidak pernah tinggal menetap di rumah bersama ibunya sehingga menyebabkan mereka tidak pernah menghabiskan masa bersama dalam tempoh yang lama. Pemisahan secara fizikal di antara ibu dan anak ini telah membawa implikasi psikologi dalam perhubungan mereka:

*Mak saya datang lawat saya setiap dua minggu sekali di rumah kebajikan tu sampailah saya habis sekolah menengah. Saya jarang sangat balik ke rumah mak sebab susah untuk saya. Mak sewa sebuah bilik je di kampung dan bilik tu memang tak accessible lah tuk saya. So setiap kali Deepavali pekerja kat rumah kebajikan tu suruh saya balik kampung untuk sambut Deepavali dengan emak. Setiap kali tu juga saya rasa bimbang sangat. Saya rasa susah hati sebab takde kemudahan untuk saya kat bilik sewa mak. Memang susahlah. Tapi saya kena ikut juga mak balik sebab saya kesianlah pada dia.*

Kekurangupayaan beliau, kemiskinan ibunya, dan kediaman yang tidak boleh diakses telah mencipta jarak psikologi antara Rupa dan ibunya, sesuatu yang boleh dielakkan. Jika Rupa mendapat bantuan yang mencukupi daripada kerajaan dalam bentuk faedah kewangan dan kediaman yang boleh diakses, Rupa dan ibunya boleh hidup bersama-sama dan akan mempunyai lebih peluang untuk membina hubungan ibu dan anak yang lebih intim dalam persekitaran keluarga.

Pengalaman hidup di institusi kebajikan semasa zaman kanak-kanak bukan sahaja memberi kesan kepada hubungan ibu bapa dan anak, tetapi juga hubungan dengan ahli keluarga yang lain. Pemisahan keluarga seperti ini boleh merosakkan bukan sahaja kesejahteraan psikologi kanak-kanak kurang upaya tetapi juga dinamika sesebuah keluarga. Sebagai contoh Huifang menggambarkan bagaimana dia tidak gembira untuk pulang ke rumah selepas tamat tempoh beliau menetap di sebuah institusi kebajikan:

*Pada mulanya saya rasa gembira dapat hidup bersama adik-beradik dan ibu bapa saya di rumah. Tapi lepas tu saya rasa sunyi sangat dan terasing daripada adik-beradik saya. Sebabnya diaorang ada ramai kawan-kawan dan selalu keluar pergi jumpa kawan lah birthday parties lah. Diaorang pergi shopping sana sini tapi saya tak boleh. Susah sangat saya nak keluar dari rumah sebab takde kenderaan. Saya pun tak boleh nak naik bas sebab tak accessible kan untuk orang ‘cacat’. So saya hanya duduk rumah jelah. Saya rasa sedih sangat dan terasing. Masa tu saya terfikir kenapa saya ni jadi ‘cacat?’*

Kekurangupayaan dan isu aksesibiliti di rumah telah membuat Huifang berasa terpencil daripada adik-beradiknya; sesuatu yang dia tidak alami di institusi kebajikan. Oleh kerana bertahun-tahun tinggal jauh dari keluarganya, beliau menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran keluarga. Ia membuat Huifang merasakan dirinya bukanlah sebahagian daripada keluarga dan mengakibatkan beliau merasa marah dengan situasi tersebut. Beliau menjadi panas baran dan sentiasa melahirkan kebencian terhadap adik-beradiknya; suatu tindakan yang membawa kepada ketegangan dalam perhubungan mereka. Beliau menuntut perhatian yang lebih daripada ibunya yang membuatkan hubungan dengan adik-beradik menjadi bertambah tegang dan mencetuskan suasana tidak harmoni di rumah. Selepas tinggal di rumah selama beberapa bulan, Huifang meminta keluarganya untuk menghantar beliau melanjutkan pengajian di sebuah institusi vokasional bagi OKU. Beliau menggunakan alasan untuk belajar di institusi vokasional itu sebagai satu cara untuk meninggalkan keluarganya:

*Saya nak lari dari tempat tu [rumah keluarganya] sebenarnya sebab tu saya bagitahu mereka yang saya nak belajar menjahit di pusat tu.*

Keadaan ini bertentangan dengan norma sosial masyarakat Malaysia yang menekankan kepada perpaduan dan rasa dipunyai dalam keluarga. Kekurangupayaan, kemiskinan dan halangan infrastruktur telah menghalang Huifang dan Rupa untuk menjadi ahli penuh dalam keluarga mereka. Bagi sebahagian besar rakyat Malaysia, keluarga memainkan peranan utama; terutama hubungan dengan ibu bapa. Oleh itu, limitasi yang dihadapi wanita kurang upaya untuk menghabiskan masa dengan keluarga mereka terutamanya semasa awal kanak-kanak telah menyebabkan mereka mengalami pengasingan fizikal dan psikologi yang mendalam sehingga boleh menjelaskan kesejahteraan hidup mereka.

### ***Penolakan Keluarga ke atas Kekurangupayaan Diri***

Sebahagian wanita mendedahkan bahawa keluarga mereka mempunyai sikap negatif terhadap kekurangupayaan diri mereka. Contohnya Dilah berkongsi pengalaman bila beliau didiagnosis menghidap barah tulang pada usia 14 dan dua tahun kemudian salah satu kakinya terpaksa diamputasi. Ini menimbulkan ketegangan hubungannya dengan ayah dan neneknya kerana mereka tidak dapat menerima kehilangan kakinya dan menjadi kurang upaya:

*Bila doktor kata nak potong kaki kanan saya, nenek dan ayah langsung tak boleh terima (Dilah tinggal bersama nenek setelah ibu dan bapanya bercerai). Saya lemah sangat waktu tu. Saya selalu pengsan sebab terlalu lemah. Tapi ayah saya taknak bertanggungjawab. Dia tak nak ikut nasihat dkotor untuk benarkan doktor potong kaki saya. Lepas tu bila dah selalu sangat pengsan dan saya pun dah tak tahan sangat sakit, saya sendiri tandatangan borang pembedahan. Ayah dan nenek saya langsung tak nak tandatangan. Saya terpaksa buat camtu sebab doktor kata kanser tu boleh merebak dan saya boleh mati. Saya masih ingat lagi ayah saya cakap kalau saya setuju untuk potong kaki, saya bukan anak dia lagi (menangis). Dia tak boleh terima. Masa hari pembedahan tu ayah cakap pada kami ‘kalau dia potong kaki siapa nak ambil dia ambillah aku tak boleh terima dia’*

Amat sukar untuk membayangkan seorang gadis seawal usia 14 tahun terpaksa melalui pengalaman traumatis seperti Dilah. Bukan hanya beliau terpaksa berhadapan dengan kenyataan kehilangan sebelah kaki tetapi juga turut kehilangan ahli keluarga yang amat disayanginya hanya kerana bergelar OKU. Berlainan pula bagi Yana yang sering merasa dirinya tidak dapat diterima sepenuhnya oleh ibu dan bapanya:

*Saya masih ingat lagi sejak kecil mak ayah saya selalu suruh saya masuk dalam bilik bila ada orang dating ke rumah. Mungkin dia orang rasa malu kalau orang tahu yang saya ni anak dia orang. Mereka tak pernah bawa saya pergi kenduri kahwin ke atau apa-apa majlis keluarga pun. Saya tak pernah jumpa jiran-jiran saya. Saya tak tahu pun sesiapa dalam kawasan perumahan saya tu. Bila pergi shopping diaorang nampak tak happy.*

Walaupun penolakan ke atas Yana tidak ditunjukkan secara jelas oleh ibu dan bapanya, Yana tetap merasakan dirinya berbeza berbanding adik beradik yang lain dan seperti anak yang tidak diingini dalam keluarga. Kedan ini menunjukkan penolakan ahli keluarga ke atas kekurangupayaan diri wanita OKU boleh berlaku secara langsung mahupun tidak langsung dan memberi kesan terhadap harga diri dan kedudukan mereka dalam keluarga.

### Beban Emosi

Walaupun sesetengah wanita mendapat layanan negatif daripada ahli keluarga kerana sukar untuk menerima kekurangupayaan diri mereka, sebahagian yang lain pula merasa 'bersalah' kerana telah menjadi beban kepada keluarga. Sebagai contoh Cuifen melahirkan rasa bersalah kerana ibu dan bapanya telah menghabiskan harta mereka untuk membayar perbelanjaan perubatan beliau:

*Ayah saya banyak sangat berkoban untuk saya. Dia jual rumah dan kereta demi saya. Dia jual semuanya supaya dapat bayar rawatan pembedahan saya. Saya rasa amat bersalah disebabkan ayah dan ibu saya dah hilang banyak benda*

Contoh di atas menunjukkan bahawa tanpa sokongan dan bantuan yang mencukupi daripada agensi kebijakan negara boleh memberi kesan yang mendalam kepada kesejahteraan keluarga yang mempunyai anak kurang upaya. Khususnya bagi keluarga yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang rendah. Ketidaaan atau kekurangan bantuan kewangan dan perubatan untuk memenuhi keperluan anak kurang upaya membawa kepada masalah kewangan dalam keluarga dan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan fizikal anak, tetapi juga memberi implikasi kepada perkembangan psiko-emosi mereka. Namun begitu, perasaan 'bersalah' dan menjadi 'beban' kepada keluarga bukan hanya disebabkan oleh isu kewangan dalam keluarga tetapi juga disebabkan oleh limitasi pendidikan seperti yang dijelaskan oleh Alice Chong:

*Saya rasa bersalah sangat pada kakak saya. Disebabkan saya dia terpaksa berhenti sekolah untuk tolong saya. Mak dengan ayah suruh kakak sulung saya tolong angkat beg dan barang-barang saya semasa saya berada di sekolah. Jadi disebabkan saya dia terpaksa berhenti sekolah dan saya tak mampu nak buat apa-apa pun untuk dia*

Kekurangupayaan Alice Chong bukan sahaja memberi kesan kepada dirinya tetapi juga kepada kakaknya yang tidak mendapat akses kepada pendidikan. Oleh kerana memiliki tahap pendidikan yang rendah, kakak Alice Chong mempunyai peluang pekerjaan yang terhad dan tidak berkahwin sehingga ke usia tua. Walaubagaimanapun ini bukan sahaja persoalan mengenai limitasi sistem kebijakan negara, tetapi ia juga adalah mengenai keadaan hubungan penjagaan yang saling bergantungan dalam keluarga. Beberapa penulis feminis berhujah bahawa sikap berdikari perlu digantikan dengan konsep saling bergantung (Hughes et al., 2005) kerana konsep timbal-balik (memberi dan menerima) adalah faktor penting dalam perhubungan sosial (Shakespeare, 2006). Manusia selalunya menerima bantuan dan dalam masa yang sama juga memberi bantuan dalam keluarga dan masyarakat sebagai sebahagian daripada sumbangan produktif mereka dalam hidup. Oleh itu, apabila wanita-wanita kurang upaya ini hanya boleh menerima bantuan tetapi tidak dapat memberikan bantuan kepada ahli keluarga mereka, mereka berasa terhutang budi (Shakespeare, 2006) dan keadaan ini meninggalkan kesan psiko-emosi kepada mereka dalam jangka masa panjang.

### Identiti Sebagai Wanita

Cabarwan OKU dalam keluarga bukan hanya melibatkan isu aksesibiliti di rumah, pengasingan fizikal dan psikologi, penolakan keluarga ke atas kekurangupayaan diri dan bebanan emosi tetapi juga merangkumi cabaran identiti sebagai wanita kurang upaya. Dapat diperhatikan bahawa dalam kebanyakan keluarga di Malaysia, terdapat pembahagian gender dan kuasa yang jelas di antara lelaki dan wanita. Lelaki sering dianggap sebagai 'tokoh dominan' dalam keluarga dan memegang lebih banyak kuasa dan kawalan terhadap ahli keluarga wanita. Keadaan ini boleh mempengaruhi bagaimana sesuatu keputusan dalam keluarga dibuat sehingga memberi kesan kepada wanita kurang upaya. Contohnya Ainul menyuarakan kekecwaan terhadap sikap abang sulung terhadap dirinya:

*Setelah ibu bapa saya meninggal dunia, abang sulung saya memainkan peranan penting dalam kalangan adik-beradik kami. Kami mengadakan beberapa perbincangan tetapi, pada akhirnya, kami tidak pernah bersetuju untuk menggunakan wang arwah ibu bapa saya untuk membuat pengubahsuaian di rumah keluarga kami [kerana ia tidak dapat diakses*

*olehnya yang berkerusi roda]. Walaupun ibu bapa saya telah membincangkan perkara ini dengan kami semasa mereka masih hidup, abang sulung saya adalah orang yang sangat membantah rancangan ini. Dia mengatakan bahawa mereka [adik-beradiknya] ingin menggunakan wang itu kerana mereka juga mempunyai masalah. Saya hanya diam tetapi hanya Tuhan yang tahu betapa sakitnya saya. Sejak itu, saya jarang pulang ke rumah keluarga kami.*

Sebagai ahli keluarga perempuan, Ainul mempunyai kurang kuasa berbanding abangnya. Menjadi kebiasaan di Malaysia bagi anak lelaki untuk lebih banyak bersuara dalam keluarga. Wanita kekal di kedudukan kedua setelah tokoh lelaki dalam keluarga (Noraini, 1999) dan sesetengah wanita Malaysia dibatasi oleh budaya Asia yang menekankan kepada perilaku khusus dan peranan wanita yang terhad dalam keluarga (Ng et al., 2006). Akibat daripada keadaan ini, Ainul dinafikan hak untuk menyertai keluarganya secara penuh akibat kekangan akses fizikal di rumah keluarganya.

Selain itu, wanita OKU juga terdedah kepada persepsi negatif daripada bakal keluarga mertua yang sering melihat mereka sebagai tidak berupaya untuk menjadi seorang isteri dan ibu. Penolakan bakal keluarga terhadap wanita kurang upaya dalam kajian ini berlaku ke atas semua tiga kumpulan etnik yang ditemui bual. Sebagai contoh, Nisa, seorang wanita Melayu dengan kerusi roda menjalin hubungan dengan lelaki bukan OKU selama lima tahun, tetapi tidak diterima oleh ibu teman lelakinya ketika mereka memutuskan untuk berkahwin:

*Saya berpisah dengannya pada tahun 2010. Saya cuba mencari punca mengapa ini berlaku. Kemudian, saya menyedari bahawa ibunya mempunyai calon isteri untuknya. Calon ‘sempurna’, wanita ‘normal’ bukan wanita kurang upaya seperti saya.*

Walaupun perkahwinan yang diatur semakin kurang popular dalam masyarakat Malaysia, ia tetap berlaku seperti mana seorang wanita India, Deepa menceritakan:

*Dia melihat saya setelah saya menjadi kurang upaya. Dia mengatakan bahawa dia akan meyakinkan ibunya. Ibunya tidak setuju, dan mengatakan bahawa dia akan membunuh diri jika dia berkahwin dengan saya. Saya katakan kepadanya tidak mengapa, awak teruskan berkahwin dengan wanita pilihan ibu awak.*

Deepa tidak meneruskan hubungan dengan kekasihnya dan kekal bujang sehingga kini - lebih daripada 20 tahun telah berlalu. Wanita Cina juga menghadapi halangan yang sama apabila menjalin hubungan istimewa dengan lelaki bukan OKU. Lijuan menerangkan:

*Pada awal hubungan kami, ibu bapanya enggan menerima saya kerana saya OKU. Saya kecewa kerana saya fikir kami tidak akan dapat berkahwin. Dan kemudian perlahan-lahan selepas itu mereka menerima saya seadanya.*

Selain itu, wanita OKU yang menjalin hubungan istimewa dengan lelaki yang juga OKU turut tidak diterima oleh keluarga lelaki tersebut seperti dinyatakan oleh Ainul:

*Bekas teman lelaki saya juga seorang OKU tetapi dia tidak menggunakan kerusi roda seperti saya. Ibu bapanya sangat membantah rancangan perkahwinan kami kerana mereka mahu dia mengahwini wanita yang bukan OKU.*

Keadaan ini menunjukkan, keluarga lelaki sukar untuk menerima wanita OKU sebagai menantu walaupun anak lelaki mereka juga seorang OKU. Masyarakat Malaysia kurang didedahkan dengan kemampuan wanita OKU untuk menjadi seorang isteri dan ibu sehingga membuatkan wanita OKU didiskriminasi dalam memenuhi hak mereka sebagai seorang wanita. Ini kerana media sering memaparkan imej wanita sebagai seorang yang cantik dan sempurna dalam melakukan kerja-kerja rumah dan ia amat berbeza dengan persepsi ke atas wanita OKU fizikal yang dilihat kurang berupaya. Implikasinya, ramai ibu bapa lelaki enggan menerima wanita OKU sebagai menantu perempuan dan ini menyekat prospek perkahwinan dan peluang mereka untuk menjadi seorang isteri dan ibu.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan hakikat bahawa sokongan dan bantuan untuk anak kurang upaya dan keluarga mereka adalah sangat sedikit dan selalunya tiada. Kebanyakan wanita yang telah mendapat kekurangupayaan semenjak awal usia melaporkan bahawa mereka mempunyai akses yang terhad kepada kehidupan bersama keluarga kerana faktor kemiskinan dan geografi serta didorong oleh kekurangan sistem penjagaan sosial dan ketiadaan pengurusan kebajikan negara yang baik. Akses kediaman yang terhad menyebabkan sesetengah wanita terpaksa menghabiskan zaman kanak-kanak di rumah-rumah kebajikan dan dinafikan hak mereka untuk kehidupan berkeluarga. Walaupun keluarga adalah penting bagi ramai wanita, termasuk peranan penjagaan tradisional yang kebanyakannya disediakan oleh keluarga, sokongan dan bantuan terhadap keluarga yang mempunyai anak kurang upaya amat sedikit diperolehi. Kesan yang lebih besar adalah terhadap ibu dan ahli keluarga perempuan yang terpaksa mengorbankan masa, tenaga, dan juga prospek pendidikan dan pekerjaan untuk menjaga anak/adik-beradik mereka yang kurang upaya.

Pelbagai agensi kebajikan negara perlu bekerjasama dalam menyokong keupayaan anak kurang upaya untuk hidup sejahtera bersama keluarga mereka dengan memenuhi keperluan asas yang memerlukan bantuan kewangan seperti: kediaman yang boleh diakses, bantuan alat pemulihan dan mobiliti serta sokongan psiko-emosi untuk penjaga dan anak kurang upaya. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama aktif di antara Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri. Sekiranya bantuan yang lebih sistematik dilakukan, beban terhadap keluarga dalam menjaga anak kurang upaya dapat dikurangkan tanpa menafikan hak anak kurang upaya untuk menikmati kehidupan sejahtera bersama keluarga.

Selain itu, cabaran wanita OKU tidak hanya terhad dalam situasi keluarga mereka sahaja tetapi ia membawa kepada diskriminasi secara sistematis dalam mendapatkan hak dan peluang untuk membina keluarga. Mereka bukan hanya dinafikan hak untuk menjalani kehidupan secara penuh dalam keluarga sendiri tetapi juga dinafikan hak untuk berkahwin dengan pasangan pilihan mereka. Penolakan terhadap kekurangupayaan diri wanita OKU ini membawa kepada diskriminasi berganda sebagai seorang individu kurang upaya dan sebagai seorang wanita. Wanita OKU masih sukar untuk diterima sepenuhnya dalam masyarakat yang kurang empati terhadap hak dan keperluan mereka menjalani hidup sama seperti wanita lain. Hak untuk berkahwin dan memiliki anak merupakan hak asasi seorang wanita dan tidak boleh dinafikan atas faktor kekurangupayaan.

Oleh itu, satu usaha bersepada perlu dilakukan melibatkan perubahan dasar yang lebih pragmatik dan inklusif untuk OKU disemua peringkat dalam masyarakat. Agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan perlu menjalankan program *outreach* bagi OKU yang hidup dalam kemiskinan dan jauh dari bandar-bandar besar supaya mereka tidak akan tercincir daripada menerima sokongan dan bantuan yang diberikan. Pendedahan tentang OKU juga perlu dilakukan seawal usia kanak-kanak dengan memperkenalkan silibus atau kurikulum sekolah yang inklusif dan cakna OKU untuk menangani persepsi negatif dan diskriminasi terhadap OKU.

Perubahan khusus dalam aspek perundangan juga perlu dilakukan dalam menjamin kebajikan dan kesejahteraan OKU di negara ini. Akta Orang Kurang Upaya 2008 perlu diperhalusi dengan menambah elemen penalti (hukuman) kepada pihak yang gagal untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk OKU. Elemen anti diskriminasi juga perlu dimasukkan dalam Akta OKU 2008 supaya semua pihak sedar akan hak OKU dalam masyarakat sama seperti orang lain. Perundangan yang jelas mengiktiraf status OKU dan wanita OKU akan mendidik OKU itu sendiri akan hak mereka. Seterusnya, masyarakat akan lebih cakna akan kepentingan untuk menerima OKU sepenuhnya tanpa sebarang prejudis mahupun diskriminasi. Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memperkasa OKU khususnya wanita OKU agar Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang inklusif untuk semua.

## RUJUKAN

- Braithwaite, J., & Mont, D. (2009). Disability and poverty: A survey of World Bank Poverty Assessments and implications. *ALTER, European Journal of Disability Research.* 3(3), pp. 219–232.
- Chan, M., & Zoellick, R. B. (2011). Preface. In: WHO. *World report on disability.* Geneva: World Health Organization, xi.
- Elwan, A. (1999). *Poverty and Disability: A Survey of the Literature.* Social Protection Discussion Paper No. 9932. . Washington, DC: The World Bank. Available from: [http://www.hicap-international.fr/bibliographiehandicap/4PolitiqueHandicap/hand\\_pauvrete/HandPovSurvey.pdf](http://www.hicap-international.fr/bibliographiehandicap/4PolitiqueHandicap/hand_pauvrete/HandPovSurvey.pdf)
- Kuno, K. (2007). *Does Community Based Rehabilitation Really Work? Community Based Rehabilitation (CBR) and Participation of Disabled People.* ISM Research Monograph Series No. 5. Kuala Lumpur: Social Institute Malaysia.
- Levinsohn, J. (2002). *The World Bank's poverty reduction strategy paper approach: Good marketing or good policy?* Washington, DC: World Bank. [Cited 10 Dec.2014]. Available from: <http://www.g24.org/levintgm.pdf>.
- Sen, A. (2009). *The idea of justice.* Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Shakespeare, T. (2012). Disability in developing countries. In: Watson, N. et al. eds. *Routledge handbook of disability studies.* London: Routledge Taylor & Francis Group, pp.271-284.
- WHO. (2011). *World report on disability.* Geneva: World Health Organization.

## ADAKAH PERSEKITARAN KERJA MEMPENGARUHI WANITA MENERAJUI BIDANG STEM?

*Maisarah Mazlan  
Nurhamizah Rashid  
Norain Mod Asri  
Dr Norshamliza Chamhuri  
Dr Azrina Abdullah Al-Hadi  
Dr Hazrul Izuan Shahiri*

*Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
maisarahmazlan9696@gmail.com*

### ABSTRAK

Walaupun sumbangan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) adalah besar terhadap ekonomi Malaysia, tetapi penyertaan wanita dalam pasaran buruh di bidang STEM masih rendah sedangkan graduan wanita dalam bidang ini adalah ramai. Implikasinya, sudah pasti bilangan wanita yang menjadi ketua dalam STEM juga turut rendah. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis persekitaran kerja yang diperlukan oleh wanita untuk mereka menerajui bidang STEM. Rentetan itu, menerusi analisis yang dilakukan terhadap soal selidik yang diedarkan kepada wanita yang menjadi ketua dalam bidang STEM, didapati wanita memerlukan persekitaran kerja yang memoivasikan mereka serta waktu kerja yang anjal untuk mereka terus berkhidmat dan menjadi ketua dalam bidang STEM. Maka jelaslah faktor motivasi ini adalah faktor yang sangat penting untuk wanita terus menerajui bidang STEM dan untuk memastikan wanita lain juga lebih termotivasi untuk menceburι bidang ini maka penglibatan wanita sebagai pemimpin dalam bidang STEM perlu ditingkatkan. Dapatkan ini amat penting untuk majikan di sektor awam maupun swasta agar mereka mereka dapat menyediakan persekitaran kerja yang diperlukan oleh wanita seperti menyediakan latihan tahunan, pusat asuhan, baik pulih sistem gaji & bonus serta menyediakan inisiatif untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa.

**Kata kunci:** wanita, STEM, ketua, terajui, persekitaran kerja

## PENGENALAN

Penyertaan wanita dalam bidang STEM masih berada pada peringkat yang rendah di Malaysia. Hal ini merupakan satu kerugian kepada ekonomi yang mana tenaga kerja wanita dalam bidang STEM tidak digunakan sepenuhnya dan hal ini menghalang objektif negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta untuk mencapai objektif kearah ekonomi digital. Selain itu, penyertaan wanita dalam STEM ini mampu membantu mereka meningkatkan taraf hidup melalui perolehan pendapatan yang akan membantu ekonomi keluarga mereka serta ekonomi negara secara keseluruhan (Dialogue, 2017). Walaubagaimanapun, Penglibatan wanita dalam pekerjaan di bidang STEM masih sangat rendah berbanding lelaki di peringkat atasan samaada di Malaysia ataupun di Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat merekodkan kurang daripada 25% wanita memegang jawatan di dalam pekerjaan yang melibatkan STEM, tetapi mereka lebih memilih untuk bekerja didalam bidang Kesihatan dan Pendidikan ( Beede et.al, 2011) Hal ini kerana wanita merasakan STEM adalah perjalanan yang sukar untuk mereka lalui disebabkan oleh cabaran yang pelbagai yang perlu mereka hadapi seperti sikap stereotaip, stigma masyarakat dan halangan budaya yang akan mematahkan semangat wanita untuk meneruskan kerjaya mereka dan mengetuai bidang STEM. Akhirnya mereka lebih selesa dan memilih untuk melakukan rutin harian dan menguruskan rumah tangga mereka dirumah (Dialogue, 2017). Wanita yang cemerlang dalam bidang akademik sahaja tidak mampu untuk mengetuai bidang STEM mereka perlu mempunyai kepercayaan dan kemampuan yang kuat untuk menjadi ketua didalam industri yang dipelopori oleh lelaki (Hill et al., 2010).Oleh sebab itu wanita memerlukan lebih banyak wakil didalam bidang STEM untuk memastikan mereka mempunyai *role model* untuk membimbing mereka ke peringkat yang lebih tinggi, tanpa wakil ketua didalam karier ini sukar untuk mereka menyertai dan mengetuai bidang ini sejurus itu menjadi role model kepada wanita-wanita lain ( Prof & Mustaffa, 2019).

Persekuturan kerja yang baik merupakan salah satu dari faktor pendorong untuk pilihan kerjaya dalam STEM seperti persekitaran kerja fizikal, keselamatan kerja, hubungan rakan sekerja dan teknologi. Dalam era industri revolusi ke 4 ini, faktor teknologi amatlah penting terutama untuk generasi millenial dan generasi Z. Semakin berkait suatu industri dengan teknologi semakin tinggi minat untuk mengejar kerjaya dalam industri tersebut. Kesemua aspek persekitaran kerja ini mempunyai hubungan dengan prestasi kerja, komitmen kerja dan kepuasan kerja. Justeru, Persoalan tentang kehendak wanita terhadap kualiti dan jenis persekitaran kerja adalah signifikan untuk dikaji agar wanita lebih cenderung untuk kekal dan menerajui didalam pekerjaan masing-masing. Kesamarataan gender dalam pekerjaan melibatkan STEM ini adalah perlu bagi memastikan saintifik akan kekal relevan dan memenuhi kehendak masyarakat. Objektif kajian adalah untuk mengkaji persekitaran pekerjaan bagi wanita yang ingin menerajui bidang STEM. Apakah kualiti dan jenis persekitaran kerja yang dikehendaki oleh wanita untuk menerajui bidang STEM?

Sehubungan dengan itu, impak penyelidikan ini adalah untuk rujukan pelbagai pihak, Bagi pembuat dasar dapatan kajian ini akan menjadi input kepada pembentukan dasar guna tenaga agar wanita cenderung untuk menerajui bidang STEM di Malaysia. Manakala bagi majikan, dapatan kajian ini dapat menjadi asas untuk majikan menawarkan dan menambahbaik persekitaran kerja agar ia selari dengan kehendak dan keinginan wanita bagi membolehkan guna tenaga wanita kekal dan meningkat dalam bidang STEM disamping produktiviti pekerja turut meningkat. Untuk pekerja wanita sendiri dapatan kajian ini dapat membolehkan pekerja wanita memperoleh persekitaran kerja yang lebih baik dan kondusif lantas ia memotivasikan wanita untuk terus meningkatkan sumbangan kepada negara menerusi peranan aktif mereka sebagai pekerja dalam bidang STEM.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat untuk mengkaji persekitaran kerja yang wanita inginkan untuk mereka menerajui bidang STEM dan apa halangan dalam persekitaran kerja yang menyukarkan mereka untuk mengetuai bidang ini. Menerusi 12 jurnal yang diperolehi menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* dengan menggunakan sumber jurnal dari Scopus dan Web of Science (WOS), beberapa tema utama telah ditemui iaitu motivasi, diskriminasi jantina, diskriminasi kaum, keseimbangan kerja dan kehidupan, beban kerja, perkembangan peribadi & sosial dan ketelitian atau kerumitan.

**Motivasi** adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi keputusan wanita samaada ingin mengetuai bidang STEM ataupun tidak. Motivasi dalam sesetengah kajian merujuk kepada Kerjasama ataupun kemampuan untuk bekerja atau berkolaborasi dengan rakan sekerja kearah tujuan yang sama. Seperti yang telah diteliti dalam beberapa kajian bahawa kolaborasi ataupun keserakahan adalah penting untuk memberikan wanita rasa untuk dihargai, dihormati, diterima apabila mereka berada dalam industri STEM (Amon, 2017; Chau & Quire, 2018; Denend et al., 2020; Griffith & Dasgupta, 2018; Hart, 2016; McWhirter & Cinamon, 2020; Minnotte & Pedersen, 2019; D. P. Myers & Major, 2017; K. Myers et al., 2019). Faktor ini membantu wanita untuk menguruskan tugas yang pelbagai. *Role model* juga merupakan sebahagian daripada faktor yang memberikan motivasi untuk wanita mengetuai bidang ini. Dorongan dari mentor akan membantu wanita untuk menangani pengalaman yang negatif sepanjang perjalanan mereka dalam bidang STEM serta boleh menyediakan peluang yang lebih baik untuk mereka (Amon, 2017; Chau & Quire, 2018; Ward et al., 2019).

**Diskriminasi jantina** adalah faktor lain yang selalu dikaitkan dengan isu kekurangan pemimpin wanita dalam industri STEM dan sejumlah 5 kajian lepas telah ditemui berkaitan isu ini. Wanita berpendapat bahawa mereka perlu lebih mengawal emosi mereka apabila bekerja didalam organisasi yang didominasi oleh lelaki supaya tidak terlalu sensitive dan perlu keyakinan diri yang lebih berbanding apabila mereka bekerja didalam bidang yang dipelopori oleh wanita (Amon, 2017). Wanita juga berpendapat bahawa lelaki menerima layanan yang lebih baik berbanding wanita (Griffith & Dasgupta, 2018) dari segi kenaikan pangkat dan pengambilan kerja yang mana lelaki lebih mudah mendapat peluang untuk mendapatkan kerja dan dinaikkan pangkat berbanding wanita (Chau & Quire, 2018; Griffith & Dasgupta, 2018; Hart, 2016; Ward et al., 2019) Hal ini disebabkan oleh institusi yang tidak memberi sokongan kepada wanita selepas mereka pulang dari tempoh bersalin atau berpantang yang menyebabkan mereka lebih sukar untuk dinaikkan pangkat kerana institusi melihat wanita mempunyai kemajuan kerja yang lambat berbanding lelaki. Selain itu, Jurang jantina ini memberi kesan yang besar kepada persepsi lelaki dan wanita dalam membuat keputusan dan hal ini seterusnya membawa kepada diskriminasi terhadap wanita yang mana wanita merasakan keputusan yang dibuat oleh jabatan mereka adalah kurang telus berbanding lelaki (Griffith & Dasgupta 2018). Isu lain seperti gangguan seksual juga menjadi halangan untuk wanita mengetuai industri STEM ini sama ada gangguan seksual secara lisan, fizikal, bertulis dan sebagainya, Hal sebegini akan mengganggu keputusan wanita untuk bekerja dalam bidang STEM (Ward et al., 2019).

Selain itu, Keputusan wanita untuk menjadi pemimpin didalam industri STEM dilihat berkait rapat dengan **keseimbangan kerja dan kehidupan**. Wanita melihat keluarga sebagai sokongan yang penting untuk mereka menyeimbangkan kerja dan kehidupan sehari-hari mereka. Keseimbangan dalam kerja dan kehidupan membantu wanita untuk membahagikan masa mereka di antara kerja dan keluarga, Hal ini membantu mereka untuk mencapai makna dalam kehidupan dan kerja (Amon, 2017). Hal ini menjadi perhatian wanita kerana mereka direkodkan mempunyai tahap konflik kerja dan kehidupan yang lebih tinggi berbanding lelaki (Minnotte & Pedersen, 2019; D. P. Myers & Major, 2017), Hal ini disebabkan oleh perasaan keibuan dan tanggungjawab wanita sebagai suri rumah ataupun budaya di Malaysia itu sendiri yang menunjukkan bahawa peranan dan kerja dirumah adalah tanggungjawab mereka yang hakiki sepertimana disebut didalam teori kongruiti (Congruity Theory). Oleh itu institusi perlu menawarkan waktu kerja yang anjal, supaya wanita dapat menguruskan urusan kerja dan keluarga mereka dengan baik (Ward et al, 2019).

Faktor lain yang menjadi pertimbangan wanita adalah mereka menginginkan **perkembangan dari segi kemahiran, potensi dan sosial**. Wanita tidak melihat kepimpinan sebagai pencapaian peribadi semata-mata tetapi juga sebagai cara untuk membantu orang lain membangun dan maju dan wanita juga menginginkan hubungan yang positif bersama rakan sekerja. Selain itu, wanita juga bekerja, memimpin dan dalam masa yang sama berfikir untuk menyumbang kepada masyarakat menerusi pekerjaan mereka (Amon, 2017). Dalam situasi yang mana wanita mendapat akses yang terhad untuk perkembangan peribadi mereka disebabkan institusi lebih mengutamakan lelaki menjadikan wanita merasa terpinggir dan sukar untuk memegang jawatan sebagai pemimpin (Hart, 2016).

Tambahan pula, di dalam industri STEM **wanita kurang mendapat kuasa** dalam membuat keputusan dan lebih tertumpu kepada mengikut arahan semata-mata. Wanita merasakan kesukaran untuk menjadi ketua di dalam industri yang didominasi oleh lelaki kerana mereka kurang dihargai dan

dihormati oleh rakan sekerja mereka. Wanita juga merasakan orang bawahan kurang menurut arahan mereka dengan betul sebaliknya wanita perlu fokus kepada membina hubungan yang baik dengan pekerja yang membuatkan mereka kurang berkuasa sebagai pemimpin (Amon, 2017). Kekurangan peluang dalam membuat keputusan ini lah yang membantunkan usaha wanita untuk menjadi ketua dan membawa kepada kekurangan wanita dalam industri ini. Malah wanita dianggap mengganggu keputusan ataupun penyibuk apabila mereka memberi pendapat atau terlibat dalam membuat keputusan bukannya dilihat sebagai ketua (Chau & Quire, 2018).

Selain itu, **Beban kerja** adalah salah satu halangan yang menutup jalan wanita untuk maju dalam kareer mereka khususnya didalam bidang STEM. Kesukaran wanita untuk menguruskan masa mereka dengan beban kerja yang diberikan menghalang mereka untuk terus maju dan menjadi pemimpin. Tambahan pula ada wanita yang mengatakan bahawa terdapat pembahagian kerja mengikut jantina didalam jabatan mereka (Hart,2016). Bidang kerja wanita dilihat lebih sukar kerana wanita perlu bekerja keras untuk dibayar lebih tinggi atau dinaikkan pangkat (Sandberg, 2015) ini menunjukkan bagaimana wanita itu terlibat dengan isu berkaitan beban kerja ( Chau & Quire, 2018).

Tambahan pula, **diskriminasi bangsa** juga menjadi isu dalam bidang STEM yang mana kajian di Amerika Syarikat mendapati wanita berkulit putih menerima layanan yang baik didalam jabatan mereka berbanding orang berkulit hitam (Griffith & Dasgupta, 2018). Tambahan pula, Orang yang berkulit hitam juga dipandang rendah akan kemampuan mereka untuk belajar dalam bidang STEM, ini juga menjadi penghalang untuk orang berkulit hitam maju didalam kerjaya mereka. Penasihat dan pensyarah di Amerika Syarikat dikatakan tidak memberi semangat dan kepercayaan kepada orang kulit hitam untuk berada didalam bidang STEM. Diskriminasi sebegini terjadi di Amerika Syarikat yang seterusnya akan melimitkan jumlah wanita untuk mengetuai bidang STEM (K.myers et al., 2019).

Seterusnya, Wanita dianggap mempunyai **sifat atau personaliti yang rumit** yang lebih menyukarkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan industri STEM. Sifat lelaki yang dianggap lebih mudah dalam berurusan akan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan cara wanita yang lebih sulit dan teliti. Hal ini akan menjadi halangan untuk wanita dan lelaki bekerjasama. Wanita dianggap mengambil berat tentang banyak perkara seperti pendapat dan perasaan, tanggapan dan sebagainya yang mana tidak perlu untuk diambil berat (Amon, 2017)

## METODOLOGI KAJIAN

### **Persampelan**

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kuantitatif berbentuk tinjau iaitu survei. Kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah persampelan bertujuan memandangkan kajian ini memfokuskan ciri-ciri yang tertentu yang perlu ada pada sampel. Ciri-ciri kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah responden terdiri daripada golongan wanita yang menjadi ketua didalam bidang STEM di Malaysia. Sejumlah 50 responden wanita yang mempunyai ciri-ciri ‘menerajui’ seperti yang didefinisikan oleh teori Jim collins yang mana ketua itu terdiri dari 5 tahap ketua iaitu individu yang sangat cekap, anggota kumpulan yang menyumbang, ketua yang kompeten, ketua yang efektif dan yang terakhir ketua pada tahap eksekutif seperti CEO ataupun wanita yang menjadi ketua dari tahap tertinggi.

### **Instrumen kajian**

Borang soal selidik ini diagihkan kepada responden secara atas talian (*online*) dan dikumpulkan kembali melalui aplikasi *Google form*. Borang soal selidik terbahagi kepada DUA (2) bahagian utama. Bahagian A melibatkan latar belakang responden, bahagian B pula merangkumi soalan tentang persekitaran pekerjaan yang wanita inginkan untuk mereka menerajui bidang STEM. Soalan di bahagian A lebih berbentuk *close-ended* manakala soalan di bahagian B kebanyakannya menggunakan soalan skala likert dengan empat mata darjah persetujuan iaitu ‘1’untuk Sangat Tidak Setuju hingga ‘4’untuk Sangat Setuju’. Data dianalisis dengan menggunakan software SPSS.

## KEPUTUSAN KAJIAN

Perbincangan keputusan empirical dibahagikan kepada dua bahagian iaitu demografi responden dan min bagi persekitaran kerja yang wanita ingikan untuk menerajui bidang STEM. Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang responden. Sejumlah 50 orang responden telah menjawab soalan soal selidik yang diberikan dan kesemua responden adalah wanita yang bekerja didalam bidang STEM. Manakala lingkungan usia responden adalah berusia 20 hingga 60 tahun dan responden yang tertinggi jumlahnya adalah datang dari responden yang berumur 41 hingga 45 tahun dengan jumlah 14 orang responden (28.0%). manakala jumlah yang terendah adalah responden yang berumur 20 hingga 24 tahun dengan kekerapan sebanyak 4 (8.0%). Kebanyakkannya bangsa responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu (84.0%), bangsa cina (4.0%), bangsa india (4.0%) dan lain-lain bangsa (4.0%). Selain itu, status perkahwinan responden adalah sudah berkahwin (62.0%), bujang (36.0%) dan lain-lain status sebanyak (2%)

**Jadual 1 : Latar belakang responden**

Latar belakang		Kekerapan	Peratus (%)
Umur	20-24 tahun	4	8.0
	25-30 tahun	10	20.0
	31-35 tahun	10	20.0
	36-40 tahun	6	12.0
	41-45 tahun	14	28.0
	46-50 tahun	-	0
	51-55 tahun	5	10.0
	56-60 tahun	1	2.0
	61 tahun ke atas	-	0
Bangsa	Melayu	42	84.0
	Cina	2	4.0
	India	2	4.0
	Lain-lain	4	8.0
Status perkahwinan	Bujang	18	36
	Berkahwin	31	62
	Lain-lain	1	2

Seterusnya jadual 2 menunjukkan maklumat lain mengenai responden. Dari segi sektor perkerjaan kebanyakannya responden berkerja dalam sektor swasta (56.0%) berbanding sektor awam (44.0%). Selain itu, kebanyakannya responden berada didalam bidang Sains (50%) teknologi (26.0%), kejuruteraan (20.0%) dan matematik (4.0%). Responden mempunyai kelayakan akademik yang tertinggi diperingkat ijazah sarjana muda (46.0%), sarjana (34.0%) dan diikuti dengan doktor falsafah (20.0%). Tambahan lagi, responden mempunyai tempoh pengalaman dengan syarikat semasa selama lebih 4tahun (56.0%), 1- hingga 2 tahun (24.0%), 2 hingga 3 tahun (10%), dan kurang dari 1 tahun (10.0%). Julat gaji responden kebanyakannya menerima RM 8,700 – RM 10,959 (18.0%), RM 3,970-RM 4,849 (16.4%), RM 7,110- RM 8,699 (10%), RM 10,960 – RM15,039 (10.0%), RM15,040 (10.0%), RM 2,501 – RM 3,169 (8.0%), RM 3,170 – RM 3,969 (8.0%), RM 4,850 – RM 5,879 (8.0%), RM 5,880 – RM 7,099 (8.0%) dan responden yang menerima gaji kurang dari RM 2,500 (4.0%). Selain itu, kebanyakannya responden tidak mempunyai pembantu rumah (90.0%), Namun begitu sejumlah 5 orang responden (10.0%) mempunyai pembantu rumah.

## Jadual 2: Maklumat lain mengenai responden

		Kekerapan	Peratus
Sektor pekerjaan	Swasta	28	56.0
	Awam	22	44.0
Bidang	Sains	25	50.0
	Teknologi	13	26.0
Kelayakan akademik	Kejuruteraan	10	20.0
	Matematik	2	4.0
Kelayakan akademik	Matrikulasi	-	0
	Diploma	-	0
Tempoh pengalaman dengan syarikat semasa	Ijazah sarjana muda	23	46.0
	Sarjana	17	34.0
Tempoh pengalaman dengan syarikat semasa	Doktor Falsafah (PHD)	10	20.0
	Sijil:	-	0
Tempoh pengalaman dengan syarikat semasa	<1 tahun	5	10.0
	1-2 tahun	12	24.0
Julat gaji	2-3 tahun	5	10.0
	>4 tahun	28	56.0
Julat gaji	< RM2500	2	4.0
	RM 2,501 – RM 3,169	4	8.0
Julat gaji	RM 3,170 – RM 3,969	4	8.0
	RM 3,970 – RM 4,849	8	16.0
Julat gaji	RM 4,850 – RM 5,879	4	8.0
	RM 5,880 – RM 7,099	4	8.0
Julat gaji	RM 7,110 – RM 8,699	5	10.0
	RM8,700 – RM 10,959	9	18.0
Julat gaji	RM 10,960 – RM 15,039	5	10.0
	RM 15,040	5	10.0
Kewujudan pembantu rumah	Ya	5	10.0
Kewujudan pembantu rumah	Tidak	45	90.0

Jadual 3 menunjukkan min bagi persekitaran kerja yang wanita inginkan untuk menerajui bidang STEM. Berdasarkan jadual 3 ini, semua min telah disusun mengikut susunan min tertinggi kepada min yang terendah untuk mengetahui susunan faktor terpenting kepada faktor yang paling kurang penting. Berdasarkan nilai min dibawah faktor yang pertama tertinggi adalah "Wanita menjadi ketua kerana kebolehan mereka sendiri untuk menghadapi situasi kerja, menyelesaikan masalah kerja, kemampuan berfikir secara kritis, pengalaman serta kelayakan" (3.64) diikuti dengan faktor "Cabarannya dalam bidang STEM ini memotivasi wanita untuk menerajui bidang STEM terutamanya dari segi kemahiran, pengetahuan, komunikasi, kemahiran berfikir aras tinggi dan cara untuk menyelesaikan masalah." (3.46), Seterusnya faktor yang ketiga tertinggi adalah "Wanita merasa termotivasi untuk menerajui bidang STEM apabila berpuas hati dapat melakukan kerja dengan baik dan menyumbang kepada masyarakat." (3.46), Selain daripada itu "Waktu kerja yang anjal membantu wanita untuk fokus dalam urusan keluarga dan kerja." (3.46) dan faktor kelima tertinggi adalah "Minat untuk memegang tanggungjawab, mengelola dan mengurus kerja memotivasi wanita untuk menerajui bidang STEM." (3.42). Hal ini menunjukkan bahawa faktor motivasi adalah sangat penting untuk memberikan persekitaran kerja yang baik untuk wanita menerajui bidang STEM ini. Motivasi yang dimaksudkan adalah dari sudut **efikasi kendiri** yang positif dari persekitaran yang menyakinkan mereka tentang kebolehan mereka untuk melakukan kerja serta menyelesaikan masalah. Selain itu motivasi dari sudut memberikan mereka peluang untuk berkomunikasi dengan selesa, terlibat dengan pembuatan keputusan supaya mereka dapat peluang untuk menggunakan kemahiran mereka untuk berfikir. Seterusnya motivasi yang dimaksudkan adalah dari sudut **minat** yang mendalam serta kepuasan hati apabila dapat melakukan kerja dengan baik didalam suasana yang penuh dengan keselesaan dan positif hasil dari motivasi yang wujud, dapatkan ini menyokong kajian (Amon, 2017; Chau & Quire, 2018;

Denend et al., 2020; Griffith & Dasgupta, 2018; Hart, 2016; McWhirter & Cinnamon, 2020; Minnotte & Pedersen, 2019; D. P. Myers & Major, 2017; K. Myers et al., 2019). Selain itu, wanita juga merasakan faktor **keanjalan masa** ini membantu wanita untuk menyeimbangkan kerja dan komitmen keluarga, dapatkan ini menyokong kajian (Ward et al, 2019).


Tambahan pula faktor yang menjadi perhatian adalah **dorongan ibu bapa** untuk menggalakkan anak-anak mereka menceburi bidang STEM seperti yang dinyatakan oleh pernyataan nombor 9 iaitu "Dorongan ibu bapa yang membimbing anak - anak, motivasi dari ibu bapa dan persekitaran kerja itu sendiri menjadikan wanita lebih termotivasi untuk menerajui bidang STEM". Selain itu, **role model, coaching** dan **sponsorship** juga merupakan faktor yang perlu ditekankan kerana coaching, role model dan sponsorship dapat membantu wanita untuk berada di peringkat yang lebih tinggi. Dengan efikasi kendiri yang tinggi dan sokongan dari mentor wanita akan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja STEM dan menghadapi cabaran dengan lebih mudah. Manakala bagi wanita yang sudah berjaya diperingkat atasan mereka perlu menjadi role model dan mentor supaya dapat mereka memotivasi wanita lain dan menyebarkan ilmu berkaitan STEM supaya lebih ramai wanita tertarik untuk menerajui ini seperti yang dinyatakan dalam pernyataan 6,8,10,12 dan 15 yang mempunyai mean yang tertinggi. Sejak dengan itu, **sokongan institusi** juga penting untuk membantu wanita seperti menyediakan pusat jagaan anak di pejabat supaya dapat memudahkan peranan seorang wanita sebagai seorang ibu dan pekerja seperti kenyataan 13 yang menyatakan bahawa "Taska perlu disediakan untuk memudahkan wanita mengurus urusan keluarga dan kerja. Hal ini memudahkan wanita untuk menerajui bidang STEM". Disamping itu, **Faktor kewangan** juga memainkan peranan untuk memotivasi wanita sesuai dengan kenyataan "Gaji dan bonus juga merupakan faktor yang menjadi dorongan untuk wanita ke peringkat lebih atas." (3.36). Jadi jelaslah faktor motivasi seperti efikasi kendiri, mentor, role model. Coaching dan sponsorship adalah penting untuk membantu wanita memajukan diri dalam bidang ini dan lain-lain faktor seperti keanjalan masa, sokongan institusi dan faktor kewangan juga antara faktor yang sangat relevan untuk dititikberatkan.

## ANALISIS MIN

**Jadual 3: Min persekitaran pekerjaan bagi wanita yang ingin menerajui bidang STEM**

No	Item	Min
1.	Wanita menjadi ketua kerana kebolehan mereka sendiri untuk menghadapi situasi kerja, menyelesaikan masalah kerja, kemampuan berfikir secara kritikal, pengalaman serta kelayakan.	3.64
2.	Cabaran dalam bidang STEM ini memotivasi wanita untuk menerajui bidang STEM terutamanya dari segi kemahiran, pengetahuan, komunikasi, kemahiran berfikir aras tinggi dan cara untuk menyelesaikan masalah.	3.46
3.	Wanita merasa termotivasi untuk menerajui bidang STEM apabila berpuas hati dapat melakukan kerja dengan baik dan menyumbang kepada masyarakat.	3.46
4..	Waktu kerja yang anjal membantu wanita untuk fokus dalam urusan keluarga dan kerja.	3.46
5.	Minat untuk memegang tanggungjawab, mengelola dan mengurus kerja memotivasi wanita untuk menerajui bidang STEM.	3.42
6.	Pakaian bukan penghalang untuk wanita menerajui bidang STEM.	3.40
7	Coaching yang saya berikan kepada orang bawahan dapat membantu mereka mempelajari kemahiran baru dan mempraktikkan kemahiran baru itu (Reskilling upskilling)	3.38
8.	Saya memberi coaching kepada staf bawahan seliaan saya	3.38
9.	Dorongan ibu bapa yang membimbing anak - anak, motivasi dari ibu bapa dan persekitaran kerja itu sendiri menjadikan wanita lebih termotivasi untuk menerajui bidang STEM.	3.38
10.	Maklumat mengenai wanita yang berjaya dalam bidang STEM ini perlu diketahui umum supaya menjadi motivasi kepada wanita lain untuk menyertai bidang ini.	3.36
11.	Gaji dan bonus juga merupakan faktor yang menjadi dorongan untuk wanita ke peringkat lebih atas.	3.36
12.	Wanita yang berjaya dalam bidang STEM perlu dilatih agar mereka dapat menjadi role model secara dalam talian (online) seperti Dr. Noor Hisham	3.34
13.	Taska perlu disediakan untuk memudahkan wanita mengurus urusan keluarga dan kerja. Hal ini memudahkan wanita untuk menerajui bidang STEM.	3.34

- |     |                                                                                                                                                              |      |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| 14. | Wanita akan lebih termotivasi untuk menerajui bidang STEM jika pekerja mereka menerima arahan dengan baik.                                                   | 3.34 |
| 15. | Mentorship sangat membantu untuk membimbing staf baru dan menyumbang idea yang membantu wanita untuk menerajui bidang STEM.                                  | 3.34 |
| 16. | Sifat suka melakukan sesuatu yang luar biasa yang mempunyai kelainan menjadikan motivasi untuk wanita terus menerajui bidang STEM                            | 3.32 |
| 17. | Wanita akan lebih termotivasi untuk terajui bidang STEM jika mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja.                                              | 3.32 |
| 18. | Sifat kompleksiti diperlukan oleh wanita apabila menguruskan kerja/ dokumentasi supaya pekerja tidak mengambil mudah dan lebih teliti dalam melakukan kerja. | 3.32 |
| 19. | Coaching ini memberi kepercayaan kepada para pekerja untuk saya kkal menjadi ketua                                                                           | 3.30 |
| 20. | Sokongan dari syarikat untuk urusan keluarga adalah sangat membantu wanita untuk menerajui bidang STEM.                                                      | 3.30 |



Rajah 1: Faktor persekitaran kerja yang mempengaruhi wanita untuk menerajui bidang STEM

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dari kajian ini adalah wanita sangat memerlukan motivasi yang tinggi dari diri sendiri, manakala mentor, role model dan sponsorship juga sangat diperlukan untuk menjadi sistem sokongan untuk membolehkan mereka bertahan lama dalam industri STEM dan seterusnya mempertingkatkan kedudukan mereka sebagai wanita yang menerajui bidang STEM. Maka jelaslah faktor motivasi ini adalah faktor yang sangat penting untuk wanita terus menerajui bidang STEM diikuti dengan faktor lain seperti sokongan institusi, keanjalan masa dan kewangan. Selari dengan itu untuk memastikan wanita lain juga lebih termotivasi untuk menceburi bidang ini maka penglibatan wanita sebagai pemimpin dalam bidang STEM perlu ditingkatkan. Maka pihak kerajaan dan majikan perlu memainkan peranan yang berkesan untuk memotivasi mereka seperti mewujudkan dasar yang mewajibkan majikan untuk mengadakan latihan tahunan untuk melatih wanita menjadi mentor kepada pekerja-pekerja lain serta melatih mereka menjadi role model dengan melibatkan diri mereka di institusi pengajian tinggi ataupun di sekolah untuk memberi pencerahan kepada pelajar tentang kemampuan

wanita untuk berada didalam bidang STEM. Selain dari itu, kerajaan juga perlu menyediakan pusat asuhan kanak-kanak atau memberi insentif kepada majikan untuk menyediakan kemudahan untuk memudahkan urusan wanita yang bekerjaya. Tambahan lagi, kerajaan boleh membaik pulih skim gaji dan bonus untuk mengalakkan penyertaan dan kepimpinan wanita selain memberi kesedaran kepada ibu bapa supaya mengalakkan anak-anak mereka mencebur ke dalam STEM. Dengan harapan lebih ramai wanita akan tertarik untuk mencipta kemajuan dalam kerjaya di dalam bidang STEM ini.

## RUJUKAN

- Amon, M. J. (2017). Looking through the glass ceiling: A qualitative study of STEM women's career narratives. *Frontiers in Psychology*, 8(FEB), 1–10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.00236>
- Chau, V. S., & Quire, C. (2018). Back to the future of women in technology: insights from understanding the shortage of women in innovation sectors for managing corporate foresight. *Technology Analysis & Strategic Management*, 30(6), 747–764. <https://doi.org/10.1080/09537325.2017.1376046>
- Muhammad, H. (2021, February 11). Tingkatkan kepimpinan wanita dalam bidang sains kepada 40 peratus - Dr Jemilah. *Tingkatkan Kepimpinan Wanita Dalam Bidang Sains Kepada 40 Peratus - Dr Jemilah*. Retrieved April 11, 2021, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tingkatkan-kepimpinan-wanita-dalam-bidang-sains-kepada-40-peratus-dr-jemilah-282476>
- Beede, D., Julian, T. A., Langdon, D., McKittrick, G., Khan, B., & Doms, M. E. (2011). Women in STEM: An Opportunity and An Imperative. *Economics and Statistics Administration Issue Brief*, 04–11.
- Hill, C., Corbett, C., & St Rose, A. (2010). Why So Few? Why So Few? In American Association of University Women (Vol. 5, Issue 3). <http://eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail?accno=ED509653>
- Prof, A., & Mustaffa, Z. (2019). ENCOURAGING MORE WOMEN IN STEM. August, 12– 14.
- Griffith, E. E., & Dasgupta, N. (2018). How the demographic composition of academic science and engineering departments influences workplace culture, faculty experience, and retention risk. *Social Sciences*, 7(5). <https://doi.org/10.3390/SOCSCI7050071>
- Hart, J. (2016). Dissecting a gendered organization: Implications for career trajectories for mid-career faculty women in STEM. *Journal of Higher Education*, 87(5), 605–634. <https://doi.org/10.1353/jhe.2016.0024>
- Minnotte, K. L., & Pedersen, D. E. (2019). Department Environment and Work-to-Life Conflict Among Faculty in the STEM Fields. *Journal of Family Issues*, 40(10), 1299– 1320. <https://doi.org/10.1177/0192513X19837316>
- Ward, J., Johnson, R. N., & Wilson-Wilde, L. (2019). Gender equity: how do the forensic sciences fare? *Australian Journal of Forensic Sciences*, 51(sup1), S263–S267. <https://doi.org/10.1080/00450618.2019.1568556>.
- Sandberg, S. (2015). Lean in - Women, Work and the Will to Lead. *NHRD Network Journal*, 8(2), 137– 139. <https://doi.org/10.1177/0974173920150225>
- aMyers, K., Gallaher, C., & McCarragher, S. (2019). STEMinism. *Journal of Gender Studies*, 28(6), 648–660. <https://doi.org/10.1080/09589236.2019.1584744>

## KEMUDAHAN MESRA WANITA DI MASJID: SATU TINJAUAN DI MASJID-MASJID TERPILIH DI UTARA KUALA TERENGGANU

*Salilah Saidun*

*Department of Islamic Sciences, College of Education,*

*Sultan Qaboos University, Oman*

*s\_salilah@yahoo.com*

*Auni Aslah Mat Daud*

*Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik,*

*Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia*

*auni\_aslah@yahoo.com / auni\_aslah@umt.edu.my*

### ABSTRAK

Masjid merupakan pusat komuniti bagi umat Islam untuk menjalankan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Islam tidak menyekat kaum wanita untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti di masjid, dengan menjaga adab-adabnya. Namun, kemudahan yang tidak mesra wanita akan menyukarkan mereka untuk menyertai pelbagai aktiviti di masjid sambil menjaga adab dan hukum-hakam dalam Islam dan budaya Melayu. Maka, timbul keperluan untuk meninjau kemudahan mesra wanita di masjid bagi mengetahui tahap semasa dan penambahbaikan yang diperlukan. Kawasan Kuala Terengganu utara dipilih sebagai kerana kedudukannya sebagai ‘pusat pendidikan’ dengan adanya beberapa sekolah berasrama penuh, kolej dan universiti. Kajian ini bertujuan untuk melaporkan tahap kemudahan mesra wanita di dua belas masjid di Kuala Terengganu utara. Penilaian dibuat di masjid-masjid terpilih antara tahun 2011 hingga 2017 berdasarkan senarai semak kemudahan mesra wanita yang mempertimbangkan ajaran Islam dan budaya Melayu. Tiada masjid yang memenuhi semua kriteria mesra wanita dalam senarai semak tersebut. Walaubagaimanapun, penambahbaikan berterusan terlihat di dari semasa ke semasa. Kemudahan mesra wanita di masjid masih lagi kurang dan memerlukan penambahbaikan bagi memudahkan wanita untuk turut serta dalam aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid. Oleh itu, usaha berterusan wajar dijalankan bagi mencetus kesedaran, meningkatkan pengetahuan dan menambahbaik sikap umat Islam (terutamanya di kalangan pihak pengurusan masjid) tentang kepentingan kemudahan mesra wanita. Kajian ini menunjukkan pentingnya kemudahan mesra wanita dijadikan kriteria wajib dalam Standard Penarafan Masjid Malaysia bagi membolehkan wanita menjaga aurat di masjid.

**Kata kunci:** Masjid, mesra wanita, kesaksamaan gender, wanita dalam Islam

## PENGENALAN

Masjid ibarat jantung umat Islam, di mana ahli masyarakat berkumpul bukan sahaja untuk aktiviti keagamaan, malah pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Islam membenarkan wanita untuk ke masjid, malah wanita yang hidup bebas digalakkan ke masjid untuk memperolehi pelbagai manfaat (Al-Qardawi, 1997, hlm. 33-45). Namun, wanita perlu menjaga adab berkaitan hukum-hakam wanita dalam Islam dan budaya Melayu ketika di masjid, antaranya menjaga aurat (seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan) daripada dilihat oleh lelaki. Maka, prasarana mesra wanita amat penting bagi membantu mereka menjaga adab dan hukum tersebut.


Kemudahan yang tidak mesra wanita di masjid telah dilaporkan di pelbagai negara. Di Istanbul, masalah yang dihadapi oleh wanita termasuklah ruang solat kotor yang kecil, tiada tandas wanita dan tiada ruang wuduk (Jones, 2011). Adanya ruangan solat khusus untuk wanita dianggap sebagai ciri mesra wanita dan 95 masjid di United Kingdom yang menyediakannya (Faith Matters, 2010, hlm.17-116) manakala sebahagian yang lain tidak menyediakannya (Shannahan, 2013). Wanita Kanada melaporkan bahawa mereka tidak dapat mendengar atau melihat imam atau pengajar di sebahagian masjid (Safi, 2005). Di Amerika Syarikat, hanya 52 peratus masjid yang menyediakan ruang solat khusus untuk wanita dan peratusannya pada tahun 2001 dan 2011 adalah 66 peratus sahaja (Bagby, Perl dan Froehle 2001, hlm. 11; Sayeed, Al-Adawiya dan Bagby, 2013, hlm. 4). Tidak seperti penyelidik lain, Bagby, Perl, dan Froehle (2001) tidak bersetuju dengan penggunaan langsir atau pembahagi antara kawasan solat lelaki dan wanita di masjid-masjid Amerika kerana percaya perkara itu tidak diamalkan pada zaman Rasulullah S.A.W. Sebaliknya, garis panduan yang dikeluarkan oleh 6 persatuan Muslim di Kanada dan Amerika Syarikat mengesyorkan ruang solat khusus untuk wanita, pintu masuk yang selamat untuk wanita, sistem pembesar suara yang membolehkan imam didengari dari ruangan wanita, ruang kuliah di luar ruang solat utama sekiranya terdapat kemudahan yang mencukupi dan membenarkan wanita menyertai solat Jumaat (Islamic Social Services Association Inc. and Women in Islam Inc., n.d., hlm. 12).

Fenomena masjid yang tidak mesra wanita juga berlaku di Malaysia. Wanita dalam kajian di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu menyatakan bahawa kadangkala kemudahan ruang wuduk di ruang solat, telekung, cermin, penyangkut baju dan mesin menjual tuala wanita di tandas tidak disediakan di surau atau masjid (Ab Rahman et al., 2004). Di Masjid Universiti Teknologi Tun Hussein Onn pula, ruang wuduk dan laluan ke ruang solat boleh dilihat oleh lelaki (Suratkon et al., 2017). Kajian di Cyberjaya pula mendapati masjid tidak menjaga privasi wanita di dewan solat dan laluan ke ruang wuduk (Choo, Husain dan Jamaludin, 2020).

Usaha untuk meningkatkan kualiti masjid di Malaysia dapat dilihat apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia memperkenalkan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) pada tahun 2010 bagi membantu penilaian dan penambahbaikan masjid Malaysia. SPMM juga digunakan sebagai kriteria penilaian untuk Anugerah Masjid Malaysia. SPMM terbahagi daripada empat komponen: pengurusan, pengimaranan, prasarana dan persekitaran. Ruang wuduk khas wanita, ruang solat khas wanita, kemudahan telekung, tanda arah khusus untuk kawasan wanita dan pencahayaan yang mencukupi adalah kriteria yang disenaraikan dalam komponen kemudahan. Namun, ketiadaan kriteria mesra wanita ini tetap membolehkan masjid mendapat skor tertinggi untuk komponen tersebut kerana mereka hanya perlu memiliki sekurang-kurangnya lima kemudahan (tidak terbatas kepada kemudahan mesra wanita) untuk memperoleh skor tertinggi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010, hlm. 37-40). Ini menunjukkan bahawa SPMM dapat ditambahbaik dalam dua aspek iaitu dari segi sistem penilaian dan kriteria kemudahan untuk wanita.

Dengan itu, timbul keperluan untuk meninjau kemudahan mesra wanita di masjid bagi mengetahui tahap semasa dan penambahbaikan yang diperlukan. Sebanyak 12 masjid (Gambarajah 1) dipilih di utara Kuala Terengganu (yang kemudiannya menjadi daerah Kuala Nerus pada tahun 2014) kerana kawasan ini adalah ‘pusat pendidikan’ (Kerajaan Negeri Terengganu, 2008) dengan adanya beberapa sekolah berasrama penuh, kolej dan universiti. Maka, ahli jawatankuasa masjid dan pengguna masjid diandaikan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi kerana guru, pensyarah dan mahasiswa merupakan sebahagian penduduk. Penyelidik menggunakan senarai semak yang dibangunkan oleh Siti Rokyah Md Zain et al. (2017) dengan menumpukan kepada kriteria terpilih (rujuk Lampiran 1) untuk menilai tahap kemudahan mesra wanita yang melibatkan pemerhatian sekurang-kurangnya setahun sekali pada waktu siang dan malam (dilakukan antara 2011 hingga 2017). Untuk pembentangan hasil

kajian, masjid akan digelar sebagai Masjid A hingga Masjid L yang tidak disusun mengikut urutan geografi bagi menjaga kerahsiaan.



Gambarajah 1: Lokasi masjid di kawasan kajian

### KEMUDAHAN MESRA WANITA DALAM KONTEKS MASYARAKAT MELAYU

Kehadiran wanita di masjid adalah perkara biasa dalam budaya orang Melayu. Wanita Melayu biasanya mengambil bahagian (walaupun pada kurang berbanding lelaki Melayu) dalam solat lima waktu dan solat tarawih di bulan Ramadan. Menghadiri solat Jumaat belum menjadi sebahagian daripada budaya Melayu kerana kebanyakan masjid tidak dapat menampung bilangan jemaah wanita. Selain solat, wanita Melayu sering mengikuti kelas agama, aktiviti berbuka puasa dan aktiviti kemasyarakatan lain yang diadakan di masjid. Norma, masalah yang sering berlaku dan kemudahan mesra wanita dibincangkan di bawah.

#### **Suasana luaran**

Untuk memastikan keselamatan pengguna wanita, kawasan wanita dan laluan ke arahnya wajar mendapat pencahayaan yang baik pada waktu malam. Petunjuk arah dan pelabelan kawasan wanita (tandas, ruang wuduk, ruang persalinan dan ruang solat) adalah ciri penting untuk memudahkan wanita pergi ke tempat yang diingini dan mencegah lelaki memasuki kawasan tersebut secara tidak sengaja.

Oleh kerana wanita haid tidak dibenarkan untuk duduk di dalam ruang solat, penyediaan tempat duduk berbumbung di luar ruang solat (sama ada bilik, beranda atau pondok) dengan capaian sistem pembesar suara membolehkan mereka menunggu dengan selamat dan mendengar ceramah yang berlangsung.

#### **Tandas**

Tandas wanita biasanya terpisah bagi menjaga kebersihan dan mengelakkan bau. Kemudahan laluan tertutup dari tandas ke ruang wuduk akan memudahkan wanita untuk pergi ke tandas tanpa perlu menutup aurat sepenuhnya.

Kebiasaannya, masjid di Malaysia menyediakan selipar khas untuk memasuki tandas. Wanita mungkin ingin menanggalkan stoking sebelum memakai selipar tandas yang basah. Sekiranya penggunaan selipar tandas khas diwajibkan oleh pihak masjid, disarankan agar pintu masuk tandas terlindung untuk membolehkan pengguna menanggalkan stoking mereka tanpa terlihat aurat mereka oleh lelaki.

Dinding pembahagi unit tandas individu dan pintu yang tidak menutup sepenuhnya dari lantai hingga ke siling boleh menyebabkan percikan air di antara unit tandas individu, membuka peluang untuk pengintipan dan membolehkan individu di luar unit melihat ke dalam unit melalui refleksi air, kerana kebanyakan lantai tandas di Malaysia basah. Dinding pembahagi, pintu, dan tingkap yang rendah pula memungkinkan pengintipan dari atas.

Ketersediaan tandas duduk dan cangkung sangat penting kerana individu yang berbeza mempunyai keperluan yang berbeza. Contohnya, wanita mengandung mungkin lebih selesa menggunakan tandas duduk berbanding tandas cangkung.

Adanya tong sampah di setiap unit tandas individu adalah mustahak untuk mengelakkan situasi memalukan dan kotor apabila perlu membawa sampah sendiri (misalnya tuala wanita) untuk membuangnya ke dalam tong sampah di luar unit tandas individu. Ketiadaan tong sampah di setiap unit akan meningkatkan kemungkinan pengguna yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam mangkuk tandas, sehingga tersumbat. Ketersediaan mesin layan diri untuk tuala wanita dan tisu di tandas akan lebih memudahkan pengguna.

Penyangkut di dalam unit tandas individu akan memudahkan wanita menggantung beg semasa menggunakan tandas. Ini penting untuk mengelakkan membasahi beg ketika diletakkan di lantai basah.

### ***Ruang wuduk***

Semasa berwuduk, wanita perlu membuka tudung, menggulung lengan baju dan menanggalkan stoking. Cangkuk atau para untuk meletakkan pakaian dan beg tangan berguna untuk bagi mengelakkannya basah. Memastikan ruang wuduk terlindung dari pandangan orang ramai adalah penting untuk membantu wanita melindungi aurat mereka daripada dilihat oleh lelaki.

Selepas berwuduk, wanita akan pergi ke ruang persalinan (jika ada) atau ruang solat. Setelah membasahi anggota wuduk, tidak selesa bagi mereka untuk memakai stoking, membuka gulungan lengan dan memakai tudung (sedangkan anggota masih basah) untuk pergi ke ruang persalinan atau ruang solat. Ruang wuduk yang berada di dalam ruang solat atau bersambung dengan ruang solat dengan laluan tertutup memudahkan wanita untuk pergi ke ruang solat tanpa perlu risau aurat mereka terlihat oleh lelaki.

### ***Ruang persalinan***

Wanita di Malaysia biasanya memakai telekung untuk solat. Oleh itu, masjid wajar menyediakan telekung untuk kegunaan orang ramai. Malah penting untuk memastikan bahawa ruang persalinan tertutup sepenuhnya dari pandangan lelaki (sama ada dilihat secara langsung atau melalui kamera litar tertutup) untuk mengelakkan pendedahan aurat ketika menukar tudung kepada telekung. Biasanya, wanita Melayu bertukar kepada telekung di dalam ruang solat tetapi dalam keadaan di mana ruang solat wanita tidak tertutup sepenuhnya dari pandangan lelaki, maka ada keperluan untuk menyediakan ruang persalinan yang tertutup.

Penyangkut telekung disarankan untuk disediakan agar setiap telekung (yang disediakan oleh masjid untuk kegunaan umum) kering dengan betul setelah dipakai untuk mengelakkan pembentukan tahi lalat dan berbau. Penyediaan cermin panjang tidak wajib tetapi disyorkan bagi membolehkan wanita memastikan bahawa mereka telah menutupi aurat dengan sempurna untuk bersolat atau sebelum keluar.

### Ruang solat

Sekiranya ruang solat wanita berada di sebelah ruang solat lelaki, pembahagi tebal lebih sesuai digunakan berbanding tirai kain untuk mengelakkan sentuhan secara tidak sengaja dengan lelaki. Oleh kerana pergerakan rukuk dan sujud wanita tidak sesuai dilihat oleh lelaki, ruang solat wanita disarankan untuk ditutup sepenuhnya di bahagian belakang dan sisi daripada dilihat secara langsung atau melalui kamera litar tertutup. Amalan tidak memisahkan ruang solat lelaki dan wanita tidak sesuai dalam budaya orang Melayu kerana:

1. Ramai wanita tidak selesa rukuk dan sujud ketika lelaki dapat melihatnya.
2. Wanita tidak selesa untuk berada di masjid (terutamanya masjid yang kecil) dengan lelaki lain di satu tempat tertutup yang sama.
3. Jika masjid tidak mempunyai ruang persalinan khusus, wanita akan menukar telekung di ruang solat dan lelaki mungkin dapat melihat aurat mereka.

Walaupun ruang solat lelaki dan wanita terpisah, perlu ada kemudahan untuk membolehkan wanita melihat bahagian solat lelaki sama ada secara langsung atau melalui televisyen. Ini memudahkan mereka untuk solat berjemaah sekiranya sistem pembesar suara rosak dan memudahkan mereka melihat demonstrasi yang dilakukan oleh penceramah ketika kelas agama berlangsung.

### Kemudahan lain

Kemudahan lain tidak dikira mustahak tetapi sangat berguna seperti sistem penyaman udara dan mesin penapis air minuman panas dan sejuk. Sekiranya kemudahan ini disediakan untuk lelaki, wajarlah ia disediakan juga untuk wanita.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penilaian di dua belas masjid terpilih menunjukkan bahawa tiada masjid yang memenuhi ciri-ciri kemudahan mesra wanita dalam ruang lingkup kajian (rujuk Lampiran 1). Selain itu, terdapat juga masjid-masjid yang gagal untuk memastikan aurat wanita terlindung daripada pandangan lelaki ketika berwuduk. Walaubagaimanapun, penambahbaikan kemudahan mesra wanita dapat dilihat dari semasa ke semasa.

Dapatan kajian ini menambah data berkaitan kurangnya kemudahan mesra wanita di masjid Malaysia yang menyebabkan kesukaran untuk wanita menjaga aurat, seperti yang dilaporkan oleh Ab Rahman et al. (2004), Suratkon et al. (2017) dan Choo, Husain dan Jamaludin (2020). Malah, turut menyumbang kepada data tentang kurangnya sensitiviti umat Islam terhadap keperluan wanita di masjid di serata dunia, seperti yang telah dinyatakan oleh Jones (2011), Shannahan (2013), Safi (2005), Bagby, Perl dan Froehle (2001) dan Sayeed, Al- Adawiya dan Bagby (2013).

Dapatan ini menimbulkan beberapa persoalan lanjut, seperti yang dibincangkan di bawah.

### Kesedaran, pengetahuan, dan sikap individu yang terlibat dalam merancang, meluluskan, membina dan menguruskan masjid

Reka bentuk masjid yang tidak memenuhi keperluan mesra wanita ini menimbulkan persoalan berkenaan kesedaran, pengetahuan dan sikap individu yang terlibat (dalam merancang, meluluskan, membina dan menguruskan masjid) terhadap keperluan wanita untuk menjaga adab dan hukum hakam berkaitan di masjid. Contohnya ialah ruang wuduk wanita yang tidak terlindung sepenuhnya dari pandangan lelaki di beberapa masjid dalam kajian ini.

Setelah pembinaan masjid selesai, pasukan pengurusan masjid bertanggungjawab menjaga, memperbaiki dan menaik taraf kemudahan tersebut. Sebagai contoh, reka bentuk awal ruang wuduk wanita di Masjid D membolehkan lelaki di kawasan tempat letak kenderaan melihat ke dalam ruang wuduk tersebut, terutama pada waktu malam. Setelah menerima aduan daripada pengguna, jawatankuasa pengurusan menutup ruang tersebut agar tidak boleh dilihat dari luar. Sebaliknya, wuduk wanita di tingkat bawah Masjid L mungkin dilihat oleh lelaki dari tingkat satu tetapi jawatankuasa pengurusan tidak mengambil tindakan untuk menutup ruang wuduk daripada dilihat dari luar walaupun terdapat aduan daripada wanita yang hadir. Dalam contoh lain, tandas wanita Masjid B terletak kurang dari lima meter tepat di hadapan pintu ruang wuduk. Walaubagaimanapun, pintu ruang wuduk ditutup dan hanya boleh diakses melalui ruang solat wanita yang jaraknya dua kali ganda dan terbuka

sepenuhnya kepada orang ramai yang memerlukan seseorang untuk menutup aurat sempurna ketika berjalan di antara tandas dan ruang solat. Di Masjid D, ia direkabentuk untuk memiliki ruang persalinan tertutup antara ruang wuduk wanita dan ruang solat. Walaubagaimanapun, jawatankuasa pengurusan menggunakan bilik itu sebagai stor walaupun label di pintu menunjukkan bilik persalinan. Oleh itu, tidak ada ruang persalinan khas dan wanita perlu menukar telekung di bahagian belakang ruang solat yang tidak tertutup sepenuhnya dari pandangan lelaki. Oleh itu, wanita di masjid menghadapi kesukaran untuk menukar ke telekung sambil tetap memastikan bahawa aurat mereka ditutup.

Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, kehadiran CCTV di kawasan wanita tidak sesuai kerana aurat wanita sering terdedah ketika berada di tandas, ruang wuduk, ruang persalinan dan ruang solat. Masjid A, C dan G mempunyai CCTV di kawasan wanita. Di Masjid C dan G, kamera menghadap ruang solat wanita dari arah hadapan, yang kurang bermasalah berbanding dengan melihat para hadirin dari belakang ketika rukuk dan sujud dalam solat. Namun, kamera diletakkan untuk memantau tabung masjid yang terletak di sebelah pintu masuk ke ruang wuduk, oleh itu ia mungkin merakam video wanita yang tidak menutup dengan sempurna selepas berwuduk sekiranya mereka tidak menyedari kehadiran kamera. Di Masjid A, kamera menghadap ke ruang persalinan wanita dan ruang solat dari arah belakang tetapi ia dikeluarkan setelah mendapat aduan daripada wanita.

Terdapat beberapa masjid yang gagal menyediakan kemudahan serupa di kawasan lelaki dan wanita, seperti sistem penyaman udara dan mesin penapis air minuman panas dan sejuk. Walaupun bukanlah suatu kewajipan untuk menyediakan kedua-dua kemudahan, namun menyediakannya hanya untuk pengguna lelaki merupakan suatu yang tidak adil. Malah wanita lebih memerlukannya berbanding lelaki kerana batasan aurat wanita lebih banyak dan tugas membancuh minuman atau susu untuk anak merupakan tugas yang sering dilakukan oleh wanita berbanding lelaki.

### **Kualiti pendidikan keagamaan di masjid dalam mengetengahkan isu-isu ini**

Pendidikan keagamaan kerap diadakan di masjid secara harian, mingguan atau berkala oleh imam atau penceramah jemputan. Oleh kerana penceramah mengajar masyarakat setempat mengenai Islam serta penceramah berurus secara langsung dengan jawatankuasa pengurusan, ia menimbulkan pertanyaan mengenai peranan mereka dalam menyarankan usaha penambahbaikan untuk menjadikan masjid itu mesra wanita. Penceramah lelaki yang bukan ahli kariah yang tidak membawa ahli keluarga perempuan mereka ke masjid mungkin tidak menyedari keadaan itu tetapi isi kandungan umum kelas agama seharusnya cukup untuk mendidik para hadirin setempat mengenai isu-isu tersebut.

### **Usaha pengguna dalam melaporkan ciri wanita yang tidak mesra**

Sebagai pengguna masjid yang kerap, wanita yang tidak selesa dengan kekurangan kemudahan yang mesra wanita mungkin membuat aduan kepada jawatankuasa pengurusan untuk diperbaiki. Sebagai contoh, di Masjid D seperti yang dinyatakan di atas, ruang wuduk wanita sebelum itu dapat dilihat oleh mereka yang berada di luar ruang wuduk termasuk yang berada di tempat letak kereta tetapi kemudian mereka menutup ruang tersebut sepenuhnya setelah mendapat aduan daripada hadirin. Ini menunjukkan bahawa pengguna mempunyai peranan dalam mempengaruhi pengurusan walaupun keputusan akhir berada di tangan jawatankuasa pengurusan.

## **BATASAN KAJIAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian, SPMM dapat ditingkatkan lagi dengan membahagikan kriteria penilaian menjadi kriteria wajib dan kriteria tambahan. Adalah wajar sekiranya kemudahan mesra wanita yang telah disenaraikan dalam makalah ini diletakkan sebagai kriteria mesra wanita dalam penilaian SPMM dan Anugerah Masjid Malaysia pada masa akan datang. Kemudahan yang diperlukan untuk melindungi aurat dan keselamatan wanita wajar disenaraikan sebagai kriteria wajib, sementara kemudahan lain boleh disenaraikan di bawah kriteria tambahan. Sekiranya masjid tidak dapat memenuhi salah satu kriteria wajib, ia tidak boleh diberi mendapat markah yang baik sekiranya walaupun semua kriteria tambahan dipenuhi. Ini akan mengelakkan masjid yang tidak menyediakan kemudahan wajib memperoleh markah yang sangat baik dan memenangi Anugerah Masjid Terbaik.

Kemudahan mesra wanita dalam budaya Melayu dipilih sebagai fokus kajian ini. Penyelidikan lanjut wajar dijalankan untuk menilai kriteria masjid yang lain seperti kemudahan mesra alam, aktiviti

pendidikan, kemudahan mesra lelaki, kemudahan mesra orang kelainan upaya, kemudahan mesra anak-anak dan kemudahan mesra warga bukan beragama Islam. Kajian ini hanya terbatas pada pemerhatian dan bukan wawancara pengguna dan pengurus masjid kerana ia hanya mengkaji ciri-ciri institusi dalam tempoh kajian. Kajian lanjut disarankan untuk mempelajari tahap kesedaran, pengetahuan, dan sikap pengguna dan jawatankuasa pengurusan masjid yang berkaitan dengan isu yang telah dibindangkan. Terdapat juga jurang penyelidikan yang signifikan untuk penyelidikan serupa yang melibatkan masjid di kawasan lain dalam budaya yang serupa atau berbeza.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah melaporkan kemudahan mesra wanita di masjid terpilih di Terengganu dan menyumbang data baharu yang mengecilkan jurang geografi dalam literatur kajian berkenaan isu ini. Dapatkan kajian menegaskan kejanggalan yang wujud apabila masjid yang merupakan syiar bagi agama Islam di Malaysia tidak menyediakan kemudahan yang memudahkan wanita menjaga adab dan hukum hakam berkaitan, terutamanya dari segi penjagaan aurat. Fenomena tersebut menimbulkan persoalan mengenai individu yang terlibat dalam merancang, meluluskan, membina, mengurus, mengadakan kelas agama atau menggunakan masjid. Memastikan masjid mesra wanita bukan sahaja memberi manfaat kepada wanita tetapi juga kaum lelaki kerana lelaki tidak akan bimbang tentang keselamatan dan keperluan ahli keluarga wanita mereka yang menghadiri masjid. Walaupun banyak masjid tidak menyediakan kemudahan yang mesra wanita, penambahbaikan secara beransur-ansur yang berlaku adalah petunjuk positif ke arah situasi lebih baik di masjid di masa hadapan.

## RUJUKAN

- Ab Rahman, H., Bakri, N., Mohd Balwi, M. K., Abd Rahman, S. A., Zaini, F., & Bahari, S. F. (2004). Study on the perception of women staff towards facilities and career development at University of Technology Malaysia.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). Muslimat Al-Ghad, terjemahan F. Yahya. Kuala Lumpur: Penerbitan Salafi.
- Bagby, I., Perl, P. M., Froehle, B. T. (2001). The Mosque in America: A National Portrait. Washington, Council on American-Islamic Relations.
- Choo, I.A.H, Husain, F. H., Jamaludin, N. H. (2020). Space Provision and Privacy Quality of Women's Praying Area in Mosque: Case Study of Masjid Raja Haji Fii-Sabilillah, Cyberjaya. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 229-237.
- Faith Matters. (2010). Meeting the Needs of Muslim Women: A Directory of Mosques in England. London: Faith Matters.
- Islamic Social Services Association Inc. and Women in Islam Inc. (n.d). Women Friendly Mosques and Community Centers: Working Together to Reclaim Our Heritage. New York: Islamic Social Services Association Inc. and Women in Islam Inc.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Standard Penarafan Masjid Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jones, D 2011 Istanbul working to make mosques more female-friendly. *Voice of America* (14 December). <http://www.voanews.com/content/istanbul-working-to-make-mosques-more-female-friendly-135693648/149596.html> (akses pada 20 Januari 2012).
- Kerajaan Negeri Terengganu. (2008). *Ringkasan Eksekutif: Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2008-2020*. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu.
- Md Zain, S.K., Abd Samad, R.N., Samsudin, M.M., Wan Mamat, W.A. (2017). Prasarana masjid mesra wanita Islam: satu tinjauan. e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017, 266-274.
- Safi, L. (2005) Toward Women-Friendly Mosques. *The American Journal of Islamic Social Sciences*,

22(3):148–157.

Sayeed, Sarah, Al-Adawiya, A., Bagby, I. 2013. Report Number 3 from the US Mosque Survey 2011: The American Mosque 2011 - Women and the American Mosque. Indiana: Islamic Society of North America.

Shannahan, D . (2013). Summary of Research Findings: Gender and Inclusivity in UK Mosques. [http://inclusivemosqueinitiative.org/wp-content/uploads/2013/05/in\\_the\\_shadow\\_of\\_uk\\_minarets-summary\\_of\\_research\\_findings.pdf](http://inclusivemosqueinitiative.org/wp-content/uploads/2013/05/in_the_shadow_of_uk_minarets-summary_of_research_findings.pdf) (akses 6 Feb 2014).

Suratkon, A., Abd Salam N.N., Rahmat, M.H, Mohd Arhan, A.S. Abd Wahab, I. Ghaffar, S.A. (2017). Woman Friendly Mosque, Features and Facilities: A Case Study on Masjid Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *IOP Conf. Series: Materials Science and Engineering* 291, 012019.

## LAMPIRAN 1 : KEMUDAHAN MESRA WANITA DI MASJID-MASJID TERPILIH

Ruang wuduk	Laluan tertutup yang tidak mungkin dilihat lelaki	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada selepas 2014	Tiada	Tiada
	Terlindung dari pandangan lelaki ketika berwuduk	Tidak	Ya	Tidak	Ya selepas 2011	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Ya selepas 2014	Ya	Ya
	Cangkuk atau para untuk meletakkan pakaian	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
Ruang persalinan	Terlindung dari pandangan lelaki ketika menyalin	Tidak	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
	Telekung disediakan	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
	Penggantung telekung	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Ada
	Cermin	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Ada
Ruang solat	Terlindung dari pandangan lelaki dari belakang	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
	Boleh melihat imam	Ya	Ya	Ya selepas 2013	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Tidak	Ya
Lain-lain	Penyaman udara	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Lelaki sahaja	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
	Mesin air panas dan sejuk	Tiada	Tiada	Lelaki sahaja	Tiada	Lelaki sahaja	Lelaki sahaja	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada

# **MENEROKA PENYERTAAN POLITIK MELALUI MEDIA BAHARU: KAJIAN KES WANITA DI SELANGOR**

*Marshelayanti Mohamad Razali*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*  
*marshela@fsk.upsi.edu.my*

*Kalsum Umar*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*  
*kalsum@fsk.upsi.edu.my*

*Nafisah Ilham Hussin*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*  
*nafisah@fsk.upsi.edu.my*

## **ABSTRAK**

Media baharu, khususnya Internet digunakan secara meluas pada masa kini dalam semua aspek kehidupan. Pengguna internet juga menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Dari aspek politik, ia mendorong penyertaan politik secara tidak langsung tanpa mengira jantina, umur, latar belakang pendidikan, dan sebagainya. Namun, wujud persoalan mengenai bagaimana mereka menggunakan media baharu bagi tujuan politik, khususnya pengguna wanita. Ini kerana wujud jurang kajian mengenai penggunaan media baharu bagi tujuan politik dalam kalangan wanita. Oleh itu, makalah ini akan mengkaji penyertaan politik melalui media baru dalam kalangan wanita di Selangor. Secara khusus, kajian ini akan melihat sejauh mana wanita di Selangor terlibat dalam aktiviti politik melalui media baharu dan adakah terdapat hubungan antara demografi dan penyertaan politik melalui media baharu. Untuk tujuan kajian ini, pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan digunakan. Responden kajian merupakan wanita di Selangor yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun dan dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik dan dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS. Secara umum, tinjauan mendapati bahawa responden menggunakan Internet untuk memperoleh berita dan maklumat politik, dan laman rangkaian sosial adalah media yang paling banyak digunakan dalam memperoleh maklumat politik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa media baharu mempunyai kesan positif terhadap politik kerana mendorong masyarakat, terutama wanita untuk terlibat dalam politik. Sebagai kesimpulan, artikel ini menggambarkan kesan penggunaan media baharu terhadap politik dan mencadangkan lebih banyak kajian dilakukan pada masa akan datang. Kerajaan juga boleh merangka program yang bersesuaian terutamanya untuk wanita bagi meningkatkan literasi politik mereka melalui media baharu, seterusnya dapat memperkasakan penglibatan politik wanita.

**Kata Kunci:** Penyertaan Politik, Media Baharu, Wanita, Selangor.

## PENGENALAN

Pada abad ke-21, masyarakat di seluruh dunia terdedah kepada penggunaan internet. Dapat dikatakan bahawa ia meliputi setiap aspek kehidupan termasuk sosial, ekonomi, dan politik. Dalam aspek politik, internet digunakan oleh semua pihak, tidak kira pemimpin, parti politik maupun rakyat biasa. Pemimpin dan parti politik menggunakan internet sebagai medium perantaraan antara mereka dengan rakyat, manakala rakyat pula menggunakannya untuk pelbagai tujuan. Penggunaan internet dalam kalangan rakyat ini dilihat dapat meningkatkan penyertaan politik mereka secara tidak langsung. Ini kerana media baharu menawarkan pelbagai platform untuk melibatkan diri dalam politik.

Penyertaan politik pada masa kini perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar meliputi penglibatan politik secara tradisional dan bukan tradisional. Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara yang berkaitan dengan penyertaan politik tradisional namun kebanyakannya hanya mengukur sikap dan tingkah laku, khususnya pengundian. Terdapat juga kajian yang melihat penyertaan politik bukan tradisional seperti penyertaan politik atas talian dan aktiviti politik melalui media baharu. Namun, masih terdapat jurang tentang bagaimana wanita menggunakannya untuk tujuan politik. Justeru, secara khususnya kajian ini menceroka sejauh mana wanita di Selangor terlibat dalam aktiviti politik melalui media baharu dan adakah terdapat hubungan antara demografi dan penyertaan politik melalui media baharu.

## WANITA, INTERNET DAN POLITIK

Terdapat pelbagai definisi penyertaan politik yang dikemukakan oleh sarjana sains politik. Huntington & Nelson (1976) mendefinisikan penyertaan politik sebagai aktiviti yang bertujuan mempengaruhi pemilihan pegawai pemerintah dan / atau tindakan yang mereka lakukan. Sarjana lain pula mendefinisikannya sebagai aktiviti yang dirancang untuk mempengaruhi tindakan pemerintah dan bertujuan mempengaruhi keputusan pemerintah (Verba & H.Nie, 1987). Oleh itu, penyertaan politik biasanya dapat difahami sebagai aktiviti warganegara yang bertujuan mempengaruhi proses pemerintahan dan dasar awam (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2004). Penyertaan politik boleh dibahagikan kepada dua iaitu penyertaan politik secara tradisional dan penyertaan politik bukan tradisional. Aktiviti-aktiviti atau tingkah laku yang kebiasaannya dilakukan dan diamalkan dalam sesebuah masyarakat dikategorikan sebagai penyertaan politik secara tradisional, seperti mengundi, berkempen, dan keahlian dalam parti politik; manakala penyertaan politik bukan tradisional merujuk kepada penyertaan politik yang dilakukan melalui internet, iaitu aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam talian menerusi media baharu.

Kajian mengenai penyertaan politik wanita bukanlah sesuatu yang baharu. Penyertaan wanita dalam politik di Malaysia dapat dikesan sejak zaman pra-kemerdekaan lagi. Mereka mula aktif dalam politik parti dengan menyertai organisasi tertentu. Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Pergerakan Kaum Ibu UMNO (PKI) adalah antara organisasi wanita terawal yang ditubuhkan untuk mencapai objektif tertentu (Syaabah & Wan Asna, 2014). Hingga kini, terdapat beberapa organisasi dan sayap parti politik yang aktif dan lantang untuk menegakkan hak wanita seperti Pergerakan Wanita UMNO dan Dewan Muslimat PAS. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, wanita mula melibatkan diri secara aktif dalam politik berbanding ketika di awal kemerdekaan dahulu. Jumlah wanita yang bertanding dalam pilihan raya dan memegang jawatan di Parlimen semakin meningkat. Walaupun jurang antara lelaki dan wanita masih ada, namun peningkatan penyertaan wanita ini menunjukkan bahawa mereka boleh bersaing dengan kaum lelaki di dalam politik.

Selain melibatkan diri sebagai wakil pemimpin politik, pengundian merupakan jenis penyertaan politik yang paling tinggi, dan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi mereka untuk berpartisipasi dalam politik. Kajian yang dilakukan di Perak mendapati bahawa sokongan daripada jiran merupakan faktor utama yang mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam politik (Syaabah & Wan Asna, 2011). Selain itu, kajian yang dilakukan di Pulau Pinang juga mendapati bahawa wanita mengundi dalam setiap pilihan raya yang diadakan (Wan Asna, Salfarina, Mohamad Zaini, & Zainon, 2014). Ini mungkin disebabkan oleh pemahaman mereka bahawa mengundi di dalam pilihan raya bukanlah indikator yang menentukan seseorang itu melibatkan diri secara aktif di dalam politik (Wan Asna,

Salfarina, Mohamad Zaini, & Zainon, 2011). Namun, terdapat sebilangan kecil wanita yang tidak terlibat dalam politik, dan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti komitmen dengan keluarga dan lain-lain. Inilah merupakan antara halangan yang membataskan penyertaan politik wanita, kerana jika seseorang wanita menjadi pemimpin, mereka harus membahagikan waktu antara keluarga dan kerjaya (Khairunnisa & Zakaria, 2013).

Seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), sarjana juga mula meneroka penyelidikan berkaitan Internet dan politik. Melalui internet, rakyat boleh mencari maklumat politik di pelbagai platform, berbincang mengenai isu politik melalui rangkaian laman sosial, memberi pendapat politik melalui blog, dan pelbagai aktiviti yang lain. Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan untuk melihat aktiviti politik rakyat di dalam talian. Selain itu, penyelidik juga berminat mengkaji gender dan penggunaan Internet bagi tujuan politik. Fallon (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa aktiviti politik dalam talian banyak dikuasai oleh lelaki. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat itu mendapati bahawa wanita kurang mendapat maklumat politik melalui Internet (Vaccari, 2013). Manakala dalam kajian yang lain pula mendapati bahawa penggunaan media sosial untuk tujuan politik di antara lelaki dan wanita adalah hampir sama, kerana aplikasi tersebut membolehkan mereka untuk berhubung dengan rakan-rakan dan berkongsi maklumat dengan orang yang mereka kenali (Gelber, 2011).

Di Malaysia, masih terdapat jurang kajian yang meneliti bagaimana wanita menggunakan internet untuk tujuan politik. Justeru, kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut dengan meneroka aktiviti politik melalui media baharu dalam kalangan wanita di Selangor.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Sampel terdiri daripada 211 responden wanita yang berumur di antara 18-40 tahun di Selangor dan dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS 23.0, dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Daripada 211 responden yang menjawab borang soal selidik, majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu, iaitu 137 orang (64.9%), diikuti dengan responden berbangsa Cina seramai 56 orang (26.5%), India seramai 16 orang (7.6%), dan lain-lain kaum seramai 2 orang (0.9%). Dari segi kawasan kediaman responden, majoriti daripada mereka tinggal di kawasan bandar, iaitu seramai 158 orang (74.9%), diikuti dengan 53 orang responden (25.1%) tinggal di kawasan luar bandar. Dari segi latar belakang pendidikan, majoriti responden mempunyai STPM / Sijil / Diploma, iaitu seramai 72 orang (34.1%), diikuti oleh mereka mempunyai SPM dengan 71 responden (33.6%), dan mereka yang mempunyai Ijazah ke atas dengan 61 orang (28.9%). Hanya sebilangan kecil responden adalah lepasan SRP / PMR iaitu seramai 6 orang (2.8%); dan hanya seorang responden (0.5%) adalah lepasan sekolah rendah. Jadual 1 di bawah menunjukkan demografi responden bagi kajian ini.

**Jadual 1. Demografi Responden**

Demografi		Kekerapan (N=211)	Peratus (%)
Kaum	Melayu	137	64.9
	Cina	56	26.5
	India	16	7.6
	Lain-lain	2	0.9

Kawasan Kediaman	Bandar	158	74.9
	Luar Bandar	53	25.1
Pendidikan	Sekolah Rendah	1	0.5
	SRP/PMR	6	2.8
	SPM	71	33.6
	STPM/Sijil/Diploma	72	34.1
	Ijazah dan ke atas	61	28.9
Pendapatan	Tiada Pendapatan	71	33.6
	Bawah RM 1500	62	29.4
	RM1500 – RM 3000	53	25.1
	RM 3001 dan ke atas	25	11.8

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dan perbincangan dapatan tersebut. Ia akan mengupas dahulu aktiviti politik melalui media baharu dan kemudiannya perbincangan mengenai hubungan di antara demografi dan aktiviti politik melalui media baharu.

### Aktiviti Politik melalui Media Baharu

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di dalam talian kerana Internet dapat diakses di mana-mana dan di setiap masa. Seperti aspek yang lain, terdapat beberapa aktiviti politik yang terdapat di media baharu. Untuk tujuan kajian ini, terdapat beberapa item yang ditanya mengenai aktiviti politik di Internet dan responden diminta untuk memilih skala jawapan kepada pernyataan yang diberikan.

Jadual 2 menunjukkan bahawa aktiviti politik yang paling banyak dilakukan oleh responden adalah mencari berita politik dari Internet (83.9%), manakala aktiviti politik yang kurang dilakukan oleh responden adalah menghantar emel yang mempunyai maklumat politik (32.2%). Lebih daripada separuh responden kerap membincangkan politik melalui laman sosial (55.9%), diikuti dengan menonton video politik (52.6%), dan membaca / mengulas blog politik (49.8%).

**Jadual 2. Aktiviti Politik melalui Media Baharu**

Aktiviti Politik melalui Media Baharu	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Min
Saya kerap mencari maklumat politik dari Internet	5.2	10.9	83.9	4.07
Saya kerap berbincang isu-isu politik melalui laman sosial	29.0	25.1	55.9	3.47
Saya kerap membaca/memberi komen di blog-blog politik	26.5	23.7	49.8	3.36

Saya kerap menghantar emel yang mengandungi maklumat politik	45	22.7	32.2	2.82
Saya kerap menonton video politik	22.3	24.2	52.6	3.45

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa responden menyertai politik secara tidak langsung. Dengan perkembangan TMK, rakyat mula melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti politik di media baharu, dan tanpa mereka sedari ia adalah aspek penyertaan politik. Aktiviti-aktiviti politik di media baharu ini merupakan sebahagian dari penyertaan politik bukan tradisional. Ini kerana penyertaan politik masa kini telah mengalami evolusi dan tidak tertumpu kepada mengundi, berkempen, atau penyertaan di dalam parti politik sahaja, iaitu bentuk penyertaan politik tradisional.

Oleh kerana pencarian maklumat politik di internet merupakan aktiviti yang kerap dilakukan oleh responden di media baharu, kajian ini berminat untuk mengetahui medium apakah yang kerap digunakan untuk mencari maklumat politik tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa 57.4% responden bersetuju bahawa mereka selalu menggunakan laman sosial dalam mencari maklumat politik. Ia diikuti oleh akhbar dalam talian (36.5%) dan laman web politik (34.5%). Data juga menunjukkan bahawa hanya 28.3% responden yang bersetuju bahawa mereka menggunakan blog politik dalam mencari maklumat politik.

**Jadual 3. Platform Carian Maklumat Politik**

Platform Carian Maklumat Politik	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Min
Saya kerap mencari maklumat politik melalui akhbar dalam talian	38.3	25.2	36.5	1.98
Saya kerap mencari maklumat politik melalui laman sesawang politik	43.2	22.3	34.5	1.91
Saya kerap mencari maklumat politik melalui blog politik	51.7	20	28.3	1.77
Saya kerap mencari maklumat politik melalui laman sosial	27.1	14.5	57.4	2.31

Laman sosial bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk bersosial tetapi ia juga digunakan untuk tujuan lain termasuklah politik. Facebook merupakan laman sosial yang mempunyai pengguna tertinggi di Malaysia. Pada masa kini, pemimpin politik turut menggunakan platform ini untuk mendekatkan diri dengan rakyat. Pelbagai hantaran (*posting*) dan status dimuat naik bagi membolehkan rakyat mengetahui perkembangan politik semasa menyebabkan rakyat gemar untuk menggunakan platform ini bagi mendapatkan maklumat politik terkini.

#### **Hubungan antara Demografi dan Aktiviti Politik melalui Media Baharu**

Hubungan antara latar belakang demografi responden dan aktiviti politik melalui media baharu juga dikaji dalam kajian ini. Untuk tujuan tersebut, ujian Kruskal-Wallis digunakan bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah tersebut.

Bagi pembolehubah kaum, terdapat empat kumpulan yang terlibat di dalam kajian ini iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara aktiviti politik melalui media baharu dan kaum,  $\chi^2 (2, N = 211) = 17.18, p = .001$ . Pemeriksaan peringkat min bagi kumpulan menunjukkan bahawa mereka kaum Melayu merupakan pengguna Internet yang paling tinggi untuk aktiviti politik, manakala kaum India pula dilaporkan sebagai pengguna paling rendah.

Bagi kawasan kediaman, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan,  $\chi^2 (2, N = 211) = 8.244, p = .004$ . Responden yang tinggal di bandar dilaporkan sebagai pengguna tertinggi yang melibatkan diri dengan aktiviti politik melalui media baharu berbanding responden yang tinggal di luar bandar.

Hasil analisis bagi pendidikan pula mendapati bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan,  $\chi^2 (2, N = 211) = 11.62, p = .20$ . Responden yang mempunyai SPM dilaporkan sebagai pengguna tertinggi yang terlibat dengan aktiviti politik melalui media baharu, manakala responden yang mempunyai pendidikan sekolah rendah pula dilaporkan sebagai yang paling rendah melibatkan diri dalam aktiviti ini.

Bagi pembolehubah pendapatan pula, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan d,  $\chi^2 (2, N = 211) = 22.63, p = .001$ . Responden yang mempunyai pendapatan di antara RM1500 hingga RM3000 dilaporkan paling tinggi melibatkan diri dalam aktiviti politik melalui media baharu manakala responden yang tidak mempunyai pendapatan dilaporkan sebagai yang paling rendah melibatkan diri dalam aktiviti ini. Jadual 3 berikut menunjukkan hubungan antara demografi dan aktiviti politik melalui media baharu:

**Jadual 3. Hubungan antara Demografi dan Aktiviti Politik melalui Media Baharu**

Demografi	Aktiviti Politik (p)
Kaum	.001
Kawasan Kediaman	.004
Pendidikan	.20
Pendapatan	.00

Kajian ini menunjukkan bahawa media baharu, iaitu Internet digunakan secara meluas dalam aspek politik. Secara tidak langsung, ia mendorong untuk memupuk penyertaan politik dalam kalangan rakyat iaitu melalui penyertaan bukan tradisional. Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk melihat bagaimana rakyat Malaysia, khususnya wanita di Selangor menggunakan Internet sebagai alat untuk berpartisipasi dalam politik. Kajian ini mendapati bahawa responden kerap melibatkan diri dalam aktiviti politik untuk memperoleh maklumat politik dari Internet, dan hasil terperinci menunjukkan bahawa mereka mencari maklumat politik melalui laman sosial. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa wanita di Selangor turut melibatkan diri dalam politik, namun ia merupakan penyertaan politik dalam bentuk baru, iaitu melalui cara digital bersesuaian dengan perubahan persekitaran hari ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penglibatan wanita dalam politik adalah penting. Mereka boleh melibatkan diri dalam politik melalui pelbagai saluran. Internet merupakan antara saluran baru yang boleh digunakan oleh wanita dalam politik, dan ini dianggap sebagai kaedah penyertaan politik yang baharu. Penyertaan politik wanita, tidak kira penyertaan tradisional atau bukan tradisional adalah penting kerana ini merupakan antara langkah menuju kesamarataan gender sejagat, terutama dalam aspek politik.

Sebagai ringkasnya, artikel ini menggambarkan kesan penggunaan media baharu terhadap politik dan mencadangkan lebih banyak kajian dilakukan pada masa akan datang. Kerajaan juga boleh merangka

program yang bersesuaian terutamanya untuk wanita bagi meningkatkan literasi politik mereka melalui media baharu, seterusnya dapat memperkasakan penglibatan politik wanita.

## RUJUKAN

- Choudhury, N. (2010). The Question of Empowerment: Women's Perspective on Their Internet Use. *Gender, Technology and Development*, 13(3), 341–363. doi:10.1177/097185241001300302
- Fallon, F., Williamson, A., & Pack, M. (2011). *Gender and Digital Politics*. UK: Hansard Society.
- Gelber, A. (2011). Digital Divas: Women, Politics and the Social Network. *Discussion Paper Series*, 1-39.
- Hirzalla, F., van Zoonen, L., & de Ridder, J. (2010). Internet Use and Political Participation: Reflections on the Mobilization/Normalization Controversy. *The Information Society*, 27(1), 1–15. doi:10.1080/01972243.2011.534360
- Huntington, S. P., & Nelson, J. M. (1976). *No Easy Choice: Political Participation in Developing Countries*. Harvard University.
- Khairunnisa Ahmad Hamidi & Zakaria Mustafa. (2013). Politik Gender: Perbandingan Peranan Wanita Dan Proses Politik Di Malaysia-Jepun: Halangan Dan Prospek. *ICSSR E-Journal Of Social Science Research*, 266-283.
- Syaaiyah Zulkipli & Wan Asna Wan Mohd Nor. (2014). Wanita dalam Politik: Satu Tinjauan. In Wan Asna Wan Mohd Nor (Ed.), *Wanita dan Isu-isu Kontemporari* (pp. 65 – 78). USM: Penerbit Pusat Pengajian Jarak Jauh.
- Syaaiyah Zulkipli & Wan Asna Wan Mohd Nor. (2011). Penglibatan Politik Wanita UMNO dan PAS: Kajian Awal di Perak. *Science and Arts Intellectual Series*, 2(1), 8-14.
- The Electoral Commission., (2004). *Gender and Political Participation*. London: The Electoral Commission.
- Vaccari, C. (2013). *Digital Politics in Western Democracies: A Comparative Study*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- Verba, S., & H.Nie, N. (1987). *Participation in America: Political Democracy and Social Equality*.
- Wan Asna Wan Mohd Nor, Salfarina Abdul Gapor, Mohamad Zaini Abu Bakar & Zainon Harun. (2011). Sustainable Democratic Governance : Some Issues in Women's Political Participation. *Jurnal of US-China Public Administration*, 8(4), 438–443.
- Wan Asna Wan Mohd Nor, Salfarina Abdul Gapor, Mohamad Zaini Abu Bakar & Zainon Harun. (2014). Sikap Politik dan Kelakuan Mengundi Wanita di Pulau Pinang. In Wan Asna Wan Mohd Nor (Ed.), *Wanita dan Isu-isu Kontemporari* (pp. 185 – 194). USM: Penerbit Pusat Pengajian Jarak Jauh.
- Weiser, E. B. (2000). Gender Differences in Internet Use Patterns and Internet Application Preferences: A Two-Sample Comparison. *CyberPsychology and Behavior*, 3(2).

## MENGUPAYAKAN KEPIMPINAN WANITA DI DALAM ORGANISASI: KAJIAN AWAL PERSEPSI AHLI IKRAM PERAK TERHADAP PERBEZAAN GAYA KEPIMPINAN LELAKI DAN WANITA

*Zurina binti Mansor*  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
[zurina.mansor@ikram.org.my](mailto:zurina.mansor@ikram.org.my)

*Kerisiah binti Mohd Daud*  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
[kerisiah@gmail.com](mailto:kerisiah@gmail.com)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan gaya kepimpinan lelaki dan wanita di dalam konteks persepsi umum masyarakat. Kajian menggunakan data primer iaitu pengedaran soalselidik atas talian kepada responden yang terdiri dari ahli-ahli sebuah organisasi bukan kerajaan (IKRAM) sebagai kajian awal. Penggunaan data sekunder juga dibuat berdasarkan kajian-kajian lepas. Dari data kajian awal didapati hanya lima dari dua puluh dua item soalselidik menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kepimpinan lelaki dan wanita. Dari kajian kajian lalu pula terdapat percanggahan keputusan yang bermakna tidak terdapat bukti yang jelas yg menunjukkan perbezaan antara kepimpinan lelaki dan wanita. Perbezaan yang didapati lebih menunjukkan bahawa wanita mempunyai ciri ciri kepimpinan yang boleh di manfaatkan untuk menjadi pemimpin yg baik. Kurangnya usaha mengupayakan kepimpinan wanita adalah disebabkan pandangan-pandangan dan persepsi yang tidak benar mengenai keupayaan wanita untuk memimpin. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani dengan baik . Wanita perlu menonjolkan diri dan mengasah bakat kepimpinan mereka untuk menjadi pemimpin dan persepsi-persepsi yang kurang tepat mengenai keupayaan wanita untuk memimpin perlu diperjelaskan kepada umum agar kepimpinan wanita dapat diangkat ke tempat yang sewajarnya dan gaya kepimpinan yang sinonim dengan kaum wanita dapat digunakan untuk kebaikan massa. Wanita juga perlu bersedia digerakkan untuk berada di dalam barisan kepimpinan.

**Kata kunci:** Gaya kepimpinan, mengupayakan, kepimpinan wanita

## PENGENALAN

Kepimpinan merupakan satu tanggung jawab dan amanah yang telah dipikulkan kepada manusia yang diberi tugas sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini. Lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab kepimpinan samada pada peringkat negara, negeri, kawasan dan juga institusi-institusi atau organisasi di dalam masyarakat. Konsep kepimpinan adalah topik yang sentiasa menjadi subjek kajian sejak sekian lama. Ciri-ciri kepimpinan dan gaya kepimpinan berdasarkan gender juga telah melalui banyak kajian. Kepimpinan wanita di dalam sesebuah negara adalah juga isu yang sering diperbincangkan samada di peringkat kepimpinan parti-parti politik atau pun pimpinan organisasi-organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang memperjuangkan prinsip kesamarataan gender di dalam kepimpinan.

Statistik Pemerksaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bersempena Hari Wanita 2020 menganggarkan peratusan wanita yang terlibat sebagai penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus adalah sebanyak 24.7%, manakala di peringkat profesional dan pekerja teknikal peratus penglibatan wanita adalah sebanyak 44.3%. Wanita yang menguasai parliment adalah sebanyak 14.4% dan wanita yang diberikan jawatan Menteri adalah sebanyak 17.9%. Sasaran 30% wanita pembuat keputusan di dalam sektor swasta pula belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Hanya 17.2% sahaja dari 937 syarikat swasta yang telah mencapai sasaran tersebut (*Utusan Malaysia Online*). Jika dilihat dari statistik yang telah dibentangkan, memperlihatkan bahawa penglibatan wanita di dalam barisan kepimpinan yang berperanan sebagai pembuat dasar atau pun keputusan masih rendah samada di sektor awam, swasta atau pun dalam bidang politik.

Wanita sebenarnya telah pun membuktikan mereka boleh menjadi pemimpin-pemimpin negara, organisasi atau institusi di dalam sesebuah negara. Namun sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap kepimpinan wanita masa kini di Malaysia. Walaupun anggapan bahawa kepimpinan wanita di Malaysia telah pun diterima oleh sebahagian besar masyarakat, namun secara praktisnya kita masih melihat kurangnya wanita yang dilantik menerajui barisan kepimpinan sesebuah organisasi atau institusi kerajaan atau bukan kerajaan yang berkait rapat dengan kebijakan dan pembelaan wanita. Kesedaran tentang pemilihan kepimpinan wanita yang dapat memahami isu-isu berkaitan dengan wanita perlu ditingkatkan di kalangan ahli-ahli pimpinan supaya dapat mengangkat keupayaan kepimpinan wanita di dalam sesuatu organisasi. Jika ahli-ahli pimpinan tidak mempunyai kesedaran tentang kepimpinan wanita, dasar kerajaan untuk meramaikan wanita di dalam kepimpinan pada semua peringkat tidak akan tercapai dan isu-isu yang melibatkan kaum wanita juga sukar untuk ditangani.

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan kepentingan mengkaji perbezaan gaya kepimpinan wanita dan lelaki. Berdasarkan keputusan-keputusan kajian yang telah dijalankan dan di susuli dengan kajian awal mengikut persepsi dan pengalaman ahli-ahli di dalam sebuah badan bukan kerajaan (NGO) IKRAM beberapa cadangan telah di buat untuk mengupayakan kepimpinan wanita di dalam organisasi dan masyarakat. Kajian ini hanyalah merupakan kajian awal untuk melihat kepentingan mengkaji dengan lebih mendalam persepsi tentang perbezaan gaya kepimpinan lelaki dan wanita di dalam usaha mengupayakan kepimpinan wanita.

## LATAR BELAKANG

Wanita merupakan aset penting negara di dalam setiap bidang terutama sekali bidang-bidang yang secara langsung menangani isu-isu berkaitan wanita seperti pendidikan, kesihatan dan yang seumpamanya. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik di dalam Laporan Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia, Suku Kedua 2020 oleh Jabatan Statistik Malaysia menganggarkan bahawa wanita telah menyumbang sebanyak 38.9% dari tenaga buruh. Keperihatinan terhadap isu-isu berkaitan kebijakan dan pembelaan wanita biasanya lebih mudah difahami dan diperjuangkan oleh kaum wanita sendiri. Justeru kepimpinan wanita perlu diberikan peluang di dalam organisasi atau institusi umum supaya isu-isu berkaitan wanita dapat ditangani dengan lebih berkesan. Namun jika masih terdapat persepsi yang kurang tepat mengenai kemampuan wanita untuk memimpin, ini akan menyebabkan kurangnya wanita yang dilantik menerajui atau terlibat di dalam barisan kepimpinan sesuatu organisasi tersebut.

Kepimpinan di takrif secara umum sebagai keupayaan individu atau sekumpulan individu di dalam organisasi untuk mengetuai, mempengaruhi atau membimbing individu-individu lain, kumpulan atau keseluruhan organisasi. Northouse (2010) mentakrifkan kepimpinan sebagai proses di mana seseorang individu mempengaruhi sekumpulan individu lain untuk mencapai matlamat yang tertentu. Namun kajian-kajian mengenai konsep dan takrif kepimpinan juga telah menghasilkan berbagai definisi mengikut keperluan kajian masing-masing. Definisi kepimpinan menurut Warren Bennis seorang konsultan organisasi Amerika yang terkenal ialah kebolehan seseorang untuk menterjemahkan visi menjadi realiti. Menurut Bill Gates, pemimpin ialah mereka yang dapat memperkasakan orang lain. Kepimpinan juga dapat ditakrifkan sebagai satu proses pengaruh sosial yang dapat memaksimumkan keupayaan orang lain ke arah pencapaian matlamat sesuatu organisasi (Kruse 2013). Ulrich et al. (1999) mengatakan bahawa faktor kepimpinanlah yang membezakan antara sesebuah organisasi yang berjaya atau sebaliknya.

Pemimpin mempunyai pengaruh yang penting untuk membentuk gelagat atau tingkah laku dan cara berfikir seseorang dalam sesebuah institusi keluarga, organisasi maupun negara. Kehebatan mengurus dalam diri seorang pemimpin terserah apabila kepimpinannya dapat mempengaruhi pengikutnya dari segi komitmen (Khan et al., 2013), kepuasan (Thamrin, 2012), kreativiti (Gumusluoglu & Ilsev, 2009), ketenangan (Amrozi, 2014) dan prestasi kerja (Thamrin, 2012) dalam mencapai matlamat organisasi.

Konsep kepimpinan mengikut Al-Quran ialah berdasarkan ayat 68 Surah Ali Imran di mana perkataan al-wali, yang bermaksud penolong atau pelindung. Ini menjelaskan pemimpin sebagai melindungi dan mempertahankan ahli-ahli di bawah pimpinannya. Perkataan Khalifah (Al-Baqarah:30) juga menjelaskan maksud kepimpinan iaitu seorang yang mentadbir dan menjalankan tugas-tugas mentadbir yang diamanahkan kepadanya (Thalib, 2015).

Gaya kepimpinan pula merujuk kepada ciri tingkah-laku seseorang pemimpin apabila mengarah, memotivasikan, membimbing dan mengurus sekumpulan pengikut atau ahli-ahli pimpinannya. Hersey dan Blanchard (1988) mentakrifkan gaya kepimpinan sebagai tingkahlaku kepimpinan dengan dua dimensi bebas yang jelas: dimensi tugas yang merangkumi penetapan matlamat, organisasi, arah tuju dan kawalan manakala dimensi hubungan pula melibatkan sokongan, interaksi dan pendengaran aktif. Pendengaran aktif bermaksud keupayaan untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada penutur, memahami mesej mereka, memahami maklumat dan bertindak balas dengan teliti. Terdapat berbagai gaya kepimpinan yang sering diperbincangkan oleh para sarjana seperti gaya kepimpinan transformasi, transaksional, autokratik dan laissez-faire.

Kajian mengenai perbezaan gaya kepimpinan antara lelaki dan wanita menghasilkan keputusan yang kadang kala bercanggah antara satu sama lain. Eagly, et al, (2003) telah menjalankan analisis untuk membandingkan gaya kepimpinan antara lelaki dan wanita mengikut gaya kepimpinan transformasi, transaksional dan laissez-faire.

Pemimpin transformasional memotivasi dan menjelaskan visi masa depan bersama. Mereka berkomunikasi dengan baik. Mereka memberi inspirasi kepada ahli-ahli pimpinannya kerana mereka mengharapkan yang terbaik dari semua orang dan juga bersifat bertanggungjawab. Gaya kepemimpinan transaksional pula menganggap individu tidak termotivasi untuk melakukan tugas-tugas mereka. Oleh karena itu, untuk mengelola organisasi, pemimpin menggunakan hadiah dan hukuman sebagai alat untuk mendorong kepatuhan dari orang bawahan. Mereka juga mengembangkan struktur, peraturan dan pengawasan untuk mendorong bawahan untuk melaksanakan tugas dan pekerjaan.

Kepimpinan Laissez-faire, yang juga dikenali sebagai kepemimpinan delegasi pula adalah gaya kepimpinan di mana para pemimpin beralih dan membolehkan ahli kumpulan membuat keputusan. Penyelidik mendapati bahawa ini biasanya gaya kepimpinan yang membawa kepada produktiviti terendah di kalangan ahli kumpulan.

Keputusan kajian telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di dalam kebanyakan aspek di dalam ketiga-tiga gaya kepimpinan tersebut. Salah satu daptan yang menarik dari kajian ini ialah wanita mempunyai gaya kepimpinan yang lebih efektif, lebih bersifat transformasi terutama yang berkaitan aspek memberi sokongan dan motivasi kepada pekerja bawahan. Pemimpin yang

mengamalkan gaya transformasi ini akan berupaya memotivasi pekerja mereka agar hasil kerja yang dilakukan lebih baik dari yang dijangkakan (Yammarino et al. 1993) serta dapat membangkitkan kesedaran tentang kepentingan bekerjasama di dalam kumpulan atau organisasi (Yammarino dan Dubinsky, 1994).

Kajian Gardiner dan Tinggeman (1999) pula mendapati bahawa gaya kepimpinan seseorang pemimpin dipengaruhi oleh jantina. Walaubagaimana pun kajian oleh Eagly & Karau (2002) dan Tahmincioglu (2007) mendapati bahawa wanita dan lelaki sebenarnya mempunyai kelayakan yang sama untuk dipilih menjadi pemimpin tetapi lelaki yang akan selalunya dipilih sebagai pemimpin yang disukai oleh ahli-ahli bawahan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Persepsi umum terhadap gaya kepimpinan lelaki dan gaya kepimpinan wanita akan menentukan samada kepimpinan wanita akan diangkat menerajui sesuatu institusi atau organisasi samada kerajaan ataupun swasta terutama sekali jika pemilihan kepimpinan dilakukan secara pengundian oleh ahli-ahli sesebuah organisasi tersebut. Persepsi tentang adanya perbezaan gaya kepimpinan di kalangan kepimpinan wanita dan lelaki kadang kala menidakkan kemampuan wanita untuk menerajui institusi atau pun organisasi tertentu di dalam masyarakat. Persepsi yang ditunjukkan juga dapat dikaitkan dengan kurangnya kecenderungan untuk memilih lebih ramai wanita menerajui atau terlibat di dalam barisan kepimpinan untuk bidang-bidang yang dirasakan lebih mencabar seperti di dalam bidang politik, kewangan dan sebagainya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan menilai persepsi umum terhadap perbezaan gaya kepimpinan atau ciri-ciri kepimpinan di antara pemimpin lelaki atau wanita . Seterusnya perbincangan akan menjurus kepada gaya kepimpinan yang lebih menonjol dan sinonim dengan wanita menurut kajian-kajian yang lepas. Seterusnya kajian ini melihat kepada cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam mengupayakan kepimpinan wanita dan mencadangkan inisiatif yang boleh diambil oleh kaum wanita untuk lebih kedepan di dalam kepimpinan. Kepentingan untuk menguruskan persepsi ini memerlukan kajian yang lebih terperinci dijalankan untuk melihat persepsi masyarakat umum terhadap perbezaan gaya kepimpinan lelaki dan wanita supaya berdasarkan persepsi umum, langkah-langkah yang terancang dapat dilaksanakan untuk mengangkat keupayaan kepimpinan wanita di dalam mana-mana organisasi terutama yang melibatkan ramai pekerja atau ahli-ahli wanita.

## **METODOLOGI**

Data sekunder digunakan untuk melihat keputusan-keputusan dari kajian yang lepas mengenai perbezaan di antara kepimpinan lelaki dan wanita.

Tinjauan awal telah menggunakan soal selidik secara atas talian di kalangan ahli-ahli organisasi. Teknik pensampelan adalah secara teknik pensampelan kelompok di mana dari 11 kawasan , hanya 4 kawasan sahaja yang dipilih dan responden di pilih secara rawak dari sub kelompok yang telah dikenal pasti. Untuk kajian awal bilangan sampel yang disasarkan ialah 35 responden sahaja . Analisis data ialah menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferens (ujian t).Responden dikehendaki memberikan nilai skor dari 1 hingga 10 bagi ciri-ciri kepimpinan yang terdapat kepada pemimpin wanita dan pemimpin lelaki berdasarkan pengalaman masing-masing. Ciri-ciri kepimpinan yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri kepimpinan umum yang telah dikenal pasti di dalam kebanyakan kajian dan juga beberapa ciri-ciri kepimpinan Islam.

## **DAPATAN KAJIAN**

### ***Profil responden***

Responden terdiri dari 23 orang wanita dan 12 orang lelaki. 63% adalah terdiri dari responden yang berumur di antara 30 hingga 39 tahun manakala 20% adalah berumur di antara 40 hingga 49 tahun dan 8.6% adalah yang berumur di antara 20 hingga 29 tahun dan 50 hingga 59 tahun. 65.7 % pula adalah terdiri dari lulusan sarjana muda, 20% lulusan diploma, 8.6% lulusan ijazah sarjana dan 5.7% adalah lulusan SPM.

## Statistik deskriptif

**Jadual 1: Min skor antara kepimpinan lelaki dan wanita**

Gaya/Ciri kepimpinan	Gender	Min
1. Mempunyai sifat penyayang dan empati	Lelaki	5.31
	Wanita	7.20
2. Dapat menjadi "role model" kepada ahli-ahli bawahan	Lelaki	6.43
	Wanita	6.74
3. Mudah berkompromi	Lelaki	6.06
	Wanita	6.37
4. Bersikap jujur dan beretika	Lelaki	6.63
	Wanita	6.8
5. Bersikap memujuk	Lelaki	5.4
	Wanita	6.51
6. Boleh bekerja di bawah tekanan	Lelaki	6.89
	Wanita	6.06
7. Bersedia mengambil risiko	Lelaki	6.09
	Wanita	6.86
8. Menunjukkan nada kesopanan dan rasa hormat	Lelaki	6.29
	Wanita	6.80
9. Bersedia mendengar permasalahan ahli-ahli pimpinannya	Lelaki	6.29
	Wanita	6.8
10. Bersedia meneliti dan menimbang fakta sebelum membuat keputusan	Lelaki	6.34
	Wanita	6.74
11. Melaksanakan mesyuarah secara meluas dengan melibatkan mereka yang berada di dalam susunan organisasi di dalam membuat sesuatu keputusan	Lelaki	6.60
	Wanita	6.31
12. Mengambil keputusan yang tegas di dalam berbagai situasi	Lelaki	6.57
	Wanita	6.34
13. Hikmah dan matang dalam sesuatu tindakan	Lelaki	6.57
	Wanita	6.65
14. Lebih bersikap mendidik berbanding hanya memberi arahan kepada ahli-ahli pimpinannya	Lelaki	6.02
	Wanita	6.63
15. Memberi peluang kepada individu lain untuk menyuarakan pendapat	Lelaki	6.09
	Wanita	6.57

16. Membangunkan kerjasama produktif dalam kumpulan	Lelaki	6.25
	Wanita	6.63
17. Kemampuan menggerakkan ahli-ahli pimpinannya	Lelaki	6.37
	Wanita	6.6
18. Pegangan kuat terhadap prinsip keadilan	Lelaki	6.48
	Wanita	6.77
19. Mempunyai keberanian untuk menyuarakan pendapat yang bertentangan arus	Lelaki	6.71
	Wanita	6.6
20. Memahami dan menguasai persekitaran	Lelaki	6.45
	Wanita	6.62
21. Mempamerkan perilaku yang baik	Lelaki	6.63
	Wanita	6.91
22. Memotivasi ahli-ahli pimpinannya.	Lelaki	6.37
	Wanita	6.54

Berdasarkan data yang telah dianalisis menggunakan Perisian SPSS menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan ketara di antara min skor pemimpin lelaki dan wanita bagi setiap ciri-ciri kecuali ciri bersikap penyayang dan empati di mana min skor bagi wanita ialah 7.0 dan min skor bagi lelaki ialah 5.31.

Menggunakan ujian t berpasangan ,dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 5% terhadap ciri-ciri mempunyai sifat penyayang dan empati, bersikap memujuk dan menunjukkan gaya kesopanan dan rasa hormat di mana pemimpin wanita lebih banyak memiliki ciri-ciri tersebut. Bagi pemimpin lelaki pula mereka lebih banyak memiliki ciri-ciri boleh bekerja di bawah tekanan dan bersedia mengambil risiko. 91.4% responden atau 32 orang dari jumlah responden akan memilih pemimpin yang dirasakan mampu memimpin dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan tanpa mengira jantina, 5.7% atau dua orang cenderung untuk memilih lelaki dan hanya seorang yang akan memilih pemimpin wanita jika diberi peluang untuk memilih pemimpin. Hampir 97.1% responden atau 34 orang dari jumlah responden berpendapat bahawa memang terdapat perbezaan di dalam gaya kepimpinan antara pemimpin lelaki dan wanita.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang lalu terdapat bukti yang menunjukkan terdapat perbezaan di dalam gaya kepimpinan yang diamalkan oleh lelaki atau wanita tetapi perbezaan itu adalah kecil (Eagly, 2013).

Chapman (1975) menyatakan tingkah laku kepemimpinan wanita menunjukkan bahawa wanita cenderung menggunakan strategi yang lebih akomodatif daripada pemimpin lelaki di dalam mempengaruhi prestasi kumpulan dan pencapaian matlamat pekerja. Wanita cenderung membentuk gabungan secara akomodatif ketika melakukan aktiviti persaingan, sementara lelaki lebih eksplotatif, menggunakan koalisi untuk mendapatkan kelebihan individu. Walaupun terdapat perbezaan jantina tertentu, gaya kepimpinan lelaki dan wanita dibentuk oleh tekanan sosial dan budaya untuk menerapkan corak tingkah laku yang sesuai dengan harapan masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa kebanyakan budaya mengaitkan sifat bergantung, pasif kepada wanita dan sifat dominan, agresif kepada lelaki.

Pemimpin wanita juga dilihat lebih mengutamakan gaya yang lebih demokratik dan partisipatif berbanding dengan pemimpin lelaki yang lebih cenderung kepada gaya “top-down”.

Radu (2017) pula mendapati secara umumnya, wanita lebih bermotivasi (mereka bertenaga dan bersemangat), sering berkomunikasi (mereka memastikan pekerja mereka mendapat maklumat), memberi maklum balas (mereka mengemas kini pasukan mereka dari segi prestasi mereka), dan beraspirasasi (mereka menetapkan tujuan tinggi). Lelaki lebih menyerlah dalam tradisi (membangun pengetahuan berdasarkan pengalaman masa lalu), inovasi (mereka terbuka untuk idea baru dan bersedia mengambil peluang), strategi (melihat gambaran besar), bersikap tenang (mereka cenderung menjaga emosi mereka), mendelegasikan (mereka menetapkan objektif dan tanggungjawab), dan kerjasama (mereka adalah rakan sepasukan yang baik)

Berdasarkan dapatan kajian awal yang dilakukan di kalangan ahli-ahli IKRAM di dapati tiada perbezaan yang ketara di dalam kepimpinan samada lelaki dan wanita kecuali di dalam beberapa ciri-ciri yang agak berkaitan dengan naluri samada lelaki atau wanita. Wanita misalnya lebih cenderung untuk menunjukkan sikap kasih sayang dan empati, bersikap memujuk dan menunjukkan gaya kesopanan dan hormat kerana naluri wanita yang lebih lembut berbanding lelaki. Begitu juga bagi ciri boleh bekerja di bawah tekanan dan berani mengambil risiko juga lebih sinonim dengan sifat lelaki itu sendiri. Walaupun kebanyakan responden bersetuju bahawa terdapat perbezaan kepimpinan lelaki dan wanita, analisis berpasangan t pulak menunjukkan tiada perbezaan di antara pemimpin lelaki dan wanita di dalam kebanyakan item ciri atau gaya kepimpinan yang dinilai oleh responden. Jadi, kenapakah kepimpinan wanita tidak diberikan peluang yang lebih banyak untuk berada di dalam barisan kepimpinan yang terlibat dengan membuat dasar dan keputusan?

### ***Cabarau kepimpinan wanita***

Baron (1987) dalam kajiannya mendapati beberapa alasan yang diutarakan oleh lelaki kerana tidak mahu menerima wanita sebagai ketua adalah seperti berikut:

- (1) wanita tidak begitu yakin,
- (2) wanita mempunyai kurang pengaruh atau kuasa,
- (3) wanita kurang bijak berurusan, dan
- (4) wanita kadang-kadang terlalu mendesak.

Diantara faktor lain yang mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender ialah budaya patriaki. Patriaki mendakwa bahawa atas dasar jantina semata-mata, wanita adalah inferior daripada lelaki, dengan keyakinan sedemikian patriaki mendefinisikan wanita sebagai lemah dan kurang penting dalam pelbagai aspek (Saidon, 2017).

Valentine dan Godkin (2000), mendapati bahawa wanita menghadapi stereotaip yang dibentuk secara sosial mengenai kelakian dan kewanitaan yang merosakkan kredibiliti mereka sebagai pemimpin organisasi. Namun kekuatan ciri-ciri dan gaya kepimpinan yang ada pada diri wanita tidak dapat juga disangkal dan perlu dimanfaatkan untuk kebaikan umum. Dr Roy Adler, seorang professor pemasaran, melaporkan pada tahun 2007 kajian yang mengesan keuntungan lebih dari 200 syarikat Fortune 500 selama 19 tahun mendapati bahawa 25 syarikat yang paling agresif mempromosikan wanita ke jawatan eksekutif mempunyai keuntungan 34% lebih tinggi daripada median industri. Apa yang lebih menarik lagi ialah 10 syarikat dengan rekod cemerlang memanfaatkan wanita ke jawatan yang lebih tinggi termasuk Google, Apple dan Johnson & Johnson telah mencatatkan keuntungan yang jauh lebih tinggi daripada syarikat yang sebelumnya mempunyai rekod yang sangat baik. Penyelidikan yang dilakukan antara tahun 1996 dan 2002 juga menunjukkan korelasi yang kuat antara jumlah wanita dalam jawatan eksekutif tertinggi dan prestasi kewangan syarikat Fortune 500 mereka.

Satu tinjauan baru-baru ini yang dilakukan oleh Biro Kegiatan Majikan ILO (ACT / EMP) (2013) di antara sekitar 1300 syarikat sektor swasta di 39 negara membangun menunjukkan syarikat tersebut mempunyai dasar dan langkah-langkah untuk menambahkan bilangan wanita dalam pengurusan. Dan

dasar-dasar ini tidak dibuat hanya sebagai hasil dari keperluan untuk meminimumkan masalah yang timbul akibat diskriminasi gender. Sebaliknya, mereka berdasarkan kepada kesedaran bahawa wanita dapat memberikan hasil yang baik dalam organisasi yang mereka pimpin.

Justeru, pengupayaan kepimpinan wanita adalah perlu dilakukan secara lebih terancang kerana kepimpinan wanita lebih memahami dan dapat membantu dalam isu wanita dan kekeluargaan supaya produktiviti kerja tidak terjejas. Berdasarkan daptan kajian, wanita sebagai pemimpin lebih kerap mempamerkan gaya kepimpinan yang membolehkan pembinaan suasana kerja yang menyeronokkan dan memberi impak kepada prestasi/ produktiviti pekerja atau ahli organisasi. Gaya kepimpinan wanita yang lebih tinggi empati dan cara membuat keputusan yang lebih bersedia untuk melihat setiap aspek akan mengurangkan masalah tekanan emosi atau tekanan yg boleh menjelaskan kesihatan mental yg kini telah naik secara ketara. Keselamatan dan kesejahteraan pekerja perlu diberi keutamaan supaya ia tidak membantut prestasi pekerja atau ahli-ahli organisasi terutamanya wanita.

## CADANGAN

Bagaimakah mengupayakan kepimpinan wanita supaya ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki kaum wanita dapat dilonjakkan untuk kebaikan wanita khususnya dan masyarakat secara umum? Kepimpinan dan ilmu kempimpin tidak berat kepada mana-manya jantina atau gender.

Justeru, mengikut Half (2021), wanita harus mengambil inisiatif merancang untuk mengambil tumpuk kepimpinan. Penonjolan diri sendiri harus diutamakan, supaya tidak tenggelam dalam mitos dan persepsi patriaki berterusan. Usaha mesti datang dari wanita itu sendiri.

Antara cadangan Half, wanita harus mengasah kemahiran kepimpinan mereka dengan memanfaatkan kekuatan sedia ada serta mengatasi kelemahan diri. Seterusnya wanita harus berani mengetengahkan ide dan pandangan melalui kemahiran komunikasi berkesan. Wanita juga harus berani dan bangga dengan kemampuannya tanpa berperasaan lemah dan tawaduk. Cadangan ini bermaksud cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kepimpinan wanita perlu ditangani dan mempersiapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran kepimpinan yang diperlukan.

Keyakinan diri wanita harus terserlah bagi membantu membina masyarakat yang dinamik dan menyelesaikan permasalahan sosial yang banyak berkaitan dengan kekeluargaan. Kehebatan dan kemampuan teknikal dan profesional yang tinggi yang telah ditunjukkan oleh ramai wanita profesional perlu dijadikan asas kebanggaan dan keberanian wanita menawarkan diri memimpin dan tidak menunggu dipilih. Wanita juga perlu bangun mencabar sistem dan andaian-andaian yang akan membantutkan peluang untuk mengupayakan kepimpinan wanita di setiap peringkat. Di samping cadangan-cadangan di atas, kajian yang lebih mendalam mengenai isu pengupayaan wanita perlu lebih ditingkatkan supaya persepsi-persepsi yang tidak tepat mengenai kepimpinan wanita di dalam masyarakat dapat diurus dengan baik.

Perlu juga ditegaskan bahawa saranan pengupayaan kepimpinan wanita bukanlah bertujuan untuk mengambil alih fungsi kepimpinan dari kaum lelaki tetapi lebih kepada melengkapkan barisan kepimpinan supaya masyarakat mendapat sebanyak-banyak manfaat dari gabungan kepimpinan dan sebaik-baik pemimpin dan cara kepimpinan adalah kepimpinan manusia teragung Nabi Muhammad S.A.W.

## RUJUKAN

- Chapman, J. B. (1975). Comparison of male and female leadership styles. *Academy of Management Journal*, 18(3), 645-650.
- Cherry, K. (2020). Leadership Styles and Frameworks You Should Know. [verywellmind.com, https://www.verywellmind.com/leadership-styles-2795312](https://www.verywellmind.com/leadership-styles-2795312)
- Eagly, A. H. (2013). Gender and Work: Challenging Conventional Wisdom. Harvard Business School.
- Gardiner, M. and Tiggemann, M. (1999). Gender Differences In Leadership Style, Job Stress And Mental Health In Male-And Female Dominated Industries. *Journal Of Occupational And Organizational Psychology*. 72, 301-15.
- Half, R. (2021). Top tips for aspiring female leaders, [roberthalf.com.au. https://www.roberthalf.com.au/blog/jobseekers/top-tips-aspiring-female-leaders](https://www.roberthalf.com.au/blog/jobseekers/top-tips-aspiring-female-leaders)
- Kruse, K. (2013). What is Leadership. Forbes Online <https://www.forbes.com/sites/kevinkruse/2013/04/09/what-is-leadership/?sh=53f205c95b90>
- Radu, C., Deaconu, A., & Frasineanu, C. (2017). Leadership and gender differences—are men and women leading in the same way? In A. Alvinius (Ed.), *Contemporary leadership challenges* (pp. 63–81). IntechOpen. <https://doi.org/10.5772/657>
- Saidon, NR (2017) Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik ... *Akademika* 87(3), Oktober 2017:61-73 <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-05A>
- Thalib.L (2015) Leadership An Islamic Perspective. 10-11
- Ulrich, D. and Smallwood, N. (2012), "What is Leadership?", in Mobley, W.H., Wang, Y. and Li, M. (Ed.) *Advances in Global Leadership (Advances in Global Leadership, Vol. 7)*, Emerald Group Publishing Limited, Bingley, pp. 9-36. [https://doi.org/10.1108/S1535-1203\(2012\)0000007005](https://doi.org/10.1108/S1535-1203(2012)0000007005)
- Valentine, S., & Godkin, L. (2000). Supervisor gender, leadership style, and perceived job design. *Women in management review* [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul\\_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhazZ09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhazZ09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09)
- Yammarino, F. J., Spangler, W. D., & Bass, B. M. (1993). Transformational leadership and performance: A longitudinal investigation. *The Leadership Quarterly*, 4(1), 81–102. [https://doi.org/10.1016/1048-9843\(93\)90005-E](https://doi.org/10.1016/1048-9843(93)90005-E)
- Yammarino, F. J., & Dubinsky, A. J. (1994). Transformational Leadership Theory: Using Levels of Analysis to Determine Boundary Conditions. *Personnel Psychology*, 47, 787-811. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1744-6570.1994.tb01576.x>
- <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/sasaran-30-peratus-wanita-pembuat-keputusan-swasta-belum-dicapai/>
- <https://courses.lumenlearning.com/wm-organizationalbehavior/chapter/leadership-styles/>
- <https://cerdasco.com/kepemimpinan-transaksional/>
- <https://www.pewresearch.org/social-trends/2018/09/20/women-and-leadership2018/>
- <https://www.ccl.org/articles/leading-effectively-articles/5-proven-ways-develop-female-talent/>

## KOD KEPIMPINAN PEREMPUAN: SEBUAH KERANGKA KONSEPTUAL KEPIMPINAN BERPENGARUH

*Suhaili Ikhsan*  
*ABS Education Sdn Bhd*  
*suhaili@abseducation.my*

### ABSTRAK

Kelompok masyarakat dewasa ini khususnya di Malaysia telah menerima dan memperakui kepimpinan perempuan di pelbagai strata sosial bermula dari peringkat keluarga nukleus sehingga ke peringkat organisasi korporat mahupun perniagaan. Kertas kerja ini bermatlamat untuk mengetengahkan kerangka konseptual kepimpinan berpengaruh melalui dapatkan yang diterima di lapangan selama enam tahun. Walaupun penglibatan dan kepimpinan perempuan dilihat semakin meningkat sabantahan, tapi ianya masih berada pada tahap yang rendah. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh Kumpulan Pendidikan ABS selama enam tahun melalui siri-siri bengkel dan latihan kepimpinan yang diberikan kepada pelbagai segmen perempuan bervariasi latarbelakang, aspek kepimpinan perempuan berpengaruh menjuarai isu dalam mana-mana peringkat organisasi termasuklah institusi kekeluargaan. Faktor utama ketidak berkesanan kepimpinan perempuan telah dikenalpasti iaitu kemahiran berkomunikasi, cara perempuan berfikir dan bertingkah laku. Berdasarkan faktor ini, pembentukan kod dalam kerangka konseptual ini disegmentasi kepada lima elemen utama iaitu kepimpinan, daya pengaruh, bahasa persuasif, penampilan, dan karisma kepimpinan berpengaruh. Daripada kerangka konseptual ini, Kumpulan Pendidikan ABS membangunkan modul kod kepimpinan perempuan untuk diverifikasi dan ditentusahkan dalam siri-siri latihan kepimpinan yang dimulakan dengan barisan pemimpin dalam Kumpulan Pendidikan ABS sendiri. Daripada siri latihan ini, kumpulan ini telah mencapai perkembangan sebanyak 42 peratus dalam masa dua tahun sejak penubuhannya. Kod-kod kerangka ini sedikit sebanyak telah menunjukkan keberkesanannya. Dengan ini, demi merapatkan jurang gender dalam kepimpinan, adalah digalakkan untuk dipertengahkan lagi kod-kod ini kepada semuaperempuan yang bervariasi latar belakang untuk dibuat ujian kebolehpercayaan. Penggunaan kod-kod ini diharap dapat membantu meningkatkan kepercayaan diri dalam setiap perempuan dan memperkasakan kepimpinan perempuan ke tahap yang terbaik.

**Kata Kunci:** perempuan berpengaruh; perempuan memimpin; perempuan berkarisma; perempuan terdidik; kerangka konseptual; kepimpinan efektif

## PENGENALAN

*“Tangan yang menghayun buaian mampu menggongcang dunia”* adalah sebuah ungkapan yang cukup bermakna dan melambangkan kekuatan seorang perempuan yang bersifat lemah lembut mampu memberi impak dalam sesuatu pembangunan. Penglibatan perempuan dalam kepimpinan bukanlah sesuatu yang baru. Jika dijelajahi sejarah lampau, penglibatan perempuan telah diterima umum berabad-abad lamanya. Sebagai contoh, Ratu Balqis yang menerajui kepimpinan Kerajaan Saba’. Di Nusantara pula, terdapat beberapa kerajaan yang pernah dipimpin oleh seorang perempuan seperti Ratu Shima di era Kalingga, Sri Isyanatunggawijaya di Medang, Tribuwana dan Suhita di Majapahit.

Di Malaysia, kepimpinan perempuan sudah mula diterima oleh masyarakat sejak akhir-akhir ini. Bermula dari peringkat kekeluargaan sehingga ke peringkat korporat, perniagaan dan pentadbiran negara. Impak kepimpinan perempuan ini dapat diperhatikan kepada manusia di sekitarnya. Sebagai contoh, pada peringkat kekeluargaan, kepimpinan perempuan telah memberikan kelestarian hidup ahli keluarganya. Sekiranya isteri dan ibu di dalam sesebuah keluarga gagal untuk memimpin anak-anak, semestinya keadaan rumah dan anak-anak berantakan.

Jika dilihat pada kepimpinan perempuan di peringkat dunia, sudah ramai yang dapat memimpin dengan jayanya. Sebagai contoh, negara Taiwan berjaya menanganikes Covid-19 (Berita Harian Singapura, 2020) di bawah pimpinan Presiden perempuan pertama negara itu; Tsai Ing-Wen (BH Online, 2016). Kepimpinan perempuan di Malaysia juga tidak kurang hebatnya di mana Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail berjaya menggalas tanggungjawab sebagai Naib Perdana Menteri perempuan pertama di Malaysia sejak 2018 hingga 2020 dan beliau juga merupakan Presiden Parti Keadilan Malaysia (Saidon, Daud & Samsudin, 2017).

Perempuan secara semula jadinya dilahirkan dengan sifat kepimpinan yang tinggi. Namun, disebabkan beberapa pandangan sinis, stigma dan dogma tentang kepimpinan perempuan masih membentuk pemikiran masyarakat, sifat kepimpinan perempuan ini tidak dapat digunakan secara efektif. Namun begitu, terdapat banyak pertikaian bahawa kepimpinan itu adalah semulajadi (*nature*) atau boleh dibentuk (*nurture*) (Ibrahim, Hassan & Abdul Hamid, 2018). Tetapi kebanyakan ilmuan bersetuju bahawa kepimpinan merupakan sesuatu yang boleh dibentuk melalui pelbagai proses (Yukl & Van Fleet, 1992; Northouse, 2019; Chapman & O’Neil, 2000).

Kepimpinan perempuan perlu dimulakan dengan penerimaan diri sendiri terlebih dahulu. Setelah mempunyai keyakinan diri dan mentaliti untuk berubah dan sentiasa memperbaiki diri, barulah kepimpinan perempuan dapat dibentuk dengan berkesan. Kertas kerja ini akan mengetengahkan konsep atau kod yang berkaitan untuk menjadi pemimpin perempuan dengan efektif.

### **Objektif**

Kertas kerja ini bermatlamat untuk mengetengahkan kerangka konseptual kepimpinan berpengaruh melalui dapatan yang diterima di lapangan selama enam tahun.

### **LATAR BELAKANG**

#### ***Maksud Kepimpinan Perempuan***

Kepimpinan adalah kata terbitan daripada perkataan “pimpin”. Pimpin boleh ditakrifkan sebagai bimbing, pandu atau tunjuk. Memimpin pula dieertikan sebagai memegang tangan dan membawa berjalan menuju ke sesuatu tempat, membimbing atau menuntun (Kamus Dewan Edisi Keempat, t. th.). Pemimpin pula membawa maksud orang yang memimpin, pedoman atau petunjuk (Kamus Dewan Edisi Keempat, t. th.). Secara umumnya, istilah kepimpinan didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (t. th.) sebagai keupayaan memimpin atau daya seorang pemimpin.

Para pengkaji ilmu kepimpinan telah mendefinisikan istilah kepimpinan dengan pelbagai cara mengikut tumpuan kajian masing-masing (Yukl & Van Fleet, 1992; Northouse, 2019; Chapman & O’Neil, 2000). Menurut penulisan Northouse (2019) dan Chapman dan O’Neil (2000), kepimpinan adalah suatu proses yang melibatkan seseorang mempengaruhi sekumpulan individu lain untuk mencapai matlamat yang sama. Dalam kajiannya, Northouse (2019) turut menggariskan empat komponen utama dalam kepimpinan iaitu: (1) kepimpinan adalah proses yang mana kepimpinan bukanlah suatu sifat atau karakter yang ada dalam diri pemimpin, (2) kepimpinan melibatkan pengaruh iaitu cara

pemimpin mempengaruhi dan cara berkomunikasi dengan pengikutnya, (3) kepimpinan berlaku di dalam kumpulan iaitu adanya seorang yang memimpin sesbuah ahli kumpulan dan (4) kepimpinan melibatkan matlamat utama yang sama yang ingin dicapai iaitu pemimpin dan pengikut mempunyai tujuan yang sama.

Manakala, maksud yang lebih kurang sama juga telah dilaporkan oleh Yukl dan Van Fleet (1992) di mana mereka menafsirkan kepimpinan sebagai proses yang melibatkan mempengaruhi objektif tugas dan strategi kumpulan atau organisasi, mempengaruhi pengenalan dan kelestarian kumpulan dan mempengaruhi budaya dalam sesbuah organisasi. Kepimpinan dipercayai adalah sebuah proses dan bukannya pemimpin sebagai individu yang stereotaip (Yukl & Van Fleet, 1992).

Maka, dalam konteks kajian ini, kepimpinan boleh dieertikan sebagai suatu proses yang membentuk pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya untuk mencapai tujuan yang sama dengan cara yang betul. Proses ini melibatkan seni dalam berkomunikasi, memberi pengaruh, penampilan dan karisma seorang pemimpin.

Perempuan pula dieertikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (t. th.) sebagai wanita; lawan kepada lelaki. Menurut kajian Abdul Ghani dan Jabbar (t. th.), perempuan menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Pertama (1988) membawamaksud wanita. Manakala Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua (1991) seperti yang dilaporkan oleh Abdul Ghani dan Jabbar (t. th.), perempuan membawa maksudorang (manusia) yang mempunyai puki, dapat menstruasi, hamil, melahirkan anak, dan menyusui; wanita.

Wanita menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (t. th.) bermaksud orang perempuan; lawan kepada lelaki. Pegertian sedikit berbeza dilaporkan di dalam Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987) yang mana wanita dieertikan sebagai orang perempuan (lebih halus); lawan kepada lelaki. Manakala Kamus Besar BahasaIndonesia Edisi Pertama (1988) dan Edisi Kedua (1991) menafsirkan wanita sebagaiperempuan dewasa (seperti yang dilaporkan oleh Abdul Ghani & Jabbar, t. th.).

Maka, dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan istilah perempuan dan bukannya wanita. Hal ini kerana, kekerapan istilah perempuan lebih banyak digunakan berbanding wanita (Abdul Ghani & Jabbar, t. th.). Walaupun menurut Kamus Dewan wanita adalah bersinonim dengan perempuan iaitu pada bahasa yang lebih halus bagi menunjukkan sifat keperempuanan yang halus seperti lemah lembut, namun mengambil kira maksud istilah wanita daripada Kamus Besar Bahasa Indonesia yang membawa maksud perempuan dewasa, ini membataskan penggunaanya bagi semua peringkat umur.

Menurut Sudarwati & D.Jupriono (1997) pula wanita merupakan kata serapan daripada Bahasa Sansekerta yang bererti betina. Kata ini adalah merupakan hasil akhir daripada proses panjang perubahan bunyi (yang dalam studi linguistik disebut gejala bahasa, metatesis dan proses perubahan kontoid) daripada perkataan betina. Urutan prosesnya demikian, mula-mula kata betina menjadi batina; kata banita berubah melalui proses metatesis menjadi banita; kata banita mengalami proses perubahan bunyi konsonan (kontoid) dari [b] □ [w] sehingga menjadi wanita.

Oleh yang demikian, kepimpinan perempuan dalam konteks kajian ini boleh ditafsirkan sebagai suatu proses yang membentuk perempuan sebagai pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya untuk mencapai tujuan yang sama dengan cara yang betul.

### **Kemahiran Asas Kepimpinan**

Mengikut tafsiran kepimpinan oleh kebanyakan pengkaji, ianya adalah sebuahproses iaitu ianya boleh dibentuk dan bukannya sebagai sifat atau karakter semula jadi. Maka ianya ada suatu kemahiran yang diperlukan oleh seorang pemimpin. Terdapat banyak pendapat tentang kemahiran pemimpin yang menjadi asas kejayaan sebuah kepimpinan.

Salah satu kemahiran asas yang sangat penting dalam kepimpinan adalah kemahiran berkomunikasi (Barret, 2018). Hal ini kerana, pemimpin berperanan untukmempengaruhi pengikutnya dengan cara memberi motivasi, inspirasi, tunjuk ajar, galakan, dan sebagainya. Ini disokong oleh Hughes, Ginnet & Curphy (1999) di dalam penulisan Ibrahim, Hasan dan Abdul Hamid (2018), bahawa kemahiran asas yang diperlukan seorang pemimpin termasuk komunikasi berkesan, kemahiran mendengar, perlakuan asertif, keupayaan memberi maklum balas yang membina, memberi hukuman secara berhemah, pengurusan stres, kemahiran teknikal berkaitan bidang, pengendalian mesyuarat dan pembinaan hubungan positif dengan pengurusan atasaran, orang bawahan serta rakan sekerja.

Northouse (2019) telah mengelaskan kemahiran kepimpinan kepada 3 iaitu: (1)kemahiran teknikal, (2) kemahiran interpersonal, dan (3) kemahiran mengkonsepsi. Kemahiran teknikal berkait terus dengan peranan seorang pemimpin seperti memahami bidang tugas organisasi dan pengurusan sumber dan manusia. Kemahiran interpersonal pula meliputi kemampuan bekerja dengan orang lain. Antara kemahiran interpersonal yang baik meliputi keupayaan mengurus konflik, menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi dan mudah bergaul dengan orang ramai.Kemahiran ini jika dikuasai dengan baik oleh pemimpin sedikit sebanyak akan mempengaruhi iklim persekitaran pekerjaan sesebuah kumpulan ke arah yang lebih baik. Kemahiran mengkonsepsi pula merangkumi kemahiran yang lebih tinggi iaitu melibatkan kemampuan bekerja dengan idea seperti menetapkan visi, membuat perancangan strategik, dan penyelesaian masalah.

Oleh itu, untuk mencapai kepimpinan yang baik dan berkesan, seorang pemimpin haruslah sentiasa berusaha untuk memperbaiki dirinya dengan kemahiran-kemahiran yang berkaitan supaya tidak ketinggalan.

### ***Penglibatan Perempuan dan Jurang Gender***

Penglibatan perempuan dalam sesebuah tampuk pimpinan organisasi telah wujud sejak dahulu lagi. Sebagai contoh, Ratu Balqis merupakan seorang perempuanyang telah memimpin kerajaan Saba' sejak zaman Nabi Sulaiman a.s. lagi. Ia juga digambarkan di dalam al-Quran melalui surah an-Naml ayat 23 yang bermaksud: “*Sesungguhnya aku (Nabi Sulaiman a.s.) menjumpai seorang perempuan (Ratu Balqis) yang memerintah mereka; dan dia dianugerahkan segala sesuatu serta tempunyi singgahsana yang besar*” (al-Quran 27: 23). Walaupun ahli tafsir berpendapat ayat ini bukanlah bertujuan untuk menggambarkan kedudukan pemerintahan Ratu Balqis tetapi ianya jelas menunjukkan posisi perempuan yang pada suatu ketika lampau telah pun memainkan peranan pemimpin.

Dalam konteks negara Malaysia, penglibatan perempuan dalam sesebuah organisasi cukup banyak. Majoriti yang bekerja dalam sektor awam adalah perempuan tetapi tidak ramai yang berada dalam kedudukan pengurusan tertinggi (Karisma & Berpengaruh, Seminar Kepimpinan Perempuan, 2020). Pemberdayaan kaum perempuan dalam aspek pengurusan dan kepimpinan yang melibatkan teknologi automasi adalah amat penting bagi mendepani Revolusi Industri 4.0 yang menekankan kepada keupayaan pelaburan dan pemilikan teknologi masa depan (Osman, 2018). Justeru itu, tahun 2018 telah diangkat sebagai Tahun Memperkasa Wanita di peringkat kebangsaan sama ada secara langsung atau tidak langsung seiring dengan skala sumbangan kaum perempuan dalam konteks pembangunan negara (Karisma & Berpengaruh, Seminar Kepimpinan Perempuan, 2020). Takrifan perempuan ini bukanlah hanya terumpu pada golongan perempuan yang bekerja, malah meliputi pelajar perempuan, suri rumah juga memainkan peranan dalam menyumbang kepada pembangunan negara mengikut kapasiti masing-masing.

Melihat kepada jurang penglibatan antara lelaki dan perempuan di dalam kepimpinan, ianya mula menampakkan pengurangan. Pada tahun 2018, penglibatan perempuan sebagai anggota lembaga pengarah telah meningkat berbanding 2017 iaitu 24.4 peratus berbanding 19.27 peratus (Sinar Harian, 2019). Dalam sektor awam pula, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa seperti yang dilaporkan oleh Osman (2018) berkata bahawa “negara sudah melepas sasaran kuota 30 peratus untuk meletakkan golongan perempuan dalam kumpulan pengurusan tertinggi apabila 1,419 pegawai perempuan atau 35.6 peratus golongan itu kini berada dalam peringkat pembuat dasar di dalam sektor awam”. Manakala, dalam bidang politik, penglibatan kaum perempuan juga semakin meningkat setiap tahun termasuk dilantik sebagai wakil rakyat mahupun menteri dalam barisan Kabinet (Mazalan & Mohd Yunus, 2019).Fatimi seperti yang dilaporkan Mazalan dan Mohd Yunus (2019) berkata “Pada 2013,23 Ahli Parlimen perempuan meningkat kepada 33 orang sekarang (tahun 2019)”. Norizan seperti yang dilaporkan Mohd Noor dan Shuib (2019) berkata penglibatan perempuan dalam dunia politik dilihat masih terlalu kurang, walaupun ada peningkatan tetapi ianya masih belum memuaskan.

Oleh yang demikian, pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk memperkasakan kepimpinan perempuan bermula dari institusi yang paling kecil iaitu keluarga sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu pimpinan negara.

## METODOLOGI

### ***Pernyataan masalah***

Melihat kepada jurang gender antara lelaki dan perempuan sememangnya adapeningkatan setiap tahun. Namun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (2009) melaporkan Malaysia mencatatkan jurang gender yang lebih besar dalam bidang ekonomi dan pengupayaan perempuan. Walaubagaimanapun, Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) telah menunjukkan tiada jurang antara lelaki dan perempuan dalam empat sub-indeks iaitu Peluang dan Penyertaan Ekonomi, Pencapaian Pendidikan, Kesihatan dan Kehidupan dan Penguasaan Politik.

Usaha kerajaan dalam merapatkan jurang gender telah membolehkan perempuan di Malaysia mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang. Walaupun begitu, masih terdapat pelbagai cabaran yang dikenalpasti yang boleh menggugat peranan dan status perempuan. Antara cabaran yang melibatkan kepimpinan dikenalpasti oleh KPWKM (2009) termasuklah:

1. Kemiskinan terutama dalam kalangan isi rumah yang diketuai oleh perempuan termasuk ibu tunggal yang khususnya tinggal di kawasan luar bandar;
2. Penonjolan imej perempuan yang negatif di pelbagai media;
3. Kesan perubahan iklim dunia ke atas perempuan;
4. Perwakilan perempuan dalam bidang sukan terutamanya dari aspek kepimpinan, pengurusan, kejurulatihan, dan kepegawaian di peringkat atasan masih di tahap yang rendah;
5. Tahap perempuan di peringkat membuat keputusan dan politik masih rendah; dan
6. Kekurangan keberkesanannya usaha pengarusperdanakan gender yang melibatkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Dengan ini, pihak Kumpulan Pendidikan ABS mengambil cabaran ini untuk memperkasakan lagi kepimpinan perempuan yang sekaligus akan membantu usaha kerajaan dalam membangunkan kaum perempuan yang sering dilihat sebagai kaum yang lemah yang tidak mampu memimpin.

### **Metodologi kajian**

#### ***Pengumpulan data***

Kajian telah menggunakan kaedah kualitatif melalui pemerhatian di lapangan melibatkan perempuan dari pelbagai latar belakang yang terdiri daripada pengusaha syarikat, rakan kongsi perniagaan, perempuan yang menjawat jawatan tertinggi di sesebuah organisasi serta perempuan-perempuan yang berminat untuk mempertingkatkan ilmu kepimpinan. Pemerhatian ini dilakukan secara berkala melalui seminar dan bengkel kepimpinan yang dijalankan oleh Kumpulan Pendidikan ABS selama 6 tahun.

Selain itu, kajian ini memerlukan banyak pengumpulan data sekunder bagi mengenalpasti status penglibatan perempuan dalam kepimpinan di Malaysia, ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan oleh seorang perempuan dan pelbagai latar belakang dan perbincangan yang mendalam mengenai setiap aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Data sekunder bagi kajian ini diperolehi melalui bahan kajian lepas berbentuk artikel, makalah jurnal, kertas kerja, keratan akhbar dan laporan yang

berkaitan dengan tajuk dan tujuan kajian ini dijalankan. Pelbagai maklumat daripada buku, statistik serta data kuantitatif juga dikumpulkan melalui sumber yang dipercayai seperti Jabatan Perangkaan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan lain-lain, tesis-tesis dan kajian lepas juga dikumpulkan bagi melengkapkan dapatan mengenai teori dan konsep yang diperlukan dalam kajian ini.

#### ***Pembentukan kod kerangka konseptual***

Menggunakan sumber data yang diperolehi, pembentukan kod dalam kerangka konseptual ini disegmentasikan kepada lima elemen utama iaitu kepimpinan, daya pengaruh, bahasa persuasif, penampilan, dan karisma kepimpinan berpengaruh.

## HASIL DAPATAN

Penceburan perempuan dalam bidang profesional dan perkembangannya dalam memegang jawatan-jawatan tertinggi di peringkat pentadbiran semakin meningkat setiap tahun pada era modenisasi ini (Saidon, Daud & Samsudin, 2017). Jika diperhatikan, jumlah perempuan yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi di universiti juga meningkat berbanding lelaki. Penerimaan masyarakat dan hak keistimewaan yang diberikan ini secara tidak langsung dapat merapatkan jurang antara jantina iaitu lelaki dan perempuan.

Walaupun pencapaian perempuan telah melebihi lelaki dalam sub-indeks Pencapaian Pendidikan dengan skor 1.054 (Jabatan Perangkaan Malaysia), namun berpendidikan tinggi sahaja tidak cukup untuk menjadikan seorang perempuan ini pemimpin yang baik. Hal ini kerana, seperti yang ditafsirkan oleh kebanyakan ahli pengkaji ilmu kepimpinan, kepimpinan merupakan suatu proses iaitu iaanya harus dibentuk, dilatih dan diasah bakatnya walaupun ada yang berpendapat bahawa sifat kepimpinan ini adalah semula jadi.

Hasil pemerhatian terhadap peserta seminar dan bengkel kepimpinan perempuan yang telah dianjurkan oleh Kumpulan Pendidikan ABS, terdapat beberapa faktor yang menjadikan kepimpinan perempuan ini lemah dan tidak efektif. Faktor utama kelompongan dalam kepimpinan perempuan adalah pada kemahiranberkomunikasi. Hal ini disokong oleh Barret (2018) yang menyatakan faktor terpenting dalam kepimpinan yang berkesan adalah kemahiran berkomunikasi.

Memimpin ahli kumpulan memerlukan seorang pemimpin menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan komunikasi. Ini kerana, pemimpin berperanan untuk memberikan arahan, tunjuk ajar, motivasi, inspirasi, jalan penyelesaian yang baik dan hukuman yang wajar dalam memimpin ahli kumpulannya untuk mencapai tujuan yang sama. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pakar komunikasi, terdapat perbezaan antara gaya komunikasi lelaki dan perempuan (Students Repository of University of Malaya, t. th.). Salah satunya adalah dari segi gaya bahasa. Laporan penulis Student Repository of University of Malaya (t. th.) menyatakan bahawa perempuan merupakan golongan yang lebih cenderung menggunakan unsur bahasa yang emotif berbanding lelaki yang lebih berunsurkan rasional. Bercakap lebih banyak, bersifat lebih peribadi dalam unjuran, berdiplomatik, cakap bertindih dan memiliki pertuturan yang bersifat simetrik adalah antara ciri-ciri pertuturan perempuan (Student Repository of University of Malaya, t. th.).

Faktor yang kedua adalah cara perempuan berfikir, bertingkah laku dan sifat semula jadi perempuan itu sendiri. Ketiga-tiga hal ini memberi pengaruh yang besar

kepada gaya kepimpinan. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan peserta pada awalnya menunjukkan cara mereka memimpin adalah seperti seorang ibu yang memimpin anaknya. Fitriani (2015) melaporkan gaya kepimpinan lelaki lebih menggunakan norma keadilan, manakala kepimpinan perempuan lebih menggunakan norma persamaan.

Daripada dua faktor utama ini, kod kerangka konseptual kepimpinan perempuan telah dibentuk. Lima Kod Kepimpinan Perempuan ini dibentuk untuk memperbaiki ketempangan dalam kemahiran memimpin yang meliputi kod (1) kepimpinan, (2) daya pengaruh, (3) bahasa persuasif, (4) penampilan, dan (5) karisma kepimpinan berpengaruh. Kod-kod konseptual ini telah digunakan dalam latihan dan bengkel kepimpinan yang dianjurkan oleh Kumpulan Pendidikan ABS.

Dalam kod yang pertama (kepimpinan), pemimpin akan dijelaskan mengenai (1) apa itu pemimpin, (2) mendidik anak perempuan dengan ciri kepimpinan dan (3) individu berkualiti mempunyai mentaliti juara. Hal ini penting untuk meningkatkan keyakinan para pemimpin dan kesedaran untuk sentiasa menjadi yang terbaik. Dengan mentaliti yang betul, barulah kepimpinan akan memberi kesan yang efektif.

Kod yang kedua adalah daya pengaruh. Pentingnya melatih kaum perempuan meningkatkan daya pengaruh supaya mereka mampu mendorong transformasi tingkah laku dan pemikiran orang di sekelilingnya. Kod ini penting kerana ia akan menjadi penarik perhatian orang yang dipimpin termasuklah orang yang lebih superiordaripada mereka.

Kod yang ketiga adalah bahasa persuasif di mana orang perempuan didedahkan kepada komponen-komponen di dalam bahasa persuasif dan fungsi bahasa persuasif dalam komunikasi. Pemimpin perlu membuat pemilihan gaya komunikasi yang sesuai dengan konteks dan keadaan semasa. Perkara-

perkara yang menurunkan daya persuasif juga akan didedahkan agar mereka dapat menghentikan komunikasi yang tidak menyumbang kepada daya pengaruh mereka.

Seterusnya, kod penampilan yang mana ianya selalu menjadi tanggapan pertama (*first-impression*) yang menggambarkan karisma seseorang melalui visual, vokal dan seterusnya verbal. Kod ini memberi penjelasan kepada pemimpin perempuan mengenai prinsip penampilan berpengaruh secara visual, vokal dan verbal. Selain itu, penjelasan mengenai cara memberikan tanggapan jangka masa panjang (*long-lasting impression*) agar dipandang sebagai orang yang sentiasa memberi kesan yang positif kepada orang sekeliling secara konsisten.

Kod yang terakhir adalah karisma kepimpinan berpengaruh. Secara umumnya, kebanyakannya manusia tidak asing dengan karisma kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Nilai-nilai yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w ini adalah universal dan diterima oleh orang Islam serta bukan Islam. Michael H. Hart di dalam bukunya yang bertajuk *The 100 A Ranking Of The Most Influential Persons In History* menyenaraikan Nabi Muhammad s.a.w di tempat pertama manusia paling berpengaruh dalam sejarah. Kodterakhir ini menjelaskan tentang teknik-teknik kepimpinan yang berpengaruh dan berkarismatik mencontohi karisma Nabi Muhammad dalam memimpin. Ini termasuklah kajian kes yang melibatkan potongan-potongan hadis yang sahih untuk dianalisis bagaimana Nabi Muhammad s.a.w memberi respon apabila berlaku satu-satu senario, samada secara verbal, tingkah laku mahupun ekspresi wajah. Kod ini juga menggalakkan pemimpin perempuan untuk membina skrip-skrip persuasif bagi meningkatkan karisma diri mereka dalam organisasi ataupun di rumah.

Kod-kod kerangka ini telah digunakan oleh Kumpulan Pendidikan ABS dalam latihan dan bengkel kepimpinan yang dianjurkan sejak tahun 2015 yang melibatkan rakan kongsi, staf, ketua-ketua perempuan dan pemilik-pemilik perniagaan perempuan. Pada tahun 2017, Kumpulan Pendidikan ABS yang diurus oleh hampir 80 peratus perempuan telah mencapai perkembangan sebanyak 42 peratus sejak dari awal penubuhannya pada tahun 2015.

## KESIMPULAN

Cabarannya kepimpinan perempuan di alaf digital dan modenisasi ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang sebelah mata. Apatah lagi jika ia melibatkan aspek kepimpinan perempuan yang berkesan dan berpengaruh. Untuk melahirkan pemimpin perempuan yang efektif, pemimpin-pemimpin organisasi daripada kalangan perempuan hendaklah sentiasa berdaya saing untuk memajukan diri dan menambah ilmu kepimpinan dari semasa ke semasa. Walaupun ada individu yang dilahirkan mempunyai sifat kepimpinan yang baik, namun pemimpin yang baik adalah pemimpin yang sentiasa mencari ilmu untuk membentuk kemahiran kepimpinannya. Pemimpin perempuan seharusnya tidak cepat berpuas hati dengan apa yang ada. Mereka perlusentiasa perlu meningkatkan potensi diri ke tahap yang optimum. Kod-kod kerangka kepimpinan perempuan ini sedikit sebanyak telah menunjukkan keberkesanannya dengan perkembangan 42 peratus dalam puncak pimpinan Kumpulan Pendidikan ABS. Demi merapatkan jurang gender dalam kepimpinan, adalah digalakkan untuk kod-kod kerangka ini diketengahkan kepada semua perempuan yang bervariasi latar belakang untuk diverifikasi dengan lebih mendalam. Diharap, penggunaan kod-kod ini dapat membantu meningkatkan kepercayaan diri dalam setiap perempuan dan memperkasakan kepimpinan perempuan ke tahap yang terbaik.

## RUJUKAN

- Barret, D.J. (2008). *Leadership communication*. McGraw-Hill. New York.
- Abdul Ghani, R. & Jabbar S. (t. th). Perempuan, perempuan, dan .... : Suatu kajian hubungan leksikal berdasarkan korpus. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Dicapai daripada <http://lamanweb.dbp.gov.my/dbp/resources/kertas11.pdf>
- Berita Harian Singapura. (2020, November 12). *Kejayaan Taiwan tangani Covid-19 'dicemburui'*. Dicapai daripada <https://www.beritaharian.sg/rencana/kejayaan-taiwan-tangani-covid-19-dicemburui>
- BH Online. (2016, Januari 16). *Tsai Ing-wen jadi presiden perempuan pertama*. Dicapai daripada Taiwan <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/4/2016/01/115032/tsai-ing-wen-jadi-presiden-perempuan-pertama-taiwan>
- Chapman, E.N. & O'Neil, S.L. (2000). *Leadership: Essential steps every manager needs to know* (3rd Ed). Prentice-Hall, Inc.
- Dewan Bahasa Edisi keempat. (t. th.). Kepimpinan. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kepimpinan>
- Dewan Bahasa Edisi keempat. (t. th.). Perempuan. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perempuan>
- Dewan Bahasa Edisi keempat. (t. th.). Pimpin. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pimpin>
- Dewan Bahasa Edisi keempat. (t. th.). Perempuan. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perempuan>
- Fitriani, A. (2015). Gaya kepimpinan perempuan. *Jurnal TAPIs*, 11(2).
- Ibrahim, R., Hasan, M. R., & Abdul Halim, B. (2018). Takrif kepimpinan, ciri-ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin perempuan akar umbi. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara* 19(2018): 28–42. <http://journalarticle.ukm.my/13690/1/29162-90440-4-PB.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Siaran akhbar: Statistik pemerkasaan perempuan dalam domain terpilih, Malaysia 2019* [Fail PDF]. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TGNkajJYb2ZwZVNuay96eXVnRndiZz09>
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia. (1987). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karisma & Berpengaruh, Seminar Kepimpinan Perempuan. (2020). Kuala Lumpur: Kumpulan Pendidikan ABS Sdn. Bhd.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2009). *Pelan tindakan pembangunan perempuan 2009* [Fail PDF]. Dicapai daripada <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PELAN%20TINDAKAN%20PEMBANGUNAN%20PEREMPUAN%202009.pdf>
- Mazalan, R. & Mohd Yunus, Z. (2019, April 12). Sumbangan wanita perkasa politik tanah air. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/perempuan/lain-lain/2019/04/551973/sumbangan-perempuan-perkasa-politik-tanah-air>
- Mohd Noor, H. & Shuib, N. H. (2019, Mac 8). *Wanita perlu agresif bantu kurangkan jurang gender*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/03/538526/wanita-perlu-agresif-bantu-kurangkan-jurang-gender>
- Northouse, P. G. (2019). *Leadership: Theory and practice* (8th Ed.). USA: Sage Publication.
- Saidon, N. R., Daud, S., & Samsudin, M. (2017). Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademia*, 87(3), 61–73.
- Sinar Harian. (2019, Mac 8). *Penglibatan wanita peringkat kepimpinan masih rendah*. Dicapai daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/16855/BERITA/Nasional/Penglibatan-wanita-peringkat-kepimpinan-masih-rendah>
- Student Repository of University Malaya. (t. th.). Dicapai daripada [http://studentsrepo.um.edu.my/3981/2/Full\\_chapters.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/3981/2/Full_chapters.pdf)
- Sudarwati & D. Jupriono. (1997, Julai). *Betina, Wanita, Perempuan: Telaah Semantik Leksikal, Semantik Historis, Pragmatik*. Dicapai daripada <https://www.angelfire.com/journal/fsulimelight/betina.html>
- Yukl, G. & Van Fleet, D. D. (1992). Theory and research on leadership in organizations. In *Handbook of Industrial and Organizational Psychology* (2nd Ed.). Palo Alto, California: Consulting Psychologists Press.

## PEMBERDAYAAN EKONOMI WANITA: KAJIAN KES DUN PERMATANG

*YB Puan Rozana binti Zainal Abidin*

*Ahli Dewan Negeri Permatang*

*rozana@selangor.gov.my*

*Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh*

*Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi*

*Universiti Selangor*

*hamdan@unisel.gov.my*

*Ng Ming Yip*

*Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi*

*Universiti Selangor*

*mingyip@unisel.edu.my*

*Siti Masitah Mujahidah binti Mohd Muayat*

*Pejabat ADUN Permatang*

*therealjenayyad@gmail.com*

*Dr. Wan Puspa Melati Bt Wan Abdul Halim*

*Fakulti Sains Sosial & Pengurusan Riadah*

*wanmelati.wanah@taylors.edu.my*

### ABSTRAK

Pelbagai dasar dan program pemerkasaan ekonomi rakyat telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Selangor dan yang terkini adalah Skim Niaga Darul Ehsan (NaDI). Inisiatif-inisiatif ini diperkenalkan oleh pihak kerajaan dan diselaraskan oleh wakil rakyat di peringkat DUN serta dibantu oleh organisasi berkepentingan yang terletak dibawah DUN seperti Pusat Wanita Berdaya (PWB). Ia bertujuan memastikan inisiatif-inisiatif ini dapat disalurkan kepada rakyat dengan baik dan membantu ekonomi rakyat setempat. Negeri Selangor memiliki 56 kawasan DUN termasuk DUN Permatang yang terletak di bawah Daerah Kuala Selangor. Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2019), daerah ini mencatatkan purata dan penengah pendapatan antara terendah dalam kalangan semua daerah Selangor iaitu RM5,855 (kedua terendah) dan purata pendapatan RM7,866 (ketiga terendah). Keadaan ini tentunya memerlukan tindakan proaktif bagi mengurangkan cabaran B-40 di DUN Permatang terutama dalam kalangan ketua keluarga wanita dan yang terlibat membantu menyara keluarga. Kajian ini bertujuan untuk menilai usaha-usaha pemberdayaan wanita yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan negeri Selangor dan impaknya kepada wanita-wanita di DUN Permatang. Peniaga dalam kalangan wanita menerusi komitmen Ahli Dewan Negeri Kawasan Permatang menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif ekonomi Negeri Selangor terutama Pinjaman Mikrokredit HIJRAH, Dana Usahawan Mikro Selangor, Program Pembinaan Upaya Usahawan India dan skim latihan usahawan serta inisiatif dari PWB Permatang. Jumlah usahawan wanita yang memulakan perniagaan kecil dan mencebur dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah bertambah dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup wanita dan komuniti di DUN Permatang secara mampan. Inisiatif ekonomi yang menyasarkan bantuan kepada rakyat, memastikan kebajikan rakyat terjaga dan pemerkasaan ekonomi negeri telah menyumbang kepada pemberdayaan ekonomi wanita di seluruh Negeri Selangor termasuk DUN Permatang.

**Kata Kunci:** Pemberdayaan Ekonomi, Wanita, DUN Permatang

## PENGENALAN

Terdapat pengiktirafan yang semakin meningkat bahawa pemberdayaan wanita secara ekonomi adalah penting untuk merealisasikan hak wanita dan mencapai matlamat pembangunan yang lebih luas seperti pertumbuhan ekonomi, pengurangan kemiskinan, kesihatan, pendidikan dan kesejahteraan. (ICRW, 2012). CARE (2021) mendefinisikan pemberdayaan ekonomi wanita sebagai proses di mana wanita meningkatkan hak mereka terhadap sumber ekonomi dan kuasa untuk membuat keputusan yang menguntungkan diri mereka sendiri, keluarga dan juga masyarakat mereka. Menurut *United Nation Women* (2016), pemberdayaan ekonomi wanita adalah penting untuk mewujudkan hak wanita dan kesejahteraan mereka dalam masyarakat. Pemberdayaan wanita dalam ekonomi dan menutup jurang gender dalam dunia pekerjaan adalah kunci untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030 atau *2030 Agenda for Sustainable Development*. Apabila lebih ramai wanita diberikan peluang untuk menceburi dalam bidang ekonomi dan keusahawanan, ekonomi negeri dan negara juga turut akan berkembang. Di peringkat masyarakat dan komuniti, wanita diperlukan untuk mempunyai kerjaya yang stabil supaya dapat menjana pendapatan dan menyumbang kepada peningkatan taraf ekonomi keluarga dan dalam masa yang sama melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu yang menyediakan penjagaan kepada keluarga mereka (Norsiah, 2010). Menurut Kabeer (2009), pemberdayaan ekonomi wanita dapat menyumbang kepada beberapa perubahan berikut:

- pembangunan manusia
- pengurangan kemiskinan
- meningkatkan taraf pendidikan dan kemahiran
- menerima manfaat hasil perundingan

Pemberdayaan wanita melalui ekonomi menyumbang kepada pembangunan manusia dari pelbagai aspek seperti potensi diri, nilai, kemahiran, pengetahuan dan kualiti hidup. Pembangunan manusia secara berkesan akan mengubah kehidupan wanita daripada kemiskinan kepada mampu menyara diri dan keluarga juga. Mereka juga berpeluang mendapatkan perkhidmatan pendidikan dan kemahiran untuk anak-anak mereka. Di samping itu, wanita yang berkemampuan dari segi kewangan atau jawatan akan memiliki kuasa rundingan yang mempunyai peluang untuk berunding dengan pihak ketiga dalam apa-apa urusan yang berkaitan kehidupan harian dan seterusnya memberi manfaat kepada wanita atau ahli keluarganya. Pemerksaan ekonomi wanita adalah memastikan wanita dapat mencapai potensi sepenuhnya (ICRW, 2016). Mereka memiliki kemahiran dan potensi diri untuk dikembangkan dan seterusnya menghasilkan output atau produk ekonomi yang boleh dipasarkan. Perkara ini sering berlaku dalam konteks wanita luar bandar yang membantu menyara kehidupan dengan menghasilkan pelbagai produk ekonomi dan menjalankan perniagaan kecil seperti gerai makanan, hasil pertanian, produk kraf tangan, kedai runcit, perkhidmatan pengasuh dan sebagainya. Pelbagai usaha dan inisiatif secara berterusan boleh diambil ke arah pemberdayaan wanita secara hoslitik dan inklusif. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang usaha-usaha yang telah dilakukan melalui Dewan Negeri Kawasan Permatang (DUN Permatang) Selangor dan organisasi wanita di kawasan ini dalam memberdayakan wanita melalui ekonomi.

## PERNYATAAN MASALAH

Wanita terdiri daripada hampir separuh jumlah populasi Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sehingga tahun 2017, kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina terdiri daripada 9.5 juta wanita dan 9.8 juta lelaki. Daripada jumlah tersebut, hanya 53.5 peratus wanita menyertai tenaga buruh, berbanding 77.7 peratus bagi lelaki. Walau bagaimanapun, jurang jantina dalam kadar penyertaan tenaga buruh telah berkurangan daripada 38.9 peratus pada tahun 1995 kepada 24.2 peratus pada tahun 2017. Kadar penglibatan wanita pada sektor ekonomi masih lagi menunjukkan perbezaan dengan hanya 55.2% berbanding 80.4% peluang yang diberikan kepada lelaki pada tahun 2019 (Liyana, 2020). Bagi menangani isu penyertaan wanita dalam sektor ekonomi, Kerajaan Persekutuan pernah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan seperti dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam, 27 peratus daripada ahli lembaga pengarah di syarikat awam adalah wanita, penguasaan dalam politik dan sebagainya. Di samping itu, Belanjawan 2019 juga menyatakan komitmen kerajaan untuk menambah jumlah wanita sebagai pembuat dasar dan keputusan sebanyak 30 peratus. Selain itu, kerajaan juga berhasrat membabitkan wanita pada peringkat pembuat keputusan sektor swasta kepada 30 peratus (Balqis, 2018). Walau bagaimanapun,

dasar dan inisiatif tersebut masih belum mengetahui keberkesanannya dan sejauhmana telah membantu golongan wanita terutamanya mereka yang berada dalam kelompok B-40. Inisiatif yang bersifat inklusif dan bersasar harus diperkenalkan bagi memastikan agenda pemberdayaan wanita benar-benar diletakkan di tempat yang betul dengan golongan sasaran yang tepat.

Di peringkat negeri, pelbagai dasar dan program pemerkasaan ekonomi rakyat telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Selangor dan yang terkini adalah Skim Niaga Darul Ehsan (NaDI). Inisiatif-inisiatif ini diperkenalkan oleh pihak kerajaan dan diselaraskan oleh wakil rakyat di peringkat DUN serta dibantu oleh organisasi lain yang terletak dibawah DUN seperti Pusat Wanita Berdaya (PWB). Ia bertujuan memastikan inisiatif-inisiatif ini dapat disalurkan kepada rakyat dengan baik dan membantu ekonomi rakyat setempat. Program-program yang dijalankan hrsrullah menepati aspirasi dan keperluan semasa wanita setempat supaya mereka dapat menjana ekonomi sendiri dan menimba kemahiran serta ilmu pengetahuan baharu. Pendemik Covid-19 telah menjelaskan ekonomi rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan proaktif memperkenalkan pelbagai inisiatif pemulihan ekonomi rakyat termasuk bantuan kepada wanita yang memerlukan dan sekaligus membantu permulihan ekonomi keluarga yang terjejas. Impak inisiatif-inisiatif ekonomi ini secara bersasar ini akan dapat dilihat dari segi pemberdayaan wanita dan pembangunan komuniti secara keseluruhan.

## LATAR BELAKANG

Negeri Selangor mempunyai keluasan tanah 7951 kilometer persegi dengan anggaran penduduk seramai 6.5 juta orang pada tahun 2019. Di DUN Permatang, terdapat seramai 34,131 orang penduduk lelaki iaitu bersamaan 49% daripada jumlah populasi, manakala penduduk perempuan seramai 35,352 orang atau 51%. Negeri ini memiliki 56 kawasan DUN termasuk DUN Permatang yang terletak di bawah Daerah Kuala Selangor. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), daerah ini mencatatkan purata dan penengah pendapatan antara terendah dalam kalangan semua daerah Selangor iaitu RM5,855 (kedua terendah) dan purata pendapatan RM7,866 (ketiga terendah). Keadaan ini tentunya ini memerlukan tindakan proaktif bagi mengurangkan cabaran B-40 di DUN Permatang terutama dalam kalangan ketua keluarga wanita dan yang terlibat membantu menyara keluarga.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menilai usaha-usaha pemberdayaan wanita yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan negeri Selangor dan impaknya kepada wanita-wanita di DUN Permatang. Secara sepsifiknya, kajian ini mempunyai tiga objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti peranan dan fungsi Pejabat DUN dan Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Permatang dalam proses pemberdayaan ekonomi wanita.
2. Untuk mengenalpasti dasar dan program bantuan yang menyumbang kepada pemberdayaan ekonomi wanita di DUN Permatang.
3. Untuk menilai impak dasar dan program pemberdayaan ekonomi terhadap pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan wanita dan komuniti setempat.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dimana kaedah kajian kes digunakan. Kawasan DUN Permatang di Daerah Kuala Selangor dipilih sebagai kawasan kajian. DUN Permatang mempunyai jumlah penduduk seramai 34,131 (49%) orang penduduk lelaki dan 35,352 (51%) orang penduduk perempuan. Penyelidik akan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dasar/ program/ skim ekonomi di Negeri Selangor. Di samping itu, data-data yang berkaitan seperti program, aktiviti, usahawan berjaya dan sebagainya akan diperolehi melalui permohonan rasmi dan seterusnya dianalisis dalam kajian.

## PERANAN PUSAT KHIDMAT DUN PERMATANG DAN PUSAT WANITA BERDAYA

Pusat Khidmat DUN Permatang merupakan sebuah pusat khidmat rakyat yang ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan DUN dan kerajaan kepada masyarakat setempat. Pusat Khidmat DUN merupakan institusi yang paling dekat dengan penduduk tempatan kerana kedudukannya yang strategik berada di tengah-tengah kawasan pentadbiran Dewan Negeri. Pusat ini menjadi pusat sehenti (one stop center) untuk mendapatkan dan menyebarkan maklumat terkini tentang dasar, program dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan. Pusat ini menjadi pusat aduan dan membantu menyelesaikan

isu kebajikan rakyat bersama agensi kerajaan yang lain. Ia juga berfungsi menjadi pusat perhubungan yang merapatkan hubungan baik antara pemimpin dan penduduk. Pusat Khidmat DUN Permatang menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk setempat melalui pelbagai pendekatan termasuk lawatan ke rumah penduduk, penganjuran pelbagai program kemasyarakatan, aktiviti kerohanian, bantuan kebajikan dan sebagainya. Di samping itu, pelbagai inisiatif pemberdayaan wanita juga dilaksanakan melalui Pusat Khidmat DUN Permatang dalam usaha mengangkat peranan wanita dan sumbangannya kepada pembangunan keluarga dan masyarakat.

PWB berperanan sebagai sebuah organisasi wanita yang penting di peringkat masyarakat setempat. PWB merupakan satu platform bagi mendidik dan memberdaya (empower) wanita dengan ilmu, kemahiran dan latihan yang diperlukan bagi melahirkan golongan wanita yang berkepimpinan, berketerampilan dan berdaya saing agar menjadi contoh tauladan kepada masyarakat setempat serta mampu menjadi pemimpin di peringkat masing-masing. Terdapat dua program utama yang menjadi matlamat utama PWB iaitu pertama Modul Pembinaan Kapasiti dan kedua Modul Kemahiran. Definisi PWB dari sejarah penubuhan adalah seperti berikut:

“Pusat Wanita Berdaya atau dikenali PWB adalah program di bawah Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga yang dirangka khas untuk memberdaya dan menggalakkan wanita di sesebuah komuniti bergiat aktif selain melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti tersebut.”

Pusat Khidmat DUN Permatang telah memainkan peranannya secara proaktif dalam usaha pemberdayaan ekonomi wanita DUN Permatang dengan bantuan PWB sebagai barisan hadapan paling dekat dengan wanita setempat yang akan merancang program-program pembangunan wanita secara inklusif.

## INISIATIF PEMBERDAYAAN WANITA DUN PERMATANG

Sejak 2018, terdapat pelbagai program pemberdayaan wanita yang telah dan sedang dijalankan di kawasan DUN ini meliputi program keusahawanan, pembangunan kapasiti, kemahiran, penambahan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Program-program ini berbentuk pembangunan wanita dan advokasi supaya wanita di DUN ini mendapat pendedahan yang sewajarnya. Program-program pemberdayaan ini seterusnya akan meningkatkan keupayaan ekonomi wanita dan keluarga dalam menjalankan kehidupan harian mereka. Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan oleh Pusat Khidmat ADUN Permatang dan Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Permatang dengan kerjasama dengan pelbagai organisasi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Program pemberdayaan wanita anjuran Pusat Khidmat ADUN Permatang:

- Bengkel Pemberdayaan Wanita Sejahtera Siri 2 - (kerjasama dengan Ahli Majlis MDKS dan FAME)
- Ziarah Ekonomi Permatang - (kerjasama dengan IMFAN dan Halal International Selangor)
- Kursus Pengurusan Jenazah Muslimah - (kerjasama dengan Team Selangor)
- Perindahkan Sebutanmu : Surah Al-Fatihah Siri 2 - (kerjasama dengan PEKAWANIS dan Asatizah Selangor)
- SULAM - (kerjasama dengan UiTM Puncak Alam)

Selepas selesai sesuatu program, pihak Pusat Khidmat DUN Permatang akan menyediakan khidmat bimbingan kepada wanita di DUN ini untuk meneruskan perniagaan mereka yang ingin diceburi. Pusat Khidmat DUN Permatang akan memberikan nasihat dan mencadangkan tindakan susulan yang boleh diambil oleh peserta melalui penyaluran maklumat berkaitan bantuan permulaan perniagaan seperti HIJRAH, NaDI, Dana Usahawan Mikro Selangor dan sebagainya. Contohnya bantuan modal perniagaan membolehkan wanita membeli peralatan dan bahan untuk memulakan perniagaan dan sekali gus menjana pendapatan tambahan kepada keluarga serta menghapuskan kemiskinan. Pada masa yang sama, Pusat Khidmat DUN Permatang sentiasa memberi nasihat dan sokongan moral yang sewajarnya kepada para wanita dalam memulakan perniagaan dan menjadi usahawan yang berjaya.

Di DUN Permatang juga, semua keluarga akan menghasilkan produk yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada wanita dan keluarga mereka. Perniagaan yang diusahakan juga memberi penekanan kepada konsep 4K iaitu Kualiti, Kuantiti, Kebersihan dan Kesihatan. 4K ini akan

mendatangkan impak positif kepada wanita dan perniagaannya dari segi penghasilan produk berkualiti dan bersih dengan banyak untuk dijual dan menjamin kesihatan dan kebersihan pelanggan. Akhirnya usaha ini akan memberi impak kepada keluarga dan anak-anak mereka serta komuniti sekelilingnya. Contohnya, kewujudan peluang pekerjaan, usahawan anak muda, taraf pendidikan dan kesihatan.

Bagi memastikan usaha pemberdayaan ini dilakukan secara berterusan dan menghasilkan impak yang berterusan, pihak Pusat Khidmat DUN Permatang juga mengadakan pelbagai bengkel peningkatan kemahiran secara berkala terutamanya dari segi pengurusan kewangan kepada wanita dalam menguruskan kewangan secara bijak bagi mengelakkan pembaziran atau kerugian. Ini penting bagi memastikan sesuatu perniagaan itu dapat diteruskan dengan baik dan berkembang maju. Inisiatif pemberdayaan wanita di DUN Permatang ditambah lagi dengan penganjuran program-program pembangunan kapasiti dan kemahiran oleh PWB DUN Permatang:

**Program PWB DUN Permatang:**

**Modul Pembangunan Kapasiti**

- Wanita dan Perundangan
- Keselamatan dan Pembangunan Keluarga
- Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga

**Modul Kemahiran**

- Bengkel Belajar Memasak Nasi Lemak Ayam Rendang
- Bengkel Pasu Sabut Kelapa
- Bengkel Kraf Decoupage
- Bengkel Sabun DIY
- Bengkel Kraf Potpourri

Program-program yang dilaksanakan melalui Pusat Khidmat DUN dan PWB DUN Permatang adalah secara berkala dan memberi impak terus kepada semua peserta yang terlibat. Ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari daripada bengkel boleh terus diaplikasi dalam kehidupan harian dan dimanfaatkan untuk menjana pendapatan.

## **IMPAK PEMBERDAYAAN EKONOMI WANITA**

Peniaga dalam kalangan wanita menerusi komitmen ADUN Permatang menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif ekonomi Negeri Selangor terutama Pinjaman Mikrokredit HIJRAH, Dana Usahawan Mikro Selangor, Program Pembinaan Upaya Usahawan India dan skim latihan usahawan serta inisiatif dari PWB Permatang. Jumlah usahawan wanita yang memulakan perniagaan kecil dan mencebur dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah bertambah hasil daripada program-program pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan. Bagi tempoh tahun 2015 sehingga 2020, jumlah peserta Pinjaman Mikrokredit HIJRAH bagi DUN Permatang terdiri daripada 51 peratus wanita dan 49 peratus lelaki. Seramai 40 peratus peserta terlibat dalam sektor makanan dan masing-masing 20 peratus dalam sektor pertanian, perikanan dan perkhidmatan.

Pemerkasaan ekonomi wanita dapat meningkatkan produktiviti, meningkatkan kepelbagaian ekonomi dan persamaan pendapatan di samping hasil pembangunan positif yang lain (International Monetary Fund, 2018). Oleh kerana wanita lebih kuat dari segi kewangan dan berdikari mereka akan dapat memenuhi keperluan dan keinginan ahli keluarga mereka dan yang seterusnya akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi (Jadeja, 2020). Keseluruhannya, kualiti hidup wanita dan komuniti di DUN Permatang semakin baik dan mampu. Mereka mampu menjana pendapatan tambahan melalui perniagaan yang diceburi dan membantu ketua rumah untuk menyara keluarga. Dua contoh usahawan DUN Permatang yang berjaya hasil inisiatif program HIJRAH yang bermula dengan pinjaman modal sehingga perniagaannya berkembang untuk pembekalan produk ke luar negara:

- i. Usahawan Kuih Kapit Ratu di Sg. Terap Pasir Penambang
- ii. Projek Jualan Ikan dan Nelayan di Kg. Sg. Yu

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Selangor dan disalurkan melalui Pejabat Khidmat DUN adalah strategik berkesan dalam membantu rakyat daripada masalah kemiskinan akibat peningkatan kos sara hidup dan ekonomi yang tidak menentu. Impaknya adalah menyeluruh kepada peringkat individu, keluarga, masyarakat sehingga negeri dan negara.

## KESIMPULAN

Inisiatif ekonomi yang menyasarkan bantuan kepada rakyat, memastikan kebijakan rakyat terjaga dan pemerkasaan ekonomi negeri telah menyumbang kepada pemberdayaan ekonomi wanita di seluruh Negeri Selangor termasuk DUN Permatang. Pihak Pejabat DUN dan PWB perlu merancang program-program pembangunan ekonomi wanita dari semasa ke semasa bagi memastikan wanita dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang mampu berdaya saing. Isu-isu yang berkaitan kebijakan wanita di peringkat komuniti harus memetakan dengan segala dasar dan program yang sedang dan bakal diperkenalkan supaya inisiatif ini dapat menguruskan sesuatu isu dengan berkesan.

## CADANGAN DASAR

Kajian ini mencadangkan supaya meneruskan pelaksanaan dasar dan program yang membantu ekonomi wanita seperti Hijrah, NaDI, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan sebagainya. Dasar dan program ini perlu dinilai dari semasa ke semasa dari segi keberkesanannya dan impaknya secara menyeluruh kepada penerima manfaat supaya tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Di samping itu, adalah dicadangkan program pemberdayaan secara holistik iaitu Program 'Safe, Heal, Empower and Strength' (SHES) perlu dilaksanakan. Program ini adalah landasan terbaik dalam usaha membentuk usahawan wanita yang tahan uji dan penerapan holistik kepada kaum wanita menerusi pembukaan peluang bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi. Program seperti ini penting kerana kesemua latihan yang diberi perlu disulami dengan ketahanan diri dalam usaha untuk terus cemerlang dan berdaya.

## RUJUKAN

- Balqis, A. (2018, Nov 8). Wanita, PKS bantu jana ekonomi. *Berita Harian*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/renanca/komentar/2018/11/495690/wanita-pks-bantu-jana-ekonomi>
- CARE. (2021). Women's economic empowerment. Dimuat turun daripada <https://www.care-international.org/what-we-do/womens-economic-empowerment>
- Duflo, E. (2012). Women empowerment and economic development. *Journal of Economic Literature*, 50 (4), 1051–1079.
- International Center for Research on Women (ICRW). (2016). *Building effective women's economic empowerment strategies*. Dimuat turun daripada [https://www.bsr.org/reports/BSR\\_ICRW\\_Building\\_Effective\\_Womens\\_Economic\\_Empowerment\\_Strategies.pdf](https://www.bsr.org/reports/BSR_ICRW_Building_Effective_Womens_Economic_Empowerment_Strategies.pdf)
- International Center for Research on Women (ICRW). (2012). *Women's economic empowerment: Are we doing it right?* Dimuat turun daripada <https://www.icrw.org/wp-content/uploads/2019/09/Womens-Economic-Empowerment-Are-we-doing-it-right-Unintended-Consequences.pdf>
- International Monetary Fund. (2018). Pursuing women's economic empowerment. Dimuat turun daripada <https://www.imf.org/en/Publications/Policy-Papers/Issues/2018/05/31/pp053118pursuing-womens-economic-empowerment>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Penyertaan wanita dalam ekonomi. Dimuat turun daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPA\\_2-2020\\_Siri-37.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPA_2-2020_Siri-37.pdf)
- Jadeja, M. (2020). *Working women – Benefits of economic empowerment*. Dimuat turun daripada <https://thriveglobal.com/stories/working-women-benefits-of-economic-empowerment/>
- Kabeer, N. (2009). *Women's economic empowerment: Key issues and policy options*. Sweden: Sida
- Liyana. (2020). Sekitar 55% Sahaja Peluang, Penyertaan Wanita Wujud Pada Sektor Ekonomi Malaysia. *Ringgit.com*. Dimuat turun daripada <https://rnggt.com/2020/9025/>
- Norsiah, B. U. (2010). *Faktor penentu penyertaan wanita dalam pasaran buruh*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi, Port Dickson, Negeri Sembilan, 15 – 17 Oktober 2010.
- Pengenalan Pusat Wanita Berdaya. (2021). Dimuat turun daripada <https://pwbselangor.com/>
- United Nations Women. (2015). *Women and sustainable development goals*: Kenya: UN Women Eastern and Southern Africa Regional Office

## **PEMBERDAYAAN WANITA INKLUSIF: KAJIAN KES PUSAT WANITA BERDAYA (PWB) DUN KOTA ANGGERIK**

*Nur Yusmi Bt Md Yusop  
Pusat Wanita Berdaya DUN Kota Anggerik  
nuryusmi71@gmail.com*

*Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh  
Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi (IESAD)  
Universiti Selangor  
hamdan@unisel.gov.my*

*Ng Ming Yip  
Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi,  
Universiti Selangor  
mingyip@unisel.edu.my*

*Dr. Mohd Norazwan bin Abu Bakar  
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan,  
Universiti Selangor  
mohdnorazwan@unisel.edu.my*

### **ABSTRAK**

Wanita memainkan peranan yang amat signifikan di dalam pembangunan komuniti yang sememangnya mempengaruhi corak landskap sosial negara. Selangor dengan jumlah penduduk wanita seramai 3.13 juta, telah mengankat usaha memberdaya wanita sejak 2008 terutama dengan penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji peranan dan usaha PWB Kota Anggerik dalam menjadikan usaha pemberdayaan wanita benar-benar inklusif. Kajian ini menggunakan kaedah metodologi dengan penekanan khusus analisis dokumen. Analisis dilaksanakan ke atas aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan antara tahun 2019 hingga bulan April 2021. Hasil analisis mendapat terdapat 47 program yang dilaksanakan oleh PWB Kota Anggerik yang membuktikan terdapat usaha holistik untuk menjadikan usaha pemberdayaan wanita inklusif satu kenyataan. Kajian-kajian lanjut boleh dilaksanakan dalam melihat keberkesanan program secara keseluruhan, analisis keperluan latihan yang diperlukan oleh wanita setempat dan penekanan pelaksanaan kepada golongan lebih mikro.

**Kata kunci:** Pemberdayaan Wanita Inklusif, Pusat Wanita Berdaya (PWB), DUN Kota Anggerik.

## PENGENALAN

Setakat 2019, negeri Selangor mencatatkan bilangan penduduk keseluruhan berjumlah 6.53 juta. Dari sejumlah itu, 47.9 peratus iaitu 3.13 juta penduduk merupakan wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Jumlah besar ini tentunya memerlukan satu usaha khusus bagi memberdaya wanita dalam semua aspek kehidupan dan kerjaya.

Sejak 2008, Selangor telah menyedari akan pengaruh wanita dalam menghasilkan perubahan dalam pelbagai bidang dan peringkat yang merangkumi bidang sosio-ekonomi dan politik setempat. Dasar dan pelaksanaan khusus bagi memberdaya wanita telah dilaksanakan. Exco wanita Selangor dipetik menerusi *Sinar Harian* bertarikh 15 Januari 2019 menyatakan usaha pemberdayaan wanita dipergiat menerusi penubuhan 2 institusi iaitu Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan kemudiannya Institut Wanita Berdaya (IWB).

Sebagai tambahan, berdasarkan Hansard Dewan Selangor (2016), Pelan Tindakan Wanita Selangor 2010-2018 yang mempunyai misi khusus Pemberdayaan Wanita Selangor ke arah pembinaan masyarakat madani. Antara paksinya adalah:

- (i) membina jati diri wanita yang dinamik.
- (ii) memupuk sifat daya saing wanita.
- (iii) membangun sifat berperikemanusiaan.
- (iv) mengembang ilmu yang diperlukan.
- (v) melahirkan wanita yang berketerampilan dan berupaya mendorong individu sekeliling mereka ke arah menghayati prinsip-prinsip masyarakat madani.

Usaha ini kemudiannya diperkasa menerusi Misi Pemberdayaan Wanita Selangor dengan pelaksanaan:

- (i) Peningkatan Tahap Kesihatan Wanita Selangor – termasuk pelaksanaan Program Mammogram Selangor (MammoSel).
- (ii) Program Pengupayaan Pendidikan – fokus kepada peranan PWB.
- (iii) Penglibatan Wanita Dalam Keusahawanan – termasuk menerusi Program HIJRAH.

Dalam usaha mengangkat usaha ini, pelbagai aktiviti inklusif dilaksanakan. Berdasarkan Hansard Dewan Negeri (2016), sejumlah 50 program, Jun 2013 hingga Jun 2016, 59 program impak tinggi telah dilaksanakan dengan jumlah libatserta 34,453.

## SEKILAS PANDANG PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

Secara ringkas, PWB merupakan "satu platform pemberdayaan wanita di peringkat akar umbi untuk memaksimumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi memperkasakan diri ke arah kemajuan sosial dan ekonomi, meningkatkan penglibatan wanita secara inklusif dalam semua program latihan dan kemahiran untuk pemberdayaan ekonomi keluarga dan masyarakat setempat." (Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017).

Justeru itu, bagi merealisasikan agenda pemberdayaan wanita ini Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang ditubuhkan pada tahun 2009 telah dimasukkan di dalam struktur Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor dalam kategori bukan kerajaan selari dengan NGO, Kumpulan Perniagaan dan Gabungan Berkepentingan (Ibu Tunggal). Sejak lama penubuhan PWB ini, pelbagai inisiatif telah diambil menerusi organisasi ini ke arah mengangkat peranan wanita sebagai aktor penting dalam pembangunan dan kemajuan negeri Selangor.

Ia ditubuhkan sebagai satu platform untuk semua wanita meningkatkan jati diri, kemahiran, ilmu pengetahuan mengenai hak dan tanggungjawab serta memberi pendidikan dalam pelbagai perspektif dan bidang fokus. Program-program dirangka khas untuk memberdaya dan menggalakkan wanita dalam komuniti bergiat aktif terlibat dalam kerja sosial dan melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti tersebut. Visi PWB adalah menjadi pusat aktiviti wanita yang utama dan komited dalam membentuk sebuah komuniti wanita yang berdaya dalam berbagai bidang dan mempunyai jati diri yang tinggi.

Manakala misi PWB adalah untuk membina dan mengembangkan jaringan dalam kalangan wanita dalam komuniti, mensinergi tindakan dan membina jati diri wanita. Objektif PWB di antaranya

memantapkan kepimpinan wanita dalam pembuatan keputusan di semua peringkat masyarakat, menggalakkan partisipasi wanita di dalam sosio-ekonomi dan kerja sosial dalam masyarakat, membina jati diri wanita yang dinamik, memupuk sifat kerjasama wanita untuk kerja berpasukan serta meningkatkan keupayaan dan kemahiran wanita terutama golongan B40.

Sehingga tahun 2020 ,Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga telah mempunyai 56 buah PWB di mana setiap kawasan Dewan Negeri wajib melantik seorang Penyelia (lantikan politik) untuk mengendalikan operasi PWB di DUN masing masing dengan peruntukan program sebanyak lima puluh ribu Ringgit Malaysia setahun. (tidak termasuk elaun penyelia dan kos pengurusan PWB Selangor).

PWB Kota Anggerik merupakan salah satu pusat yang ditubuhkan atas usaha ini. Ia terletak di tengah-tengah pusat bandar Shah Alam, dalam daerah Petaling. Pentadbiran PBT adalah di bawah juridiksi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Kerusi dewan negeri ini digazetkan pada 2003 dengan 20 daerah mengundi serta mula ditandingi pada Pilihanraya Umum 2004.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menilai peranan PWB dalam usaha pemerkasaan wanita DUN Kota Anggerik secara inklusif. Secara spesifiknya, kajian ini mempunyai tiga objektif seperti berikut:

- (i) Untuk mengenalpasti peranan dan fungsi Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Kota Anggerik dalam proses pemberdayaan komuniti wanita.
- (ii) Untuk mengenalpasti bentuk program inklusif yang dilaksanakan untuk manfaat komuniti wanita setempat oleh PWB di DUN Kota Anggerik.
- (iii) Untuk menilai impak program yang dilaksanakan untuk manfaat komuniti wanita setempat oleh PWB di DUN Kota Anggerik.

## METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan protokol kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen. Analisis dokumen sesuai digunakan dalam penyelidikan ke atas organisasi kerana ia membolehkan para penyelidik mengkaji bahan-bahan yang ada secara terperinci. Ini juga memudahkan usaha mencari tema sesuatu dokumen dan bahan yang diperolehi.

Kajian ini mengkaji dan menilai bukti-bukti dan dokumen-dokumen yang berkaitan program/ aktiviti/ modul pemberdayaan wanita di DUN Kota Anggerik secara sistematik. Di samping itu, data-data seperti penglibatan wanita dalam program, jumlah program pembangunan kapasiti dan kemahiran, jumlah pelantikan wanita ke jawatan dan sebagainya akan diperolehi melalui permohonan rasmi dan seterusnya dianalisis dalam kajian.

Tumpuan kajian adalah aktiviti-aktiviti terkini yang dilaksanakan terutama bermula tahun 2019 dengan penekanan kepada 6 bulan terakhir iaitu antara Oktober 2020 hingga April 2021.

## DISKUSI & DAPATAN KAJIAN

Cabarannya terbesar melaksanakan program sejak tahun 2020 tentunya diakibatkan oleh penularan wabak Covid-19. Ini tentunya membataskan usaha menjalankan pelbagai program yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, PWB Kota Anggerik telah mengubah kaedah pelaksanaan dengan mengurangkan aktiviti bersemuka dan meningkatkan program dalam talian terutama menerusi Facebook. Program-program yang dianalisis dalam 6 bulan mutakhir merangkumi penekanan kepada program yang merangkumi penekanan kepada kaedah dalam talian dan pertemuan bersemuka yang mengikut prosedur SOP ketat. Hebahnya juga tertumpu kepada medium Facebook dan WhatsApp.

### Jadual 1. Program PWB Terpilih (26 Okt 2020 – 3 April 2021)

Bil.	Program	Tarikh	Makluman
1.	Mari Buat Bonsai Kelapa	3 April 2021	Sosio-ekonomi
2.	Membuat Terrarium	21 Mac 2021	Sosio-ekonomi
3.	Program edaran bunga ros sempena sambutan Hari Wanita Sedunia	11 Mac 2021	Pemberdayaan
4.	Bengkel Membuat Alas Kaki dari Perca Kain	14 Mac 2021	Sosio-ekonomi
5.	Bengkel Cenderahati dari Sabun	28 Februari 2021	Sosio-ekonomi
6.	Quarantine Tea Talk Show – Cabaran Ibu Anak-Anak Istimewa Era Pandemik	24 Februari 2021	Pemberdayaan Inklusif
7.	Bengkel Pembangunan Keusahawanan Kota Anggerik	18 Februari 2021	Sosio-ekonomi
8.	Demostrasi Membuat Garlic Bread & Mushroom Soup	20 Disember 2020	Sosio-ekonomi
9.	Bengkel membuat Tart Bengkulu	13 Disember 2020	Sosio-ekonomi
10.	Bicara Wanita Anggerik: Hentikan Keganasan Terhadap Wanita.	7 Disember 2020	Pemberdayaan Inklusif
11.	Bengkel penanaman secara Hidroponik	29 November 20	Sosio-ekonomi
12.	Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita	Sepanjang November 2020	Pemberdayaan Inklusif
13.	Bengkel Keterampilan Imej dan Solekan	15 November 2020	Penampilan
14.	Modul Program Kemahiran Pusat Wanita Berdaya.	Konsep Modul	Pemberdayaan Inklusif
15.	Modul Program Pembangunan Kapasiti Pusat Wanita Berdaya.	Konsep Modul	Pemberdayaan Inklusif
16.	Hebahan pwb	26 Oktober 2020	Pemberdayaan Inklusif

Jika dilihat dari aspek keseluruhan, terdapat 16 program yang dipilih untuk analisis dalam 6 bulan terkebelakang. Tumpuan program telah mengambil kira kesan resam baru dan fokus tumpuan demografi Kota Anggerik yang merupakan kawasan pusat bandar. Terdapat tumpuan ketara kepada bengkel-bengkel mengangkat usaha keusahawana sara diri dan pemberdayaan sosio-ekonomi. Ini termasuk bengkel membuat makanan dan gubahan yang kemudiannya boleh dibuat di rumah. PWB Kota Anggerik juga turut meneruskan usaha pemberdayaan inklusif dengan pelaksanaan modul pembangunan kapasiti dan kempen-kempen advokasi. Program yang mikro dalam resam baru turut dilaksanakan terutama dalam usaha memberi makluman kepada wanita/ibu yang punya anak istimewa (Anis). Ini merupakan satu program inklusif terutama apabila melihat kesan besar kesihatan mental dalam kalangan ibu-ibu yang punya anak istimewa dalam era pandemik ini. AND Kota Anggerik, YB Najwan Halimi turut menjadi panelis program ini yang ditonton secara langsung oleh 1,300 penonton (<https://www.facebook.com/112489705493666/videos/176049874058878>).

Sebagai tambahan, program-program kemahiran tambahan turut dilaksanakan dengan memasukkan elemen pemberdayaan ekonomi dan usaha menangani pandemik. Ini termasuk program-program berikut:

### Jadual 2. Program PWB Semasa Pendemik

Bil.	Program	Lokaliti	Ikutserta
1	Bengkel Pembuatan Air Soya dan Taufu Fa	Seksyen 7	41
2	Bengkel Pembuatan Aneka Cupcake dan Hiasan Butter	Bukit Bandaraya	35
3	Bengkel Pembuatan Pes Makanan	Seksyen 7	46
4	Bengkel T Shirt Batik Shibori	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	31

5	Bengkel Asas Kait	Seksyen 8	15
6	Bengkel anyaman Tudung Saji	Seksyen 16	28
7	Bengkel Memproses Bawang Goreng	Bukit Subang	29
8	Bengkel Mengikat Saree & Menhdi	Mutiara Bukit Raja	19
9	Sumbangan lampin dan susu kanak-kanak (Program sepanjang PKP)	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	133
10	Terapi seni lukisan 'tote bag'	Seksyen 13	20
11	Kelas asas kait 'mask extender'	Seksyen 9	28
12	Bengkel Makanan Berasaskan Kurma	Bukit Jelutong	18
13	Bengkel Ketramplian Imej dan solekan	FB LIVE	
14	Bengkel Penanaman Secara Hidroponik	FB LIVE	
15	Demonstrasi Membuat Tart Bengkulu	FB LIVE	
16	Demonstrasi Membuat Garlic Bread dan Mushroom Soup	FB LIVE	
17	Bengkel cara membuat cenderahati dari sabun	FB LIVE	
18	Bengkel membuat alas kain dari perca kain	Pangsapuri Perdana	15
19	Bengkel membuat terarium	Setia Alam U13	24
20	Bengkel Membuat Bonsai Kelapa	Sri Mahligai Kondominium	26
21	Kelas "Quick Bread & Cookies"	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	25

Analisis sejak 2019 juga mendapati program-program impak tinggi yang berpaksi inklusif turut dilaksanakan. Usaha-usaha ini ternyata atas usaha memberdaya wanita di kawasan Kota Anggerik. Fokus program pembangunan kapasiti membuktikan usaha melaksanakan pemberdayaan wanita inklusif. Antara program yang dilihat mampu memberi impak adalah seperti ringkasan berikut:

### Jadual 3. Program Berimpak PWB

Bil.	Program	Lokaliti	Ikutserta
1	Seminar Kesihatan Satu Rahim Satu wanita	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	28
2	Rahsia Kebahagiaan dan Kesihatan Mental	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	30
3	Program Kesedaran Kesihatan Mencegah Kanser	Setia Alam	27
4	Seminar Cantik Menawan Idamsn Suri Hati	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	18
5	Seminar Ancaman Jenayah	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	15
6	Seminar kemurungan: Sengsara dalam diam	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	30
7	Bengkel seni terapi minda	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	20
8	Rakaman Jejak Wanita Selangor	Keseluruhan Dun Kota Anggerik	

9	Bicara Wanita Anggerik:Hentikan Kegansan Terhadap Wanita .Apa peranan kita?	FB LIVE	
10	Program literasi undang undang syariah (petaling)	Applikasi Zoom	5 (Ahli Jawatankuasa)

Menuju era paska wabak Covid-19 dan mengambilkira demografi Kota Anggerik, program-program yang dilaksanakan boleh ditambahbaik dan diperkasa. Ini termasuk penambahan fokus program yang dirancang oleh PWB secara keseluruhan. Tumpuan program banyak kepada program berpaskan kawasan luar bandar dan keadaan ini boleh ditambahbaik dengan mengadakan kajian berkaitan keberkesanan semua program yang dilaksanakan. Selain itu, keperluan program golongan bekerjaya M-40 dan T-10 juga perlu diambilkira andai usaha memberdaya wanita secara keseluruhan dan inklusif dapat dijadikan kenyataan. Ini boleh dilaksanakan dengan memulakan usaha menganalisis keperluan latihan golongan-golongan tumpuan.

Terdapat juga keperluan penekanan khusus kepada usaha memberdaya ibu tunggal, ibu tinggal, pencari kerja dan mereka yang mempunyai anak istimewa. Usaha mewujudkan elemen "Tahan Uji" juga boleh dijadikan paksi tambahan disebalik mengadakan program-program keusahawanan wanita. Ini akan menambahnilai mereka yang menjadi peserta dan sekali gus menjadikan PWB benar-benar mengangkat pemberdayaan wanita inklusif.

## KESIMPULAN

Program-program pemberdayaan wanita dilaksanakan secara inklusif dengan memberi peluang dan ruang kepada semua wanita di DUN ini. Program-program yang dirangka memenuhi keperluan semasa wanita supaya mereka tidak berasa tertekan dengan faktor ekonomi dan boleh berdikari untuk membantu keluarga. Cadangan Dasar Meneruskan peranan PWB sebagai sebuah institusi wanita yang penting dalam membawa pembangunan dan kemajuan kepada kaum wanita. Institusi PWB ini perlu dikekalkan dan peranan serta fungsinya perlu dinilai dari semasa ke semasa supaya ia kekal relevan mengikut peredaran masa. Di samping itu, dasar wanita di peringkat negeri Selangor harus mengiktiraf peranan PWB dan memberi autoriti tertentu serta menjadikan ia sebagai institusi yang dihormati dalam kalangan pentadbiran dan politik. Tambahan lagi, program-program pemberdayaan perlu mempunyai nilai kemampunan (sustainable), inklusif (inclusive) dan berkesan (effective) dalam menangani apa-apa isu yang melibatkan wanita. Secara lebih spesifik, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di PWB Kota Anggerik menampakkan usaha penekanan inklusif. Namun dalam masa yang sama terdapat ruang lebih mikro dengan mengambilkira profil demografi penduduk yang berada di kawasan bandar. Wanita di DUN Kota Anggerik dilibatkan secara langsung dalam proses pemberdayaan wanita. Penglibatan ini meliputi semua wanita daripada pelbagai latar belakang terutamanya wanita dalam golongan B40. Wanita-wanita pelbagai peringkat ini akan diintegrasikan dalam pelbagai program untuk mewujudkan komuniti wanita yang berilmu pengetahuan dan memiliki kemahiran ekonomi tertentu. Di samping itu, kemudahan fasiliti dan kewangan telah diberikan untuk program pemerdayaan wanita. Pendekatan bottom-up dengan penglibatan secara massa telah memberi impak positif kepada pembangunan wanita di negeri ini.

## RUJUKAN

- Dewan Negeri Selangor. (2016). Hansard Dewan Negeri Selangor
- Dewan Negeri Selangor. (2018. Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2018
- Dewan Negeri Selangor. (2016). Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2016
- Facebook PWB Kota Anggerik, <https://www.facebook.com/PWBKA2020>
- Jabatan Statistik Malaysia, <https://www.dosm.gov.my/>
- Pengenalan Pusat Wanita Berdaya. (2021). Dimuat turun daripada <https://pwbselangor.com/>
- Penyelia Pusat Wanita Berdaya DUN Kota Anggerik. (2021). Fail Aktiviti PWB DUN Kota Anggerik.
- Quarantine Tea Talk PWB Kota Anggerik. <https://www.facebook.com/112489705493666/videos/176049874058878>.
- Sinar Harian, (2019, Jan 15). Pemberdayaan wanita menerusi dua agensi. Sinar Harian. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/7636/EDISI/Selangor-KL/Pemberdayaan-wanita-menerusi-dua-agensi>

## **HASIL KARYA KREATIF: SAINS, SENI LUKISAN DAN UNSUR KEMANUSIAAN MAMPU BERPADU MEMBANGUNKAN MINDA MASYARAKAT**

*Umi Kalthum Ngah*  
*Pertubuhan Penulis Isu-isu Wanita Nasional (PenaWan)*  
*umikalth@yahoo.co.uk*

### **ABSTRAK**

Karya kreatif penting bagi membangunkan minda masyarakat. Melalui karya kreatif, pelbagai pendekatan mampu dihidangkan sebagai bahan mendidik dan membuat lapisan masyarakat berfikir. Sumbangan usaha dalam memberi pendedahan, menyemai dan menanam nilai-nilai murni dalam jiwa pembaca dapat dilaksanakan dengan jaya. Objektif kertas kerja ini ialah mengutarkan yang wanita mampu diperkasakan peranannya dalam mengusahakan dan melaksanakan usaha menyumbang ke arah ini. Wanita yang diperkasakan ilmu, kemahiran dan kebolehannya ini mampu bergerak sebagai agen pengubah masyarakat sama ada sebagai individu maupun berusaha secara kolektif melalui persatuan atau gabungan tenaga dengan pihak yang mempunyai cita-cita dan harapan yang sama. Wanita yang bersifat penyayang dan keibuan memang sesuai bertindak sebagai agen pengubah dan pencorak pemikiran masyarakat. Hanya wanita yang mengenali wanita, menghasilkan karya yang menyentuh isu-isu wanita terutama yang melibatkan isu harga diri dan memartabatkan kedudukan wanita. Begitu juga hasil karya yang memberi impak positif kepada golongan muda dalam era digital dan dunia tanpa sempadan. Sebagai seorang mantan ahli akademik yang berlatarbelakangkan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, penulis ingin berkongsi pengalaman sendiri dalam melaksanakan perkara ini, khususnya dalam usaha menggabungkan fakta dan maklumat sains, di samping dipersembahkan sebagai karya seni dengan suntikan aspek kemanusiaan sarat dengan unsur nilai-nilai murni, berdasarkan konsep ‘STEM to STEAM’. Melentur buluh biar dari rebung. Usaha ini seelok-eloknya dimulakan dari peringkat awal lagi, dalam penyediaan bahan bacaan peringkat kanak-kanak berbentuk Buku Bergambar (*Picture Books*), yang disajikan sebagai bahan bercerita. Golongan pendidik dan semua lapisan masyarakat pula mampu bertindak sebagai pencerita (*storytelling*). Usaha sebegini dapat berkembang secara meluas sekiranya dapat dilahirkan lebih ramai lagi penulis berfikiran mengikut paksi yang sama. Dengan itu, masyarakat akan lebih terdedah kepada unsur dan nilai positif. Tamadun bangsa dan negara juga mampu diangkat ke tempat yang lebih tinggi.

**Kata kunci:** Seni karya, karya kreatif, agen perubah masyarakat, corak pemikiran masyarakat

## PENGENALAN

Tidak seperti era 1960-an dan 1970-an, wanita Malaysia pada abad ke-21 ini turut memainkan peranan yang besar dalam menyumbang tenaga dan sumber tenaga untuk pembangunan negara. Ramai yang mampu meraih kejayaan dalam kelayakan masing-masing sehingga berkebolehan dan memegang jawatan di sektor kerajaan dan juga swasta. Dalam erti kata lain, wanita dalam era dan zaman ini berdwikerjaya.

Sungguhpun wanita berperanan penting dalam pelbagai kerjaya pada abad ini sebagai ibu, surirumah dan penjawat, wanita juga berperanan sebagai aktivis masyarakat. Anggapan yang kaum wanita hanya perlu menguruskan urusan rumah tangga harus dikikis. Ini selari dengan tema Hari Wanita Antarabangsa 2021, iaitu ‘Pilih untuk Mencabar’ manakala tema Hari Wanita peringkat nasional ialah “Pilih Untuk Mendepani Cabaran”. Malah wanita mampu melaksanakan pelbagai peranan lagi sebagai aktivis-mengubah minda dan pemikiran masyarakat. Salah satunya ialah melalui penghasilan karya kreatif Anggoro (2020).

Dengan perkembangan teknologi yang sedang pesat membangun, arus pembangunan ini turut memberi kesan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan muda (Akram & Kumar, 2017). Meskipun kesan negatifnya ada seperti risiko yang terkait dengan alam siber dan budaya kurang sihat, impak positifnya membuka jalan penerokaan yang luas. Internet menjadi sebagai alat pemangkin orang-orang muda dalam kerja-kerja profesional mereka, melebarkan kemahiran terutama dalam merebut peluang usahaniaga dan membina rangkaian serta membina komuniti. Manusia dari pelbagai latarbelakang kaum, pegangan hidup dan agama dapat sama-sama berhubung dan berkongsi pelbagai perkara. Ertinya, kemudahan teknologi komunikasi era masakini menjadi pelantar membawa perubahan positif dalam masyarakat, terutamanya dalam hal mendidik minda dan corak pemikiran.

Di sinilah wanita mampu mengisi ketandusan bahan-bahan membina corak pemikiran masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak, remaja dan orang muda. Wanita secara alaminya mempunyai sifat penyayang dan keibuan, mampu memainkan peranan sebagai sumber penggerak, memotivasi dan menginspirasi masyarakat termasuk golongan generasi pemimpin masa hadapan dan wanita-wanita lain.

Wanita mampu melaksanakan usaha sumbangan ini sebagai individu mahupun berusaha secara kolektif melalui persatuan atau gabungan tenaga dengan pihak yang mempunyai cita-cita dan harapan yang sama. Sebelum diteruskan, masyarakat terutamanya wanita perlu diberi pendedahan tentang apakah yang dimaksudkan dengan pemerkasaan.

## PEMERKASAAN WANITA

Wanita perlu diberi pendedahan tentang pemerkasaan (*empowerment*). Dengan itu, baharulah wanita dapat melaksanakan usaha-usaha sebagai agen pengubah corak pemikiran masyarakat secara efektif. Perkara ini dapat direalisasikan antaranya melalui dua langkah berturut-turut (Cornwall, 2016):

- a. Memahami apa itu pemerkasaan dan
- b. Melengkapkan diri dengan kemahiran yang perlu termasuk pembelajaran sepanjang hayat.

### **Takrif pemerkasaan**

Menurut Brook dan Holland (2000) seperti yang disebut oleh Cornwall (2016):

“Pemerkasaan ialah proses meningkatkan kemampuan individu ataupun kumpulan dalam membuat pilihan dan kemudian memindahkan pilihan itu kepada tindakan dan hasil yang diharaskan. Intipati kepada proses ini ialah keberhasilan tindakan yang membina individu

dan aset secara kolektif kumpulan, menambahbaik kecekapan dan keadilan dalam organisasi serta institusi yang mentadbir aset-aset ini.”

### ***Perlengkapan diri dengan kemahiran***

Dengan kemahiran yang diperolehi dan sentiasa diperbaharui, wanita sudah tentunya mampu melaksanakan tugas sebagai aktivis ataupun agen pengubah masyarakat sama ada dalam cara corak pemikiran dan segala tindak tanduk, khususnya mengikut keperluan bidang yang ingin diceburinya. Dalam hal menghasilkan seni karya, bahan bacaan dan filem tontonan contohnya, sudah tentu wanita perlu menguasai bidang-bidang seperti penulisan, teknik terkini dalam perkembangan teknologi menghasilkan karya seni dalam era digital dan segala hal yang bersangkutan dengannya.

### **AGEN PENGUBAH MASYARAKAT**

Dalam kertas ini, perbincangan memfokus kepada dua perkara, iaitu peranan wanita melalui karya kreatifnya sebagai agen pengubah corak pemikiran masyarakat dalam hal yang bersangkutan dengan isu-isu wanita dan sudut mendidik generasi masa hadapan.

#### ***Memperjuangkan hak dan martabat wanita***

Keganasan dan penderaan terhadap wanita ialah suatu masalah global, merentas budaya, agama, sosial dan sempadan ekonomi. Masalah ini juga bertentangan dengan hak-hak kemanusiaan. Malah kesan dan impaknya sangat besar terhadap fizikal, emosi, kewangan dan sosial ke atas wanita, kanak-kanak, keluarga dan komuniti (Human Rights Library (2021).

Menurut kajian yang dijalankan dalam kalangan wanita Malaysia (Khaironisak H., Zaridah S., Hasanain F.G., Zaleha M. I., 2017), terdapat 35. 9%, satu peratusan yang dianggap tinggi dalam kes keganasan terhadap wanita walaupun dalam keadaan mereka yang sedang hamil. Jenis penderaan terhadap wanita hamil yang telah dikenalpasti didapati terdiri daripada penderaan secara psikologi (29.8%); penderaan secara fizikal (12.9%); dan keganasan dari sudut hubungan seksual (9.8%). Hanya wanita yang mampu memahami wanita. Oleh itu, perlu diadakan lebih banyak bahan-bahan yang dapat meningkatkan kefahaman wanita tentang hak-hak mereka.

Usaha ini sedang berjalan dalam kalangan wanita di Malaysia. Contohnya penulis skrip dan pelakon terkenal Puan Rozie Rashid berkongsi bagaimana pembabitannya dalam penulisan skrip telah mengaspirasi dirinya untuk menghasilkan karya memperjuangkan hak wanita teraniaya. Wanita yang dilanda dugaan pula memperoleh inspirasi bagi bangkit semula, keluar dari kepompong penindasan dan mengangkat harga diri ke tahap yang lebih tinggi (Mazalan, 2018).

Usaha sebegini harus ditingkatkan lagi. Menurut (Women's Aids Organisation, 2016) yang disebut dalam kajian oleh Abdul Aziz et al (2018), kes-kes keganasan dan penderaan di Malaysia didapati terus meningkat dalam kadar 40 peratus setiap tahun. Hasil kajian oleh Mohd. Yusof et al (2020) pula mendapati tekanan masalah kewangan yang dihadapi dalam rumah tangga mendorong suami melakukan pelbagai bentuk penderaan terhadap isteri, iaitu mangsa keganasan rumah tangga. Apatah lagi dalam suasana gawat seluruh dunia akibat situasi pandemik sejak setahun kebelakangan ini.

Mohamed Razalii N. & Kamal Azhari S. M. (2020) menyebut kata-kata Dr Firdaus Abd Ghani, Setiausaha Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA). Kes keganasan rumah tangga dilihat meningkat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini melibatkan bukan sahaja perlakuan ganas terhadap pasangan yang melibatkan penderaan secara fizikal, seksual, psikologi serta sosial dalam rumah tangga. Kes-kes penyalahgunaan kewangan oleh pasangan juga dikategorikan sebagai keganasan rumah tangga.

## Mendidik generasi masa hadapan

Memang tidak dapat dinafikan yang perkembangan sains dan teknologi amat penting bagi membina negara yang maju dan makmur. Namun sejak akhir-akhir ini, penekanan kepada pelajar dan generasi muda lebih tertumpu kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan (*Engineering*) dan Matematik (STEM) yang juga telah dijadikan sebagai agenda penting negara (STEM, 2021). Ini akan mengakibatkan pembinaan ahli masyarakat yang tidak seimbang dan menyeluruh ciri insannya. Sudut pandangan seni dan kemanusiaan seakan diabaikan.

### **“STEM to STEAM”**

Perkembangan pendidikan di negara sebelah Barat telah mula mengubah pendekatan mereka kepada STEAM (Sains, Teknologi, *Engineering*, *Arts*, Matematik).

Konsep penting melalui pembelajaran dengan pendekatan STEAM ialah menyediakan insan yang mampu menguasai kemahiran abad ke 22 iaitu *4Cs*, iaitu ‘*Collaboration, Communication, Creativity, Critical Thinking*’ (22ndCenturyCs, 2021).

Mengambil kira perlunya persediaan sejak zaman kanak-kanak bagi menguasai kemahiran 4C ini dalam menghadapi cabaran Pembelajaran Abad 22, maka perlu digunakan konsep ‘*From STEM to STEAM*’: “*Science, Technology, Engineering, Maths (STEM) to Science, Technology, Engineering, Arts, Maths (STEAM)*”

STEM memfokus kepada penggunaan otak sebelah kiri. Gabungan otak sebelah kiri dan otak sebelah kanan menghasilkan perspektif lebih menyeluruh, iaitu kemahiran analitikal dan kreatif. Ini mampu dilaksanakan melalui pendekatan STEAM. “*Art and Design*” amat kritikal dalam mempromosikan Keyakinan Kreatif (ArtScience, 2021). Malah trend terkini menjurus kepada pendekatan STREAM (Mubarok, et al., 2020), dengan R sebagai unsur keagamaan (*religion*’).

### **Bukti kajian penyelidikan mengapa perlunya subjek kesenian**

Kajian penyelidikan membuktikan bahawa melalui seni:

- a. Pelajar berpeluang mendemonstrasi konsep secara kreatif: menggunakan graf, membina model ataupun melalui bahasa deskriptif, penceritaan dan sebagainya (ArtScience, 2019).
- b. Prestasi pelajar didapati lebih baik dalam ujian kemasukan IPT di USA dan juga dalam membina kualiti kepemimpinan (Bonnie, 2015). Bayangkan jika konsep ini mula digunakan bermula daripada peringkat prasekolah?
- c. Membangun dan melatih minda pelajar sejak pada peringkat pra-sekolah sukaan penyelesaian masalah secara kreatif (*creative problem-solving*) juga melahirkan minda berinovatif, fikir secara kritikal dan menyemai sikap positif dalam penyelesaian masalah (Sochacka et al, 2016).

Pengalaman melalui pembelajaran seni terutama perkembangan awal kanak-kanak juga (From STEM to STEAM, 2021; Sharappan, 2012, Understanding STEAM, 2021) mendapatkan:

- i. **Kemahiran motor perinci (*fine motor skills*).** Contoh: memegang pensil, krayon, kapur dan berus mampu membantu kanak-kanak dalam membina otot motor secara halus (contohnya dalam menulis, buka/tutup butang baju, mengikat tali kasut).
- ii. **Perkembangan Kognitif.** Contohnya proses menekan krayon, warna lebih gelap/keras. Menyediakan kemahiran berfikir secara kritikal; membuat pelan minda apa yang mahu dihasilkan, gambaran apa yang mahu dilakukan, melaksanakan mengikut apa yang dirancang.
- iii. **Kemahiran Asas Matematik.** Contohnya belajar mencipta, mula memahami konsep, berdasarkan konsep saiz, bentuk, membuat perbandingan, mengira ‘*spatial reasoning*’.

- iv. **Kemahiran berkomunikasi** Contohnya, menceritakan hasil kerja dan berkongsi kerja seni, proses hasilan memahirkkan kanak-kanak dalam komunikasi. Ini mampu diperteguhkan melalui proses ‘mendengar secara aktif’ dan secara timbal-balik, menjawab soalan yang ‘open-ended’. Ia juga membuka peluang menambah perbendaharan kata berdasarkan hasil kerja seni masing-masing (corak, tekstur dan sebagainya).

## PERKONGSIAN

Sebagai seorang mantan ahli akademik yang berlatarbelakangkan bidang sains teknologi dan kejuruteraan selama 34 tahun, penulis ingin berkongsi pengalaman sendiri dalam usaha yang dinyatakan. Usaha ini dilaksanakan oleh penulis secara individu atau perseorangan, menggunakan pelantar persatuan atau pertubuhan mahupun bergabung sebagai individu dalam usahasama dengan pihak lain, dalam merealisasikan cita-cita sebagai agen pengubah corak pemikiran masyarakat khususnya melalui karya seni.

### *Sumbangan secara individu*

Penulis mula melibatkan diri sebagai penulis bahan-bahan bacaan untuk awal remaja dalam bentuk novel dan penulisan pojok dalam majalah sejak tahun 2005. Bagi memastikan hasil penulisan bermutu tinggi, seseorang itu perlu mempertajamkan diri dengan ilmu dan usaha pembelajaran sepanjang hayat. Menyedari kekurangan dalam kosa kata, bahasa dan kesusasteraan, penulis mengikuti bengkel-bengkel menghasilkan karya yang betul dari segi laras bahasa, padat isinya dan mempunyai unsur persuasif bagi mempengaruhi masyarakat. Penulis amat bertuah kerana sempat berguru dengan Profesor Emeritus Abdullah Hassan dan isterinya Puan Ainon Mohd yang ketika itu aktif mengendalikan kelas-kelas penulisan secara gratis. Selain itu, tip-tip bagi menulis pantas, menulis banyak karya dalam satu masa (serentak) dan siap sepenuhnya (tuntas dalam masa yang ditetapkan) juga diajar oleh dua tokoh bidang penulisan ini.

### *Menggabungkan diri dalam persatuan*

Segala ilmu yang dikutip penulis telah diperaktikkan dalam menghasilkan berbelas-belas karya awal remaja. Segala ilmu ini dikongsikan pula apabila penulis sama-sama membantu menuju Pertubuhan Penulis Isu-isu Wanita Nasional (PenaWan). Keahlian pertubuhan ini terbuka kepada lelaki dan wanita. Penulis sendiri bertindak sebagai fasilitator mengongsikan teknik-teknik penulisan dalam bengkel yang dianjurkan persatuan mahupun jika dijemput oleh pihak-pihak tertentu.

Selain melatih penulis-penulis baharu, antara projek-projek yang telah dilaksanakan oleh PenaWan ialah menghasilkan sebuah himpunan atau antologi cerpen ‘Saksiku Carnation’ (Dr. Umi Kalthum Ngah & Ir. Endok Sempo M. Tahir, 2018) berdasarkan isu-isu wanita. Ini termasuklah isu keganasan dan penderaan terhadap wanita, persoalan LGBT dan kisah poligami bagi mendidik wanita khususnya dan masyarakat secara amnya. Saksiku Carnation (SC) lahir hasil daripada pertandingan cerpen yang dibuka kepada umum, anjuran PenaWan.

Tujuan pertandingan cerpen itu antaranya lainnya ialah menyedarkan wanita tentang hak mereka dan betapa mereka harus sedar yang mereka mempunyai harga diri, bijak mencari jalan keluar dari terbelenggu dalam keadaan tertindas. Melalui himpunan antologi cerpen, SC memaparkan kisah-kisah yang mampu menyuntik semangat baharu dan dijadikan sebagai teladan kepada masyarakat termasuk generasi muda. Ramai penulis dalam SC terdiri daripada para doktor yang merawat kes-kes sebenar, iaitu wanita yang mendapatkan rawatan akibat penderaan secara fizikal dan emosi.

Satu lagi projek bahan bacaan (juga diadakan pertandingan dan dibuka kepada orang awam) ialah antologi cerpen bertemakan suasana pandemik semasa (*Lockdown*). Himpunan ini sedang dalam peringkat akhir penerbitan. Dengan itu, ahli masyarakat yang sedang dilanda kemurungan atau

terkesan dengan suasana pandemik memperoleh sedikit ruang bagi mengongsikan kisah mereka. Menulis ialah salah satu usaha menjadikan emosi manusia yang jiwanya bercelaru dan kacau bilau kembali menjadi positif dan stabil, sepanjang tempoh yang penuh dengan hal tidak menentu.

Satu lagi buku dalam proses akhir penerbitan, (Dr. Umi Kalthum Ngah & Saari Sungip, 2021) atas usahasama antara PenaWan, YB Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang dan Perbadanan Perpustakaan Shah Alam sedang dalam penerbitan. Buku ini mendokumentasikan usaha menyuburkan konsep 'Dalam Hati Ada Taman' untuk tiga buah kebun komuniti iaitu Laman Herba Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang, Laman Herba MPKK Kg. Kemensah dan Kebun Kouniti Keramat Pangsa, di samping memperkenalkan resipi herba amalan tokoh herba tempatan, Bonda Siti Fatimah Mohd. Nor sebagai alternatif pemakanan kesihatan umum.

Usaha sebegini akan lebih berkesan sekiranya cara kerja dilakukan berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah As-Saff: 4.

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."

Ahli ialah batu-bata berkualiti, diperlengkapkan dengan ilmu dan kemahiran dan gerak-kerja berpersatuan laksana bangunan yang kukuh.

### ***Bergandingan dengan pihak lain yang mempunyai cita-cita yang sama***

Penulis menyedari betapa pentingnya perumpamaan "melentur bulur biarlah dari rebung". Sebagai seorang mantan ahli akademik yang berlatarbelakangkan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, penulis mendapati bilangan pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi dalam bidang ini semakin berkurangan setiap tahun. Perlu dilakukan usaha supaya anak sejak kecil cintakan subjek sains. Elemen kreatif dan inovatif juga mampu diperbaiki dengan memberikan pendedahan seni kepada pelajar sejak usia masih kecil. Bagaimana mahu menghasilkan sesuatu yang inovatif dalam kejuruteraan sekiranya pelajar tidak disemai dengan unsur-unsur seni kreatif sejak usia muda?

Maka penulis bersedia mencuba hasilkan Buku Bergambar yang berdasarkan konsep STEAM, menjadikan 4 tunjang ini dalam setiap buku yang terhasil iaitu:

- a. Disemai dengan rasa kagum akan Yang Maha Pencipta,
- b. Dididik dengan nilai-nilai murni (*good universal values*) dan unsur kemanusiaan
- c. Disuntik rasa minat terhadap alam dan konsep sains
- d. Mengapresiasi seni lukisan sebagai alat mengembangkan kreativiti.

Penulis juga mula belajar konsep Buku Bergambar daripada tokoh-tokoh Buku Bergambar tempatan yang tersohor di peringkat antarabangsa seperti Tuan Mohamad Yusof Ismail (atau dikenali sebagai Pak Yusof Gajah), Tuan Ustaz Mohamad Khairul Azman Ismail, pemenang pelbagai anugerah buku bergambar peringkat antarabangsa dan nasional serta Pak Jamal Tommy, salah seorang pelukis tersohor negara. Dengan kemahiran yang telah digilap semula, lahirlah buku Bergambar 'Di Laman Herba' (Dr. Umi Kalthum Ngah, 2021c *in print*) ilustrasinya oleh penulis sendiri, terbitan Oyez!Books. Buku ini memuatkan jenis-jenis herba di laman kediaman penulis, seiring teks pantun Melayu, bertujuan mendidik generasi masa hadapan mengenali herba Melayu tradisional. Pantun Melayu telah dinobatkan oleh UNESCO sebagai budaya warisan sedunia pada Disember 2020 (Berita Harian, 2021). Selain itu, penulis cuba mempelajari kemahiran menggunakan medium lukisan digital pada awal Januari 2021.

Penulis juga mengorak langkah menjadi ahli *Malaysia Board on Books for Young People (MBBY), Society of Children's Book Writers & Illustrators Malaysia*, di samping masih mahu mengikuti perkembangan dunia sains sebagai ahli Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS).

Dalam usaha menggabungkan fakta dan maklumat sains serta menyuntik aspek kemanusiaan dan penggunaan lukisan dalam menyediakan bahan-bahan seni kreatif berbentuk buku bacaan umum, penulis telah dapat menghasilkan dua Buku-Buku Bergambar yang menggabungkan unsur ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan dalam masa yang sama memasukkan unsur kesenian dan kemanusian dalam hasil karya.

Pertama ialah *Namisia, (2017) berdasarkan subjek ‘Psikologi Silang Budaya’ yang dipelajari penulis sebagai pelajar Open Universiti Malaya (bakal dikongsikan) manakala kedua ialah kisah Pit anak ikan sumpit-sumpit (*Umi Kalthum Ngah* 2021a & b, *Mimi Salleh*, 2021). Ikan sumpit-sumpit ialah sejenis ikan tempatan yang pintar (*intelligent*). Ikan ini didapati di jeti-jeti dan muara sungai negara kita. Kajian tentang ikan ini dijadikan projek tahun akhir pelajar bertajuk ‘*The Archer Fish Inspired Vision and Shooting System*’.*

Projek ini telah memenangi anugerah Tesis Projek Tahun Akhir Terbaik 2014, bidang Kejuruteraan Mekatronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (PPKEE), Universiti Sains Malaysia (USM). Kemudian dicalonkan ke peringkat nasional dan menerima Anugerah Innovation anjuran *IEEE Signals & Systems, Malaysian Chapter* bertempat di Putrajaya. Buku Pit terhasil dengan penglibatan pihak lain, yang mengusahakan Projek Buku Bergambar secara swaterbit dan *Print-On-Demand* (POD).

Bagi memperbaiki segala usaha dan mutu penulisan selanjutnya, penulis telah mendaftar semula sebagai pelajar di Open University Malaysia (OUM) dalam bidang psikologi pada tahun 2014, sebelum bersara wajib pada 2015. Akhirnya usaha dalam pembelajaran sepanjang hayat ini, penulis memperolehi Ijazah Psikologi (Kepujian dengan Cemerlang) pada Disember 2020 pada usia 62 tahun.

### ***Halangan***

Dunia penerbitan amat terkesan dengan kelembapan ekonomi sedunia akibat kenaikan harga kos penerbitan (harga kertas dan cetakan antaranya). Bahkan, impaknya ialah merudumnya iklim penerbitan di negara kita. Penerbit juga amat memilih dalam menerbitkan karya mereka.

Penulis terpaksa mencari mencari dan meneroka peluang-peluang yang telah diwujudkan. Contohnya, memohon geran MyKreatif (2021), iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA) yang memberi tumpuan penting untuk membantu penggiat dan perniagaan industri kreatif yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Pelan ini ditadbir dan diurus oleh MyCreative Ventures, di bawah kawalselia Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKM) dan Kementerian Kewangan Malaysia. Sukacita dikongsikan, di bawah skim ini, penulis telah berjaya memperoleh 2 geran, satu untuk projek manuskrip secara individu dan satu lagi untuk projek manuskrip secara berkumpulan. Ini bermakna, pengkarya seni, perlu senantiasa peka dan merebut peluang yang ada.

### **4 KESIMPULAN**

Usaha pemerkasaan wanita harus dijadikan agenda negara. Pembabitan wanita dalam menggarap sudut karya kreatif sebagai bahan bagi disajikan kepada semua lapisan masyarakat, bermula dengan golongan kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun generasi warga emas harus juga diberi perhatian dan diberikan galakan. Bahan-bahan ini mampu dimanfaatkan dan menjadi pengubah corak pemikiran masyarakat dalam memenuhi, membudayakan dan membina masyarakat yang berfikir. Sekiranya lebih ramai lagi wanita membabitkan diri, juga dapat dilahirkan lebih banyak lagi penulis-penulis wanita berfikiran begini maka lebih banyak usaha yang sama dapat berkembang secara meluas. Dengan itu,

masyarakat akan lebih terdedah dengan unsur dan nilai-nilai positif hingga mampu mencorak pemikiran mereka. Tamadun bangsa dan negara juga mampu diangkat ke tempat yang lebih tinggi.

## RUJUKAN

- Abd Aziz N.N., Mohd Idris S. A., Ishak M., Abd Wahid N., Abu Yazid Z.N. (2018). *Proceeding – 4th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities* (PICCWED 4), 24-25 February 2018. Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Malaysia. Pp. 36-46.
- Akram, W.; Kumar, R. (2017). A Study on Positive and Negative Effects of Social Media on Society. *International Journal of Computer Sciences and Engineering*. Vol. 5, Issue 10. Pp. 347 – 354.
- 22ndCenturyCs (2021). Capaian melalui internet, bertarikh 6 Mac, dari url: <http://www.amle.org/Publications/BlogABCsofMiddleLevelEducation/TabId/937/ArtMID/3115/ArticleID/793/The-4-New-22nd-Century-Cs-for-Education.aspx>
- Anggoro, B. (2020). Media Indonesia (2021). Selasa 10 Mac, 2020. Capaian dalam talian bertarikh 14 April 2021. Dari url: <https://mediai.ndonesia.com/nusantara/295549/perempuan-harus-kreatif-dan-jangan-takut-berkarya>
- ArtScience (2019) Capaian melalui internet, bertarikh 6 Februari, 2019, dari url: <https://movingtides.org/2018/03/24/steam-where-art-meets-science/>
- Berita Harian (2021). Capaian dari internet bertarikh 4 Mac 2020 dari url: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/766215/upacara-wangkang-pantun-diiktiraf-dalam-senarai-wakil-unesco>
- Bonnie, G (2015). Picking up STEAM: How the arts can drive STEM leadership. Capaian melalui internet, bertarikh 6 Februari 2021, dari url: <https://www.cio.com/article/3498885/picking-up-steam-how-the-arts-can-drive-stem-leadership.htm>
- Cornwall, A. (2016). Women's Empowerment: What Works? *Journal of International Development*. Volume 28, Issue 3. Special Issue: Aid for Gender Equality and Development. Pp. 324-359.
- Dr. Umi Kalthum Ngah (2021). *Do Not Give Up, Pit!*. NeenaMi Books. Kuala Lumpur.
- Dr. Umi Kalthum Ngah (2021). *Usah Cepat Mengalah, Pit!*. NeenaMi Books. Kuala Lumpur.
- Dr. Umi Kalthum Ngah. (2021c). Di Laman Herba. Oyez!Books. Kuala Lumpur (*in print*).
- FromSTEMtoSTEAM (2021): Capaian internet bertarikh 6 Februari, melalui url: <https://www.thegardnerschool.com/stem-vs-steam-learning-in-early-childhood-education/>
- Human Rights Library (2021). Capaian atas talian bertarikh 15 April 2020, dari url <http://hrlibrary.umn.edu/svaw/domestic/explore/index.htm>
- Ir. Endok Sempo M. Tahir & Dr. Umi Kalthum Ngah (2018) *Saksi Carnation*. PenaWan & Chermin Resources. Kuala Lumpur.
- Khaironisak H., Zaridah S., Hasanain F.G., Zaleha M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. *Women & Health*, Volume 57, Issue 8. Pp.919 941. DOI: [10.1080/03630242.2016.1222329](https://doi.org/10.1080/03630242.2016.1222329)
- Mazalan R. (2018). Berita Harian, bertarikh 16 Julai 2018. Capaian secara dalam talian pada 14 April 2021 dari url: <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harianmalaysia/20180716/282071982675380>
- Mohamad Yusof M., Azman A., Kamarul Bahrin F., Yahaya M. (2020). Hubungan Konflik Kewangan Terhadap Kesejahteraan Sosial Mangsa Wanita Dalam Isu Keganasan Rumah Tangga. *The 2nd International Conference on Social Work Faculty of Social and Political Sciences*.

University of Muhammadiyah Jakarta, Jakarta, Indonesia, 29 February – 01 March. Pp. 133-143.

Mohamed Razalii N. & Kamal Azhari S. M. (2020). Implikasi Covid-19 Dari Sudut Emosi Dan Solusi Menurut Perspektif Al-Quran. *International Seminar on Islam and Science (SAIS 2020)*. Pp. 632-642.

Mimi Salleh (2021). Karnival Swaterbit Kids' Books. Capaian internet 14 April dari url:  
<https://www.facebook.com/watch/?v=297650148600104>

Mubarok, H., Safitri, N. S., & Adam, A. S. (2020). The Novelty of Religion and Art: Should We Combine with STEM Education? *Studies in Philosophy of Science and Education*, 1(3). Pp. 97-103.

Sharappan, H. (2012). From STEM to STEAM: How Early Childhood Educators Can Apply Fred Rogers' Approach. *Young Children*. January. Pp. 36-40.

Sochacka, N. W.; Guyotte, K. W.; Walther, J. (2016). Learning Together: A Collaborative Autoethnographic Exploration of STEAM (STEM + the Arts) Education. *Journal of Engineering Education*. Vol. 105, Issue 1. Pp. 15-42.

Understanding STEAM (2021). Understanding STEAM and how children use it. Capaian internet bertarikh 16 Mac, melalui url:  
<https://eclkc.ohs.acf.hhs.gov/sites/default/files/pdf/steam-ipdf.pdf>

## PERKAHWINAN TRANSNASIONAL: PERATURAN ATAU HUKUMAN?

*Nor Jana Saim  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
janasaim@ukm.edu.my*

*Norulhuda Sarnon@Kusenin  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
norul@ukm.edu.my*

*Mohd Fikri Yazan  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)  
Ipoh, Perak*

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan isu perkahwinan transnasional dari konteks perkahwinan wanita warganegara Malaysia dengan pasangan warga negara asing berdasarkan literatur. Perkahwinan campur bermakna perkahwinan diantara agama, budaya, bangsa atau negara. Justeru, perkahwinan transnasional juga boleh dilihat sebagai salah satu cabang perkahwinan campur. Pada tahun 2005, dianggarkan, sebanyak 14.3% (8,733) perkahwinan di antara negara bagi pasangan bukan Islam telah didaftarkan (Heng, 2014). Bagi pasangan beragama Islam pula, statistik yang tepat masih tidak dapat dipastikan. Dari konteks sejarah, di Malaysia perkahwinan campur berlaku apabila Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po datang bersama 500 orang pengiring. Perkahwinan campur yang bersifat transnasional telah berlaku antara Sultan Melaka dan Puteri Hang Li Po, begitu juga dengan pengiring dengan rakyat tempatan. Dari perkahwinan transnasional ini lahirnya keturunan Baba dan Nyonya. Perkahwinan dalam kebanyakan masyarakat adalah bercorak en-dogamous iaitu perkahwinan berlaku diantara anggota-anggota dalam kumpulan etnik yang sama. Sebaliknya, perkahwinan diantara anggota-anggota kumpulan etnik yang berlainan jarang berlaku. Justeru, perkahwinan campur; lebih-lebih lagi perkahwinan transnasional dilihat sebagai satu perlengongan dari norma perkahwinan. Perlengongan ini telah menyebabkan kerajaan membuat peraturan bagi perkahwinan transnasional. Walaubagaimanapun peraturan ini berbeza diantara perkahwinan transnasional lelaki warga Malaysia-wanita warga asing dengan perkahwinan transnasional wanita warga Malaysia- lelaki warga asing. Oleh sebab itu, ianya dilihat sebagai satu ketidaksaksamaan gender dalam peraturan perkahwinan transnasional. Justeru, artikel ini akan membincangkan ketidaksaksamaan gender ini dan kesannya kepada wanita Malaysia yang memiliki perkahwinan transnasional.

**Kata kunci:** *Keluarga transnasional; perkahwinan campur; Wanita dan ketidaksaksamaan; ketidaksaksamaan gender; Malaysia*

## PENGENALAN

Salah satu peristiwa yang menjadi sejarah terawal perkahwinan antara dua benua berlaku pada tahun 1511 di antara orang Sepanyol; Gonzalo Guerrero dengan puteri raja Mayan. Kisahnya bermula apabila Gonzalo Guerrero sedang dalam pelayaran dari Panama ke Santo Domingo apabila kapalnya pecah. Akibatnya beliau dan rakan-rakan telah terdampar di Mexico. Mereka kemudian telah ditangkap oleh penduduk Mayan dan dijadikan hamba. Disebabkan desakan untuk menyelamatkan diri menyebabkan Gonzalo Guerrero telah mempelajari bahasa dan mengajar cara berperang kepada penduduk Mayan. Beliau kemudiannya diterima oleh masyarakat Mayan dan dianggap sebagai Tuhan. Beliau juga kemudiannya telah berkahwin dengan puteri raja Mayan, Zazil HA dan memperolehi tiga orang anak hasil daripada perkahwinan transnasional itu. Menurut Jones (1998) perkahwinan tersebut mungkin merupakan perkahwinan transnasional yang pertama di rantau Amerika Latin. Manakala perkahwinan transnasional terawal di Asia pula berlaku di India pada sekitar 1800. Perkahwinan transnasional yang berlaku pada ketika itu adalah di antara diplomat Inggeris; Kolonel James Achilles Kirkpatrick dengan puteri raja Mogul; Khair un-Nissa (Darlymple, 2021). Walaupun Kolonel James Achilles Kirkpatrick pada ketika itu merupakan Duta British di Hyderabad tetapi perkahwinan ini telah menyebabkan beliau dibuang kerja. Di Malaysia pula, perkahwinan transnasional terawal yang popular berlaku apabila Dinasti Ming menghantar Laksamana Zheng He dan Puteri Hang Li Po bersama 500 pengiring ke Melaka. Puteri Hang Li Po kemudiannya telah berkahwin dengan Sultan Mansor Shah dan melahirkan seorang anak yang membawa gelaran Paduka (Yuanzhi Kong, 2000). Pengiring Puteri Hang Li Po tinggal di Bukit Cina yang kemudiannya berkahwin dengan rakyat tempatan dan melahirkan keturunan Baba dan Nyonya. Maklumat sejarah ini menunjukkan bahawa perkahwinan transnasional bukanlah sesuatu yang asing dalam masyarakat sejak dahulu lagi dan mengundang pelbagai reaksi penerimaan oleh masyarakat terhadap fenomena ini.

Perkahwinan dalam kebanyakan masyarakat lazimnya bercorak 'en-dogamous' iaitu perkahwinan itu berlaku di antara anggota-anggota dalam kumpulan etnik yang sama. Justeru, apabila berlakunya perkahwinan campur apatah lagi perkahwinan transnasional ianya dilihat sebagai satu perlencongan dari norma perkahwinan. Satu peristiwa dalam sejarah moden pula, perkahwinan campur menyaksikan pasangan Richard dan Mildred Loving telah ditangkap polis pada tahun 1958, iaitu di rumah pasangan ini kerana didapati bersalah berkahwin campur. Mereka kemudiannya dihukum penjara selama beberapa hari. Pada ketika itu juga, 24 negeri di Amerika Syarikat melarang perkahwinan campur sehingga undang-undang itu tersebut dibatalkan pada tahun 1967 (Sue, Rasheed & Rasheed 2016).

Di Malaysia, dianggarkan pada tahun 2005, sebanyak 14.3% (8,733) perkahwinan di antara negara bagi pasangan bukan Islam telah didaftarkan (Heng, 2014). Bagi pasangan beragama Islam pula, statistik yang tepat masih tidak dapat dipastikan. Perkahwinan antara negara ini dilihat semakin bertambah bilangannya berkemungkinan disebabkan oleh faktor mobiliti rakyat antara negara, globalisasi dan faktor-faktor yang lain. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada pengikut sebuah akaun Facebook; *Foreign Spouses Support Group* yang berjumlah seramai sekitar 23,000 orang walaupun akaun tersebut baharu bermula pada tahun 2009. Begitu juga akaun Facebook; *Love is Not Tourism Malaysia, Malaysian Mixed Marriages* yang masing-masing mempunyai keahlian sekitar lima ribu dan seribu orang. Berdasarkan pemerhatian awal keatas keahlian akaun Facebook ini dapat dilihat bahawa berlaku peningkatan bilangan perkahwinan transnasional di Malaysia

Perkahwinan transnasional ini membawa impak kepada kewujudan keluarga transnasional; iaitu sesebuah keluarga nuklear; samada pasangan, ayah, ibu atau anak; kadangkala termasuk juga datuk dan nenek yang mempunyai kerakyatan negara yang berbeza (Mazzucato 2014). Kajian membuktikan ahli keluarga transnasional sentiasa memastikan kesejahteraan bersama dan kesatuan walaupun dipisahkan secara geografi (Bryceson & Vuorela 2002). Kajian lepas juga mendapati keluarga transnasional lazimnya mempunyai permasalahan kewangan, perumahan, pendidikan dan tekanan disebabkan perubahan gaya hidup dankekangan perundungan sesebuah negara. Contohnya seorang kanak-kanak dari perkahwinan transnasional yang tidak memiliki kewarganegaraan Malaysia akan mengalami kesukaran untuk bersekolah di sekolah bantuan kerajaan. Kanak-kanak itu juga memerlukan visa pelajar atau pas lawatan sosial jangka panjang yang perlu diperbaharui setiap tahun atau tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen. Terdapat juga kes balu kepada

seseorang warga negara Malaysia yang perlu pulang ke negara asal setelah pas lawatan sosial jangka panjang tidak diperbaharui disebabkan beberapa perkara contohnya ketiadaan anak bertaraf warga negara Malaysia, anak berusia lebih 18 tahun ataupun ketiadaan penaja yang layak. Justeru artikel ini cuba merungkai perkahwinan transnasional dari perspektif penguatkuasaan undang-undang Malaysia terhadap perkahwinan transnasional wanita warga Malaysia- lelaki warga asing dan lelaki warga Malaysia-wanita warga asing.

### Ketidaksaksamaan Gender dalam Peraturan Undang-undang Persekutuan Malaysia

#### Penentuan Kewarganegaraan Anak

Bagi kebanyakan pasangan perkahwinan transnasional, penentuan kewarganegaraan anak adalah antara isu utama dan sangat penting. Maklumat Ringkasan Kaedah Penentuan Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang ini telah dikeluarkan di akaun Facebook rasmi Jabatan Pendaftaran Negara pada 17 Januari 2019 (Jabatan Pendaftaran Negara, 2019). Pujian patut diberikan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara kerana menyediakan jadual yang mudah difahami sebegini.



Taraf Kewarganegaraan		Status Perkahwinan	Taraf Kewarganegaraan Anak
Bapa	Ibu		
Warganegara	Warganegara	✓ / ✗	Warganegara
Bukan Warganegara	Bukan Warganegara	✓ / ✗	Bukan Warganegara
Bukan Warganegara	Warganegara	✓ / ✗	Warganegara
Warganegara	Bukan Warganegara	✗	Bukan Warganegara
Warganegara	Bukan Warganegara	✗	Warganegara
Pemastautin Tetap	Pemastautin Tetap	✓ / ✗	Warganegara
Bukan Warganegara	Pemastautin Tetap	✓ / ✗	Warganegara
Pemastautin Tetap	Bukan Warganegara	✗	Bukan Warganegara
Pemastautin Tetap	Bukan Warganegara	✓	Warganegara

\*Nota : - Pengangkutan tidak membawa kepada kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang.

Jadual ini juga turut diedarkan di laman-laman rasmi Kedutaan Malaysia di luar negara contohnya Kedutaan Malaysia di Santiago pada 25 Januari 2021. Bersama-sama jadual tersebut dinyatakan pernyataan 'Jadual ini tidak terpakai bagi kes-kes yang tertentu'. Walaubagaimanapun tiada penjelasan lanjut apakah kes-kes tertentu yang maksudkan.

Oleh kerana pasangan perkahwinan transnasional mungkin tinggal di luar negara, jadual ini berkemungkinan besar akan menjadi rujukan kepada mereka. Berdasarkan jadual yang dikeluarkan secara rasmi oleh Jabatan Pendaftaran Negara tersebut seolah-olah semua anak yang lahir dari perkahwinan yang sah diantara warganegara Malaysia; tidak kira lelaki atau perempuan dengan warganegara asing akan mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia. Masalah akan timbul apabila wanita warganegara Malaysia berkahwin dengan warga asing dan melahirkan anak di luar negara. Ini adalah kerana Perkara 14 (1)(b)(1) – (b) dan (c) Undang-undang persekutuan memperuntukkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang seperti berikut –

(b) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan sama ada telah lahir di Persekutuan atau pada masa kelahiran itu berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesuatu Negeri; dan

(c) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam masa apa-apa tempoh yang

lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mana-mana hal tertentu, kelahiran itu didaftarkan di suatu konsulat Persekutuan atau, jika kelahiran itu berlaku di Brunei atau di sesuatu wilayah yang ditetapkan bagi maksud ini melalui perintah Yang di-Pertuan Agong, didaftarkan dengan Kerajaan Persekutuan;

Jelas pada kenyataan Perkara 14 (1)(b)(1) – (b) dan (c) ini hanya istilah bapa digunakan. Kenyataan ini menyebabkan anak-anak yang dilahirkan di luar negara hasil perkahwinan transnasional wanita warganegara Malaysia dengan warga asing seolah-olah dinafikan hak mereka untuk mendapat status warganegara Malaysia. Manakala hal ini tidak berlaku kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara hasil perkahwinan transnasional lelaki warganegara Malaysia dengan warga asing. Bagi memastikan anak mendapat status kewarganegaraan Malaysia, tidak sedikit wanita warga Malaysia yang terpaksa menempuh perjalanan yang jauh samada melalui jalan darat atau udara ketika sedang sarat hamil untuk kembali ke Malaysia bagi proses melahirkan anak. Sudah pasti ini membahayakan keselamatan wanita dan bayi yang dikandung. Terdapat juga wanita Malaysia yang tidak dapat pulang ke Malaysia untuk melahirkan anak atas nasihat pegawai perubatan disebabkan risiko yang tinggi yang membahayakan keselamatan diri dan bayi. Walaubagaimanapun anak yang lahir bagi kes yang amat berisiko juga tidak boleh didaftar sebagai warganegara Malaysia walaupun mendapat sokongan pegawai perubatan.

Malahan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2020 menyatakan bahawa perlunya ketelitian dalam pemberian kewarganegaraan kepada anak wanita warga Malaysia yang berkahwin dengan warga asing dan dilahirkan di luar negara bagi mengelak kes dwi kerakyatan kepada kanak-kanak terbabit. Menurut beliau lagi perkara ini dilakukan demi keselamatan dan kedaulatan negara yang mesti pertahankan dan jaga (Mohd Azlim Zainury. 2020). Persoalannya adakah anak yang lahir dari perkahwinan transnational lelaki warga Malaysia dengan wanita warga asing tidak memungkinkan dwikerakyatan? Adakah anak dari perkahwinan transnational lelaki warga Malaysia dengan wanita warga asing tidak menjadi ancaman kepada negara? Jika anak yang lahir dari perkahwinan transnational lelaki warga Malaysia dengan wanita warga asing tidak menjadi ancaman negara, bagaimana mungkin anak yang lahir dari wanita Malaysia dilihat sebagai ancaman negara? Semua persoalan ini memerlukan penelitian yang ampuh bagi memastikan setiap satu kes diberi ruang adil tentang kerakyatan.

#### ***Pemberian Taraf Kewarganegaraan***

Pemberian taraf kewarganegaraan didapati berbeza bagi perkahwinan transnational lelaki warga Malaysia dengan wanita warga asing dan perkahwinan transnational wanita warga Malaysia dengan lelaki warga asing. Bagi perkahwinan transnational lelaki warga Malaysia dengan wanita warga asing, permohonan kewarganegaraan hanyalah melalui proses pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan melalui Perkara 15 (Undang-undang Persekutuan 2009) seperti berikut:

Kewarganegaraan melalui pendaftaran (isteri dan anak warganegara)

- (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh **dua tahun** sebelum tarikh permohonan itu dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap; dan
- (b) bahawa dia berkelakuan baik.

Manakala bagi perkahwinan transnational wanita Malaysia dengan lelaki warga asing, pemberian taraf kewarganegaraan berkemungkinan boleh diperolehi melalui proses penaturalisasi. Perkara 19 (Undang-undang Persekutuan, 2009) menyatakan seperti berikut:

19. (1) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

- (a) bahawa—

- (i) dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;
- (b) bahawa dia berkelakuan baik; dan
- (c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

Perkara 19 (1) ini dibaca bersama Perkara 19 (3) yang menyatakan tempoh naturalisasi seperti berikut:

(3) Tempoh kemastautinan di Persekutuan atau bahagiannya yang berkaitan yang dikehendaki bagi pemberian suatu perakuan naturalisasi ialah tempoh yang pada agregatnya berjumlah **tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam masa dua belas tahun** sebaik sebelum tarikh permohonan bagi perakuan itu, dan tempoh itu termasuklah tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh itu.

Selain pertambahan syarat pengetahuan dalam Bahasa Melayu, pasangan warga asing lelaki juga perlu menjalani tempoh sebanyak lima kali ganda berbanding pasangan warga asing wanita.

Walaubagaimanapun perbezaan syarat ini boleh menimbulkan tanda tanya berkaitan justifikasi ia ditetapkan. Apakah rasional keatas diskriminasi seperti ini? Mengapakah terdapat perbezaan tempoh sebanyak lima kali ganda atau lebih bagi proses naturalisasi pemberian taraf kewarganegaraan kepada pasangan lelaki warga asing? Sekiranya isu *marriage of convenience* menjadi persoalan, bukankah ianya juga boleh berlaku dalam perkahwinan transnasional lelaki warganegara Malaysia dan wanita warga asing. Justeru sewajarnya peraturan yang sama digunakan bagi perkahwinan transnasional lelaki dan wanita warganegara Malaysia.

### ***Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang***

Lazimnya, pasangan kepada warganegara akan memohon pas lawatan sosial jangka panjang untuk terus tinggal bersama-sama pasangan di Malaysia. Tercatat bersama-sama pas tersebut adalah maklumat pasangan dan nota: *Any form of employment is strictly prohibited*. Walaupun pasangan transnasional boleh memohon keizinan dari Jabatan Imigresen untuk bekerja sekiranya mendapat peluang pekerjaan, hakikatnya ramai majikan yang tidak akan mahu mengambil risiko disebabkan nota ini.

Justeru, ramai pasangan warga asing yang tidak bekerja walaupun mereka mempunyai kelayakan dan berada dalam umur yang produktif. Situasi ini telah menyebabkan pembaziran modal insan dalam pasaran pekerjaan dan menyebabkan ramai pasangan perkahwinan transnasional yang hanya mempunyai satu mata pencarian. Perkara ini mungkin tidak sukar bagi perkahwinan transnasional lelaki warganegara Malaysia, tetapi ianya berkemungkinan besar menjadi bebanan kepada perkahwinan transnasional wanita warganegara Malaysia. Ini adalah kerana peranan menjadi pencari nafkah utama terpaksa dipikul oleh si isteri (wanita warganegara Malaysia). Ianya tentu sahaja boleh mencetuskan konflik peranan seterusnya perselisihan yang boleh membawa kepada penceraian.

### **KESIMPULAN**

Peruntukan undang-undang seharusnya samarata tanpa wujud apa sahaja bentuk diskriminasi atau warganegara kelas kedua yang dinafikan haknya. Ia seharusnya selaras dengan Perkara 8 (1) dan (2) yang menyatakan bahwa hak kesamarataan di sisi undang-undang. Penulis percaya Kerajaan Malaysia dan semua pihak yang terlibat sedang berusaha untuk memartabatkan undang-undang supaya tiada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang.

Justeru, sudah sampai masanya bagi pihak pemegang taruh untuk mengangkat isu ketidaksamarataan gender ini supaya perundangan Malaysia dilihat ‘berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah’ dengan negara-negara maju yang lain selaras dengan Artikel 9, Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia

Malaysia, 2009). Bagi penghapusan ketidaksamaan gender, dicadangkan pindaan Bahagian II dalam Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dengan menggantikan perkataan “bapa” kepada “ibu bapa” supaya anak hasil perkahwinan transnasional tidak didiskriminasi hanya disebabkan mereka mempunyai ibu warganegara Malaysia. Dengan pindaan itu, ia akan selaras dengan aspirasi Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan, di mana tiada diskriminasi berdasarkan gender.

Begitu juga bagi dengan pemberian taraf kewarganegaraan. Siasatan perlu diperhalusi dalam memastikan perkahwinan transnasional benar-benar berlaku tidak kira samada perkahwinan transnasional lelaki ataupun wanita warganegara Malaysia. Pemberian taraf kewarganegaraan seharusnya berdasarkan kepada keupayaan pasangan kepada warganegara Malaysia dalam memahami dan menghayati kewarganegaraan sebagai rakyat Malaysia dan bukanlah berdasarkan kepada gender pasangan semata-mata. Pihak berwajib wajar meneliti kebenaran bekerja kepada pemegang pas lawatan sosial jangka panjang kerana kesannya bukan hanya kepada pasangan warga asing itu sahaja, tetapi melibatkan kesejahteraan pasangan warganegara Malaysia serta anak-anak mereka.

Kesimpulannya, sekiranya ketidaksamarataan ini tidak diperhalusi serta ditangani, maka undang-undang bagi perkahwinan transnasional bagi wanita warganegara Malaysia adalah lebih bersifat seakan-akan hukuman (kerana berkahwin dengan lelaki warga asing) berbanding pelaksannya sebagai peraturan yang mensejahterakan rakyatnya.

#### **PEMBERITAHUAN**

Ribuan terima kasih kepada Puan Bina dari *Foreign Spouses Support Group* atas kerjasama yang diberikan.

## RUJUKAN

- Bryceson, D., & U. Vuorela. 2002. Transnational families in the twenty-first century. In D. Bryceson, & U. Vuorela (Eds.), *The transnational family: New European frontiers and global networks*. Oxford: Berg.
- Dalrymple, W. 2021. Love and Betrayal in India: The White Mughal.  
<https://www.bbc.co.uk/programmes/articles/18SDBJqWwgc7VLDM7MhGK2S/a-love-story-that-broke-the-conventional-boundaries-of-empire>.
- Jabatan Pendaftaran Negara. 2019. Ringkasan Kaedah Penentuan Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang.  
<https://www.facebook.com/ModeratorJPN/posts/ringkasan-kaedah-penentuan-kewarganegaraan-secara-kuat-kuasa-undang-undangtaraf-/2042018939177478/>
- Jones, G.D. 1998. *The conquest of the last Maya Kingdom*. Stanford University Press: California.
- Kedutaan Malaysia di Santiago. 2021. Ringkasan Kaedah Penentuan Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang.  
[https://www.kln.gov.my/web/chl\\_santiago/news-from-mission/-/blogs/ringkasan-kaedah-penentuan-kewarganegaraan](https://www.kln.gov.my/web/chl_santiago/news-from-mission/-/blogs/ringkasan-kaedah-penentuan-kewarganegaraan)
- Sue, D.W., Rasheed M.N. & Rasheed, J.W. 2016. *Multicultural Social Work Practice: A Competency-Based Approach to Diversity and Social Justice*. 2<sup>nd</sup> Ed. John Wiley: New Jersey.
- Yuanzhi Kong. 2000. *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Mazzucato V. (2014) Child Well-Being and Transnational Families. In: Michalos A.C. (eds) *Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. Springer, Dordrecht.  
[https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5\\_3870](https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_3870)
- Mohd Azlim Zainury. 2020. KDN Perlu Teliti Pemberian Taraf Kewarganegaraan.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/113128/BERITA/Nasional/KDN-perlu-teliti-pemberian-taraf-kewarganegaraan>.
- Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan. 2009. *Percetakan Nasional Malaysia Berhad*: Kuala Lumpur.

## KEGANASAN RUMAH TANGGA SEMASA COVID-19: USAHA KEMPEN KESEDARAN DAN TALIAN PERKHIDMATAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

*Dzilal Abdul Aziz*

*Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (TERATAI)  
dzilal@gmail.com*

*Azlina Roszy Mohammad Gaffar*

*Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (TERATAI)  
aroszy@gmail.com*

*Roohaida Othman*

*Pertubuhan IKRAM Malaysia  
roohaida.othman@gmail.com*

### ABSTRAK

Keganasan rumah tangga sering menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai mangsa, tanpa menidakkan bahawa ada juga wanita sebagai pemangsa. Perlakuan ganas terhadap pasangan yang melibatkan penderaan secara fizikal, seksual, psikologi, kewangan serta sosial adalah antara isu yang telah dilaporkan. Kes keganasan rumah tangga telah meningkat sewaktu dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. Laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan panggilan yang diterima oleh Talian Kasih bertambah sebanyak 57 peratus sejak PKP. Objektif kajian ini adalah untuk melaksanakan dan menganalisis kaedah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu keganasan rumah tangga oleh IKRAM dan TERATAI yang merupakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis keskes keganasan rumah tangga yang diterima melalui talian perkhidmatan hotline TERATAI sepanjang tahun 2020. Analisis kajian diperoleh melalui kaedah kualitatif berdasarkan temubual dengan responden yang merupakan pemanggil talian TERATAI dan laporan maklum balas Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita sepanjang November dan Disember 2020 melalui media sosial. Daripada 32 panggilan yang diterima melalui talian perkhidmatan TERATAI, pemanggil telah memohon bantuan rumah perlindungan, bantuan kaunseling, bantuan kewangan dan khidmat guaman. Namun begitu hanya tujuh orang pemanggil bersedia membuat laporan polis. Kempen menukar bingkai gambar profil Facebook telah mendapat sambutan daripada hampir 4000 orang pengguna laman sosial ini sepanjang kempen “Hentikan Keganasan Terhadap Wanita” dan webinar “Wanita Disayangi Bukan Dikasari” yang berlangsung secara ‘live’ menunjukkan capaian sehingga lebih 5000 orang. Sekitar 98% peserta webinar bersetuju bahawa program ini membantu mereka memahami isu keganasan rumah tangga. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan turut dinyatakan. Pelbagai usaha bersepada untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu keganasan rumah tangga dan penyediaan pelbagai platform untuk mangsa mendapatkan bantuan adalah diperlukan untuk memastikan kes keganasan rumah tangga di Malaysia dapat ditangani dengan berkesan.

**Kata Kunci:** Keganasan Rumah Tangga, Talian Perkhidmatan, Kempen Kesedaran, Pandemik Covid-19

## PENGENALAN

Institusi kekeluargaan memainkan pelbagai peranan penting sebagai tempat yang selamat dalam memberi sokongan emosi, material dan perkembangan diri ahli-ahli keluarga. Keluarga merupakan suatu sistem di mana individu perlu menghormati antara satu sama lain dan saling mewujudkan suasana yang harmoni dan sejahtera. Namun begitu, isu keganasan rumah tangga yang wujud menjadi masalah kepada ahli keluarga dan boleh melemahkan peranan institusi kekeluargaan (Muslihah, Rojanah & Sa'odah, 2016; Bogueau, 2012).

Keganasan melibatkan sentuhan, serangan, gangguan, kekejaman fizikal dan mental, atau apa-apa tingkah laku yang memberi kesan kepada mangsa dan boleh membawa kepada masalah kesihatan yang serius kepada mereka. (Ayob & Rauf, 2019). Manakala menurut Mariny, Sabasiah dan Azizul (2016) keganasan rumah tangga membawa erti penyalahgunaan kuasa gender dalam perhubungan intim antara seseorang individu yang kebiasaannya golongan lelaki, dengan cara mengawal dan mendominasi pasangan yang kebiasaananya adalah wanita.

Tindakan kuasa ini yang dilakukan dalam bentuk fizikal, seksual, ekonomi, sosial dan psikologikal mampu memberi kesan negatif terhadap wanita. Antara kesan negatif yang mungkin dialami oleh wanita yang menjadi mangsa pelbagai bentuk jenayah keganasan rumah tangga ialah gangguan emosi sehingga menyebabkan kemurungan, menjelaskan hubungan dan interaksi sosial dengan orang lain dan boleh membawa kepada tindakan membunuhan diri (Yusof, 2017; Sullivan et. al., 2018). Keganasan rumah tangga juga memberikan kesan negatif kepada kanak-kanak yang sedang membesar memandangkan mereka secara langsung dan/atau tidak langsung turut didera dalam insiden-insiden yang berlaku (Ghani, 2019). Hyde-Nolan dan Juliao (2012) mendapati anak-anak yang terdedah dengan keganasan rumah tangga berisiko lebih tinggi mempunyai perilaku yang agresif dan turut mencetuskan keganasan dalam perhubungan apabila mereka dewasa kelak.

Di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mengawal kes keganasan rumah tangga seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Namun statistik kes ini tetap meningkat dari tahun ke tahun. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2010 hingga Mac 2017 mendapati bahawa sebanyak 23212 kes keganasan rumah tangga dilaporkan melibatkan wanita sebagai mangsa.

## LATAR BELAKANG

Kebelakangan ini terdapat banyak perbincangan mengenai isu keganasan rumah tangga sewaktu dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 ekoran berlakunya peningkatan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan hampir di seluruh dunia. Pandemik COVID-19 telah membawa kepada norma baharu apabila individu perlu mengamalkan penjarakan sosial dan berlindung di rumah masing-masing. Pelaksanaan PKP oleh kerajaan Malaysia telah menetapkan supaya semua rakyat Malaysia tidak keluar daripada rumah melainkan atas urusan yang dibenarkan oleh kerajaan. Peningkatan dalam pengasingan keluarga, kehilangan pekerjaan dan tekanan ekonomi mempunyai potensi untuk meningkatkan kes keganasan rumah tangga (Leslie & Wilson, 2020). Apabila berada dalam keadaan terlalu tertekan, individu mungkin mendera ahli keluarga sebagai langkah mengatasi tekanannya di samping memenuhi keperluan pendera untuk rasa berkuasa dan mengawal. Laporan bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan panggilan yang diterima oleh Talian Kasih bertambah sebanyak 57 peratus sejak PKP (Razali & Azhari, 2020).

Pelaksanaan PKP berkemungkinan meningkatkan ancaman berlakunya keganasan rumah tangga kerana pasangan yang berisiko atau mangsa terperangkap di dalam rumah, tidak boleh lari dari situasi tersebut, tiada akses untuk mendapatkan sokongan daripada orang lain dan tiada tempat untuk mengadu kerana banyak perkhidmatan sosial yang tidak beroperasi atau sukar untuk diperolehi (Bradbury-Jones & Isham, 2020). Kebergantungan mangsa kepada pendera juga boleh memburukkan lagi situasi ini. Malahan perintah tinggal di rumah ini mempunyai bentuk yang sama dengan penderaan pasangan yang berlaku seperti memaksa pengasingan daripada rakan-rakan dan keluarga, menghalang mangsa daripada bekerja atau menghadiri sekolah dan secara amnya mengawal hubungan sosial, pergerakan, dan aktiviti mangsa (Piquero et. al., 2020). Dengan pelaksanaan PKP, mereka yang berisiko menghadapi keganasan rumah tangga tidak dapat memperolehi bantuan daripada keluarga, rakan-rakan atau penyedia perkhidmatan.

Kurangnya kesedaran masyarakat terutama wanita tentang masalah ini kerana kurang pendedahan terhadap ciri-ciri keganasan rumah tangga, hak serta tindakan yang perlu diambil, termasuklah dari aspek perundungan sekiranya berada dalam persekitaran keluarga yang terdedah dengan keganasan mengakibatkan kemungkinan mereka terjerat dengan penderaan yang berlaku (Yusof, 2017). Begitu juga dengan kurangnya pengetahuan masyarakat sekeliling tentang cara untuk memberi bantuan mungkin menyukarkan lagi usaha membantu mangsa. Sebelum berlakunya PKP akibat pandemik Covid-19, kajian lepas menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap keganasan rumah tangga masih di tahap sederhana (Ayob & Rauf, 2019).

Usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang isu keganasan rumah tangga telah dijalankan oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (Yusof, 2017). Talian-talian perkhidmatan atau *hotline* juga telah diwujudkan sebagai satu saluran kepada mangsa untuk mendapatkan bantuan dan sokongan antaranya Talian Kasih, WAO Hotline dan Hotline TERATAI. Namun begitu, PKP telah memberikan satu cabaran kepada usaha untuk menyampaikan maklumat dan kempen kesedaran kepada masyarakat secara bersemuka. Medium perhubungan atau sebaran maklumat kini bertukar kepada platform di atas talian dan media sosial.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melaksanakan dan menganalisis kaedah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu keganasan rumah tangga menggunakan media sosial oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (TERATAI) yang merupakan dua buah NGO. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kes-kes keganasan rumah tangga yang diterima melalui talian perkhidmatan hotline TERATAI sepanjang tahun 2020.

## METODOLOGI

Analisis kajian diperoleh melalui kaedah kualitatif berdasarkan temubual dengan 32 orang responden yang merupakan pemanggil talian TERATAI sepanjang tahun 2020 bermula dari April 2020. Talian perkhidmatan TERATAI telah dibuka kepada umum dan dihebahkan sebagai talian sokongan kepada individu yang terlibat dengan keganasan rumah tangga.

Sambutan terhadap kempen kesedaran tentang keganasan rumah tangga kepada umum yang dipanggil Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita sepanjang November dan Disember 2020 melalui media sosial anjuran IKRAM dan TERATAI juga dianalisis berdasarkan jumlah individu yang mengambil bahagian di dalam kempen tersebut. Kempen telah melibatkan empat orang selebriti yang telah menyediakan video kempen dan hebahan kempen dibuat oleh media sosial IKRAM di peringkat pusat, negeri dan kawasan. Satu pertandingan ‘Foto Kreatif’ bersama placard “Hentikan Keganasan Terhadap Wanita” telah turut dijalankan bersempena Hari Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita. Selain itu, data kajian juga diperolehi melalui laporan maklum balas daripada penonton-penonton Webinar “Wanita Disayangi Bukan Dikasari” yang telah dijalankan pada 5 Disember 2020.

## DAPATAN KAJIAN

### Kempen Kesedaran

Kempen menukar bingkai gambar profil facebook telah mendapat sambutan daripada 3906 orang pengguna laman sosial ini sepanjang kempen “Hentikan Keganasan Terhadap Wanita” yang berlangsung sepanjang November hingga Disember 2020. Bilangan ini mencapai 65.1% daripada bilangan yang disasarkan iaitu sebanyak 6000 orang.

Webinar “Wanita Disayangi Bukan Dikasari” yang berlangsung pada 5 Disember 2020 secara langsung di facebook menunjukkan capaian sehingga 5341 orang. Sekitar 98% peserta bersetuju bahawa program ini membantu mereka memahami isu keganasan rumah tangga.

Seramai 65 orang telah mengisi borang soal selidik kehadiran webinar secara langsung dan mencatatkan kehadiran penonton dalam kalangan usia 20 -29 tahun sekitar 41.5%, 30-39 tahun sebanyak 16.9%, 40-49 tahun sekitar 14.8% dan 50 tahun ke atas sebanyak 29.2%. 93.8% (61 orang) responden soal selidik adalah wanita dan 6.2% (4 orang) adalah lelaki.

### Talian Perkhidmatan Hotline TERATAI

Sepanjang tempoh Mac 2020 sehingga Disember 2020, sebanyak 32 panggilan telah diterima oleh talian perkhidmatan Hotline TERATAI. Talian ini baru sahaja dibuka pada bulan Mac 2020 sebagai usaha menambah saluran bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Daripada 32 pemanggil, 8 orang adalah dari Selangor, 3 orang dari Sabah, 2 orang dari Johor, Terengganu dan Negeri Sembilan, 1 orang dari Kuala Lumpur, Kedah, dan Perak manakala 12 orang lagi tidak memberitahu di mana tempat tinggal mereka.

Bentuk aduan keganasan yang dibuat adalah melibatkan penderaan fizikal (dipukul dan diludah), penderaan emosi dan mental (dimarah, diugut, dihina dan tidak diberi makan) serta penderaan kewangan (tidak memberi duit belanja, memegang semua duit pendapatan). Majoriti pemanggil telah mengalami penderaan fizikal dan emosi/mental, hanya 4 orang pemanggil mengadu didera dari segi kewangan.

**Jadual 1: Bentuk bantuan yang dipohon**

Bentuk Bantuan	Bilangan Pemanggil
Rumah perlindungan	20
Kaunseling	18
Kewangan	15
Khidmat nasihat guaman	6

Daripada 32 panggilan yang diterima melalui talian perkhidmatan TERATAI, 20 orang pemanggil memohon bantuan rumah perlindungan, 18 panggilan meminta bantuan kaunseling, 15 orang pemanggil hendak mendapatkan bantuan kewangan dan enam orang pemanggil memohon khidmat guaman. Namun begitu hanya tujuh orang atau 21.9% pemanggil bersedia membuat laporan polis. Terdapat pemanggil-pemanggil yang memohon lebih daripada satu bentuk bantuan dalam menghadapi krisis keganasan yang mereka alami.

### PERBINCANGAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah penjarakan sosial telah menyulitkan perhimpunan awam dan kontak secara bersemuka di antara ahli masyarakat. Namun begitu, kewujudan internet dan media sosial telah memudahkan mobilisasi sosial dan aktivisme seperti kempen “Hentikan keganasan terhadap wanita” yang telah dijalankan oleh IKRAM dan TERATAI. Pengasingan fizikal tidak bermaksud pengakhiran kepada usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat dalam isu-isu sosial (Bao, 2020). Semangat kolektif dan keamatan emosi yang berhasil sewaktu menghadapi krisis boleh dimobilisasikan oleh organisasi untuk tujuan aktivisme dan kesannya mungkin akan menjadi lebih hebat daripada masa-masa biasa. Capaian seramai hampir 4000 orang dalam menyatakan sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita adalah satu kenyataan awam yang baik dalam meningkatkan kesedaran kepada lingkungan sosial mereka. Bao (2020) juga menyatakan dalam waktu pandemik ramai orang hendak melakukan perkara yang bermanfaat untuk membantu dan menyumbang kepada orang lain tetapi tidak dapat mencari cara yang sesuai. Strategi kempen seperti menukar bingkai profil facebook untuk menyatakan sokongan kepada usaha menghentikan keganasan rumah tangga adalah satu peluang untuk mereka menghulurkan bantuan dalam kempen kesedaran ini.

Mereka bentuk strategi kempen juga adalah satu aspek yang sangat penting. Dalam menjayakan kempen-kempen kesedaran, penglibatan orang awam adalah satu faktor yang kritikal (Bao, 2020). Apabila mereka perlu mengambil tindakan seperti yang dijalankan di dalam kempen ini dengan menukar bingkai profil facebook atau menyertai pertandingan foto kreatif bersama placard “Hentikan Keganasan Terhadap Wanita”, orang awam akan secara langsung atau tidak langsung mendapat pendedahan kepada isu keganasan rumah tangga. Penonjolan empat orang selebriti dalam video-video kempen yang telah dibuat juga adalah satu strategi yang baik untuk digunakan dalam kempen kesedaran.

Hughes, Swaminathan & Brooks (2019) mendapati penglibatan pempengaruh media sosial atau selebriti meningkatkan keberkesanannya iklan sesuatu kempen kesedaran. Kerjasama dengan pelbagai agensi (kerajaan dan NGO) sebagai satu usaha bersepada untuk melaksanakan kempen kesedaran juga mungkin dapat meningkatkan capaian pelbagai lapisan masyarakat.

Mesej yang disampaikan melalui webinar “Wanita Disayangi Bukan Dikasari” dianggap berjaya kerana sekitar 98% peserta bersetuju bahawa program ini membantu mereka memahami isu keganasan rumah tangga. Capaian penonton seramai 5341 orang untuk webinar juga adalah satu nombor yang besar untuk satu forum jika dibandingkan dengan sesi bersemuka. Kerjasama dengan lebih banyak agensi dan NGO di masa hadapan akan dapat menambahkan bilangan saluran untuk disiarkan dan ini boleh meningkatkan bilangan penonton.

Bilangan penonton wanita yang jauh lebih ramai daripada penonton lelaki untuk webinar ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Johnson (2020) yang mendapati bilangan wanita yang mempunyai kesedaran tentang keganasan rumah tangga adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada lelaki. Kajian data yang lebih mendalam tentang profil penonton boleh dilaksanakan supaya sasaran yang lebih tepat dapat diperolehi untuk meningkatkan kesedaran tentang isu ini. Kempen kesedaran keganasan rumah tangga secara bersasar perlu dipergiatkan untuk meningkatkan kepekaan dan pengetahuan semua lapisan masyarakat. Usaha kempen kesedaran kepada orang awam yang tidak mempunyai akses internet juga perlu dirangka dan dilaksanakan.

Dapatan kajian yang menunjukkan hanya 6 daripada 32 pemanggil talian perkhidmatan TERATAI yang bersedia untuk membuat laporan polis adalah satu keadaan yang membimbangkan. Antara faktor yang menyebabkan mangsa tidak bersedia atau tidak tahu untuk membuat keputusan adalah kerana kekurangan ilmu pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga, hak mereka dan tindakan yang boleh diambil (Ayob & Rauf, 2019). Terdapat mangsa yang tidak menyedari bahawa mereka sedang mengalami penderaan emosi atau mental yang berterusan kerana kurangnya ilmu tentang bentuk keganasan rumah tangga (Yusof, 2017). Mangsa yang bergantung kepada pasangan dari segi kewangan dan kurang percaya terhadap masalah ini juga lazimnya sukar untuk mengambil keputusan untuk meninggalkan pasangan. Khidmat bantuan dan sokongan yang komprehensif oleh semua pihak harus diberikan kepada mangsa keganasan rumah tangga supaya mereka berani untuk membuat laporan polis dan berusaha menyelamatkan diri.

Pelbagai pihak dan agensi terlibat dan memainkan peranan dalam menangani isu keganasan rumah tangga. Pekerja-pekerja kebajikan (kerajaan dan NGO) sentiasa bersedia untuk melindungi dan memberi khidmat nasihat serta kaunseling kepada mangsa penderaan, polis dan pegawai penguatkuasa undang-undang ditugaskan melindungi mangsa, termasuk menangkap dan mendakwa pelaku, pegawai kesihatan juga merawat kecederaan fizikal, mental, emosi dan psikologikal mangsa dan pendera mereka, namun begitu, agensi-agensi ini secara umumnya bekerja bersendirian dan meninggalkan jurang dalam menguruskan kes keganasan rumah tangga (Razali et. al., 2018). Satu platform kerjasama yang dianggotai oleh setiap agensi perlu diwujudkan supaya pengurusan kes keganasan rumah tangga dapat dikoordinasi dengan baik dan penggunaan sumber manusia serta material dapat dioptimumkan.

Seramai 20 orang (62.5%) pemanggil talian memohon bantuan rumah perlindungan kerana hendak tidak tahan dengan situasi penderaan yang berlaku di rumah. Data ini menunjukkan keperluan kepada pengoperasian rumah perlindungan untuk pemandiri keganasan rumah tangga. Gregory, Nnawulez & Sullivan (2021) menyatakan bahawa rumah perlindungan bukan hanya berfungsi sebagai tempat tinggal selamat sementara tetapi pekerja dan sukarelawan juga memberikan khidmat kaunseling, nasihat guaman, rawatan kesihatan, mencari rumah baru dan pekerjaan, menjalankan aktiviti pemberdayaan serta membina pelan keselamatan kepada pemandiri secara individu dan kepada anak-anak mereka berdasarkan keunikan keperluan kes masing-masing. Demi membantu pemandiri keganasan rumah tangga, fungsi rumah perlindungan adalah sangat signifikan supaya mereka boleh memulakan hidup yang baru. Di Malaysia terdapat NGO yang mewujudkan dan menguruskan rumah-rumah perlindungan untuk membantu kerajaan menangani masalah keganasan rumah tangga yang merupakan salah satu masalah sosial di negara kita (Ayob & Rauf, 2019). Oleh itu, bajet khas kepada pertubuhan bukan kerajaan yang mempunyai rumah perlindungan kepada pemandiri keganasan rumah tangga perlu diwujudkan supaya lebih ramai mangsa dapat dibantu.

## KESIMPULAN

Kesedaran masyarakat yang tinggi tentang isu keganasan rumah tangga dan penyediaan pelbagai platform untuk mangsa mendapatkan bantuan adalah diperlukan untuk memastikan kes keganasan rumah tangga di Malaysia dapat ditangani dengan berkesan. Walaupun pandemik yang melanda menyukarkan pelaksanaan usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang isu keganasan rumah tangga tetapi peningkatan kes yang berlaku menuntut gerak kerja bersepada semua pihak untuk mencari jalan serta menggiatkan usaha untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan bantuan kepada mangsa.

## RUJUKAN

- Ayob, N., & Rauf, S. H. A. (2019). Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga: Kajian Rintis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 62-67.
- Bao, H. (2020). Anti-domestic violence little vaccine": A Wuhan-based feminist activist campaign during COVID-19. *Interface: A Journal for and About Social Movements*, 12(1), 53-63.
- Bogeanu, E.L. (2012). The role of social services in the context of intimate violence. *Revista de Asistent\ Social\, anul XI*, nr. 4/2012, pp. 153-174.
- Bradbury-Jones, C., & Isham, L. (2020). The pandemic paradox: The consequences of COVID-19 on domestic violence. *Journal of Clinical Nursing*.
- Ghani, M. A. (2018). The Impacts of Domestic Violence on Children: Perspectives from Women in Malaysia who Experience Abuse. *Child Welfare*, 96(3), 103-117.
- Gregory, K., Nnawulezi, N., & Sullivan, C. M. (2021). Understanding how domestic violence shelter rules may influence survivor empowerment. *Journal of interpersonal violence*, 36(1-2), NP402-NP423.
- Hughes, C., Swaminathan, V., & Brooks, G. (2019). Driving brand engagement through online social influencers: An empirical investigation of sponsored blogging campaigns. *Journal of Marketing*, 83(5), 78-96.
- Hyde-Nolan, M. E., & Juliao, T. (2012). *Family violence: what health care providers need to know. Chapter 2: Theoretical Basis for Family Violence*.
- Johnson, S. E. (2020). Awareness Of Domestic Violence: A Cross Sectional Study Of University Students In Southern California. (Master of social work dissertation, California State University).
- Leslie, E., & Wilson, R. (2020). Sheltering in place and domestic violence: Evidence from calls for service during COVID-19. *Journal of Public Economics*, 189, 104241.
- Mariny, A. G., Sabasiah, H., & Azizul, M. (2016). Isu keganasan rumah tangga: Keberkesanan perkhidmatan kaunseling berdasarkan perspektif klien wanita mangsa keganasan. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2), 1-9.
- Muslihah, H., Rojanah, K., & Sa"odah, A. (2016, November). A preliminary study of instrumental, emotional, and social support for domestic violence survivors in Selangor, Malaysia. Kertas kerja telah dibentangkan di 3RD WORLD CONFERENCE ON INTEGRATION OF KNOWLEDGE, Langkawi. Retrieved from <http://worldconferences.net>.
- Piquero, A. R., Riddell, J. R., Bishopp, S. A., Narvey, C., Reid, J. A., & Piquero, N. L. (2020). Staying home, staying safe? A short-term analysis of COVID-19 on Dallas domestic violence. *American Journal of Criminal Justice*, 45(4), 601-635.
- Randawar, D. K. (2018). The definition of domestic violence in Malaysia: A cross-national comparison. *Akademika*, 88(3).
- Razali, N. M., & Azhari, S. M. K. (2020). Implikasi Covid-19 Dari Sudut Emosi Dan Solusi Menurut Perspektif Al-Quran. Kertas kerja telah dibentangkan di International Seminar On Islam And Science 2020 (SAIS 2020). eISBN:978

- Razali, S., Abd Razak, S. N. F., Abd Halim, N. A., Mohd Anwar, F. A., Abd Jalil, N., Ahmad, S. B., ... & Sood, M. (2018). Perception of online newspapers on the coverage of domestic violence in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 11(2), 19-45. 9674408367
- Subramani, S., Michalska, S., Wang, H., Du, J., Zhang, Y., & Shakeel, H. (2019). Deep learning for multi-class identification from domestic violence online posts. *IEEE Access*, 7, 46210-46224.
- Sullivan, C. M., Goodman, L. A., Virden, T., Strom, J., & Ramirez, R. (2018). Evaluation of the effects of receiving trauma-informed practices on domestic violence shelter residents. *American journal of orthopsychiatry*, 88(5), 563.
- Yusof, M. M. (2017). Masalah, Strategi Daya Tindak Dan Keperluan Mangsa Keganasan Rumah Tangga Wanita Melayu Di Pulau Pinang (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

## PERSEPSI TERHADAP SOKONGAN SOSIAL DAN KONFLIK PERANAN DALAM KALANGAN WANITA BEKERJAYA DI LEMBAH KLANG

*Siti Marziah Zakaria, Aizan Sofia Amin, Kamalia Kamisan, Suzana Mohd Hoesni &  
Norulhuda Sarnon  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
marziah@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Wanita di Lembah Klang mempunyai pelbagai tuntutan dan jangkaan untuk dipenuhi. Bagi yang telah berkahwin, cabaran kehidupan di Lembah Klang memaksa mereka untuk turut menempatkan diri dalam sektor pekerjaan sama seperti pasangan mereka. Justeru, mereka berhadapan dengan konflik peranan, iaitu sebagai pekerja, isteri dan ibu dalam masa yang sama. Wanita sering kali menggalas tanggung jawab yang lebih berat daripada lelaki. Justeru, prosiding ini akan membincangkan persepsi terhadap sokongan sosial dan konflik peranan yang dialami oleh wanita bekerjaya di Lembah Klang. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 283 orang wanita telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Mereka terpilih berdasarkan kriteria-kriteria inklusif yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti wanita bekerjaya bersetuju bahawa mereka mengalami pelbagai bentuk konflik peranan yang menjelaskan kesejahteraan mereka. Konflik sebagai ibu vs pekerja, konflik sebagai isteri vs pekerja dan tekanan kerja memberi kesan yang besar kepada hidup mereka. Dari aspek sokongan sosial, responden yang dikaji mengakui menerima sokongan lebih banyak daripada keluarga berbanding dengan rakan-rakan. Persepsi responden terhadap ketersediaan sokongan adalah di tahap yang memuaskan. Oleh itu, cadangan-cadangan akan dikemukakan kepada kementerian berdasarkan kepada dapatan kajian untuk menambah baik Dasar Keluarga Negara dan Dasar Wanita Negara. Program dan intervensi yang relevan perlu dijalankan bagi mengurangkan konflik peranan yang dihadapi oleh wanita bekerjaya.

Kata kunci: wanita bekerjaya, kesejahteraan emosi, sokongan sosial, konflik peranan

## PENGENALAN

Kebelakangan ini, isu keseimbangan kerjaya dan keluarga menjadi agenda yang penting dalam organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Menyeimbangi tanggung jawab sebagai pekerja dan ibu atau isteri merupakan cabaran terbesar kebanyakan wanita bekerjaya di Kuala Lumpur. Malaysia sebagai negara yang sedang membangun sedang melalui pelbagai perubahan demografi, sosial dan ekonomi. Perubahan-perubahan dalam aspek ini turut merubah situasi kehidupan keluarga masa kini (Lapierre-Adamcyk et al., 2006). Perubahan ini telah menyumbang kepada anjakan peranan jantina, menggalakkan lebih ramai wanita untuk terlibat sama dalam pasaran kerja, seterusnya merubah pengagihan kerja domestik (Tezli & Gauthier, 2009).

Wanita di Lembah Klang, terutamanya wanita yang telah berkahwin memilih untuk bekerja bagi membantu pasangan. Dalam situasi ekonomi yang semakin tertekan, ramai pasangan berkahwin yang memilih untuk sama-sama bekerjaya. Justeru, wanita berkerjaya di bandar-bandar besar, terutamanya di Kuala Lumpur telah menjadi satu kebiasaan. Penglibatan wanita dalam pasaran kerja semakin meningkat dari tahun ke tahun (Luffman, 2006). Wanita berkahwin juga menunjukkan peningkatan dalam pasaran kerja, walaupun memiliki anak-anak yang masih kecil. Tenaga buruh wanita pada bulan Februari 2021 meningkat sebanyak 2.7 ribu orang kepada 6.23 juta orang berbanding Januari 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Ramai daripada pekerja wanita bekerja di sektor pembuatan, perdagangan, pendidikan, pertanian dan pentadbiran awam.

Penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh juga meningkat dari 55.2% pada tahun 2018 kepada 55.6% pada tahun 2019. Pada tahun 2019, seramai 1536 200 orang wanita di Selangor menyertai pasaran tenaga buruh, berbanding dengan 1953 300 orang lelaki. Mereka berperanan sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Umur yang diambil kira bermula dari 15 tahun hingga 64 tahun. Di Selangor, sejumlah 355 800 daripada wanita yang bekerja memegang jawatan professional, berbanding dengan hanya 283 900 professional dari golongan lelaki.

Kajian-kajian tentang wanita bekerja cenderung untuk memberi fokus kepada pengurusan konflik peranan, tekanan ibu-ibu bekerjaya, kesan psikologi ibu-ibu bekerjaya, dan kesan kepada anak-anak apabila kedua-dua ibu bapa bekerjaya di luar (Sumra & Schillaci, 2015; Janzen & Muhamarine, 2003). Kajian-kajian yang telah dijalankan ini telah banyak menyumbang kepada khazanah rujukan tentang wanita bekerjaya. Namun, kajian yang telah dijalankan masih belum menyeluruh untuk mengenalpasti tahap konflik peranan, bagaimana ibu bekerjaya mengurus tekanan dan tahap kesihatan mental ibu-ibu yang bertarung antara kerjaya dan keluarga. Kajian mengenai isu tersebut sangat penting untuk mewujudkan wanita Malaysia yang sihat sejahtera. Kesejahteraan ibu bapa akan menyumbang kepada kesejahteraan anak-anak kecil, remaja mahu pun dewasa.

Kajian lepas menunjukkan wanita yang bekerja menanggung bebanan yang lebih dalam pengurusan rumah tangga dan keluarga berbanding dengan suami mereka. Penjagaan anak-anak selalunya menjadi tugas hakiki isteri, terutamanya anak-anak di awal usia (Hays, 1996). Selain daripada itu, wanita juga menanggung tugas yang berat menguruskan hal ehwal rumah tangga (Sumra & Schillaci, 2015). Justeru, senario ini boleh mencetuskan tekanan dalam kalangan ibu-ibu bekerja. Sikap suami yang tidak memberi kerjasama dan tidak prihatin akan memburukkan lagi kesihatan emosi dan fizikal ibu-ibu bekerja. Keadaan akan lebih kronik sekiranya ibu-ibu bekerja tidak sihat, berada dalam pantang atau sedang menjalani rawatan.

Beberapa dapatan kajian yang lepas turut menunjukkan bahawa wanita selalunya mengorbankan kerjaya mereka, dengan menolak kenaikan pangkat, bertukar kerjaya dan bekerja dalam masa yang lebih singkat kerana bimbang tidak dapat memberi fokus kepada keluarga (Lapierre-Adamcyk et al., 2006). Apabila tanggung jawab di tempat kerja bertambah, tekanan dan konflik yang dihadapi oleh wanita juga bertambah. Situasi menjadi lebih buruk apabila mereka mempunyai anak yang berumur 6 tahun ke bawah. Sokongan sosial yang kurang seterusnya akan membuka ruang kepada pelbagai simptom penyakit mental seperti insomnia, kurang selera makan, kebimbangan, dan kemurungan (Alex, 2015). Kajian yang dilakukan di New York menunjukkan bahawa ada sebilangan wanita yang memilih untuk tidak memiliki anak atau menangguhkan hasrat untuk memiliki anak kerana bimbang tidak dapat memberikan tumpuan kepada keluarga. Kebelakangan ini, senario ini turut berlaku di Malaysia dengan bilangan anak yang dimiliki oleh wanita bekerjaya semakin menurun. Ramai wanita bekerjaya memiliki hanya seorang atau dua orang anak sahaja.

Justeru, prosiding ini akan membincangkan persepsi sokongan sosial dan konflik peranan yang dihadapi oleh wanita bekerja di Lembah Klang. Sokongan sosial dan konflik peranan merupakan indikator kepada kesejahteraan emosi. Oleh itu, untuk meningkatkan kesejahteraan emosi wanita, kedua-dua elemen tersebut perlu dinilai. Maklumat tentang elemen psikologi ini akan meningkatkan kesedaran semua pihak tentang kesejahteraan wanita bekerja. Ia akan membuka jalan kepada sokongan yang lebih baik kepada wanita bekerja bagi membantu pencapaian kemakmuran negara.

## SOROTAN LITERATUR

Sokongan sosial merupakan aspek yang amat penting dan diperlukan oleh setiap individu dan tidak terkecuali juga untuk wanita bekerja. Lazimnya, sokongan sosial diperlukan daripada orang terdekat seperti pasangan, ahli keluarga dan rakan-rakan. Siti Marziah Zakaria et al. (2016) telah mengkaji pengaruh kepuasan kerjaya dan sokongan sosial terhadap kepuasan hidup wanita bekerja. Seramai 234 orang responden wanita yang memenuhi kriteria telah dipilih untuk menjawab soal selidik dari Barrett dan Murk mengenai kepuasan hidup (Life Satisfaction Index-Short Form, 2006), sokongan sosial dari Zimet et al (Multidimensional Scale of Perceived Social Support, 1988), dan kepuasan kerjaya dari MacDonald dan MacIntyre (The Generic Job Satisfaction Scale, 1997).

Kajian mendapati wanita pertengahan usia bekerja dan menetap di Kelantan ini tidak memperolehi sokongan sosial yang mencukupi atau memuaskan daripada rakan-rakan mereka. Sokongan sosial yang dimaksudkan adalah dari aspek emosi di mana mereka tidak dapat berkongsi kesedihan dan kegembiraan berikutnya tidak mempunyai ramai rakan. Responden juga turut merasakan bahawa mereka tidak boleh mengharapkan rakan-rakan mereka jika dilanda masalah (Siti Marziah Zakaria et al., 2016). Sokongan sosial daripada rakan adalah sangat penting dan memberi makna bagi golongan wanita bekerja. Mereka boleh saling bertukar pendapat, nasihat, memberi kekuatan emosi dan moral terutama jika dilanda masalah keluarga, kerjaya maupun masalah peribadi.

Noraini Mohd Noor (1999) mengkaji hubungan antara konflik peranan kerjaya-keluarga dengan kesejahteraan. Bagi kebanyakan responden, mereka bekerja kerana keperluan ekonomi selain diikuti dengan minat dan keperluan bekerja selepas tamat pengajian. Namun begitu, kesibukan bekerja telah menyebabkan wanita bekerja ini terpaksa meninggalkan anak-anak mereka di bawah jagaan orang lain sewaktu mereka bekerja. Perasaan bersalah dirasakan disebabkan masa, kasih sayang dan perhatian yang kurang diberikan kepada anak-anak. Rasa bersalah ini menunjukkan kurangnya kesejahteraan emosi yang dihadapi oleh wanita bekerja ini. Ia bertambah kronik apabila suami langsung tidak memainkan peranan sebagai seorang bapa dan suami di rumah, tidak memberi sokongan emosi kepada isteri dan terdapat juga keluarga mentua yang mendatangkan masalah kepada mereka (Ahrens & Ryff, 2006).

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa konflik peranan di rumah dan di tempat kerja mempengaruhi satu sama lain terhadap wanita bekerja (Sumra & Schillaci, 2015; Alex, 2015). Masalah yang melanda mereka di tempat kerja boleh menyebabkan mereka menjadi seorang yang mudah marah di rumah. Kebanyakan responden bersetuju bahawa masalah di tempat kerja adalah lebih banyak berbanding masalah perkahwinan dan masalah keluarga. Namun begitu, masalah perkahwinan dan keluarga akan menyebabkan tekanan psikologikal yang lebih dahsyat kepada mereka. Responden wanita majoritinya lebih memilih keluarga berbanding pekerjaan mereka, oleh sebab itu wanita bekerja ini tidak mengabaikan urusan di rumah seperti anak-anak, suami dan juga kerja rumah. Sokongan sosial dan bantuan daripada pasangan akan membantu mereka mengalami kurang tekanan atau keletihan dalam memainkan peranan sebagai ibu dan pekerja dalam masa yang sama.

Selain mengharapkan sokongan daripada pasangan dan keluarga, kebanyakan wanita menggunakan agama sebagai *coping mechanism* atau strategi daya tindak ketika mengalami tekanan. Seperti beberapa kajian terdahulu, aspek agama merupakan *coping mechanism* bagi seseorang individu yang berada dalam keadaan tidak terkawal, tidak terurus dan mengalami masalah (Williams et al., 1991). Ringkasnya, walaupun wanita mempunyai banyak peranan seperti menjadi pekerja, ibu, anak dan isteri namun mereka tetap menjalankan tanggungjawab mereka sebaiknya. Wanita bekerja ini juga akan mencari strategi daya tindak untuk mengurangkan tekanan mereka untuk mencapai kesejahteraan emosi.

Seterusnya, kajian mengenai konflik kerja-keluarga dalam kalangan penjawat awam wanita telah dijalankan oleh Siti Hajar Ibrahim dan Zaimah Ramli (2021) di Putrajaya. Objektif kajian ini dilakukan

adalah untuk mengenalpasti tahap konflik kerja-keluarga dan mengkaji hubungan bagi faktor berkaitan kerja, keluarga, individu dan kewangan dengan konflik kerja-keluarga dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya. Seramai 274 orang penjawat awam berumur 26 hingga 41 tahun ke atas telah bersetuju untuk menjadi responden kajian ini selepas pengedaran soal selidik secara atas talian dan serahan tangan dilakukan terhadap 384 orang penjawat awam. Teknik persampelan rawak mudah telah dilakukan untuk pemilihan sampel kajian.

Hasil daripada kajian kuantitatif ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyataan kerja di pejabat menuntut banyak masa, tenaga dan perhatian mereka diikuti dengan pernyataan bahawa mereka diberi banyak kerja di pejabat. Kesibukan kerja di pejabat membuatkan responden cenderung untuk berasa letih dan sukar untuk menjalankan peranan sebagai seorang isteri, ibu dan anak di rumah sehingga boleh menyebabkan tercetusnya konflik kerja-keluarga (Siti Hajar Ibrahim & Zaimah Ramli, 2021). Responden yang bekerja dalam kategori pengurusan dan profesional mengalami konflik kerja-keluarga yang lebih tinggi daripada kumpulan sokongan. Ini menunjukkan bahawa pekerja berjawatan lebih tinggi berisiko untuk mengalami konflik kerja-keluarga yang lebih tinggi berbanding pekerja berjawatan rendah.

Selain itu, kajian juga membuktikan bahawa responden yang mempunyai peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan mengalami konflik kerja-keluarga yang lebih tinggi berbanding responden yang hanya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Begitu juga dengan responden yang mempunyai pendapatan bulanan yang lebih tinggi iaitu RM4501 hingga RM5501 dan ke atas mengalami konflik kerja-keluarga yang lebih tinggi berbanding responden yang mempunyai pendapatan bulanan sekitar RM1000 hingga RM2500 sebulan (Siti Hajar Ibrahim & Zaimah Ramli, 2021). Justeru, tahap pendidikan dan pendapatan yang tinggi tidak menyekat responden daripada mengalami konflik kerja-keluarga, malahan konflik yang dilalui adalah lebih mencabar.

## METODOLOGI

Kajian ini telah melibatkan seramai 283 orang responden di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor dengan menggunakan kaedah persampelan purposif memandangkan beberapa kriteria perlu ditetapkan sebagai syarat menjadi sampel kajian. Kriteria inklusif yang telah ditetapkan oleh pengkaji adalah wanita yang bekerja di Lembah Klang, berumur dalam lingkungan 20 tahun hingga 60 tahun sahaja, berwarganegara Malaysia, sudah berkahwin dan mempunyai anak serta tinggal bersama pasangan dan anak. Seterusnya, soal selidik diedarkan kepada sampel kajian yang menepati kriteria-kriteria kajian.

Soal selidik merangkumi bahagian demografi, persepsi terhadap sokongan sosial menggunakan alat pengukuran dari Zimet dan rakan-rakan iaitu Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) dan pengukuran konflik peranan menggunakan alat pengukuran yang telah dibangunkan sendiri oleh para pengkaji. MSPSS merangkumi 12 item secara keseluruhannya. Responden perlu menandakan kadar persetujuan mereka terhadap pernyataan yang diberikan dengan pilihan 4 skala Likert iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju (Zimet et al., 1988).

Skala konflik peranan mengukur konflik peranan yang dialami oleh responden, sebagai seorang isteri, ibu serta pekerja di tempat kerja mereka. Kesemua item ini telah dibangunkan oleh pengkaji dan kesahan kandungan terhadap 16 item ini telah dilakukan oleh pakar bidang yang berkaitan. Pengukuran bahagian ini menggunakan skala Likert 4 poin (1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju). Skala konflik peranan ini dibina bagi melihat bagaimana penyesuaian diri wanita bekerjaya dalam 3 peranan yang berbeza, sebagai seorang isteri, ibu dan juga pekerja.

Pengumpulan data kajian mengambil masa selama tiga (3) bulan. Data seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif telah dijalankan ke atas data dengan memberi fokus kepada min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus.

## DAPATAN KAJIAN

Data telah dianalisis secara deskriptif terlebih dahulu untuk melihat pola persetujuan terhadap pernyataan-pernyataan berhubung dengan sokongan sosial dan konflik peranan. Dua elemen atau konstruk ini telah melalui proses validasi dan kebolehpercayaan sebelum diedarkan kepada responden. Analisis faktor yang telah dijalankan ke atas item mendapati bahawa konstruk sokongan sosial boleh dibahagikan kepada tiga (3) domain iaitu sokongan rakan, sokongan keluarga dan ketersediaan sokongan. Sokongan rakan diukur daripada item B4, B5, B7, dan B10. Manakala sokongan keluarga diukur daripada item B2, B6, B9, dan B12. Ketersediaan sokongan diukur daripada item B1, B3, B8, dan B11.

Antara contoh item bagi domain sokongan rakan ialah: "Rakan-rakan saya sedaya upaya membantu ketika memerlukan", "Saya boleh mengharap rakan-rakan jika terdapat masalah." Analisis ke atas domain serta item menunjukkan bahawa responden menerima sokongan yang agak baik daripada rakan-rakan. Item B4 menunjukkan peratusan yang tinggi (88.3%) daripada responden bersetuju bahawa rakan berusaha untuk membantu mereka ketika memerlukan. Manakala sebanyak 83% pula bersetuju bahawa mereka boleh mengharap rakan-rakan jika mempunyai masalah. Majoriti juga bersetuju bahawa mereka mempunyai rakan untuk berkongsi kesedihan dan kegembiraan.

Bagi domain sokongan keluarga, contoh item adalah seperti "Saya boleh bercerita tentang masalah kepada keluarga". Analisis ke atas item mendapati sebanyak 83.4% responden bersetuju bahawa mereka boleh bercerita tentang masalah kepada keluarga. Sejumlah besar (92.3%) mengakui bahawa mereka mendapat sokongan emosi daripada keluarga. Keluarga juga dikatakan bersedia untuk membantu mereka membuat keputusan. Mereka turut melaporkan bahawa keluarga cuba sedaya upaya untuk membantu mereka.

Domain ketersediaan sokongan juga menunjukkan dapatan yang konsisten iaitu, peratusan yang tinggi pada tahap persetujuan. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka mempunyai seseorang yang sentiasa bersama di saat memerlukan. Mereka juga bersetuju bahawa terdapat individu yang mengambil berat mengenai perasaan mereka (87.9%) dan mereka mempunyai seseorang untuk berkongsi kisah suka dan duka (85.2%). Ini menunjukkan persepsi mengenai tahap ketersediaan sokongan (availability of support) yang baik. Majoriti responden melahirkan persetujuan dalam semua item berkaitan ketersediaan sokongan (rujuk jadual 1).

Jadual 1: Analisis deskriptif sokongan sosial

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
<b>Domain: Sokongan rakan</b>					
B4	Rakan-rakan saya sedaya upaya membantu ketika memerlukan.	5 (1.8%)	28 (9.9%)	162 (57.2%)	88 (31.1%)
B5	Saya boleh mengharap rakan-rakan jika terdapat masalah.	13 (4.6%)	35 (12.4%)	160 (56.5%)	75 (26.5%)
B7	Saya mempunyai rakan yang boleh berkongsi kegembiraan dan kesedihan.	8 (2.8%)	26 (9.2%)	144 (50.9%)	105 (37.1%)
B10	Saya boleh bercakap tentang masalah saya bersama rakan-rakan.	9 (3.2%)	56 (19.8%)	145 (51.2%)	73 (25.8%)
<b>Domain: Sokongan keluarga</b>					
B2	Saya mendapat sokongan emosi daripada keluarga.	6 (2.1%)	16 (5.7%)	95 (33.6%)	166 (58.7%)
B6	Saya boleh bercerita tentang masalah kepada keluarga.	11 (3.9%)	36 (12.7%)	113 (39.9%)	123 (43.5%)
B9	Keluarga saya bersedia membantu saya membuat keputusan.	8 (2.8%)	20 (7.1%)	123 (43.5%)	132 (46.6%)
B12	Keluarga saya berusaha bersungguh-sungguh menolong saya.	6 (2.1%)	26 (9.2%)	105 (37.1%)	146 (51.6%)
<b>Domain: Ketersediaan sokongan</b>					
B1	Saya mempunyai seseorang yang bersama dengan saya di saat memerlukan.	4 (1.4%)	16 (5.7%)	106 (37.5%)	157 (55.5%)
B3	Saya mempunyai seseorang yang sangat selesa bersama.	4 (1.4%)	15 (5.3%)	100 (35.3%)	164 (58.0%)
B11	Saya mempunyai seseorang yang istimewa yang saya boleh berkongsi suka dan duka.	10 (3.5%)	32 (11.3%)	99 (35.0%)	142 (50.2%)
B8	Terdapat seseorang yang mengambil berat tentang perasaan saya.	8 (2.8%)	26 (9.2%)	115 (40.6%)	134 (47.3%)

Analisis seterusnya dijalankan ke atas konstruk konflik peranan. Bagi wanita bekerjaya, mereka sering melaporkan konflik antara kerjaya dan keluarga. Analisis faktor telah dijalankan ke atas data bagi menentukan domain bagi konstruk ini. Terdapat tiga (3) domain yang dapat dikeluarkan iaitu, konflik ibu vs pekerja, konflik isteri vs pekerja dan tekanan kerjaya. Item bagi domain konflik ibu vs kerjaya ialah: C8, C9, C12, C13, C14, dan C16. Konflik isteri vs pekerja pula ditentukan oleh item C4, C6, C7, C10, C11, dan C15. Untuk domain tekanan kerjaya, ia diwakili oleh item C1, C2, C3, dan C5. Semua item dibangunkan bagi menggambarkan kadar konflik peranan yang dialami oleh responden.

Analisis ke atas domain pertama, konflik ibu vs pekerja mendedahkan hasil yang mengejutkan. Ramai responden mengakui bahawa mereka mengalami konflik ini dan sangat terkesan. Contoh item bagi konflik ini ialah: "Saya tidak dapat menjadi ibu yang terbaik kerana bebanan tugas sebagai pekerja", "Saya tidak mampu lagi menyeimbangkan masa antara kerja dan keluarga". Ramai yang mengeluh tidak dapat menjadi ibu yang terbaik (daripada perspektif mereka) kerana bebanan tugas di tempat kerja (28.3%). Walaupun ia bukanlah peratusan yang sangat tinggi, persepsi ini perlu diberikan perhatian kerana ia akan mengancam institusi keluarga. Sebahagian responden juga mengakui bahawa mereka tidak dapat menyeimbangkan masa antara kerja dan keluarga. Pada kebanyakan masa, mereka perlu mengorbankan keluarga untuk kerjaya. Ini dibuktikan daripada item C12 iaitu tidak dapat membina hubungan baik dengan anak kerana kekangan masa (23.4%). Responden juga melaporkan tidak mempunyai masa yang cukup untuk berehat kerana perlu memenuhi tuntutan kerja dan rumah tangga (40.3%) (C14). Ia adalah luahan yang harus diberikan perhatian kerana boleh

memberi petunjuk kepada tahap kesejahteraan emosi wanita bekerja. Ini diperkuuhkan lagi dengan item C16 yang meluahkan kesedaran bahawa anak mereka kurang mendapat perhatian.

Domain isteri vs pekerja tidak menunjukkan keputusan yang kritikal berbanding dengan domain ibu vs pekerja. Sebanyak 15.9% bersetuju bahawa hubungan mereka dan suami bermasalah kerana komitmen kerja (C4). Responden juga melaporkan bahawa mereka dan suami sering bergaduh kerana isu-isu berkaitan dengan kerjaya (14.2%). Mereka juga mengakui bahawa suami mereka sering mempertikaikan masa mereka bersama keluarga. Sebahagian kecil responden melaporkan bahawa perkahwinan mereka bermasalah kerana kesibukan mereka bekerja (7.5%). Ini menunjukkan bahawa konflik peranan telah memberi kesan kepada peranan mereka sebagai ibu lebih daripada peranan mereka sebagai isteri. Oleh itu, anak-anak merupakan golongan yang lebih terkesan kerana kesibukan ibu mereka bekerja dan konflik peranan yang dihadapi oleh wanita.

Domain terakhir yang telah berjaya dikeluarkan daripada analisis faktor ialah tekanan kerjaya. Tekanan kerjaya diukur melalui keletihan, bebanan kerja dan ketidakstabilan emosi. Sejumlah besar responden (61.4%) meluahkan bahawa mereka sering kali pulang ke rumah dalam keadaan yang amat letih. Ini boleh menjadi halangan kepada mereka untuk memperuntukkan masa yang berkualiti bersama keluarga, kerana keletihan. Sebanyak 42.1% juga melaporkan bahawa mereka mempunyai beban kerja yang banyak sehingga menganggu masa bersama keluarga. Lebih membimbangkan lagi apabila 33.3% daripada responden mengakui bahawa mereka menjadi mudah marah ketika di rumah kerana tekanan kerja (rujuk jadual 2). Ini menunjukkan bahawa tekanan kerja telah menganggu emosi dan peranan mereka sebagai isteri dan ibu di rumah. Responden mengalami simptom-simptom gangguan emosi yang boleh menjadi lebih kronik jika tidak ditangani. Justeru, semua gejala dan indikator ini perlu ditangani segera untuk membantu wanita bekerja mencapai kesejahteraan emosi.

Jadual 2: Analisis deskriptif konflik peranan

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
<b>Domain: Konflik isteri vs pekerja</b>					
C4	Hubungan saya dengan suami selalu bermasalah kerana komitmen kerja saya.	109 (38.5%)	129 (45.6%)	37 (13.1%)	8 (2.8%)
C15	Kerjaya merupakan keutamaan saya berbanding dengan keluarga.	131 (46.3%)	127 (44.9%)	19 (6.7%)	6 (2.1%)
C6	Saya dan suami sering bergaduh atas isu-isu berkaitan dengan kerjaya.	129 (45.6%)	114 (40.3%)	31 (11%)	9 (3.2%)
C7	Suami saya sering mempertikaikan masa saya bersama keluarga.	142 (50.2%)	101 (35.7%)	33 (11.7%)	7 (2.5%)
C10	Suami saya tidak menyokong kerjaya saya.	166 (58.7%)	93 (32.9%)	16 (5.7%)	8 (2.8%)
C11	Perkahwinan saya bermasalah kerana kesibukan saya bekerja.	170 (60.1%)	92 (32.5%)	16 (5.7%)	5 (1.8%)
<b>Domain: Konflik ibu vs pekerja</b>					
C8	Saya tidak dapat menjadi ibu yang terbaik kerana bebanan tugas sebagai pekerja.	101 (35.7%)	102 (36.0%)	62 (21.9%)	18 (6.4%)
C9	Saya tidak mampu lagi menyeimbangkan masa antara kerja dan keluarga.	105 (37.1%)	119 (42.0%)	47 (16.6%)	12 (4.2%)
C12	Saya tidak dapat membina hubungan baik dengan anak kerana kekangan masa.	124 (43.8%)	93 (32.9%)	48 (17%)	18 (6.4%)
C13	Kebajikan anak-anak terabai setiap kali saya 'out station'.	149 (52.7%)	96 (33.9%)	27 (9.5%)	11 (3.9%)
C14	Saya tiada masa untuk berehat kerana perlu memenuhi tuntutan kerja dan rumah tangga.	72 (25.4%)	97 (34.3%)	83 (29.3%)	31 (11%)
C16	Saya sedar anak saya kurang mendapat perhatian saya.	85 (30%)	104 (36.7%)	72 (25.4%)	22 (7.8%)
<b>Domain: Tekanan kerja</b>					
C1	Jadual tugasan saya sentiasa bertindih dengan percutian yang telah dirancang.	49 (17.3%)	124 (43.8%)	79 (27.9%)	31 (11%)
C2	Saya selalu pulang ke rumah dalam keadaan yang amat letih.	18 (6.4%)	90 (31.8%)	104 (36.3%)	71 (25.1%)
C3	Saya mempunyai beban kerja yang banyak sehingga menganggu masa bersama keluarga.	32 (11.3%)	132 (46.6%)	76 (26.9%)	43 (15.2%)
C5	Saya mudah marah ketika di rumah kerana tekanan kerja.	72 (25.4%)	117 (41.3%)	63 (22.3%)	31 (11%)

## PERBINCANGAN

Bagi memastikan kesejahteraan emosi dalam kalangan wanita bekerja, mereka memerlukan sokongan sosial yang tinggi dan konflik peranan yang rendah. Sokongan sosial seharusnya diberikan oleh pasangan, anak-anak, rakan serta majikan. Suami harus memikul tanggungjawab yang sebaiknya di rumah dengan tidak membiarkan isteri mereka menguruskan segala urusan rumah sendirian. Konflik peranan seperti ini akan menyebabkan wanita menjadi tertekan, *burnout*, tidak cukup rehat dan seterusnya menganggu kesejahteraan emosi mereka.

Siti Marziah Zakaria, Muhammad Izzat Ebrahim dan Hawa Rahmat (2020) juga telah meneroka sokongan yang diterima dan diperlukan oleh wanita bekerja di Selangor. Sebelas orang informan telah dipilih untuk melibatkan diri dalam kajian ini melalui teknik temu bual mendalam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan memerlukan sokongan sosial seperti sokongan emosi, sokongan

penjagaan anak, sokongan informasi, sokongan jaringan dan sokongan kewangan demi menjamin kesejahteraan emosi mereka. Kebiasaannya, wanita cuba untuk mendapatkan sokongan emosi dengan meluahkan perasaan dan berkongsi masalah mereka dengan sahabat baik. Masalah utama yang sering dikongsikan adalah seperti masalah kerja dan masalah keluarga. Dalam aspek sokongan penjagaan anak pula, wanita bekerjaya ini akan berasa tenang apabila anak mereka dijaga oleh orang yang boleh dipercayai seperti suami, ahli keluarga ataupun pengasuh. Walaupun mereka sibuk dengan urusan kerja, urusan kebajikan anak tidak akan diabaikan sama sekali.

Sokongan informasi seperti nasihat daripada suami atau golongan yang lebih arif juga diperlukan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dialami mereka. Sokongan jaringan sosial pula adalah berkaitan dengan sokongan di tempat kerja untuk menyelesaikan isu di tempat kerja. Selain itu, sokongan kewangan juga merupakan sokongan yang diperlukan oleh golongan wanita bekerjaya ini meskipun mereka mempunyai punca pendapatan sendiri. Namun begitu, bukan semua informan memperoleh sokongan kewangan. Ini berdasarkan laporan mereka bahawa suami mereka tidak bekerja, melepaskan tanggungjawab dan juga ada yang beranggapan bahawa isteri mereka mampu menyara diri sendiri. Isu seperti ini jelas menunjukkan pertentangan dengan apa yang diajarkan oleh agama yang mana suami merupakan ketua keluarga yang bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan ahli keluarga mereka (Nur Saadah Muhammad Aun & Rusyda Helma Mohd, 2016).

Hasil kajian ini juga konsisten dengan kajian oleh Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari dan Bushrah Basiron (2014) yang mengkaji wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam gred JUSA. Kajian telah mengenal pasti faktor sokongan individu terhadap kejayaan wanita bekerjaya dan berumah tangga selain untuk mengenal pasti ciri dan peranan suami dan anak serta peranan majikan dan rakan sekerja untuk perkembangan kerjaya wanita. Selain temu bual mendalam dilakukan untuk mengumpul data, pengkaji juga telah menganalisis dokumen dari kitab-kitab feqah, jurnal, kertas kerja dan dokumen peserta kajian. Kajian pelbagai kes ini dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza yang melibatkan wanita-wanita cemerlang yang berlainan tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama.

Kajian turut mendapati bahawa wanita bekerjaya dan berumah tangga ini memerlukan sokongan daripada individu-individu di sekeliling mereka seperti suami, rakan sekerja, ibu bapa, majikan, pembantu rumah, anak-anak dan juga pengasuh. Setiap individu ini berperanan dalam memberi sokongan sosial melalui pelbagai cara. Sokongan daripada suami diperlukan di rumah untuk bersama-sama menjaga dan menguruskan anak, memberi motivasi kepada isteri, menyokong kerjaya isteri dan mewujudkan suasana yang harmoni. Suami juga perlulah lebih memahami kepentuan dan tekanan isteri yang bekerja kerana mereka telah membantu meringankan beban ekonomi keluarga (Zainab al-Ghazali, 2004).

Majikan pula perlu memiliki sikap prihatin dan memahami kerana sikap ini akan membantu mengurangkan konflik wanita yang bekerjaya dan berumah tangga (A'dawiyah Ismail, 2011). Wanita yang mempunyai masalah rumah tangga dan isu konflik peranan selalunya akan kerap tidak hadir kerja, sering melakukan kesilapan, kurang daya tumpuan dan kerap sakit (Hamdan Abd. Kadir, 2009). Oleh itu, rakan sekerja perlu saling membantu, menasihati dan mendengar luahan masalah untuk memberi sokongan emosi kepada wanita bekerjaya ini. Menurut Hamdan Abd. Kadir (2009), hubungan yang tidak mesra dengan rakan sekerja boleh menimbulkan tekanan. Tekanan ini boleh mencetus kepada gangguan kesihatan mental yang lain jika tidak dikawal dan dirawat.

Konflik peranan juga akan terus dihadapi jika tidak mendapat kerjasama dan bantuan dalam menguruskan keluarga. Bagi wanita yang telah memiliki anak-anak remaja, mereka boleh mengharapkan anak-anak ini membantu kerja-kerja rumah. Malah, tugas rumah boleh dilatih daripada kecil lagi supaya anak-anak terbiasa. Anak-anak ini perlu berdikari dalam mengurus keperluan diri, mengambil sikap peduli dengan urusan rumah dan melakukan tugas rumah yang sesuai dengan umur dan kemampuan mereka. Ia akan sangat meringankan beban tugas ibu bekerjaya di rumah dan ia merupakan tuntutan agama (Ahmad Shalaby, 2001). Secara keseluruhannya, setiap individu dalam lingkungan sosial wanita bekerjaya ini mempunyai peranan yang berbeza-beza. Setiap peranan yang dimainkan akan membantu meringankan beban dan konflik peranan wanita bekerjaya. Ia juga akan membantu wanita bekerjaya mencapai kesejahteraan emosi kerana mendapat sokongan daripada semua.

## RUMUSAN

Ringkasnya, isu konflik peranan perlu dipandang serius oleh semua pihak. Bukan mudah untuk mencapai keseimbangan dalam semua peranan yang dipegang oleh wanita bekerjaya. Konflik peranan yang berterusan boleh menggugat kesihatan mental wanita, menurunkan kualiti hubungan kekeluargaan dan memberi kesan negatif kepada perkembangan anak-anak. Majikan dan ketua harus peka dengan isu ini. Walaupun pekerja wanita mereka sangat komited, berdedikasi dan amanah dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab, mereka tidak harus terus diberikan bebanan atau arahan kerja sehingga di luar waktu pejabat atau di hujung minggu.

Perancangan dan jadual kerja haruslah disediakan lebih awal supaya wanita bekerjaya dapat merancang cuti dan rehat mereka. Wanita bekerjaya juga memerlukan sedikit fleksibiliti atau kelonggaran apabila berhadapan dengan masalah dan isu keluarga seperti perlu menjaga suami yang terlantar sakit, perlu mendapatkan rawatan susulan untuk anak, atau menghidapi penyakit kronik. Mereka boleh terus menyumbang dengan optimum jika majikan memahami kekangan dan kesulitan mereka. Perbincangan terbuka dan toleransi perlu diwujudkan dalam mana-mana organisasi yang mempunyai pekerja wanita.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), CRIM, FSSK dan Psitra yang telah memberi sokongan kepada kajian ini. Kajian ini dibiayai oleh UKM. Kod penyelidikan ialah SK-2020- 022.

## RUJUKAN

- A'dawiyah Ismail (2011). Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Bekerjaya Menurut Islam: Kajian Kes di Putrajaya. Universiti Sains Malaysia: Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Ahmad Shalaby (2001). Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahrens, C. J. C. & Ryff, C. D. (2006). Multiple roles and well-being: Sociodemographic and psychological moderators. *Sex Roles*, 55 (11-12), 801-815. <https://doi.org/10.1007/s11199-006-9134-8>
- Alex, R. A. (2015). Stress tolerance and adjustment among working and non-working women: A comparative study. *Journal of Research*, 6(1), 7-12. <https://doi.org/10.5958/0976-1748.2015.00002.8>
- Hamdan Abd. Kadir (2009). Kaunseling di tempat Kerja. Skudai: Penerbit UTM PRESS
- Hays, S. (1998). The Cultural Contradictions of Motherhood. UK: Yale University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Statistik Pemerksaan Wanita dalam Domain Terpilih. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). Siaran Akhbar. Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Februari 2021. <https://www.dosm.gov.my/v1/index>.
- Janzen, B. L., & Muhajarine, N. (2003). Social role occupancy, gender, income inadequacy, life stage and health: A longitudinal study of employed Canadian men and women. *Social Science & Medicine*, 57, 1491-1503. [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(02\)00544-0](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(02)00544-0)
- Lapierre-Adamcyk, E., Marcilgratton, N., & Le Bourdais, C. (2006). "A Balancing Act: Parents' Work Arrangements and Family Time." In K. McQuillan and Z. R. Ravanera (eds) Canada's Changing Families: Implications for Individuals and Society. Toronto: University of Toronto Press. Pp. 49-75.
- Luffman, J. (2006). The core-age labour force. *Perspectives on Labour and Income*, 7 (9), 5-11.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari & Bushrah Basiron (2014). Faktor Sokongan Individu Terhadap Kecemerlangan Wanita Bekerjaya dan Berumah Tangga. *Sains Humanika*, 67(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v67n1.125>
- Noraini Mohd Noor (1999). Roles and women's well-being: Some preliminary findings from Malaysia. *Sex roles*, 41(3), 123-145. <https://doi.org/10.1023/A:1018846010541>
- Nur Saadah Muhammad Aun & Rusyda Helma Mohd (2016). Informal caregiving: Empowering social support programs by employers. *Akademiaka*, 86 (1), 3-9. <http://dx.doi.org/10.17576/akad-2016-8601-01>
- Perangkaan Tenaga Buruh (2006). Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, 2006, 2007, 2008 dan 2009), Jabatan Perangkaan Malaysia. Dipetik daripada <http://www.rurallink.gov.my/wp> pada 12 November 2017.
- Siti Hajar Ibrahim & Zaimah Ramli (2021). Konflik kerja-keluarga dalam kalangan penjawat awam wanita. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (1), 140-154. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-11>
- Zainab al-Ghazali (2004). Nasihat Untuk Wanita. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Siti Marziah Zakaria, Muhammad Izzat Ebrahim & Hawa Rahmat (2020). Boleh tolong saya? Meneroka sokongan sosial yang diperlukan oleh wanita bekerja bagi meningkatkan kesejahteraan emosi. *e-Bangi*, 17(3), 1-13.
- Siti Marziah Zakaria, Ruzaini Ijon, Wan Yusoff Wan Shaharuddin, Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff & See Soo Yin (2017). Kepuasan Kerjaya Dan Sokongan Sosial Sebagai Indikator Kepuasan Hidup Wanita Bekerjaya Pertengahan Usia Di Kelantan. <http://hdl.handle.net/123456789/616>

Statistik Utama Tenaga Buruh (2016). Statistik pekerjaan dan pemburuan, Kementerian Sumber Manusia. Dipetik daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>, pada 10 November 2017.

Sumra, M. K., & Schillaci, M. A. (2015). Stress and the Multiple-Role Woman: Taking a Closer Look at the "Superwoman". *Plos One*, 10 (3), 1-24. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0120952>

Tézli, A., & Gauthier, A. (2009). Balancing Work and Family in Canada: An Empirical Examination of Conceptualizations and Measurements. *The Canadian Journal of Sociology / Cahiers Canadiens De Sociologie*, 34(2), 433-461. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/canajsocicahican.34.2.433>.

Williams, D. R., Larson, D. B., Buckler, R. E., Heckmann, R. C., & Pyle, C. M. (1991). Religion and psychological distress in a community sample. *Social Science and Medicine*, 32, 1257±1262. [https://doi.org/10.1016/0277-9536\(91\)90040-J](https://doi.org/10.1016/0277-9536(91)90040-J)

Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet S. G. & Farley, G. K. (1988). The Multidimensional Scale of Perceived Social Support. *Journal of Personality Assessment*, 52, 30-41.

## MENDEPANI CABARAN ISU KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF REMAJA WANITA DI ERA MEDIA DIGITAL

*Dr Mai Shahira binti Meor Hazizi*  
Pertubuhan IKRAM Negeri Perak  
*maimeorhazizi@gmail.com*

Golongan remaja didefinisikan sebagai penduduk berusia 10 hingga 19 tahun. Di era media digital kini, golongan remaja terutamanya remaja wanita, amat terdedah kepada ancaman kemerosotan kesihatan seksual dan reproduktif. Di usia dunia tanpa sempadan ini, penggunaan media digital termasuk media sosial seperti 'Facebook', 'Instagram', 'Twitter' dan 'TikTok' amat popular di kalangan remaja. Media digital berpeluang membawa seribu kebaikan jika digunakan dengan betul, namun berpotensi juga membawa sejuta keburukan sekiranya disalahgunakan. Remaja wanita boleh diancam bahaya melalui kandungan dan capaian media digital yang negatif seperti pornografi, antunan seksual ('sexual grooming') serta gangguan seksual dalam talian. Antara impak kepada kesihatan seksual dan reproduktif wanita pula adalah ancaman penyakit kelamin (seperti *HIV*, *syphilis*, *Chlamydia* dan *Gonorrhoea*), kehamilan remaja yang tidak dirancang, keganasan seksual dan lain-lain. Oleh itu, cabaran ini harus ditangani dengan langkah yang tersusun dan strategik dari semua pihak. Undang-undang berkaitan perlu diperketatkan untuk melindungi remaja daripada bahaya media digital. Ibu bapa, warga pendidik dan ahli masyarakat harus bersama-sama mencari jalan untuk menjadikan media digital suatu tempat yang selamat untuk remaja. Remaja wanita perlu diperkasakan dengan maklumat yang tepat untuk mampu mengatakan tidak kepada ancaman negatif terutamanya yang berunsur seksual di media digital. Didikan tentang tatacara penggunaan media yang selamat perlu disebarluaskan kepada semua. Usia remaja wanita merupakan tempoh emas sebelum peralihan kepada wanita dewasa. Kesihatan remaja wanita dari sudut seksual dan reproduktif di era media digital kini amat perlu dititikberatkan supaya kesejahteraan wanita secara keseluruhannya dapat dipelihara. Ini seterusnya membolehkan wanita berperanan dalam menggembungkan tenaga demi negara dan agama tercinta.

**Kata kunci:** cabaran, kesihatan seksual remaja wanita, media

## PENGENALAN

Usia remaja merupakan usia peralihan di antara usia kanak-kanak dan dewasa. Remaja didefinisikan sebagai penduduk yang berusia antara 10 hingga 19 tahun (Kementerian Kesihatan Malaysia). Umum mengetahui bahawa di usia ini, remaja sering dilihat mencari identiti tersendiri, mempunyai perasaan ingin mencuba yang tinggi serta mudah terdedah dengan pengaruh pelbagai unsur. Ditambah pula dengan era media digital masa kini, golongan remaja khususnya remaja wanita, amat terdedah kepada cabaran isu kesihatan seksual dan reproduktif.

Walaupun tidak menafikan penggunaan media digital berpotensi membawa kebaikan, namun, jika disalahgunakan ia juga boleh membawa sejuta keburukan. Dengan penggunaan meluas media digital terutamanya media sosial, wujud beberapa isu yang boleh mengancam kesihatan seksual dan reproduktif remaja wanita terutamanya.

Remaja wanita boleh diancam bahaya melalui kandungan dan capaian media digital yang negatif seperti bahan lucah, pornografi, antunan seksual ('*sexual grooming*') serta gangguan seksual dalam talian. Tinjauan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) pada 2016 mendedahkan bahawa 35.3% remaja di Malaysia pernah terlibat dengan bahan lucah, dan kebanyakannya daripada mereka, iaitu sebanyak 60.8%, memperoleh bahan lucah ini daripada internet (LPPKN, 2016).

Antara impak kepada kesihatan seksual dan reproduktif wanita pula adalah ancaman penyakit kelamin (seperti jangkitan kuman *HIV*, *syphilis*, *Chlamydia* dan *Gonorrhoea*), kehamilan remaja yang tidak dirancang termasuk proses kelahiran dan penjagaan anak di usia remaja, keganasan seksual dan lain-lain.

## OBJEKTIF

Secara umumnya, kertas kerja ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas berkenaan impak negatif media digital seperti pornografi dan kandungan internet yang berunsur lucah kepada remaja wanita khususnya, dari sudut kesihatan reproduktif dan seksual. Selain itu objektif lain adalah untuk memberikan cadangan bagi menangani cabaran ini dengan langkah yang tersusun dan strategik dari semua pihak.

## KAEDAH KAJIAN

Perolehan maklumat dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada kajian literatur yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan. Impak media digital kepada isu kesihatan reproduktif dan seksual remaja telah dikaji melalui data sekunder iaitu carian artikel dan jurnal di internet. Cara mendepani cabaran ini turut dibincangkan.

## IMPAK MEDIA DIGITAL

### *Pornografi*

Dengan kemudahan akses internet pada era tanpa sempadan kini, golongan remaja berpeluang menggunakan media digital melalui pelbagai peranti seperti komputer, telefon bimbit, '*tablet*' dan lain-lain. Antara kandungan media digital yang popular adalah laman sesawang dan media sosial seperti *Facebook*, *Youtube*, *Twitter*, *blog*, *Whatsapp*, *Wechat*, *Telegram* dan *Instagram* (Manap et al., 2016). Suatu kajian yang melibatkan 750 orang remaja di Malaysia mendapat penggunaan media di kalangan remaja mengikut masa adalah: *Whatsapp* (4.2 jam), *Wechat* (2.6 jam), *Facebook* (1.8 jam) dan *Instagram* (1.8 jam) (Manap et al., 2016). Para remaja juga bebas berkongsi video, audio dan teks melalui aplikasi internet tersebut dengan pengguna lain tanpa sebarang kos (Hamzah, 2016).

Melalui ruang media sosial dan laman sesawang ini, remaja berpotensi terdedah kepada kandungan berunsur seksual dan pornografi samada secara sengaja atau tidak sengaja. Satu kajian mendapat pendedahan kepada kandungan berunsur seksual dalam muzik, filem dan televisyen menyebabkan remaja lebih awal terlibat dalam hubungan seksual dan meningkatkan tingkah laku seksual di kalangan remaja<sup>iii</sup>. Penggunaan kamera atau '*webcam*' juga membolehkan komunikasi interaktif wujud antara pengguna media sosial, yang turut membolehkan hubungan seksual dalam talian berlangsung.

Salah satu bahana pornografi yang ditonton melalui media digital kepada remaja adalah peningkatan kes hubungan seksual tanpa nikah. Ini seterusnya mendorong kepada peningkatan remaja wanita hamil anak luar nikah dan lebih menyediakan lagi, kes pembuangan bayi. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan pendaftaran seramai 532,158 orang anak luar nikah dari tahun 2005 ke 2015 (mStar, 2016) sementara 526 kes pembuangan bayi dilaporkan untuk tempoh sama. Manakala statistik Kementerian Kesihatan Malaysia pula menunjukkan kes remaja hamil tanpa nikah dari tahun 2012 hingga 2015 adalah sebanyak 16,270 orang (mStar, 2016).

Pada tahun 2017, 4992 kanak-kanak tidak sah taraf telah dilahirkan remaja wanita berumur kurang 18 tahun dan pada tahun itu sahaja terdapat 120 kes buang bayi telah dilaporkan (mStar, 2018). Menurut World Health Organization, di peringkat global, komplikasi sewaktu mengandung dan melahirkan anak merupakan faktor utama kematian remaja wanita berumur 15-19 tahun (WHO, 2020). Remaja hamil berusia 10 hingga 19 tahun juga mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mendapat penyakit '*eclampsia*', '*puerperal endometritis*' dan jangkitan kuman sistemik berbanding dengan ibu yang mengandung pada usia 20-24 tahun. Remaja yang mengandung terutamanya kandungan luar nikah berisiko berhadapan stigma masyarakat, tidak diterima oleh keluarga, pendidikan terganggu dan menggugat peluang kerjaya di masa hadapan (WHO, 2020).

Suatu kajian mendapati remaja yang menonton kandungan pornografi didapati mempunyai lebih ramai pasangan seksual daripada remaja yang tidak menonton pornografi (Maas & Dewey, 2018). Hal ini seterusnya meningkatkan risiko seseorang remaja mendapat penyakit kelamin seperti *Gonorrhoea*, *Chlamydia*, *Syphilis* dan *Human Immunodeficiency Virus (HIV)*. Penyakit *Gonorrhoea* dan *Chlamydia* yang tidak dirawat boleh membawa kepada penyakit keradangan pelvis (*Pelvic Inflammatory Disease*) yang berpotensi menyebabkan masalah ketidaksuburan wanita pada jangka masa Panjang (WHO, 2004).

### ***Antunan seksual ('sexual grooming')***

Antunan seksual atau '*sexual grooming*' bermaksud perbuatan membina hubungan emosi dan kepercayaan dengan mangsa di bawah umur melalui talian, bagi tujuan eksloitasi, kepuasan atau penyalahgunaan seksual (Media Literacy Council Singapore). Untuk mengurangkan penolakan tingkahlaku seksual, pemangsa menggunakan pelbagai cara untuk berbaik dengan mangsa seperti memujuk dengan kata-kata manis, memberi hadiah, memberi pujian dan sebagainya. Pemangsa juga akan mengarahkan mangsa untuk merahsiakan perhubungan tersebut daripada pengetahuan ibu bapa dan keluarga.

Setelah kepercayaan terbina, pemangsa mula menghalakan perbualan ke arah topik-topik seksual dan lucah, mengajak mangsa terlibat dalam aktiviti seksual dalam talian, mengajak untuk bertukar-tukar gambar atau video berunsur seksual, atau mengatur perjumpaan secara langsung. Ini seterusnya boleh membawa kepada gangguan seksual secara fizikal seperti jenayah rogol dan keganasan seksual. Semua gangguan seksual ini boleh menyebabkan tekanan mental dan psikologi kepada mangsa, yang sebahagian besar daripadanya merupakan remaja wanita.

Satu kajian oleh Unit Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Polis Diraja Malaysia dan syarikat telekomunikasi Digi CyberSAFETM pada 2015 yang melibatkan pelajar sekolah di Malaysia, mendapati 1 daripada 10 kanak-kanak berkemungkinan telah diminta memuatnaik gambar atau video berunsur seksual di internet. Selain itu, kajian ini mendapati terdapat sebanyak 300% kenaikan kes rogol yang dimulakan daripada perkenalan di internet di negara ini antara tahun 2010 hingga 2015, dan kebanyakan kes sebegini melibatkan mangsa yang berumur kurang 18 tahun (David, 2017).

Statistik pada 2019 menunjukkan jenayah pornografi menyebabkan impak besar kepada jenayah lain, di mana pada 2019 jenayah rogol mencatatkan sebanyak 936 kes, rogol berkumpulan sebanyak 28 kes, sumbang mahram 196 kes dan cabul sebanyak 701 kes (Ramli, 2020).

## CARA MENGATASI

### ***Peranan ibu bapa***

Ibu bapa berperanan besar dalam mengatasi cabaran isu kesihatan seksual remaja di era media digital ini. Ibu bapa perlu memantau penggunaan peranti elektronik anak-anak remaja untuk memastikan anak-anak remaja tidak terlibat dengan aktiviti tidak bermoral seperti pornografi dan menjadi mangsa antunan seksual. Misalnya, menetapkan peraturan bahawa anak-anak hanya boleh menggunakan internet di ruang tamu atau tempat umum di rumah supaya pengawasan boleh dilaksanakan dengan lebih mudah (Omar, 2015).

Ibu bapa juga perlu mengawasi aktiviti dalam talian anak-anak, dan mengetahui platform dan aplikasi yang sering digunakan. Ibu bapa juga boleh mengadakan sekatan masa penggunaan internet dan media sosial kepada anak-anak remaja dengan mengehadkan penggunaannya kepada tempoh tertentu. Sekatan terhadap laman sesawang yang berunsur seksual dan pornografi juga boleh diadakan melalui perisian penapis dan aplikasi '*parental control*'.

Ibu bapa perlu meningkatkan komunikasi dan hubungan baik dengan anak remaja, serta perlu sentiasa meyakinkan anak-anak bahawa sekiranya mereka berasa tidak selesa atau terancam di dunia internet, ibubapa sentiasa ada untuk memberi bantuan.

Ibu bapa sendiri seharusnya menyiapkan diri mereka dengan ilmu teknologi terkini untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam ilmu teknologi berbanding anak remaja mereka.

### ***Didikan agama***

Perisian kerohanian dan penghayatan agama juga amat penting sebagai benteng daripada remaja terlibat dalam kancah pornografi dan isu masalah seksual dan reproduktif. Remaja yang mempunyai penghayatan agama yang tinggi mampu untuk mengawal diri daripada melayari laman sesawang berunsur pornografi dan seksual. Bagi yang beragama Islam, aspek agama dari sudut iman, akidah, ibadah, akhlak perlu diperkuuhkan dalam diri remaja.

### ***Tingkatkan ilmu pengetahuan remaja***

Remaja perlu dididik dengan tatacara penggunaan internet yang selamat. Mereka perlu diberi pengetahuan untuk mengelakkan laman web dan kandungan berunsur lucu dan pornografi, serta informasi tentang kesan ketagihan pornografi perlu disampaikan kepada mereka. Remaja perlu diajar tentang ancaman antunan seksual dan bahaya sekiranya kenalan internet mengajak mereka bertemu secara langsung.

Selain itu, remaja juga perlu diberi ilmu pengetahuan tentang kesihatan seksual dan reproduktif. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014 oleh LPPKN telah membuat tinjauan tentang pengetahuan remaja mengenai kesihatan seksual dan reproduktif (LPPKN, 2016). Antara penemuan kajian ini adalah pengetahuan remaja tentang hubungan seksual adalah di tahap rendah, di mana hanya 33.7% remaja mengetahui bahawa seorang gadis boleh hamil pada hubungan seks pertama. Manakala cuma 33.3% remaja mengetahui kondom boleh mengelakkan penyakit kelamin. Dapatkan lain menunjukkan 64.7% remaja mengetahui HIV boleh menyebabkan AIDS.

Maka amat penting maklumat berkenaan kesihatan seksual dan reproduktif disebarluaskan kepada remaja untuk memastikan mereka mendapat maklumat yang benar dan tepat. Pemerkasaan remaja wanita tentang ilmu berkenaan media digital dan kesihatan seksual dan reproduktif membolehkan mereka membuat keputusan yang selamat untuk melindungi diri mereka daripada ancaman bahaya, seterusnya mengurangkan kes hubungan seksual luar nikah remaja dan kes remaja hamil luar nikah, serta mengurangkan kes penyakit kelamin.

### ***Memilih rakan dan lingkungan pengaruh yang baik***

Rakan sebaya turut memberi pengaruh kepada tingkah laku seksual remaja (Shahruddin & Mansor, 2018). Sesetengah remaja yang kurang mendapat perhatian ibu bapa dan keluarga juga lebih cenderung untuk mencari rakan sebaya untuk tujuan yang sama. Sekiranya rakan sebaya memperkenalkan aplikasi tertentu dan kandungan media yang tidak bermoral, sesetengah remaja mudah tertarik untuk mencuba dan menyertai rakan mereka. Justeru itu, remaja harus diperingatkan untuk bijak memilih rakan. Ibu bapa juga harus berperanan untuk memastikan anak-anak remaja mereka bergaul dengan rakan sebaya yang baik.

### ***Garis panduan industri teknologi informasi dan komunikasi***

Bagi melindungi remaja di atas talian, piawaian ‘*standard*’ dan garis panduan khusus harus diperkenalkan. Antara lain, pengehadan kebolehcapaian terhadap laman web yang berbahaya dan berunsur seksual perlu diperketatkan <sup>xiv</sup>.

### ***Perketat undang-undang***

Pembuat dasar perlu mengkaji undang-undang sedia ada bagi melindungi golongan remaja khususnya daripada bahaya ancaman kandungan media digital yang tidak bermoral <sup>xiv</sup>. Kandungan media yang didapati menyalahi undang-undang perlu dilaporkan kepada penguatkuasa agar pihak yang bertanggungjawab mendapat hukuman yang sewajarnya.

### ***Kerjasama semua pihak***

Isu keselamatan remaja dan kanak-kanak di media digital wajar diberi perhatian oleh semua pihak termasuk kerajaan dan agensi-agensinya, penggubal dan penguatkuasa undang-undang, pengeluar perkhidmatan elektronik dan internet, persatuan ibu bapa dan guru serta badan bukan kerajaan.

### **KESIMPULAN**

Media digital sudah semakin sebat dengan norma kehidupan masyarakat dan golongan remaja pastinya tidak mahu ketinggalan menikmati teknologi ini. Selain daripada manfaatnya, masyarakat perlu menyedari sisi negatif media digital dan impaknya kepada masyarakat. Kandungan berunsur lucah, pornografi dan tidak bermoral boleh membawa kepada jenayah seksual serta kemerosotan kesihatan seksual dan reproduktif untuk remaja wanita terutamanya. Justeru itu, semua pihak berwajib perlu memandang serius perkara ini bagi melindungi remaja wanita khususnya kerana mereka merupakan harapan negara dan batu asas pembinaan bangsa, masyarakat dan negara pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- 5,000 Bayi Lahir Dari Remaja Bawah 18 Tahun (2018, 23 Julai). *mStar* <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/07/23/lahir-bawah-umur>
- Brown, J. D., L'Engle, K. L., Pardun, C. J. (2006). Sexy media matter: Exposure to sexual content in music, movies, television, and magazines predicts Black and White adolescents' sexual behavior. *Pediatrics*, 117, 1018-1027. <https://pediatrics.aappublications.org/content/117/4/1018.short>
- David, A. (2017, 21 Mac). Survey Reveals Alarming Statistics On Internet- initiated Sex Abuse of Malaysian Minors. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/2017/03/223005/survey-reveals-alarming-statistics-internet-initiated-sex-abuse-msian-minors>
- Hamzah, M. R. (2016). *Faktor peramal tingkah laku kesihatan di media sosial dalam kalangan pelajar di Universiti Awam Malaysia* (Tesis PhD., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)
- JPN Daftar Lebih Setengah Juta Anak Tidak Sah Taraf (2016, November 10). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/11/10/jpn-daftar-lebih-setengah-juta-anak-tidak-sah-taraf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. Dasar Kesihatan Remaja. <http://fh.moh.gov.my/V3/index.php/component/downloads/send/21-sektor-kesihatan-remaja/253-dasarkesihatanremajanganegara?Itemid=0>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2016), *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5)*. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/pusat-sumber/2016-02-26-02-25-15/2016-03-04-00-42-00/file>
- Maas MK, Dewey S. (2 Julai 2018). Internet Pornography Use Among Collegiate Women Gender Attitudes, Body Monitoring, and Sexual Behavior. SAGE Open <https://doi.org/10.1177/2158244018786640>
- Manap, Jamiah & Hamzah. (2016). *Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z*. International Conference on Social and Economic Development (ICSED) 2016, Malaysia [https://www.researchgate.net/publication/309668766 Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z](https://www.researchgate.net/publication/309668766_Penggunaan_dan_Implikasi_Media_Sosial_Terhadap_Remaja_Generasi_Z)
- Media Literacy Council Singapore. <https://www.betterinternet.sg/-/media/BIC-2020/Learn/Malay/Batch-3-Malay/SEXUAL-GROOMING-Malay.pdf>
- Omar, Salmah. (2015). Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-kanak. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. [https://www.researchgate.net/publication/306256070 PENGARUH PERANTI TEKNOLOGI KEPADA PERKEMBANGAN SOSIAL DAN PERMASALAHAN KESIHATAN KANAK-KANAK](https://www.researchgate.net/publication/306256070_PENGARUH_PERANTI_TEKNOLOGI_KEPADA_PERKEMBANGAN_SOSIAL_DAN_PERMASALAHAN_KESIHATAN_KANAK-KANAK)
- Ramli, M.A, (2020, 12 Disember). Taktik Pemangsa Jerat Gadis Remaja Di Media Sosial. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/114417/BERITA/Nasional/Taktik-pemangsa-jerat-gadis-remaja-di-media-sosial>
- Shahruddin, N. J. & Mansor, M. (2018). Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual Akademika, 88(2), Julai 2018:81-94., <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-06>
- World Health Organization (2020, 31 Januari). *Adolescent Pregnancy*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/adolescent-pregnancy>

World Health Organization. (2004). *Sexually Transmitted Infections. Issues in Adolescent Health and Development.*  
[http://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/42902/9241591420\\_eng.pdf;jsessionid=D11385110DB5A54CD37E057AD46C26CD?sequence=1](http://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/42902/9241591420_eng.pdf;jsessionid=D11385110DB5A54CD37E057AD46C26CD?sequence=1)

## IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP KESIHATAN MENTAL WANITA: SATU TINJAUAN AWAL DI KALANGAN WANITA DI SELANGOR

*Farah Fazlinda Binti Mohamad*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*farahfazlinda@fbk.upsi.edu.my*

### ABSTRAK

Malaysia turut terkesan dengan pandemik Covid-19 sejak kes pertama jangkitan Covid-19 direkodkan pada 25 Januari 2020. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia pada 18 Mac 2020 bagi memutuskan rantaian pandemik Covid-19. Secara tidak langsung, PKP telah memberikan impak yang sangat besar terhadap kelangsungan hidup semua peringkat masyarakat terutamanya golongan wanita. Hal yang demikian telah menyebabkan semua peringkat masyarakat untuk bergantung sepenuhnya kepada teknologi dalam urusan perhubungan dan komunikasi, pembelajaran, pekerjaan dan lain-lain. Kebergantungan ini telah memberikan impak yang sangat mendalam kepada kesihatan mental khususnya dalam kalangan wanita. Wanita merupakan individu yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Peranan wanita sangatlah besar dari sudut kekeluargaan, ekonomi, pendidikan, sosial dan politik. Bagi memastikan kelancaran pembangunan sesebuah masyarakat dan negara, kesihatan mental wanita perlulah dititikberatkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji impak PKP semasa pandemik Covid-19 terhadap kesihatan mental wanita dari segi tekanan psikologi iaitu kemurungan (depression) dan kebimbangan (anxiety). Kaedah kaji selidik dijalankan bersama 100 orang responden wanita. Kajian ini dilakukan secara dalam talian dengan mengambil kira faktor semasa pandemik Covid-19. Instrumentasi kajian diadaptasikan daripada *Patient Health Questionnaire (PHQ-4)*. Hasil dapatan mendapati bahawa PKP memberikan impak kepada kesihatan mental wanita dari segi tekanan psikologi, kebimbangan dan kemurungan. Selain itu, faktor sosioekonomi juga mempengaruhi kesihatan mental wanita. Kajian ini memberikan kefahaman kepada masyarakat bahawa kesihatan mental wanita adalah isu yang sangat penting dan perlu dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat. Kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam menyumbangkan idea kepada pihak kerajaan dan pemegang taruh berkenaan kaedah intervensi yang bersesuaian seperti menyediakan akses dan peluang interaksi sosial untuk membantu wanita mengekalkan kesihatan mental dan kualiti hidup. Ini amatlah penting dalam melestarikan kesihatan wanita seiring dengan sasaran Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal*) yang ketiga- memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik untuk semua.

**Kata kunci:** Kesihatan Mental, Kemurungan, Kebimbangan, Pandemik, Perintah Kawalan Pergerakan

## PENGENALAN

Manusia memerlukan sahabat dalam hidup mereka. Manusia memerlukan teman untuk hubungan sosial, menghadapi cabaran dan berkembang maju dalam kehidupan. Hubungan persahabatan sangat penting bagi manusia kerana ia mempunyai kesan yang besar kepada kesihatan mental dan kesejahteraan hidup manusia. Merujuk kepada Keperluan Maslow Hierarki, terdapat lima keperluan asas yang diperlukan oleh manusia. Tahap keperluan terendah adalah keperluan fisiologi yang berfungsi sebagai keperluan asas seperti makanan, udara, air, tempat perlindungan, dan pakaian. Tahap kedua adalah keperluan keselamatan yang mewakili keperluan untuk keselamatan peribadi, sumber, dan kesihatan. Kemudian, keperluan untuk persahabatan dan perhubungan. Seterusnya, manusia memerlukan penghormatan dan pengiktirafan pada tahap keempat. Tahap keperluan tertinggi adalah keperluan penghargaan kendiri.

Ini terbukti daripada Keperluan Maslow Hierarki, keperluan harga diri adalah penting untuk mencapai tahap keperluan tertinggi, penghargaan kendiri. Ia boleh dicapai melalui interaksi dan hubungan dengan orang lain melalui komunikasi bersemuka. Melalui komunikasi bersemuka, manusia boleh memahami emosi dan perasaan orang lain. Ini dapat merapatkan hubungan sesama manusia. Melalui komunikasi bersemuka, manusia menjadi peka dalam hubungan mereka (Schwartz, 2016). Komunikasi bersemuka adalah penting dalam membina hubungan dan harga diri kerana kekurangan harga diri boleh memberikan kesan kepada kesihatan mental dari segi kemurungan dan kebimbangan (Samphirao, 2016).

Sejak 18 Mac 2020, kerajaan telah memerintahkan perintah kawalan pergerakan kepada semua negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh ini, rakyat Malaysia telah diarahkan untuk tinggal di rumah. Oleh itu, semua aktiviti fizikal yang biasa dijalankan hendaklah dilakukan dari rumah. Selain itu, kerajaan juga telah menguatkuaskan peraturan lain dalam tempoh ini seperti larangan perhimpunan sosial dan sekatan perjalanan antara negeri yang menyebabkan orang ramai terpaksa menghabiskan lebih banyak masa di rumah. Ini telah mewujudkan norma baru bagi semua rakyat Malaysia. Ini telah memaksa orang ramai untuk bergantung kepada teknologi dan internet untuk berhubung antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan untuk keluar seperti membeli barang keperluan atau melakukan tugas, orang ramai hendaklah mengikut Tatacara Operasi Standard yang dikuatkuaskan oleh kerajaan dalam tempoh ini. Mereka mesti mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan membasuh tangan. Ini amatlah penting dalam memastikan kesihatan dan keselamatan setiap rakyat Malaysia.

## PERNYATAAN MASALAH

Langkah pemutus rantaian jangkitan yang berpanjangan boleh memberi kesan terhadap kesihatan mental terutamanya kepada golongan wanita. Wanita didapati mudah terdedah kepada kesan pengasingan sosial. Mereka lebih terdedah kepada tekanan daripada gologan lelaki (Wang, Horby, Hayden, Gao, 2020; Mowbray, 2020; Dagnino, Anguita, Escobar, Cifuentes, 2020). Wanita cenderung untuk menghadapi ketakutan, kebimbangan, kekecewaan, kehilangan kawalan dan masalah tidur akibat pengasingan sosial (Dagnino, Anguita, Escobar & Cifuentes, 2020). Secara konklusif, wanita hamil, wanita yang mengalami keguguran atau mengalami masalah keganasan rumah tangga dilaporkan lebih berisiko tinggi untuk menghadapi masalah kesihatan mental semasa musim pandemik (Almeida, Shrestha, Stojanac & Miller, 2020).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian penyelidikan mengenai kesan pengasingan sosial terhadap kesihatan mental di kalangan wanita telah dijalankan di luar konteks dan persekitaran Malaysia. Sehingga kini, kajian mengenai kesan perintah kawalan pergerakan terhadap kesihatan psikologi di Malaysia telah difokuskan kepada pelajar universiti (Kamilah et al., 2020; Sheela et al., 2020; Kotera, Sue-Hie, Neary, 2021). Oleh itu, kajian dalam konteks Malaysia perlu dijalankan. Ini bukan sahaja dapat menambah lebih banyak penyelidikan akademik dalam bidang ini, tetapi juga memperkayakan penyelidikan akademik di Malaysia. Justeru, kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesihatan mental wanita di Selangor.

## OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kesihatan mental wanita di Selangor dari aspek kebimbangan dan kemurungan.

## KAJIAN LITERATUR

Pada Ketika ini, isu mengenai kesan pandemik Covid-19 terhadap kesihatan mental telah mendapat perhatian ramai orang di seluruh dunia. Penyelidik daripada pelbagai bidang juga mengkaji fenomena ini kerana fenomena ini boleh dianggap sebagai baru di mana kes pertama dilaporkan pada 1 Disember 2019 dan berasal dari Wuhan, China. Simptom termasuk demam, batuk kering yang didiagnoskan sebagai radang paru-paru. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyebutnya sebagai coronavirus novel (2019-nCoV) sehingga pada 12 Januari 2020, ia disebut penyakit coronavirus 2019 (COVID-19) (Liu, Kuo & Shih, 2020). Kes pertama Covid-19 di Malaysia dilaporkan pada 25 Januari 2020. Kes ini telah dilaporkan bermula dengan tiga orang warganegara China yang mempunyai kontak rapat dengan orang yang dijangkiti di Singapura. Mereka melakukan perjalanan ke Malaysia dari Singapura sehari sebelum kes itu dilaporkan (Elengoe, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan di seluruh negara sejak 18 Mac 2020 untuk mengawal penyebaran wabak virus. Orang yang didapati menghadapi simptom-simptom virus Covid-19 perlu dikuarantin. Manakala orang awam perlu mengamalkan penjarakan sosial untuk mengekang penyebaran virus ini. Selama dalam tempoh PKP ini, orang ramai perlulah duduk di rumah dan mengurangkan aktiviti sosial dan fizikal. Oleh yang demikian, ini telah mengubah gaya hidup dan perhubungan sosial manusia. Hal yang demikian telah menimbulkan kesan yang mendalam terhadap kesihatan mental seseorang terutamanya di kalangan kumpulan yang berisiko tinggi seperti wanita (Oakeshott, Kankam, Galea & Stokes-Lampard, 2020; Mowbray, 2020).

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian kepada 100 orang wanita yang tinggal di Selangor. Kajian ini telah mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk dilengkapkan. Soalan kajian telah diadaptasi daripada *Patient Health Questionnaire (PHQ-4)*. Soalan ini telah disahkan daripada aspek kandungan sebelum diedarkan kepada responden.

## HASIL DAPATAN & PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A adalah berkenaan latar belakang responden dan Bahagian B adalah berkaitan tahap kesihatan mental (kemurungan dan kebimbangan).

### Bahagian A: Latar Belakang Responden

Jadual 1. Latar Belakang Responden

Umur	Peratusan (%)
18-24	33
25-31	26
32-46	27
47-59	10
60 dan ke atas	4
Bangsa	Peratusan (%)
Cina	5
India	12
Melayu	83
Kawasan Tempat Tinggal	Peratusan (%)

Bandar	91
Luar Bandar	9
<b>Status Pekerjaan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Bekerja Sendiri	5
Pekerja Kerajaan	13
Pekerja Swasta	45
Pelajar	29
Pesara	6
Suri Rumah	1
Tidak Bekerja	1
<b>Jumlah Pendapatan Isi Rumah Bulanan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Kurang daripada RM3,000	39
RM3,001 – RM6,000	39
RM6,001 – RM9,000	18
RM9,001 – RM12,000	1
Lebih daripada RM12,001	3

Hasil dapatatan kajian daripada Jadual 1 untuk bahagian A, latar belakang responden menunjukkan majoriti daripada responden wanita adalah dalam kalangan umur 18-24 tahun (33%) diikuti 25-31 tahun (26%). Bangsa Melayu mendominasi peratusan tertinggi sebagai responden (83%) dan majoriti responden juga tinggal di kawasan bandar (91%). Bagi status pekerjaan, majoriti responden adalah pekerja swasta (45%), diikuti pelajar (29%) dan pekerja kerajaan (13%). Jumlah pendapatan isi rumah bulanan didominasi oleh kurang daripada RM3,000 sebulan dan RM3,001-RM6,000 sebulan (39%) diikuti oleh RM6,001 – RM9,000 (18%).

## Bahagian B: Tahap Kesihatan Mental

**Jadual 2. Soalan Tahap Kesihatan Mental (Adaptasi dan Diterjemahkan daripada Patient Health Questionnaire)**

<b>Kebimbangan</b>	Soalan 1: Berasa gelisah, resah atau tegang	0- Tidak pernah sama sekali 1- Beberapa hari 2- Lebih dari seminggu 3- Hampir setiap hari
	Soalan 2: Tidak dapat menghentikan atau mengawal kebimbangan	
<b>Kemurungan</b>	Soalan 3: Sedikit minat atau keseronokan dalam melakukan kerja-kerja	0- Tidak pernah sama sekali 1- Beberapa hari 2- Lebih dari seminggu 3- Hampir setiap hari
	Soalan 4: Berasa murung, sedih atau tiada harapan	

Jadual 2 menunjukkan contoh soalan yang ditanyakan kepada responden untuk mengukur tahap kesihatan mental mereka dari aspek kebimbangan dan kemurungan. Terdapat dua soalan yang mengukur tahap kebimbangan iaitu Soalan 1: Berasa gelisah, resah atau tegang dan dua dan Soalan 2: Tidak dapat menghentikan atau mengawal kebimbangan. Manakala terdapat dua soalan bagi mengukur tahap kemurungan iaitu, Soalan 3: Sedikit minat atau keseronokan dalam melakukan kerja-kerja dan Soalan 4: Berasa murung, sedih atau tiada harapan. Skala yang sama digunakan bagi mengukur tahap kebimbangan dan kemurungan iaitu, 0- Tidak pernah sama sekali, 1-Beberapa hari, 2- Lebih dari seminggu dan 3- Hampir setiap hari.

### Jadual 3. Indikator dan Skala Peratusan Soalan Tahap Kesihatan Mental

Indikator Kebimbangan	Skala	Peratusan (%)
Hasil skor soalan 1 & 2	0-3	37
	4-6	63
Indikator Kemurungan	Skala	Peratusan (%)
Hasil skor soalan 3 & 4	0-3	32
	4-6	68
<b>Jumlah Peratusan Kebimbangan &amp; Kemurungan*</b>		
Indikator	Skala	Peratusan (%)
Tiada	0-2	21
Ringan	3-5	8
Sederhana	6-8	59
Teruk	9-12	12

\*Hasil skor soalan 1 hingga 4

Jadual 3 menerangkan indikator kebimbangan dan kemurungan. Pengiraan tahap kebimbangan dikira dengan menjumlah skor daripada soalan 1 dan 2. Manakala pengiraan tahap kemurungan dikira dengan menjumlahkan skor daripada soalan 3 dan 4. Hasil skor bagi tahap kebimbangan menunjukkan bahawa majoriti responden mendapat skala 4 hingga 6 (63%). Manakala hasil skor bagi tahap kemurungan menunjukkan bahawa majoriti responden mendapat skala 4 hingga 6 (68%). Kemudian, skor ini dijumlahkan untuk mendapatkan skor akhir bagi tahap kebimbangan dan kemurungan responden. Majoriti responden mendapat jumlah skor di antara 6-8 iaitu sederhana (59%). Kemudian skor di antara 0-2 iaitu tiada menunjukkan peratusan (21%), skor di antara 9-12 iaitu teruk menunjukkan peratusan (12%) dan skor di antara 3-5 iaitu ringan menunjukkan peratusan (8%).

Daripada hasil dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa kebanyakannya responden mendapat jumlah skor yang tinggi pada sederhana untuk tahap kebimbangan dan kemurungan. Menurut Kroenke, Spitzer, Williams dan Löwe (2009), responden yang memperoleh jumlah skor melebihi 6 untuk tahap kebimbangan dan kemurungan, melayakkan responden tersebut untuk menjalani saringan kesihatan mental di klinik kesihatan atau hospital.

### Jadual 4. Kesukaran Kewangan

Indikator	Kesukaran Kewangan			Jumlah
	Tidak mengalami kesukaran	Sedikit terbeban	Terbeban	
Tiada (0-2)	6	14	1	21
Ringan (3-5)	3	3	2	8
Sederhana (6-8)	12	42	5	59
Teruk (9-12)	0	7	5	12
Jumlah	21	66	13	100

Jadual 4 menerangkan persepsi kesukaran kewangan yang dialamai oleh golongan wanita di Selangor. Daripada jadual ini, majoriti golongan wanita melaporkan tahap kebimbangan dan kemurungan yang sederhana (skala 6-8) dan teruk (9-12) berpendapat bahawa mereka sedikit terbeban dan terbeban dengan kesukaran kewangan. Walau bagaimanapun, golongan wanita yang tidak mengalami masalah kebimbangan dan kemurungan juga berpendapat bahawa mereka juga berasa sedikit terbeban dengan kesukaran kewangan. Hal yang demikian menunjukkan bahawa golongan wanita amat terkesan daripada aspek kewangan dalam tempoh PKP. Hal ini juga telah memberikan kesan terhadap kesihatan mental mereka terutamanya golongan wanita yang mengalami kebimbangan dan kemurungan pada tahap sederhana dan teruk.

## KESIMPULAN

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa PKP telah memberikan impak terhadap kesihatan mental wanita di Selangor. Ini dapat dilihat daripada hasil dapatan yang dibentangkan dalam Jadual 3 di mana majoriti responden wanita tergolong dalam tahap sederhana bagi skor keimbangan dan kemurungan. Justeru, langkah pencegahan awal dapat diambil seperti di peringkat kerajaan dengan memperbanyak kempen-kempen kesihatan mental di kalangan wanita dalam media massa dan media sosial, menguar-uarkan melalui media massa dan media sosial akan saluran-saluran yang boleh dirujuk sekiranya mereka terdedah kepada masalah mental seperti *Befrienders*, *Malaysian Mental Health Association* dan *Mental Illness Awareness and Support Association*. Selain daripada itu, masyarakat juga memainkan peranan yang sangat penting dengan membuang stigma negatif kepada mereka yang menghidapi masalah mental. Di samping itu, kelurga juga hendaklah memberikan sokongan moral yang sangat padu kepada ahli keluarga mereka sekiranya salah satu daripada ahli keluarga mereka menghidapi masalah mental. Langkah-langkah ini amatlah penting bagi mengelakkan kaum wanita daripada terdedah kepada risiko yang lebih teruk untuk mendapat kemurungan dan keimbangan di masa hadapan. Ini amatlah penting dalam melestarikan kesihatan wanita seiring dengan sasaran Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal*) yang ketiga, iaitu memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik untuk semua terutamanya kaum wanita kerana golongan wanita merupakan kunci dan aset kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

## RUJUKAN

- Almeida, M., Shrestha, A., Stojanac, D. & Miller, L.J. (2020). The impact of the COVID- 19 pandemic on women's mental health. *Archives of Women's Mental Health*, 23, 741-748. Doi: <https://doi.org/10.1007/s00737-020-01092-2>.
- Dagnino, P., Anguita, V., Escobar, K. & Cifuentes, S. (2020). Psychological Effects of Social Isolation Due to Quarantine in Chile: An Exploratory Study. *Journal Frontiers in Psychiatry*, 11,511142.Doi: <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.591142>.
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives*, 11 (3), 93-100.
- Liu, Y.C., Kuo, R.L. & Shih, S.R. (2020). COVID-19: The first documented coronavirus pandemic in history. *Biomedical Journal*, 43 (4), 328-333. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.bj.2020.04.007>.
- Kamilah, K., Karuthan, C., Sheela, S., Heba, B.K., Mohammad, N., Gul, M.B. Areej, S. & Syed, F.A.H. (2020). Coping with COVID-19 and movement control order (MCO): experiences of university students in Malaysia. *Helijon*, 6 (11), 5339. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020.e05339>.
- Kotera, Y., Ting, SH. & Neary, S. Mental health of Malaysian university students: UK comparison, and relationship between negative mental health attitudes, self- compassion, and resilience. (2021). *Higher Education*, 81, 403-419. Doi: <https://doi.org/10.1007/s10734-020-00547-w>.
- Kroenke, K., Spitzer, R. L., Williams, J. B. W., Löwe, B. (2009). An ultra-brief screening scale for anxiety and depression: the PHQ-4. *Psychosomatics*, 50, 613-621.
- Mowbray H. (2020). In Beijing, coronavirus 2019-nCoV has created a siege mentality. *BMJ*, 368, 516. Doi: 10.1136/bmj.m516.
- Sampthirao, P. (2016). Self-Concept and Interpersonal Communication. The *International Journal of Indian Psychology*, 3 (3), 178-189.
- Schwartz, J. (2016). *Disconnect to Connect in Emotions*, Technology, and Behaviors.
- Sheela, S., Karuthan, C., Kamilah, K., Mohammad, N., Gul, M.B., Heba, B.K., Syed, F.A.H. & A, S. (2020). Psychological Impact of COVID-19 and Lockdown among University Students in Malaysia: Implications and Policy Recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17 (17), 6206. Doi: 10.3390/ijerph17176206.
- Wang, C., Horby, P.W., Hayden, F.G. & Gao, G.F. (2020). A novel coronavirus outbreak of global health concern. *Lancet*, 39, 470-473. Doi: 10.1016/S0140-6736(20)301859.

## WANITA DAN KESEJAHTERAAN MENTAL SEMASA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

*Syamsulang Bin Hj. Sarifuddin*  
*HELP University, Malaysia*

*Mohd Khairi Ismail*  
*Universiti Teknologi MARA, Malaysia*

*Nor Shuhada Ahmad Shaupi*  
*Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*

[ssyamsulang@gmail.com](mailto:ssyamsulang@gmail.com) / [syamsulang@help.edu.my](mailto:syamsulang@help.edu.my)

### ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan banyak negara menjalankan perintah sekatan dan penutupan aktiviti sosioekonomi termasuklah Malaysia. Sebahagian besar masyarakat telah hilang punca pendapatan, melakukan pengasingan sosial dan menghadkan aktiviti sosial yang mana merupakan antara faktor risiko utama dan ketara untuk berlakunya gangguan kesihatan mental dan mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup. Meskipun perintah kawalan pergerakan dipercayai mampu menurunkan keluk jangkitan pandemik Covid-19 di Malaysia, namun ianya memberi kesan yang signifikan kepada kesejahteraan mental rakyat Malaysia terutamanya kepada golongan wanita. Kajian ini berobjektif untuk mengetahui perbezaan tahap kesihatan mental golongan wanita dan lelaki dan melihat kesejahteraan mental wanita menerusi perbezaan faktor demografi. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Data kajian dikumpul menerusi pengedaran borang selidik. Pengedaran Kajian menggunakan pensampelan bukan keberangkalian iaitu pensampelan bertujuan menggunakan kaedah survei menerusi pengedaran borang soal selidik kepada 351 responden secara atas talian. Hasil Analisis Ujian Saringan Minda Sihat DASS-21 menunjukkan golongan wanita di Malaysia menghadapi kesihatan mental dan wujud perbezaan signifikan menerusi analisis taburang silang terhadap faktor demografi sama ada kemurungan, keresahan dan mengalami tekanan disebabkan pendemik Covid-19. Di samping melakukan aktiviti pencegahan menerusi perintah kawalan pergerakan, kerajaan perlu memandang isu kesihatan mental bakal menjadi beban kepada masyarakat terutamanya menerusi produktiviti kerja pesakit, kesejahteraan bermasyarakat dan seterusnya kemakmuran ekonomi negara. Pertimbangan, pengiktirafan, perhatian dan sokongan kewangan sewajarnya perlu diberikan kepada usaha, kempen dan program kesihatan mental kepada individu terlibat dalam usaha melahirkan masyarakat yang bebas masalah yang mencengkam jiwa dan minda dan mencapai kesejahteraan hidup terutamanya kepada golongan wanita di Malaysia.

**Kata Kunci:** Wanita; Kesihatan Mental; Kesejahteraan Hidup

## PENGENALAN

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan banyak negara menjalankan perintah sekatan dan penutupan aktiviti sosioekonomi. Termasuklah Malaysia yang telah menjalankan perintah kawalan pergerakan bagi mengekang penyebaran virus Covid-19. Impaknya, sebahagian besar masyarakat telah hilang punca pendapatan, melakukan pengasingan sosial dan menghadkan aktiviti sosial yang mana merupakan antara faktor risiko utama dan ketara untuk berlakunya gangguan kesihatan mental dan mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup (Leigh-Hunt et.al, 2017; Verme, 2019).

Secara harfiah, kesihatan mental bukan sekadar isu kesihatan malah ianya dapat mempengaruhi kesejahteraan hidup seperti yang didefinisikan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO, 2013) yang mendefinisikan kesihatan mental adalah sebagai keadaan kesejahteraan individu yang menyedari kemampuan diri untuk bertahan dengan tekanan hidup dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan negara. Malah, kesihatan mental menjadi faktor kepada beban penyakit dan kecacatan di dunia (WHO, 2017) yang dapat mempengaruhi produktiviti dan seterusnya membantutkan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Di Malaysia, terdapat kekurangan penyelidikan yang mengkaji masalah kesihatan mental dan kesejahteraan hidup semasa pandemic Covid-19. Meskipun secara teoritikal, pandemik dijangkakan memberikan kesan positif dan negatif kepada kesihatan mental di Malaysia (Shanmugam. H et. Al, 2020) tapi ianya penting untuk diteliti memandangkan tiada kajian kuantitatif yang mengkaji kesihatan mental masyarakat di Malaysia (Rathakrishnan et. al, 2020). Oleh itu, kajian ini meneliti kesihatan mental dan kesejahteraan mayarakat Malaysia sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan bagi menangani pandemic Covid-19.

## KAJIAN LITERATUR

### ***Kesihatan Mental dan Pandemik Covid-19***

Wabak penyakit mampu memberi kesan kepada tahap kesihatan mental kepada individu, budaya dan persekitaran. Hal ini kerana pandemik ini telah menyebar dengan cepat ke seluruh dunia, ia membawa ketakutan, keprihatinan dan keprihatinan yang cukup besar di antara beberapa kumpulan tertentu pada orang dewasa yang lebih tua dan orang-orang dengan gangguan komorbid yang mendasari (Dong and Bouey 2020). Ia berpotensi memberi kesan kepada penyakit yang ada dan boleh mengakibatkan gejala psikiatri yang mungkin berkaitan dengan gangguan mental dan interaksi imuniti (Pertubuhan Kesihatan Sedunia 2020).

Ketakutan dan keimbangan mengenai Covid-19 mampu melemahkan dan meningkatkan tekanan mental terhadap diri individu dan masyarakat. Ketakutan dan kegelisahan ini diburukkan lagi oleh penjarakan sosial dan mengehadkan aktiviti soisoekonomi. Kegagalan untuk kembali kepada orang yang disayangi membawa kemarahan dan kekecewaan bagi mereka yang kehilangan orang tersayang sepenuhnya kerana wabak itu membawa kepada kesedihan dan trauma (Shear, 2012). Proses kuarantine semasa pandemic Covid-19 juga mungkin meningkatkan pesakit merasa malu, bersalah atau menghadapi stigma. Ianya lazim untuk individu yang mengalami tekanan psikologi dan menghadapi tempoh kuarantine lebih lama iaitu tempoh selepas trauma (Hawryluck et al., 2004).

Tahap kesedaran yang tidak mencukupi mengenai masa inkubasi virus, punca penularan, rawatan dan langkah keselamatan menyebabkan ketakutan dan kegelisahan (Li et al. 2020). Masyarakat juga merasa bosan, kecewa dan mudah marah di bawah keadaan terkurung (Ho et al. 2020). Tambahan itu, keadaan mental seperti gangguan kemurungan, gangguan kecemasan, gangguan panik, gejala somatik, menyalahkan diri sendiri, rasa malu, gangguan tekanan pasca-trauma (PTSD), keceluaran, kemurungan dan bahkan bunuh diri (Goyal et al. 2020 ; Yi et al. 2020).

Semasa pandemik Covid-19 juga telah menyebabkan peningkatan dalam beban kerja, pengasingan dan diskriminasi yang menyebabkan keletihan fizikal, kekurangan tidur dan gangguan emosi selari dengan dapatan kajian Ho et.al (2020) yang melibatkan 1563 golongan profesional kesihatan mendapati bahawa lebih separuh (50.7%) peserta melaporkan gejala kemurungan, 44.7% kegelisahan dan 36.1% gangguan tidur.

Hasil kajian di China sendiri telah menurunkan tahap kesihatan mental dan produktiviti kerja. Wang. C et al (2020) telah mengkaji kesihatan mental masyarakat China untuk meninjau kesan psikologi iaitu kegelisahan, kemurungan, dan tekanan masyarakat umum China semasa wabak Covid-19 dan mendapat lebih separuh daripada responden bersetuju bahawa wabak Covid-19 telah memberi impak kepada kesihatan mental mereka secara sederhana atau teruk. Selain itu majoriti responden (84.7%) menghabiskan masa 20-24 jam sehari dirumah dan daripada jumlah tersebut dan majoriti bimbang ahli keluarga mereka dijangkiti Covid-19.

Penyelidikan oleh Lai, et al. (2020) mendapat bahawa di antara 1.257 kakitangan kesihatan yang bekerja dengan pesakit COVID-19 di China, 50.4% melaporkan gejala kemurungan, 44.6 peratus melaporkan gejala kegelisahan, 34% insomnia dan 71.5% melaporkan tekanan melampau. Kakitangan tersebut takut menularkan penyakit kepada ahli keluarga mereka, merasa keletihan dengan waktu kerja yang panjang. Tambahan itu, kerana kekurangan alat pelindung yang mencukupi. Sebilangan dari mereka juga mempunyai rasa bersalah kerana mereka tidak dapat membantu pesakit mereka yang semakin meningkat semasa pandemik tersebut.

Meskipun Carolyn (2007) mendapat bahawa tekanan kerja kronik dapat memburukkan tahap kesihatan pesakit psikiatri. Namun, perintah kawalan pergerakan dapat memberikan rehat yang cukup kepada yang mengalami tekanan kronik akibat kerja dan memperbaiki kesihatan mental mereka. Di samping itu, tinggal lebih lama di rumah akan meningkatkan untuk sesebuah keluarga untuk memasak dirumah dan menikmati makanan dan diet yang lebih sihat. Pengambilan makanan bernutrisi tinggi dengan sayuran dan buah-buahan dapat meningkatkan tahap kesihatan mental dan memperbaiki kesejahteraan hidup (Dinan et. al, 2018; Fresan et. al, 2019; Moreno- Agostino, 2019).

Selain makanan dan rehat, MCO memperlambat kadar hidup secara mendadak. Orang dapat memperoleh lebih banyak masa dan peluang untuk memikirkan makna kehidupan. Kerohanian dan makna dalam kehidupan adalah penentu penting bagi pemulihan bagi pesakit dengan gangguan psikiatri, menurut Huguelet, et al (2016). Menghadapi krisis global yang belum pernah terjadi sebelumnya, sementara dilengkapi dengan lebih banyak waktu, individu dapat meneroka dan menghayati makna kehidupan, atau memeriksanya kembali.

### **Kesihatan Mental dan pandemik Covid-19 di Malaysia**

Objektif kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk “*flatten the curve*” bagi mengurangkan jangkitan pandemik tersebut telah mengurangkan aktiviti sosioekonomi. Ianya bukan hanya menyebabkan simptom fizikal dan bahkan kematian bagi ribuan orang, tetapi penyakit ini juga memberi kesan besar terhadap fungsi psikososial dan kesihatan mental kepada pesakit secara langsung dan tidak langsung (Rathakrishnan et al, 2020). Shanmugam et al (2020) pula mendapat bahawa pandemic Covid-19 dapat meningkatkan gangguan kecemasan, masalah tekanan dan trauma, gangguan obsesif-kompulsif dan pengasingan sosial yang memberi impak negatif kepada tahap kesihatan mental di Malaysia. Namun, sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan dapat memperbaiki kesejahteraan hidup dengan mematuhi kawalan pergerakan, mendapat sokongan keluarga dan mendapat rehat dan ubat-ubatan yang terkawal.

Shaikh, M. F. and Shaikh, F. A. . (2020) menjelaskan bahawa kesihatan mental adalah masalah besar dan harus ditangani di Malaysia. Perintah kawalan pergerakan, penyebaran berita palsu dan kesedaran yang kurang dapat memburukkan situasi dan memberi tekanan bukan sahaja kepada masyarakat umum malah pekerja kesihatan barisan hadapan yang menjadi tulang belakang negara kerana mereka akan mengalami tekanan kerja yang tinggi dan “*burnout syndrome*”. Di awal penularan pandemik Covid-19, ketersediaan topeng muka di pasaran sahaja telah menimbulkan tekanan dan kegelisahan masyarakat Malaysia.

Malaysia telah mengumumkan perintah kawalan pergerakan bermula 16 Mac 2020 dan langkah ini telah memberi impak bukan sahaja kesihatan malah ekonomi terutamanya untuk golongan yang tidak berkemampuan. Hal ini telah disokong oleh perbincangan dalam kajian Abdullah et.al (2020) dan Syah et al (2020) yang membincangkan kesan perintah kawalan pergerakan yang dijalankan dan bantuan kewangan menerusi pelan ransangan ekonomi PRIHATIN untuk mengurangkan beban kewangan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana sepanjang pandemik bukan sahaja memberi kesan negatif kepada sosioekonomi malah kesihatan mental dan kesejahteraan hidup.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Data kajian dikumpul menerusi pengedaran borang selidik. Pengedaran borang selidik adalah secara atas talian (online) antara 1 April 2020 hingga 30 Mei 2020 bagi seluruh Malaysia. Sebelum pengedaran borang soal selidik, penetapan populasi adalah perlu bagi memastikan pensampelan boleh dijalankan. Bagi kajian ini, populasi kajian adalah isi rumah yang dikategorikan sebagai B40 dan M40 iaitu isi rumah yang berpendapatan RM9,620 dan ke bawah. Kajian menggunakan pensampelan bukan keberangkalian iaitu pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan dipilih kerana kajian ini cuba mengambil kira semua negeri di Malaysia dan sasaran responden adalah golongan B40 dan M40 sahaja. Kaedah pensampelan membolehkan kajian menggunakan 762 isi rumah sebagai sampel kajian. Dan seramai 351 adalah responden wanita dan menjadi subjek utama kajian ini.

Analisis kajian menggunakan analisis diskriptif dan Depression Anxiety Stress Scale (DASS). DASS ialah ujian saringan bertulis untuk mengenal pasti tahap kemurungan, kerisauan dan stress seseorang. Dengan ujian saringan ini, anda boleh ketahui status kesihatan mental anda samada anda stress, bimbang, atau kemurungan dan mempunyai sifat psikometrik-kebolehpercayaan dan kesahan yang baik (Brown, Chorpita, Korotitsch & Barlow, 1997). DASS merupakan instrument yang sering digunakan untuk menilai tahap seseorang individu bagi analisis kemurungan dan kegelisahan yang telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu (Ramlie, Rosnani & AR, 2012)

DASS tidak mempunyai implikasi kepada pesakit atau individu dalam sistem klasifikasi seperti manual diagnostik diskrit dan Statistic Gangguan Mental (DSM) dan sebarang klasifikasi penyakit. DASS hanya ia hanya menilai gejala yang berkaitan dengan kemurungan, kegelisahan dan tekanan (Psychology Foundation of Australia, 2011). Pada peringkat awal penggunaan DASS ia mengandungi 42 item tetapi diubahsuai kepada 21 item. DASS telah banyak digunakan dalam kajian psikologi dimana kebolehpercayaan dan kesahan item-itemnya telah diktiraf dalam pelbagai bidang kajian. Oleh itu, DASS merupakan instrument yang diiktiraf untuk untuk mengukur simptom tekanan, kegelisahan, stress (Antony et. al, 1998).

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran mahupun isu dalam penggunaan DASS iaitu pertama wujudnya Bias tindak balas kerana ini dinilai sendiri dimana pelanggan cenderung terlalu menilai diri mereka sendiri. Kedua, ianya hanya alat saringan (bukan alat diagnostik) sehingga tidak dapat mengenal pasti masalah yang tepat. Ketiga, skala DASS-21 agak homogen (terutamanya gejala kognitif dan emosi) dan tidak merangkumi semua kriteria klinikal untuk gangguan kemurungan utama termasuk masalah tidur, selera makan / perubahan berat badan, kehilangan tenaga dan keterbelakangan / pergolakan psikomotor. (Weiss et al, 2015). Tambahan itu, skala DASS tidak dapat memberikan maklumat yang bermakna di seluruh spektrum keparahan kemurungan ketika skala digunakan pada populasi yang lebih tertekan. (Wardenaar, Wanders, Jeronimus & de Jonge; 2017)

## HASIL KAJIAN

Jadual 1: Profil Responden

1. Negeri	Peratusan (%)	2. Kaum	Peratusan (%)	5. Kawasan	Peratusan (%)
Perlis	1.1	Melayu	59.8	Bandar	66.1
Kedah	6.3	Cina	19.4	Luar bandar	33.9
Pulau Pinang	9.4	India	15.4	6. Umur	
Perak	8.3	Lain-lain	5.4	18 – 25 tahun	20.2
Selangor	27.6	3.Tahap pendidikan	Peratusan (%)	26 – 30 tahun	19.1

Johor	12.5	Doktor falsafah (PhD)	6.3	31-40 tahun	37.3
Negeri Sembilan	2.3	Sarjana	17.4	41-60 tahun	22.2
Melaka	2.0	Ijazah sarjana muda	33.0	61 tahun keatas	1.1
Pahang	4.0	Diploma	25.6	<b>7. Gaji sebulan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Terengganu	4.8	STPM/Sijil	2.3	RM580 ke bawah	5.4
Kelantan	5.4	SPM/MCE	13.4	RM580 – RM980	4.8
Sabah	4.3	PMR/SRP	2.0	RM981 – RM2614	26.2
Sarawak	2.3	<b>4. Sektor pekerjaan</b>	<b>Peratusan (%)</b>	RM2615 – RM4360	27.9
W.P. Labuan	0.3	Sektor kerajaan	34.5	RM4361 – RM9619	35.6
W.P. Putrajaya	1.1	Sektor swasta	48.4		
W.P. Kuala Lumpur	8.3	Bekerja sendiri	17.1		

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

### **Profil responden**

Jadual 1 menunjukkan profil responden kajian yang telah dilaksanakan dimana responden wanita yang mewakili seluruh negeri di Malaysia. Wanita negeri Selangor adalah paling tinggi iaitu 27.6% telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Majoriti responden adalah bekerja di sektor swasta iaitu hampir separuh daripada responden selain bekerja di sektor kerajaan dan bekerja sendiri. Dari aspek bangsa majoriti adalah responden berbangsa Melayu dan mewakili semua tahap pendidikan daripada setinggi pengajian doktor falsafah sehingga tiada pendidikan secara formal. Tambahan itu, majoriti responden adalah berada di bandar. Daripada aspek umur dan gaji responden mewakili umur yang aktif bekerja dan dalam kategori umur produktif yang datang daripada golongan B40 sehinggaalah yang termasuk dalam kategori M40 di Malaysia.

**Jadual 2: Skor DASS-21 dan Komponen Masalah Kesihatan Mental**

Skor DASS-21	Peratusan (%)	Tahap kegelisahan (Anxiety)	Peratusan (%)
Normal	76.9	Normal	69.5
Ringan	10.9	Ringan	6.8
Sederhana	8.7	Sederhana	14.5
Teruk	2.9	Teruk	3.4
Sangat teruk	0.7	Sangat teruk	5.7

Tahap Kemurungan (Depression)	Peratusan (%)	Tahap Tekanan (Stress)	Peratusan (%)
Normal	71.2	Normal	73.8
Ringan	8	Ringan	8.5
Sederhana	12.3	Sederhana	10.8
Teruk	4.3	Teruk	6.6
Sangat teruk	4.3	Sangat teruk	0.3

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

### **Analisis Skor DASS-21**

Jadual menunjukkan skor DASS bagi 351 responen wanita. Analisis DASS mekategorikan individu kepada lima kategori iaitu normal, ringan, sederhana, teruk, dan sangat teruk. Analisis kesihatan mental menggunakan skor DASS-21 menunjukkan 76.9 peratus responden adalah normal. Meskipun ujian DASS menunjukkan majoriti responden adalah normal, terdapat 23.1% responden menghadapi masalah mental semasa pelaksanaan PKP. Pelaksanaan PKP yang mewujudkan norma baru dalam kehidupan responden memberi kesan kepada responden dalam menjalani kehidupan mereka. Analisis DASS menunjukkan 10.9 peratus responden mengalami masalah mental pada tahap ringan dan 8.7 peratus lagi pada tahap sederhanana. Selain itu, analisis turut menunjukkan terdapat responden yang mengalami masalah mental pada tahap teruk dan sangat teruk iaitu peratusan masing-masing adalah 2.9 peratus dan 0.7 peratus. Secara keseluruhan, responden yang mengalami masalah kesihatan mental sama ada kemurungan, kegelisahan dan tekanan adalah relatif rendah, namun mereka perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana masalah kesihatan mental akan memberi kesan kepada produktiviti dan mempengaruhi kesejahteraan hidup.

### **Analisis Taburan Silang**

**Jadual 3: Tahap Kesihatan Mental Wanita terhadap Bangsa**

	Tahap Kesihatan Mental	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Total
Bangsa	Normal	0.78	0.56	0.69	0.58	0.71
	Tahap Ringan -Sangat Teruk	0.22	0.44	0.42	0.42	0.29

\*Nilai dalam peratus (%)

\*Perbezaan adalah signifikan ( $\chi^2 = 14.487$ , df=3,  $p < 0.05$ )

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

**Jadual 4: Tahap Kesihatan Mental Wanita terhadap Umur**

	Tahap Kesihatan Mental	18 - 25 Tahun	26 - 30 Tahun	31 - 40 Tahun	41 - 60 Tahun	61 Tahun Dan Keatas	Total
Umur	Normal	0.58	0.69	0.76	0.78	0.5	0.71
	Tahap Ringan -Sangat Teruk	0.42	0.31	0.24	0.22	0.5	0.29

\*Nilai dalam peratus (%)

\*Perbezaan adalah signifikan ( $\chi^2 = 10.912$ , df=4,  $p < 0.05$ )

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

Jadual 3 dan 4 menunjukkan analisis taburan silang tahap kesihatan mental Wanita terhadap bangsa dan umur responden. Meskipun masalah mental tidak mengenal bangsa, warna kulit dan boleh terjadi kepada sesiapapun. Tapi, hasil kajian mendapati masyarakat berbangsa Cina di Malaysia mengalami gejala kesihatan mental melebihi bangsa lain iaitu sebahagian (44%) daripada responden sekurangnya mengalami sedikit sehingga paling teruk gejala kegelisahan semasa pandemik Covid-19 berlaku. Selain itu, dapatan kajian mendapati responden yang berumur 18-25 tahun menunjukkan gejala kemurungan yang lebih tinggi iaitu 42% dan ini selari dengan hasil dapatan Ozamiz-Etxebarria et al (2020) di Sepanyol. Golongan tersebut yang paling aktif bersosial mungkin mengalami gejala kemurungan yang lebih tinggi kerana penutupan tempat beraktiviti social seperti pusat membeli belah dan pusat hiburan yang mana peratusnya hampir dua kali ganda berbanding kumpulan responden yang berumur dalam lingkungan 41 sehingga 60 tahun.

#### **Jadual 5: Tahap Kesihatan Mental Wanita terhadap Sektor Pekerjaan**

	Tahap Kesihatan Mental	Sektor Kerajaan	Sektor Swasta	Bekerja Sendiri	Total
Sektor	Normal	0.83	0.63	0.71	0.71
	Tahap Ringan -Sangat Teruk	0.17	0.37	0.29	0.29

\*Nilai dalam peratus (%)  
 \*Perbezaan adalah signifikan ( $\chi^2 = 14.590$ , df=2,  $p < 0.05$ )

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

#### **Jadual 6: Tahap Kesihatan Mental Wanita terhadap Tahap Pendidikan**

		PhD	Sarjana	Sarjana Muda	Diploma	STPM/Sijil	SPM	PMR/SRP	Total
Tahap Pendidikan	Normal	0.77	0.66	0.78	0.61	0.89	0.79	0.57	0.71
	Tahap Ringan - Sangat Teruk	0.23	0.34	0.22	0.39	0.11	0.21	0.43	0.29

\*Nilai dalam peratus (%)  
 \*Perbezaan adalah signifikan ( $\chi^2 = 11.126$ , df=6,  $p < 0.05$ )

Bilangan responden= 351

Sumber: Analisis Penyelidik

Jadual 5 dan 6 masing-masing menunjukkan analisis taburan silang tahap kesihatan mental terhadap sektor pekerjaan dan tahap pendidikan. Berdasarkan analisis, terdapat perbezaan ketara secara signifikan responden yang bekerja di sektor swasta dimana mengalami kesihatan mental iaitu tahap ringan sehingga teruk lebih tinggi berbanding yang bekerja di sektor kerajaan mahupun bekerja sendiri. Dari aspek pendidikan pula, responden yang hanya mempunyai pendidikan PMR/SRP dan Diploma menunjukkan tahap kesihatan mental yang paling tinggi berbanding yang lain. Hal ini mungkin disebabkan sepanjang pelaksanaan perintah kawalan pergerakan, peluang pekerjaan sektor tidak formal dan bukan eksekutif banyak yang terjejas dan ini selari dengan kajian Ismail, M.K et al (2021) yang menyatakan perintah kawalan pergerakan telah menyebabkan golongan B40 dan M40 adalah antara golongan yang hilang pekerjaan dan mengalami kemudahercaman pendapatan dan seterusnya boleh menyebabkan masalah kesihatan mental.

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa hampir wanita Malaysia mempunyai gangguan kesihatan mental akibat pandemik Covid-19 yang berlaku di negara kita menerusi gejala kemurungan, kegelisahan dan tekanan. Meskipun di samping melakukan aktiviti pencegahan menerusi perintah kawalan pergerakan, kerajaan perlu memandang isu kesihatan mental bakal menjadi beban kepada masyarakat terutamanya menerusi produktiviti kerja pesakit, kesejahteraan bermasyarakat dan seterusnya kemakmuran ekonomi negara. Hasil utama mendapati faktor demografi mempengaruhi kesihatan mental di Malaysia. Responden perempuan berbangsa Cina dan berumur 18-25 tahun adalah kumpulan demografi yang menunjukkan paling tinggi mengalami masalah kesihatan mental sekurang-kurangnya pada tahap sedikit sehingga sangat teruk sama ada menerusi kemurungan, kegelisahan mahupun tekanan. Kami percaya hasil kajian ini dapat membuka mata kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap kesedaran kesihatan mental di Malaysia selain meningkatkan perbelanjaan kesihatan mental di Malaysia yang mana secara relatif hanya 1 peratus daripada bajet kesihatan negara (Chua, 2020). Meskipun responden yang mengalami masalah kesihatan mental adalah kecil, namun mereka perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana masalah kesihatan mental akan memberi kesan kepada mental dan mempengaruhi kesejahteraan hidup. Peranan Badan bukan kerajaan juga amat penting untuk untuk menganjurkan program kesedaran mahupun inisiatif sosial dan kesihatan mental bagi membendung masalah psikososial pandemic Covid-19.

## Rujukan

- Abdullah, J. M., Wan Ismail, W. F. N., Mohamad, I., Ab Razak, A., Harun, A., Musa, K. I., & Lee, Y. Y. (2020). A critical appraisal of COVID-19 in Malaysia and beyond. *Malaysian Journal of Medical Sciences*. <https://doi.org/10.21315/mjms2020.27.2.1>
- Antony, M. M., Downie, F., & Swinson, R. P. (1998). Diagnostic issues and epidemiology in obsessive-compulsive disorder.
- Brown, T. A., Chorpita, B. F., Korotitsch, W., & Barlow, D. H. (1997). Psychometric properties of the Depression Anxiety Stress Scales (DASS) in clinical samples. *Behaviour research and therapy*, 35(1), 79-89.
- Antony, M. M., Cox, B. J., Enns, M. W., Bieling, P. J., & Swinson, R. P. (1998). Psychometric properties of the 42-item and 21-item versions of the Depression Anxiety Stress Scales in clinical groups and a community sample. *Psychological Assessment*. <https://doi.org/10.1037/1040-3590.10.2.176>
- Chua, S. N. (2020). The economic cost of mental disorders in Malaysia. *The Lancet Psychiatry*, 7(4), e23. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30091-2](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30091-2)
- COVID-19 disrupting mental health services in most countries, WHO survey. (n.d.). Retrieved November 9, 2020, from <https://www.who.int/news/item/05-10-2020-covid-19-disrupting-mental-health-services-in-most-countries-who-survey>
- Depression, W. H. O. (2017). Other common mental disorders: global health estimates. Geneva: World Health Organization, 1–24.
- Dewa, C. S., Lin, E., Kooehoorn, M., & Goldner, E. (2007). Association of Chronic Work Stress, Psychiatric Disorders, and Chronic Physical Conditions With Disability Among Workers. *Psychiatric Services*. <https://doi.org/10.1176/appi.ps.58.5.652>
- Dinan, T. G., Stanton, C., Long-Smith, C., Kennedy, P., Cryan, J. F., Cowan, C. S. M., Cenit, M. C., van der Kamp, J. W., & Sanz, Y. (2019). Feeding melancholic microbes: MyNewGut recommendations on diet and mood. In *Clinical Nutrition*. <https://doi.org/10.1016/j.clnu.2018.11.010>
- Dong, L., Bouey, J., & Bouey, J. (2020). Public Mental Health Crisis during COVID-19 Pandemic, China. *Emerging Infectious Diseases*. <https://doi.org/10.3201/eid2607.200407>

- Fresán, U., Bes-Rastrollo, M., Segovia-Siapco, G., Sanchez-Villegas, A., Lahortiga, F., de la Rosa, P. A., & Martínez-Gonzalez, M. A. (2019). Does the MIND diet decrease depression risk? A comparison with Mediterranean diet in the SUN cohort. *European Journal of Nutrition*. <https://doi.org/10.1007/s00394-018-1653-x>
- Goyal, K., Chauhan, P., Chhikara, K., Gupta, P., & Singh, M. P. (2020). Letter to the Editor; Fear of COVID 2019: First suicidal case in India. *Asian Journal of Psychiatry Journal*.
- Hawryluck, L., Gold, W. L., Robinson, S., Pogorski, S., Galea, S., & Styra, R. (2004). SARS control and psychological effects of quarantine, Toronto, Canada. *Emerging Infectious Diseases*. <https://doi.org/10.3201/eid1007.030703>
- Huguelet, P., Mohr, S. M., Olié, E., Vidal, S., Hasler, R., Prada, P., Bancila, M., Courtet, P., Guillaume, S., & Perroud, N. (2016). Spiritual meaning in life and values in patients with severe mental disorders. *Journal of Nervous and Mental Disease*. <https://doi.org/10.1097/NMD.0000000000000495>
- Ismail, M. K., Kumaran, V. V., Munawwarah, S. N., Muhamad, M. Z., & Sarifuddin, S. (2021). COVID-19 Outbreak: An Analysis of Malaysian Household Income Class During Movement Control Order (MCO). *Studies of Applied Economics*, 39(4).
- Leigh-Hunt, N., Baggaley, D., Bash, K., Turner, V., Turnbull, S., Valtorta, N., & Caan, W. (2017). An overview of systematic reviews on the public health consequences of social isolation and loneliness. In *Public Health*. <https://doi.org/10.1016/j.puhe.2017.07.035>
- Li, H., Liu, S.-M., Yu, X.-H., Tang, S.-L., & Tang, C.-K. (2020). Coronavirus disease 2019 (COVID-19): current status and future perspectives. *International Journal of Antimicrobial Agents*, 55(5), 105951. <https://doi.org/10.1016/j.ijantimicag.2020.105951>
- Moreno-Agostino, D., Caballero, F. F., Martín-María, N., Tyrovolas, S., López-García, P., Rodríguez-Artalejo, F., Haro, J. M., Ayuso-Mateos, J. L., & Miret, M. (2019). Mediterranean diet and wellbeing: evidence from a nationwide survey. *Psychology and Health*. <https://doi.org/10.1080/08870446.2018.1525492>
- Organization, W. H. (2005). Promoting mental health: concepts, emerging evidence, practice: a report of the World Health Organization, Department of Mental Health and Substance Abuse in collaboration with the Victorian Health Promotion Foundation and the University of Melbourne. World Health Organization.
- Ozamiz-Etxebarria, N., Dosil-Santamaría, M., Picaza-Gorrochategui, M., & Idoiaga-Mondragon, N. (2020). Stress, anxiety, and depression levels in the initial stage of the COVID-19 outbreak in a population sample in the northern Spain. *Cadernos de Saude Publica*. <https://doi.org/10.1590/0102-311X00054020>
- Rathakrishnan, B., Kamaluddin, M. R., & Singh, S. S. B. (2020). Mental Health Issues during COVID-19 Pandemic: Treatment and How to Overcome. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 29(2).
- Ramli, M., Rosnani, S., & AR, A. F. (2012). Psychometric profile of malaysian version of the Depressive, Anxiety and Stress Scale 42-item (DASS-42). *Malaysian Journal of Psychiatry*, 21(1).
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*. <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093>
- Shaikh, M. F., & Shaikh, F. A. (2020). COVID-19 and mental health: Our reactions to its actions. *Neuroscience Research Notes*, 3(2), 1–3. <https://doi.org/10.31117/neuroscirn.v3i2.46>
- Shanmugam, H., Juhari, J. A., Nair, P., Chow, S. K., & Ng, C. G. (2020). Impacts of COVID-19 Pandemic on Mental Health in Malaysia: A Single Thread of Hope. In *Malaysian Journal of Psychiatry*.

Shear, M. K. (2012). Getting straight about grief. *Depression and Anxiety*, 29(6), 461–464. <https://doi.org/10.1002/da.21963>

Verme, P. (2009). Happiness, freedom and control. *Journal of Economic Behavior and Organization*. <https://doi.org/10.1016/j.jebo.2009.04.008>

Wong, L. P., Hung, C. C., Alias, H., & Lee, T. S. H. (2020). Anxiety symptoms and preventive measures during the COVID-19 outbreak in Taiwan. *BMC Psychiatry*. <https://doi.org/10.1186/s12888-020-02786-8>

## DEPRESI POSPARTUM: MENINGKATKAN PENGESANAN DAN AKSES PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL WANITA DI SELANGOR

*Arman I Rashid, PhD*  
*Director, Research & Advocacy, SOLS Health-Thrive Well*  
*arman@sols247.org*

*Lim Su Lin*  
*Manager, Research & Advocacy, SOLS Health-Thrive Well*  
*sulin.lim@sols247.org*

*Leoniek Kroneman, PhD*  
*Clinical Consultant, SOLS Health-Thrive Well*  
*leoniek@sols247.org*

*Penyumbang: Lee Ee Jing, Kirjane Ngu, Farah Azlin, Maria Roca Oteiro, Samantha Tan Chau-Mun,*  
*SOLS Health-Thrive Well*

### ABSTRAK

Kebelakangan ini Depresi Pospartum (PPD) telah dirujuk sebagai depresi peripartum, iaitu sejenis gangguan mood depresi yang serius berkaitan dengan kelahiran bayi. Keadaan tersebut berlaku semasa semasa atau selepas kehamilan, kebiasaannya berlaku dalam tempoh setahun pertama selepas melahirkan anak. Walaupun PPD ini boleh dirawat, sebahagian besar populasi tidak dikenalpasti (diagnos) serta ditangani di Malaysia. Kertas penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh SOLS Health dengan sokongan daripada Institut Wanita Berdaya (IWB) untuk mengenalpasti halangan pengesanan dan rawatan PPD di kalangan wanita di Selangor.

Kajian ini mengenalpasti faktor utama yang menghalang rawatan PPD, iaitu pengetahuan yang terhad mengenai gejala, jurang perkhidmatan kesihatan mental profesional serta stigma berkaitan wanita yang menghadapi masalah kesihatan mental. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menambahbaik kesihatan mental golongan ibu di Selangor dengan mengukuhkan tonggak utama yang berikut: pengetahuan dan akses, saringan dan rujukan, sistem sokongan keluarga, persekitaran tempat bekerja dan jaringan tradisional. Cadangan turut dikemukakan untuk sektor profesional dan informal bagi memberi sokongan kepada wanita dalam tempoh PPD tersebut.

Intervensi seperti ini akan memanfaatkan penjaga formal dan tidak formal sekaligus membuka ruang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memainkan peranan penting dalam menambahbaik kesihatan mental ibu-ibu yang pada akhirnya akan memanfaatkan masyarakat secara keseluruhan.

**Kata kunci:** Kesihatan mental wanita, pengesanan, akses penjagaan, perlakuan mencari bantuan.

## PENETAPAN KONTEKS: PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL IBU

Depresi Pospartum (PPD) adalah gangguan mood depresi yang serius yang kebiasaannya berlaku dan memberi kesan kepada ibu dalam tempoh tahun pertama selepas melahirkan anak. Perubahan mood yang berlaku selepas melahirkan anak adalah perkara yang lazim ketika ibu berada dalam tempoh penyesuaian diri; contohnya menangis, sedih, gelisah dan mood yang tidak menentu. Walaubagaimanapun, PPD dikatakan berlaku sekiranya gejala tersebut bertambah buruk atau berlarutan dalam tempoh yang panjang sehingga menyebabkan kesedihan, kegelisahan dan keletihan yang melampau sehingga menyukarkan mereka untuk menjaga diri dan orang lain.

Kajian menunjukkan bahawa kira-kira 1 daripada 7 orang ibu di Malaysia mengalami PPD dalam tempoh enam bulan pertama selepas melahirkan anak.<sup>2</sup> Faktor-faktor yang meningkatkan risiko mengalami PPD adalah status sosioekonomi yang rendah, tekanan kehidupan, hubungan rumah tangga yang tidak baik, sokongan sosial yang tidak mencukupi, neurotisme serta depresi atau kegelisahan yang dialami sebelum atau semasa kehamilan.<sup>3</sup> Walaupun PPD adalah kondisi yang boleh dirawat, banyak kes tidak dapat dikenalpasti (diagnos) atau dirawat di Malaysia.<sup>4</sup> Secara amnya, antara faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah akses yang terhad terhadap penjagaan kesihatan mental,<sup>5</sup> stigma yang berlaku ketika cuba mendapatkan bantuan serta kadar tekanan yang tinggi di kalangan wanita yang ingin menyeimbangkan tugas dan keluarga.<sup>6</sup>

Mengenal pasti halangan yang menghalang wanita daripada mengenalpasti isu ini dan mendapatkan bantuan adalah amat penting kerana depresi ibu yang tidak dirawat boleh membawa kesan terhadap ibu dan anak. Kemerosotan kesihatan fizikal dan mental ibu akan memberi kesan bukan sahaja kepada perhubungan ibu dan anak, tetapi juga terhadap perkembangan kognitif, motorik dan sosial anak. Kesan lain yang mungkin turut timbul adalah hubungan yang tegang dengan ahli keluarga atau rakan-rakan. Dalam sesetengah kes yang lebih serius, wanita tersebut mungkin akan berfikir untuk membunuh diri atau akan melakukan percubaan membunuh diri.

Oleh itu, kesihatan mental golongan ibu adalah penting untuk ditangani melalui dasar awam serta intervensi yang proaktif dan tepat. SOLS Health dengan kerjasama dan sokongan IWB telah melaksanakan kajian penyelidikan di Selangor untuk meneroka bagaimana wanita yang mengalami masalah kesihatan mental boleh dikenalpasti dan sumber untuk mereka mendapatkan bantuan.

## METODOLOGI

Kajian penyelidikan ini merangkumi kaji selidik awam, Perbincangan Bertumpu dalam Kumpulan (FGDs) dan temubual semi-struktur. Kaji selidik tinjauan awam telah diedarkan secara talian kepada sasaran wanita yang mempunyai anak (19 hingga 44 tahun) yang menetap di Selangor bagi mengumpulkan data tentang pengenalpastian dan bantuan yang diminta untuk PPD. Kaji selidik dilaksanakan dengan pelbagai bahasa seperti Bahasa Malaysia (BM), Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil serta mengandungi 29 soalan dengan saiz sampel sebanyak 183 orang wanita. Sampel tersebut telah diedarkan kepada semua etnik dan wanita namun data adalah cenderung kepada golongan yang

<sup>2</sup> Hahn-Holbrook, Cornwell-Hinrichs, & Anaya, 2018; Yusuff, Tang, Binns & Lee, 2014

<sup>3</sup> Gaynes, Gavin, Meltzer-Brody, Lohr, Swinson, Gartlehner, & Miller (2005). *Perinatal depression: Prevalence, screening, accuracy, and screening outcomes. (Prepared for the Agency for Healthcare Research and Quality U.S. Department of Health and Human Services No. 119).* Research Triangle Park, North Carolina: RTI-University of North Carolina Evidence-based Practice Center.

<sup>4</sup> Azidah, Shaiful, Rusli, & Jamil, 2006

<sup>5</sup> Lim (2018). *Bridging Barriers. The Penang Institute.*

<sup>6</sup> World Bank Group (2019). *Breaking barriers: Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia.*

berpendidikan tinggi dan mempunyai status sosio ekonomi yang baik jika dibandingkan dengan data demografi di Selangor.

Tiga sesi FGD dilaksanakan bersama wanita yang mempunyai anak, iaitu dua (Hulu Selangor) di luar bandar dan satu di kawasan bandar (Daerah Petaling). FGD ini dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan jumlah peserta sebanyak 26 orang. Selain itu, temubual semi-struktur turut dilaksanakan oleh Psikologis Klinikal secara atas talian bersama empat orang wanita yang telah melalui pengalaman berdepan dengan PPD.

### **TEMA UTAMA: APAKAH YANG MENYEBABKAN WANITA BERHENTI MENDAPATKAN RAWATAN PPD?**

Kajian mengenalpasti beberapa tema utama yang mempengaruhi kekurangan pengesanan dan rawatan PPD di kalangan wanita di Selangor. Antaranya adalah: Pengetahuan yang terhad mengenai gejala PPD, jurang perkhidmatan kesihatan mental yang profesional serta stigma berkaitan wanita yang menghadapi masalah kesihatan mental.

**Pengetahuan yang terhad – ‘Saya tahu tentang PPD, tetapi gejala saya ini relevan ke?’** Walaupun majoriti responden wanita dalam kaji selidik pernah mendengar mengenai PPD sebelum ini, kebanyakan daripada mereka inginkan lebih banyak maklumat. Ini menunjukkan yang mereka mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai PPD.<sup>7</sup> Begitu juga dengan responden wanita di dalam segmen kualitatif, mereka menyedari tentang kesedihan dan kegelisahan serius yang dialami selepas kelahiran anak namun tidak menyedari bahawa gejala tersebut berkait dengan PPD. Beberapa wanita menolak dan tidak mengakui bahawa mereka sedang mengalami depresi. Ini menunjukkan bahawa kesedaran umum mengenai PPD tidak semestinya membawa kepada pengenapastian dan tingkah-laku mendapatkan bantuan untuk kondisi ini.<sup>8</sup>

**Jurang dengan Penjagaan Kesihatan Mental – ‘Kalau saya ada PPD, bagaimana saya nak dapatkan bantuan profesional?’** Kajian menunjukkan bahawa wanita jarang mendapatkan bantuan profesional kesihatan mental disebabkan oleh jurang di antara perkhidmatan kesihatan mental ibu dan juga sistem penyediaan kesihatan yang sedia ada. Kebanyakan wanita di dalam kaji selidik kami berasa bahawa maklumat dan sumber mengenai perkhidmatan kesihatan mental yang diterima daripada perkhidmatan kesihatan dan komuniti adalah tidak mudah untuk didapatkan dan tidak mencukupi. Selain daripada itu, maklumat yang diterima juga tidak mudah untuk diakses dan sukar untuk difahami.<sup>9</sup>

Begitu juga dengan ibu-ibu yang mengambil bahagian di dalam Perbincangan Bertumpu dalam Kumpulan dan temubual separa struktur mereka menekankan tentang kekurangan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan mental ibu di dalam sistem penjagaan kesihatan. Penemuan ini telah menguatkan kajian tempatan yang dilaksanakan sebelum ini yang menunjukkan bahawa profesional penjagaan kesihatan kebiasaannya hanya menumpukan perhatian terhadap aduan kesihatan fizikal berbanding kesihatan mental. Beberapa responden wanita yang pernah mengalami PPD selepas melahirkan turut meluahkan kekecewaan dengan kekurangan sokongan oleh sistem penjagaan kesihatan yang sedia ada.

Kajian mendapati kesukaran navigasi dalam penyediaan penjagaan kesihatan menghalang ibu daripada mendapatkan rawatan formal mengenai kesihatan mental termasuklah pendidikan, penilaian dan intervensi. Kebanyakan ibu yang baru lebih cenderung untuk mendapatkan bantuan dan sokongan informal daripada masyarakat termasuk daripada ahli keluarga, rakan, rakan sekirja atau pemimpin agama.<sup>10</sup>

<sup>7</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan (2021), p.16

<sup>8</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.26

<sup>9</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.17

<sup>10</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.12

**Stigma mengenai kesihatan mental – ‘Jika saya meminta bantuan mengenai PPD, nanti orang akan menganggap saya sebagai ibu yang tidak baik ke?’** Lebih daripada separuh responden wanita dalam kaji selidik bersetuju dengan pernyataan ‘Jika seseorang ibu mengalami perasaan sedih atau gelisah, mereka akan dipandang serong dan negatif.’ Keengganan mereka untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental ini dipercayai mempunyai kaitan dengan kepercayaan dan budaya mereka yang tidak menerima ibu yang mengalami perasaan sedih dan gelisah kerana dianggap sebagai lemah emosi.<sup>11</sup> Penemuan ini menunjukkan wujudnya stigma masyarakat terhadap mereka yang mengalami masalah kesihatan mental termasuk stigma kepada diri sendiri di mana kedua-duanya akan memberikan kesan negatif terhadap tingkah laku mendapatkan bantuan dan menghalang wanita untuk mendapatkan pertolongan.

Sebahagian daripada ibu baru dalam kajian merasakan tekanan akibat jangkaan mereka tentang menjadi seorang ibu, contohnya mempercayai bahawa hanya ibu satu-satunya orang yang bertanggungjawab terhadap penjagaan anak. Ini menyebabkan mereka berasa malu atau berasa bersalah sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam penjagaan anak. (Contoh: Kes kesukaran menyusukan anak)<sup>12</sup>. Selain daripada berasa takut dengan label negatif dalam masyarakat, ia juga akan menjadikan beban berganda kepada ibu kerana tidak mendapat sokongan dan terpaksa berjuang menangani emosi secara bersendirian.

## PENEMUAN UTAMA & REKOMENDASI

Cadangan dasar kami merangkumi lima tonggak yang bertujuan untuk mobilisasi pelbagai pemegang taruh - kerajaan negeri, penyedia perkhidmatan kesihatan, ahli profesional kesihatan mental dan masyarakat - bagi meningkatkan sokongan tempatan tentang isu kesihatan mental ibu melalui penggunaan sepenuhnya pemeriksaan, rawatan dan sokongan serta penjagaan tidak formal terhadap wanita serta keluarga yang terkesan dengan PPD di Selangor.

### **Tonggak I: Pengetahuan dan Akses Perkhidmatan Kesihatan Mental Wanita**

Maklumat dan bahan pendidikan psiko mengenai PPD yang boleh diakses merupakan sumber penting bagi ibu yang baru melahirkan anak. Walaupun kebanyakan wanita pernah mendengar mengenai PPD (94%) dan sebilangan pernah mengalaminya (27.9%), majoriti responden menzahirkan keinginan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat (73.8%) Sebilangan besar wanita tidak pasti sama ada mereka mengalami PPD (18%) atau keluarga/rakan mereka mengalami perkara yang sama (41.5%).

Bahagian kualitatif kajian mengukuhkan lagi tentang keperluan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk mengenalpasti PPD. Tanpa maklumat yang mencukupi, ibu berasa sukar mengetahui jika tahap keletihan, kegelisahan dan kesedihan mereka tersebut adalah ‘normal’ atau merupakan gejala yang memerlukan bantuan profesional. Sebagai contoh, seorang wanita yang ditemubual menunjukkan kekeliruan yang dihadapinya walaupun menyedari PPD merupakan keadaan yang memerlukan bantuan perubatan”

*“Susah nak cakap apa PPD ini sebab anda sendiri tidak mengetahui sedang mengadapinya, anda cuma tahu, anda berasa macam gelisah...”<sup>13</sup>*

Maklumat mengenai PPD yang tidak mencukupi juga menyebabkan stigma masyarakat mengenai kesihatan mental wanita meluas termasuk dalam kalangan ibu baru. Kekurangan kesedaran menyebabkan penyalahan diri, malu dan berasa bersalah kerana merasakan bahawa diri gagal sebagai seorang ibu. Kajian mendapati bahawa stigma merupakan faktor penghalang utama untuk wanita mendapatkan rawatan.

Sebilangan besar wanita dalam kajian ini kurang pengetahuan mengenai pilihan rawatan dan sokongan yang terdapat dalam penjagaan kesihatan mental wanita. Kekurangan maklumat yang telus mengenai kos kewangan kesihatan mental merupakan salah satu penghalang mereka mendapatkan bantuan.

<sup>11</sup>Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.16

<sup>12</sup>Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.36

<sup>13</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.38

Lebih daripada separuh responden merasakan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan mental adalah tidak telus terutama mengenai kos kewangan, dan kebimbangan mengenai kos yang tinggi menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan profesional (48.6%)

**Rekomendasi:**

**JADUAL I: Intervensi**

INTERVENSI
Pembangunan sumber bervisual yang mengandungi maklumat kesihatan mental wanita di klinik/hospital
Iklan Perkhidmatan Awam Radio (PSA) mengenai kesihatan mental yang menyasarkan wanita
Penyediaan maklumat mengenai kesihatan mental kepada wanita menerusi Talian Am
Meluaskan liputan penjagaan kesihatan mental wanita di bawah Skim Insurans Peduli Sihat Selangor dan pemberian insurans bersama oleh pihak swasta.

**Tonggak II: Saringan kesihatan mental wanita dan rujukan dalam sistem penjagaan kesihatan**

Kajian menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam penyaringan dan rujukan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan mental yang sesuai. Sebagai contoh, tiada seorang wanita di dalam FGD atau temubual disaring bagi PPD ketika mereka mendapatkan rawatan kesihatan dalam tempoh kehamilan. Dalam kaji selidik yang dilaksanakan, sebilangan besar wanita sangat percaya bahawa kesemua ibu yang baru perlu menjalani saringan kemurungan ibu sebagai langkah penting untuk pengenalpastian atau diagnos mengenai PPD sekaligus membantu mereka untuk mendapatkan sumber sokongan yang khusus.

**Rekomendasi:**

**JADUAL II: Intervensi**

INTERVENSI
Mewujudkan alat saringan berdasarkan internet/telefon bimbit yang mesra pengguna untuk wanita - aplikasi ini akan dapat mengintegrasikan <i>Edinburgh Postpartum Depression Scale</i> (EDPS) yang membolehkan lebih banyak wanita disaring dengan cara mudah tanpa perlu menggunakan khidmat masa dan tenaga yang terhad oleh kakitangan profesional dari sektor kesihatan.
Merumuskan sistem rujukan hierarki yang mengintegrasikan penilaian risiko psikologi berdasarkan aplikasi berdasarkan saringan.

**Tonggak III: Sistem Sokongan Keluarga untuk Kesihatan Mental Ibu**

Dari segi sokongan berdasarkan komuniti yang tidak formal, wanita yang mengambil bahagian dalam kaji selidik kami didapati cenderung untuk berkongsi pergelutan emosi berkaitan pengalaman melahirkan bayi mereka bersama pasangan, diikuti keluarga dan rakan. Penemuan ini menunjukkan bahawa suami, bersama ahli keluarga memainkan peranan penting dalam membantu wanita menangani emosi mereka semasa tempoh postpartum.

Sokongan suami didapati sangat membantu dalam mengurangkan tekanan emosi ibu selepas melahirkan anak. Sebagai contoh, seorang peserta FGD berkongsi bagaimana penglibatan dan bantuan suaminya dengan tugas menjaga anak telah membantunya mengatasi gejala depresi. Di samping itu, hasil kajian kami menunjukkan bahawa pasangan suami isteri memainkan peranan

penting dalam menyeimbangkan stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental ibu dan sekaligus menggalakkan sikap mendapatkan bantuan.<sup>14</sup>

Namun begitu, walaupun majoriti peserta FGDs baik dari bandar mahupun pedalaman dilaporkan cuba untuk mendapatkan (juga menginginkan) bantuan dari suami mereka ketika tempoh postpartum, kebanyakannya memperolehinya. Jurang antara keinginan untuk mendapatkan sokongan dan memperolehinya secara realiti didapati meningkatkan lagi tekanan emosi (contoh: rasa sepi) dalam tempoh sebelum dan selepas melahirkan bayi.

Menurut testimoni yang dikongsikan peserta, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kurangnya sokongan dari suami, termasuk ketiadaan suami secara fizikal akibat komitmen kerja, kurangnya ilmu tentang keperluan penjagaan ibu dan anak, dan konflik peribadi yang sedia ada. Sebagai contoh, seorang ibu telah kongsikan pengalamannya.<sup>15</sup> Selepas suami, didapati ibu mertua merupakan ahli keluarga yang paling kerap menyebabkan tekanan emosi akibat percanggahan pendapat tentang kaedah penjagaan anak, layanan yang berat sebelah serta konflik peribadi.

Di samping itu, beberapa wanita dilaporkan takut akan persepsi negatif dari ibu mertua jika mendedahkan perasaan sedih dan gelisah selepas melahirkan anak. Hal ini seterusnya melemahkan semangat mereka untuk mendapatkan bantuan.<sup>16</sup>

**Rekomendasi:**

**JADUAL III: Intervensi**

INTERVENSI
Menyediakan bahan kesedaran untuk rangkaian sokongan keluarga tentang kesihatan mental ibu.
Kursus keibubapaan untuk mereka yang pertama kali menjadi ibu dan bapa di Selangor.
Menggunakan papan iklan sebagai bahan untuk menyampaikan Iklan Pekhidmatan Awam (PSA) mengenai kesihatan mental ibu yang disasarkan kepada keluarga di Selangor.
Mengiktiraf suami yang menyokong isteri mereka melalui anugerah penghargaan awam.

**Tonggak IV: Sokongan Di Tempat Kerja untuk Kesihatan Mental Ibu**

Sebilangan besar wanita dari FGD yang berada dalam sektor pekerjaan sebelum kehamilan berkongsi pengalaman yang sama dalam menghadapi persekitaran kerja yang kurang peka terhadap keperluan mereka ketika hamil dan selepas melahirkan anak. Pengalaman yang dikongsikan adalah kurangnya sokongan emosi dan fizikal, ditambah lagi dengan stigma dan diskriminasi oleh rakan sekerja. Beberapa peserta melaporkan tekanan daripada rakan sekerja untuk memikul tanggungjawab tambahan dan diminta untuk memberi respons terhadap urusan kerja semasa sedang cuti bersalin.<sup>17</sup> Wanita dalam dapatan kajian kami merasakan bahawa mereka tidak mendapat sokongan di tempat kerja ketika melahirkan anak walaupun setelah diberikan cuti bersalin.

<sup>14</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.15

<sup>15</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.25

<sup>16</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.29

<sup>17</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.32

## Rekomendasi

### **JADUAL IV: Intervensi**

INTERVENSI
Menyediakan bahan kesedaran mengenai kesihatan mental ibu untuk sektor awam/swasta.
Mewujudkan bahan maklumat mengenai hak ibu untuk wanita.
Pembaharuan dasar dan peraturan dengan mekanisme aduan dan perlindungan ibu yang menyeluruh untuk wanita.

### **Tonggak V: Sistem Sokongan Tradisional untuk Kesihatan Mental Ibu**

Majoriti peserta FGDs baik dari bandar maupun pedalaman dilaporkan beralih kepada rakan sekerja dalam kalangan rangkaian sosial mereka untuk mendapatkan sokongan emosi, fizikal dan penjagaan anak. Beberapa peserta memperoleh kekuatan selepas berkongsi perjuangan bersama rakan sebaya yang telah melalui cabaran yang sama. Dalam beberapa kes, ibu digalakkan oleh rakan mereka untuk mendapatkan bantuan profesional.<sup>18</sup>

Walaupun kaji selidik menunjukkan bahawa wanita kurang cenderung untuk mendapatkan sokongan emosi dari pemimpin agama, data dari FGD di pedalaman menunjukkan bahawa wanita di sana cenderung untuk mendapatkan sokongan emosi dari pemimpin agama berbanding kakitangan profesional dari sektor kesihatan mental.<sup>19</sup>

Begitu juga, beberapa wanita dari kedua-dua sampel FGD dari bandar dan pedalaman dilapor mendapatkan bantuan dari komuniti agama masing-masing untuk bimbingan emosi selepas melahirkan.<sup>20</sup>

Bagi beberapa peserta terpilih, kepercayaan agama itu sendiri berperanan sebagai pelindung mereka untuk menentang perasaan tidak berdaya dan depresi. Akhir sekali, walaupun rangkaian sokongan tradisional seperti rakan sebaya dan kumpulan-kumpulan agama berkemungkinan mampu untuk mengawal emosi semasa postpartum, kajian juga mendapati bahawa kumpulan komuniti yang sama boleh mempengaruhi sikap wanita samada ingin mendapatkan bantuan atau tidak, bergantung kepada stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental dan tekanan budaya atau agama.<sup>21</sup>

## Rekomendasi

### **JADUAL V: Intervensi**

INTERVENSI
Menyediakan bahan pembelajaran untuk komuniti dan kumpulan-kumpulan agama mengenai kesihatan mental ibu.
Melancarkan portal atas talian bagi tujuan menyediakan sokongan di antara sesama rakan sebaya untuk wanita di Selangor.

<sup>18</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.33

<sup>19</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.33

<sup>20</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.34

<sup>21</sup> Kajian PPD: Metodologi dan penemuan. Laporan tambahan, p.33

## KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian menunjukkan bahawa wanita di Selangor menghadapi pelbagai rintangan dalam usaha untuk mendapatkan rawatan dan sokongan mengenai isu kesihatan mental ibu, termasuk aksesibiliti maklumat, penilaian dan rawatan PPD. Halangan utama seperti pengetahuan terhad mengenai gejala, jurang antara pesakit dan khidmat penjagaan kesihatan mental profesional serta stigma memainkan peranan dalam kalangan wanita mengesan dan mendapatkan rawatan.

Pembuat dasar dan pengamal penjagaan kesihatan tempatan mempunyai peranan penting dalam memastikan halangan ini dapat diatasi, melalui pelaksanaan intervensi yang berkesan untuk mengesan, merawat dan menyediakan sistem sokongan yang secukupnya bagi memenuhi keperluan ibu-ibu.

Menangani depresi postpartum adalah penting bukan sahaja untuk kesejahteraan emosi dan kesihatan golongan ibu, tetapi juga untuk menjamin kesejahteraan keluarga, komuniti terdekat serta masyarakat umum, yang seterusnya akan mempengaruhi pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negeri. Akhirnya, hasil kajian ini membuktikan sumbangan yang bermanfaat daripada sokongan tidak formal yang seiring dengan kepentingan rawatan formal terhadap isu kesihatan mental ibu.

Dalam lima tonggak kesihatan mental ibu yang telah dicadangkan - pengetahuan dan akses, saringan dan rujukan, sistem sokongan keluarga, persekitaran tempat kerja dan jaringan tradisional - penekanan diberi kepada keperluan sokongan masyarakat yang tidak formal di samping penjagaan kesihatan mental profesional. Dengan menggariskan kepentingan hal ini, kedua fasa intervensi membuka ruang kepada penyedia khidmat dari kedua-dua sistem sokongan formal dan tidak formal untuk membantu menambah baik tahap kesihatan mental ibu untuk wanita yang terkesan dengan PPD dan seterusnya akan memberikan manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Access to Healthcare Survey (2016), European Patients Forum.
- AI, S. F. A. S. H. (2019). The Fading Birth Practice: Urban Malay Mothers in Malaysia Negotiating Confinement Practices. *IIUM Journal of Human Sciences*, 1(2), pp. 11–19.
- Arifin, S. R. M., Cheyne, H., & Maxwell, M. (2018). The Context of Postnatal Depression in Malaysia: An Overview. *Malaysian Journal of Nursing*, 10(1), 57-65.
- Asikin, M.A. & Norhani, S. & Rahim, Nur & Azam, O.E. (2019). Reliability and validity of the malay version of Edinburgh Postpartum Depression Scale (EPDS) when administered to postpartum mothers at two points in time. *International Medical Journal Malaysia*, 18, pp. 65-72.
- Azidah, A. K., Shaiful, B. I., Rusli, N., & Jamil, M. Y. (2006). Postnatal depression and socio-cultural practices among postnatal mothers in Kota Bahru, Kelantan, Malaysia. *The Medical journal of Malaysia*, 61(1), 76-83.
- Corrigan, P. (2004). How stigma interferes with mental health care. *American psychologist*, 59(7), 614.
- Country Report: Malaysia (2006). 4 ASEAN & Japan High Level Officials Meeting on Caring Societies: Support to Vulnerable People in Welfare and Medical Services. Retrieved from: [http://www.mhlw.go.jp/bunya/kokusaigyoumu/asean/asean/kokusai/siryou/dl/h18\\_malaysia1.pdf](http://www.mhlw.go.jp/bunya/kokusaigyoumu/asean/asean/kokusai/siryou/dl/h18_malaysia1.pdf)
- Department of Health, Government of Western Australia (2006). Using the Edinburgh Postnatal Depression Scale (EPDS): Translated versions - validated. Perth, Western Australia: State Perinatal Mental Health Reference Group. Retrieved from: <https://www.mcpapformoms.org/Docs/Edinburgh%20Depression%20Scale%20Translated%20Government%20of%20Western%20Australia%20Department%20of%20Health.pdf>

Department of Statistics Malaysia (DoSM) (2020). Selangor socio-economic report 2019, p. 53. Vital Statistics, Malaysia (2017). Retrieved from: <https://www.dosm.gov.my>.

Gressier, F., Guillard, V., Cazas, O., Falissard, B., Glangeaud-Freudenthal, N. M., & Sutter-Dally, A. L. (2017). Risk factors for suicide attempt in pregnancy and the post-partum period in women with serious mental illnesses. *Journal of Psychiatric Research*, 84, 284-291.

Hahn-Holbrook, J., Cornwell-Hinrichs, T., & Anaya, I. (2018). Economic and health predictors of national postpartum depression prevalence: a systematic review, meta-analysis, and meta-regression of 291 studies from 56 countries. *Frontiers in Psychiatry*, 8, 248.

Hassan, M. F. bin, Hassan, N. M., Kassim, E. S., & Hamzah, M. I. (2018). Issues and challenges of mental health in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12).

Highet, N. J., Gemmill, A. W. & Milgrom, J. (2011) Depression in the perinatal period: awareness, attitudes and knowledge in the Australian population, *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 45:3, 223-231, Doi: [10.3109/00048674.2010.547842](https://doi.org/10.3109/00048674.2010.547842)

Kang, P.S., Mohazmi, M., Ng, Y.M., & Liew, M. (2019). Nurses' knowledge, beliefs and practices regarding the screening and treatment of postpartum depression in maternal and child health clinics: A cross-sectional survey. *Malaysian Family Physician*, 14(1), 18-25.

Kaur, J. & Singh, H. (2011). Maternal health in Malaysia: A review. *Webmed Central Public Health*. 2(12).

Lilja, G., Edhborg, M., & Nissen, E. (2012). Depressive mood in women at childbirth predicts their mood and relationship with infant and partner during the first year postpartum. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, 26(2), 245-253.

Lim, S.L. (2018). *Bridging Barriers*. The Penang Institute.

Mahmud, W. M. R. W., Shariff, S., & Yaacob, M. J. (2002). Postpartum depression: a survey of the incidence and associated risk factors among Malay women in Beris Kubor Besar, Bachok, Kelantan. *The Malaysian Journal of Medical Sciences: MJMS*, 9(1), 41–48.

Mubarak, A. R., Baba, I., Heng Chin, L., & Soon Hoe, Q. (2003). Quality of life of community-based chronic schizophrenia patients in Penang, Malaysia. *Australian & New Zealand Journal of Psychiatry*, 37(5), 577-585.

Mustaffa, M. S., Marappan, D. a/p, Abu, M. S., Khan, A., & Ahmad, R. (2014). Social Support during Pre-Natal and Post-Natal Stage: Influence on Maternal Depression and Mental Well-being. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 143, 417–422.

Ng, C.G. (2014). A review of depression research in Malaysia. *The Medical Journal of Malaysia*, 69, pp 42-45.

Rashid, A., & Mohd, R. (2017). Poor social support as a risk factor for antenatal depressive symptoms among women attending public antenatal clinics in Penang, Malaysia. *Reproductive Health*, 14(1), 144–151.

Rüsch, N., Angermeyer, M. C., & Corrigan, P. W. (2005). Mental illness stigma: Concepts, consequences, and initiatives to reduce stigma. *European psychiatry*, 20(8), 529-539.

Park, E. R., Chang, Y., Quinn, V., Regan, S., Cohen, L., Viguera, A., & Rigotti, N. (2009). The association of depressive, anxiety, and stress symptoms and postpartum relapse to smoking: a longitudinal study. *Nicotine & Tobacco Research*, 11(6), 707-714.

Pope, C. J., Xie, B., Sharma, V., & Campbell, M. K. (2013). A prospective study of thoughts of self-harm and suicidal ideation during the postpartum period in women with mood disorders. *Archives of women's mental health*, 16(6), 483-488.

- Posmontier, B. (2008). Functional status outcomes in mothers with and without postpartum depression. *Journal of midwifery & women's health*, 53(4), 310-318.
- Sambrook Smith M, Lawrence V, Sadler E, et al. Barriers to accessing mental health services for women with perinatal mental illness: systematic review and meta-synthesis of qualitative studies in the UK. *BMJ Open* 2019;9:e024803. doi:10.1136/bmjopen-2018-024803
- Slomian J, Honvo G, Emonts P, Reginster JY, Bruyère O. (2019) Consequences of maternal postpartum depression: A systematic review of maternal and infant outcomes. *Womens Health* (Lond). Jan-Dec;15:1745506519854864].
- Vliegen, N., Casalin, S., Luyten, P., Docx, R., Lenaerts, M., Tang, E., & Kempke, S. (2013). Hospitalization-based treatment for postpartum depressed mothers and their babies: rationale, principles, and preliminary follow-up data. *Psychiatry: Interpersonal & Biological Processes*, 76(2), 150-168.
- Wisner, K. L., Parry, B. L., & Piontek, C. M. (2002). Postpartum depression. *New England journal of medicine*, 347(3), 194-199.
- World Bank Group (2019). Breaking barriers: Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia.
- Yusuff, A.S.M., Tang, L., Binns, C.W. & Lee, A.H. (2015). Prevalence and risk factors for postnatal depression in Sabah, Malaysia: a cohort study. *Women and Birth*, 28(1), pp. 25-29.



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.  
202101000509 (1400807-V)

e ISBN 978-967-25918-0-1

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-25918-0-1.

9 7 8 9 6 7 2 5 9 1 8 0 1 |